



PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KELIMA BELAS**

Pada

PADA 10, 11, 12 DAN 13 NOVEMBER 2025

bersamaan

19, 20, 21 DAN 22 JAMADIL AWAL 1447H

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KELIMA BELAS**

PADA 10, 11, 12 DAN 13 NOVEMBER 2025

bersamaan

19, 20, 21 DAN 22 JAMADIL AWAL 1447H

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT KETIGA
PENGKAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
ISNIN, 10 NOVEMBER 2025		
1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa	4
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan	5
4.	Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-Laporan	7
5.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	i. Soalan-soalan Bertulis.	8
	ii. Soalan-soalan Lisan.	10
6.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara- Perkara Lain.	28
	(ii) Enakmen Perbekalan 2026	29

SELASA, 11 NOVEMBER 2025

1.	Nama Ahli-ahli.	42
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	i. Soalan-soalan Lisan	46
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2026	
	Perbahasan bagi Enakmen Perbekalan 2026	
	- YB Wakil Bandar	71
	- YB Wakil Jertih	75
	- YB Wakil Pengkalan Berangan	80
	- YB Wakil Ladang	84
	- YB Wakil Buloh Gading	90
	- YB Wakil Sura	95
	- YB Wakil Manir	99
	- YB Wakil Seberang Takir	103
	- YB Wakil Kemasik	109
	- YB Wakil Bukit Besi	113
	- YB Wakil Telemung	117
	- YB Wakil Air Putih	124
	- YB Wakil Rantau Abang	127
	- YB Wakil Batu Rakit	131
	- YB Wakil Hulu Besut	136
	- YB Wakil Bukit Tunggal	140
	- YB Wakil Permaisuri	143
	- YB Wakil Kuala Besut	146
	- YB Wakil Kuala Berang	149

RABU, 12 NOVEMBER 2025

1.	Nama Ahli-ahli.	153
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	i. Soalan-soalan Lisan	157
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2026	
	Penggulungan bagi Enakmen Perbekalan 2026	
	- YB Wakil Kota Putera	180
	- YB Wakil Cukai	190
	- YB Wakil Alur Limbat	200
	- YB Wakil Tepoh	207
	- YB Wakil Wakaf Mempelam	213
	- YB Wakil Batu Buruk	225
	- YB Wakil Jabi	233
	- YB Wakil Kijal	239

KHAMIS, 13 NOVEMBER 2025

1.	Nama Ahli-ahli.	256
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	i. Soalan-soalan Lisan.	260
3.	Rang Undang-Undang:	
	Penggulungan bagi Enakmen	
	- YB Wakil Paka	283
	- YAB Dato' Seri Menteri Besar Terengganu	294
	(ii) Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 2025	301
	(iii) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2025	304
	- Perbahasan oleh Yang Berhormat Wakil Buluh Gading	307
	-	
	- Penggulungan oleh Yang Berhormat Wakil Batu Buruk	309

4.	Usul Yang Telah Diberi Notis:	
(i)	Usul Rancangan Pembangunan Negeri bagi Tahun 2026	314
(ii)	Usul Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri bagi Tahun 2026	317
(iii)	Usul Penetapan Mengenai Pemakaian dan Penguatkuasaan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 [Akta A1663] ("Undang-Undang Lompat Parti") Untuk Diterima Pakai serta Dikuatkuasakan di Negeri Terengganu	313
(iv)	Usul Pelaksanaan Kajian Semula atau Pindaan Persempadanan Kawasan dan Pertambahan Kerusi Dewan Undangan Negeri	319
5.	Tangguhan	320
6.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	322

PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN,
10 NOVEMBER 2025

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Dr. Azman bin Ibrahim, D.P.M.T., A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Dato' Ariffin bin Deraman, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMUNG

Yang Berhormat Yang Berhormat LSr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURABAYA

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTAMBAH SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Nara Setia
Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Mohd Nawawi bin Ismail

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham, D.P.M.T., A.M.Z., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Quran.

(Al-Fatihah)

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada pagi ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara seterusnya di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada pagi ini ialah ucapan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan sekalian.

Alhamdulillah marilah sama-sama kita merafakkan kesyukuran kehadiran Allah kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya kita dapat berhimpun pada pagi ini dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Persidangan Ketiga Sidang Bajet Dewan Undangan Negeri Terengganu yang ke-15. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan para pegawai pelaksana serta para pemerhati sidang yang turut bersama dalam persidangan kali ini. Kehadiran dan komitmen ini mencerminkan semangat tanggungjawab yang tinggi dalam memartabatkan institusi legislatif negeri sebagai medan perbahasan yang berwibawa. Sesungguhnya dengan iltizam serta kebersamaan inilah Dewan yang mulia ini akan terus menjadi benteng keluhuran demokrasi dan wadah utama membela kepentingan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.

Sidang Dewan yang saya hormati, kita bersidang sekali lagi pada kali ini dalam Sidang Pembentangan Belanjawan Negeri Terengganu bagi tahun 2026. Sudah semestinya pembentangan ini amat penting dalam menentukan hala tuju pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat. Seperti kebiasaannya Dewan yang mulia ini akan berperanan memastikan setiap perbelanjaan negeri dilaksanakan dengan tertib, berhemat dan penuh tanggungjawab demi manfaat rakyat seluruhnya. Dalam penghayatan dan ajaran umat Islam amat menitikberatkan soal amanah dan kebertanggungjawaban dalam mengurus harta serta sumber kewangan. Sabda Nabi ﷺ sesungguhnya Allah mencintai apabila seseorang itu melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan penuh ketelitian dan sebaik-baiknya. Hadis ini boleh dijadikan pedoman dalam mengurus kewangan negeri. Kecekapan dan ketelusan adalah satu tuntutan agama, bukan sekadar amalan pentadbiran. Maka Persidangan kali ini sewajarnya menjadi medan untuk menzahirkan prinsip itqan dan amanah dalam setiap keputusan yang bakal dibuat oleh Dewan yang mulia ini.

Alhamdulillah melihat kepada dapatan data yang diperolehi daripada Jabatan Statistik Negeri dan Negara bagi aspek pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Negeri kita mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 4.5% pada tahun 2024 berbanding 2.2% pada tahun 2023. Dari sudut pasaran pekerjaan, Negeri Terengganu terus menikmati suasana ekonomi yang stabil dan berdaya tahan. Kadar pengangguran negeri yang disasarkan sekitar 3.3% sehingga 3.6% telah berjaya diturunkan kepada 2.8% setakat suku kedua tahun 2025. Pencapaian ini memperlihatkan bahawa dasar ekonomi negeri yang berteraskan kecekapan tadbir urus, pengukuhan sektor produktif serta pengagihan manfaat pembangunan yang adil dan inklusif telah mula menampakkan positif pada rakyat Terengganu keseluruhannya.

Sebagai rangkuman tahun 2025, DUN Terengganu telah mengadakan tiga Persidangan utama. Sidang Istiadat Pembukaan, Sidang Kedua pada Julai dan Sidang Belanjawan sekarang ini yang menjadi platform penting bagi Ahli Dewan membahaskan Dasar Kerajaan, menyampaikan pandangan dan memperkukuhkan fungsi legislatif demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negeri. Sementara itu, Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan seperti Jawatankuasa Pengurusan dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) turut aktif bersidang bagi memastikan tadbir urus Dewan dan kewangan negeri berada pada tahap terbaik di samping kunjungan hormat daripada agensi kerajaan, institusi pendidikan dan organisasi masyarakat, memperkukuhkan hubungan serta perkongsian ilmu antara Dewan dan rakyat. Dalam masa yang sama Dewan Undangan Negeri juga telah menerima jemputan dan menghadiri berbagai persidangan di peringkat negara mahupun antarabangsa. Antaranya ialah Persidangan Setiausaha Parlimen dan Dewan Undangan Negeri se-Malaysia kali kedua 2025 di Iskandar Puteri, Johor yang membincangkan penambahbaikan pentadbiran legislatif penggunaan *AI* dalam *hansard* dan pemerkasaan sistem sokongan Dewan seterusnya memperkukuhkan kecekapan sokongan pentadbiran legislatif di peringkat nasional. Di peringkat antarabangsa, Dewan Undangan Negeri telah menghadiri persidangan bersama Parlimen Komanwel Asia dan Asia Tenggara. Selain itu juga, DUN Terengganu turut hadir dalam Persidangan Antarabangsa ke-68 Parlimen Komanwel pada Oktober 2025 yang menekankan pengukuhan tadbir urus demokratik, pembangunan kapasiti Parlimen, keterangkuman Wakil Rakyat, inovasi digital dan pembangunan mampan sekali gus memperkukuhkan keberkesanan dalam legislatif negeri di pentas global.

Kesemua aktiviti ini mencerminkan komitmen teguh Dewan Undangan Negeri Terengganu dalam memartabatkan fungsi legislatif, meningkatkan akauntabiliti, memperkukuhkan kapasiti Ahli Dewan dan membina jaringan strategik di peringkat nasional dan antarabangsa, sekali gus memastikan Dewan terus relevan, berkesan, dan berwibawa dalam pemerdayaan Badan Legislatif Negeri Terengganu. Saya menyeru kepada semua Ahli Dewan Yang Berhormat agar terus menunaikan amanah yang dipikul ini dengan penuh keikhlasan, kebijaksanaan dan rasa tanggungjawab terhadap rakyat. Gunakan ruang persidangan yang mulia ini sebaik-baiknya sebagai medan perbahasan yang matang, berasaskan fakta dan disampaikan dengan adab serta hikmah.

Dalam suasana sidang bajet ini, marilah kita zahirkan semangat kebersamaan, berbeza pandangan, tetapi seiring dalam tujuan, iaitu membina negeri yang Maju, Berkat dan Sejahtera. Sesungguhnya, apabila kita melaksanakan amanah ini dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab, maka *insya-Allah*, negeri yang kita cintai ini akan terus teguh melangkah ke hadapan dengan kestabilan, keadilan, dan keberkatan. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN.

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada pagi ini ialah **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Hasil 2026
(DUN Bil.17/2025)
2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Terengganu Tahun 2026
(DUN Bil.18/2025)
3. Anggaran Perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 2026
(DUN Bil.19/2025)

4. Penyata Kewangan Negeri Terengganu Tahun 2024
(DUN Bil.20/2025)
5. Laporan Ketua Audit Negara 3/2025
(DUN Bil.21/2025)
6. Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
(MAIDAM) Tahun 2023
(DUN Bil.22/2025)
7. Penyata Tahunan 2024 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu
(DUN Bil.23/2025)
8. Keistimewaan bagi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (Seksyen 5
Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri
(Saraan) 1980)
(DUN Bil.24/2025)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

- (1) Soalan-soalan Bertulis
- (2) Soalan-soalan Lisan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Yang Berhormat Wakil Bandar

2. Yang Berhormat Wakil Jertih
3. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
4. Yang Berhormat Wakil Kemasik
5. Yang Berhormat Wakil Ladang
6. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
7. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
8. Yang Berhormat Wakil Permaisuri
9. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
10. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
11. Yang Berhormat Wakil Langkap
12. Yang Berhormat Wakil Air Putih
13. Yang Berhormat Wakil Telemong
14. Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal
15. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
16. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
17. Yang Berhormat Wakil Sura

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Adapun soalan-soalan lisan, sekarang kita masuk kepada soalan-soalan tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan soalan-soalan lisan pada 10 November 2025 adalah sebagaimana berikut:

1. Yang Berhormat Wakil Bandar
2. Yang Berhormat Wakil Jertih
3. Yang Berhormat Wakil Kuala Berang
4. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
5. Yang Berhormat Wakil Kemasik
6. Yang Berhormat Wakil Ladang
7. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
8. Yang Berhormat Wakil Manir
9. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
10. Yang Berhormat Wakil Permaisuri
11. Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
12. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
13. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
14. Yang Berhormat Wakil Langkap
15. Yang Berhormat Wakil Air Putih
16. Yang Berhormat Wakil Telemong

17. Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal
18. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
19. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
20. Yang Berhormat Wakil Sura

Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Bandar untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Ketua Jabatan, para tetamu yang dikasihi dan dirahmati Allah sekalian. Izinkan saya mula soalan pada pagi ini, soalan pertama.

Apakah perkembangan misi-misi pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di luar negara sepanjang tempoh 2022 sehingga kini?

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan pertama gabung dengan Jertih. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada ADUN Bandar yang memberikan peluang pada saya memulakan sesi soalan lisan pada Sidang DUN pada kali ini. Yang Berbahagia Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli MMKN, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan seterusnya pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Berkenaan dengan persoalan yang dikemukakan oleh ADUN Bandar, Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan sentiasa proaktif dan melaksanakan misi pelaburan strategik keluar negara bagi memperkukuhkan asas ekonomi negeri,

menarik pelaburan langsung asing, FDI serta memacu pertumbuhan sektor berimpak tinggi seperti mana teknologi hijau, sumber mineral, nadir bumi yang bukan radioaktif (NREE) dan juga minyak dan gas. Antara pencapaian utama hasil pelaksanaan misi keluar negara dari tahun 2022 sehingga sekarang. Antaranya adalah seperti berikut yang pertama, kerjasama teknologi (NREE) Kerajaan Negeri melalui misi pelaburan ke Australia, Jepun, Korea dan China telah menjalinkan rundingan bagi mendapatkan teknologi pemprosesan NREE yang mesra alam dan berdaya saing.

Yang keduanya pengembangan sektor minyak dan gas. Syarikat milik Kerajaan Negeri, EPIC Berhad telah berjaya memperolehi kontrak melibatkan pelbagai aktiviti hiliran dan logistik. Selain itu, rundingan juga sedang berlangsung dengan syarikat berpangkalan di Oman bagi pengambilalihan dua lapangan minyak yang telah dikenal pasti dengan kerjasama strategik bersama Petronas. Dalam bidang gas, lawatan kita ke China adalah untuk melihat dan memastikan cadangan untuk mendaratkan LNG di Pelabuhan Kemaman pada penghujung 2028 ataupun awal 2029 akan berlangsung dan mendapat kerjasama dengan MBI dan EPIC.

Yang seterusnya pembangunan teknologi hijau dan tenaga baru, pelancaran Pelan Induk Teknologi Hijau Terengganu (PITIH) 2030 menandakan komitmen kerajaan untuk menjadikan Terengganu sebagai peneraju tenaga hijau negara. Pelan ini menyasarkan penjana tenaga hijau sebanyak 4 gigawatt menjelang tahun 2030 iaitu bersamaan 20% daripada kapasiti Tenaga Hijau Nasional. Antara projek utama di bawah inisiatif ini, termasuk Projek Hybrid Hydro Floating Solar di Tasik Kenyir, Loji Hidrogen Petronas di Kertih, Taman Perindustrian Kemaman untuk Pembangunan Industri Hiliran CCUS-*Carbon Capture Utilisation and Storage* dengan izin dan projek rintis kincir angin di Kemaman.

Yang seterusnya, Dasar Pelaburan dan Perindustrian Terengganu 2023-2030. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan dasar ini bagi menjadikan Terengganu sebagai negeri mesra pelabur dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Fokus utama diberikan kepada enam kluster strategik iaitu minyak dan gas, teknologi hijau, pembuatan, logistik, bioteknologi dan teknologi bangunan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya untuk tambahan ialah, baru ini kita dimaklumkan dalam siri lawatan Presiden Amerika ke Malaysia telah termeterai satu perjanjian strategik antara Kerajaan Malaysia dengan Amerika Syarikat dan di antaranya melibatkan isu REE ini, boleh tak pihak kerajaan maklumkan apakah kesan daripada termeterai perjanjian ini dan bagaimana penyelesaian yang boleh kita ambil. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Soalan pendek tapi jawapan agak kena panjang sebab antara intipati perjanjian itu selain daripada kesan positif atau negatif, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Jadi saya cuba *simplify*kan, memudahkan. Antara intipati perjanjian perdagangan timbal balas ataupun yang disebutkan ART di antara Malaysia dan Amerika Syarikat tetapi dalam saya ambil fokus dalam industri REE sahaja seperti mana yang ditanya oleh ADUN Bandar. Ada tujuh elemen yang terlibat untuk makluman Dewan.

1. Pembangunan Kapasiti Hiliran. Kerjasama untuk membangunkan keupayaan hiliran REE di Malaysia merangkumi pengestrakan, pemprosesan dan penapisan dan juga pembuatan produk bernilai tinggi. Ini selaras dengan hasrat Malaysia untuk tidak lagi mengeksport bahan mentah.
2. Akses Pasaran ke Amerika. Malaysia telah berjanji untuk tidak mengenakan larangan ataupun kuota ke atas eksport mineral kritikal ataupun unsur nadir bumi kepada Amerika Syarikat.
3. Magnet Nadir Bumi. Malaysia komited untuk memastikan tiada sekatan dikenakan ke atas jualan magnet nadir bumi kepada Amerika Syarikat.
4. Mempercepatkan Pembangunan Sektor. Malaysia akan mempercepatkan pembangunan sektor mineral kritikal dan REE melalui

perkongsian pengetahuan teknikal dan amalan terbaik dengan syarikat Amerika Syarikat.

5. **Kepastian Operasi.** Komitmen untuk memberikan lesen operasi lanjut bagi mewujudkan kepastian perniagaan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran.
6. **Pengukuhan Rantaian Bekalan.** Kerjasama ini bertujuan untuk mengukuhkan daya tahan rantaian bekalan mineral kritikal global terutama bagi Amerika Syarikat dengan mempelbagaikan sumber selain daripada China.
7. **Pelaburan dan Teknologi.** Pembangunan ini dijangka membuka pintu kepada kemasukan pelaburan dan teknologi bahawa Amerika Syarikat dalam sektor mineral kritikal Malaysia. Perlu diingat bahawa walaupun Malaysia memberi komitmen untuk tidak mengenakan sekatan eksport kepada Amerika Syarikat, Kerajaan Malaysia menyatakan ia kekal dengan dasar melarang eksport unsur nadir bumi mentah secara umum untuk memastikan pembangunan industri hiliran tempatan dan perjanjian tersebut bergantung kepada pembangunan kapasiti pengeluaran dalam negara.

Namun, kenyataan item nombor dua yang umum serta tidak memperincikan larangan itu untuk mineral kritikal ataupun unsur nadir bumi mentah iaitu REE karbonat masih berisiko merugikan negara kerana membuka ruang kepada usaha pengecualian ke atas larangan yang dinyatakan. Jika diteliti, isi perjanjian ini ialah satu bentuk jaminan perlindungan kepada syarikat pemprosesan REE yang sedia ada di dalam negara yang turut memiliki sebahagiannya adalah pelabur daripada Amerika Syarikat untuk beroperasi lebih lama menerima bekalan REE mentah ataupun REE karbonat dari negeri-negeri di dalam Malaysia termasuk Terengganu untuk diproses sebagai nadir bumi ataupun REE oksida dan mengeksport REEO ini ke Amerika Syarikat dengan lebih eksklusif.

Kesan kepada industri REE Terengganu ada positif dan negatifnya. Perjanjian dengan Amerika Syarikat ini yang positif yang pertama yang boleh saya kongsi syarikat pemprosesan REE sedia ada yang turut dimiliki oleh pelabur Amerika itu membenarkan REE mentah yang mungkin dibekalkan dari lombong

di Terengganu dijual kembali hasilnya di dalam bentuk oksida kepada negeri dan tidak menjadikan hak eksklusif untuk eksport ke Amerika Syarikat semata-mata. Selain daripada China dan Amerika, potensi pasaran REE oksida ini juga sangat besar buat baki negara dunia yang lain ataupun dengan izin *rest of the world* seperti Jepun, Korea, negara Eropah seperti Jerman dan lain-lain. Negara-negara ini juga amat hebat industri automotif *turbine* dan elektronik termasuk yang mengguna pakai REE oksida. Ini potensi pelaburan yang turut diterokai oleh Negeri Terengganu.

Yang keduanya adalah Pembangunan Sektor Hiliran REE Malaysia. Pemprosesan, penapisan, pembuatan yang dijanjikan bersama dengan Amerika Syarikat itu benar-benar direalisasikan untuk membina pintu kepada kemasukan modal, pemindahan teknologi dan kepakaran Amerika khususnya pembinaan kilang super magnet di Negeri Terengganu ini beserta industri yang melengkapkan kitaran, rangkaian di dalam sektor hiliran seperti komponen motor elektrik, EV *turbine*, komponen elektrik termaju (*advanced electronic component*) dengan izin dan lain-lain di dalam perindustrian di negeri ini, *insya-Allah*.

Sukacita ataupun dukacita sebenarnya kalau *negative siddah* untuk memaklumkan bahawa tiada sebarang rujukan ataupun konsultasi terperinci dengan Kerajaan Negeri Terengganu atau lain-lain agensi negeri seperti Kelantan dan juga yang merupakan pemilikan kedua terbesar nadir bumi di Malaysia apabila Kerajaan Malaysia menandatangani perjanjian perdagangan timbal balas ataupun ART dengan Amerika mengikut klausa-klausa yang dinyatakan tadi. Sekian, terima kasih.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Jertih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan, Jertih soalan pertama. Terima kasih.

Apakah perkembangan terkini terminal bas Jertih?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan pertama, Yang Berhormat Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Wakil Jertih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Soalan sebagaimana tertera.

Terminal bas Jertih telah mula dibina dan dimilik tapak pada 26 Disember 2024 dan dijangka siap pada 23 Jun 2027. Laporan terkini kemajuan fizikal kerja adalah mencapai 11.62% di mana berlaku kelewatan kemajuan sebanyak - 1.89% atau bersamaan dengan enam hari bekerja, berbanding jadual asal 13.51%. Kelewatan utama berlaku disebabkan oleh kegagalan pihak kontraktor dalam mengikut jadual bagi kerja-kerja pengujian *piling* sebagaimana yang telah ditetapkan. Antara langkah dan tindakan dalam mengatasi isu kelewatan, pertama, JKR akan mengeluarkan surat amaran nombor 3 atau kali ketiga kepada pihak kontraktor dan yang kedua, JKR akan mengeluarkan arahan untuk pihak kontraktor mengemukakan *recovery plan* untuk projek ini kembali ke kontrak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Cukai, sila Yang Berhormat Jertih, ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih YB Cukai. Satu soalan tambahan berkaitan dengan kemelut infra di bandar Jertih sangat penting kerana melibatkan kesesakan jalan raya pada musim perayaan atau hujung minggu. Bagaimanakah perkembangan dengan jambatan Jertih? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain tu...

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Boleh jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Okay, soalan mengenai Projek Jejambat Sungai Besut. Berdasarkan maklumat semasa, Projek Jejambat Sungai Besut ini masih berada di peringkat perancangan dan baru selesai Bengkel Kejuruteraan Nilai *Value Engineering* pada Ogos 2025.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, dia tanya jambatan tadi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): *Ni la...* projek Jejambat Sungai Besut *la ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sungai Besut? Jambatan?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Haa, okay...

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Penyediaan dan kelulusan reka bentuk terperinci oleh Jabatan Kerja Raya. Yang kedua proses perolehan pelantikan kontraktor bersasar akan berlaku pada tahun 2025. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay Yang Berhormat, soalan lari daripada soalan asal, tak apalah. Sila, Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kawan-kawan saya daripada ADUN Bandar, Jertih pakat tanya soalan nombor 1. Jadi saya pun nak tanya soalan nombor 1 juga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay nombor 1. Kuala Berang nombor 1.

Apakah status terkini projek pembinaan masjid baru di Kampung Tanjung Putat, Kuala Berang, termasuk jadual pelaksanaan dan jangkaan tarikh siap?

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Kuala Berang. Soalan sebagaimana yang tertera. Status terkini Projek Pembinaan Masjid Baru di Kampung Tanjung Putat, Kuala Berang adalah di peringkat pelaksanaan semula setelah mendapat hala tuju melalui Mesyuarat Tuntutan Peringkat Negeri bertarikh 11 September 2025. Jangkaan tarikh siap akan ditentukan setelah perjanjian tambahan (SA) dimuktamadkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tambahan. Sila, Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Cukai. Kita tahu bahawa projek ini bermula daripada tahun 2022, jadi sudah empat tahun dalam pembinaan dan nampaknya *supplement agreement* pun masih belum siap. Jadi, nak tahulah apakah faktor-faktor yang menyebabkan projek ini belum siap.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih. Faktor yang menyebabkan projek pembinaan masjid ini tertangguh sebelum ini adalah berpunca daripada keperluan semakan semula harga kontrak, susulan kenaikan kos bahan binaan dan perubahan keperluan teknikal yang menjejaskan kemampuan kontraktor melaksanakan kerja pada kos yang asal. Bagi menangani isu ini, Mesyuarat Tuntutan Peringkat Negeri bertarikh 11 September 2025 telah bersetuju supaya projek diteruskan melalui pelarasan semula harga kontrak dan had siling tambahan kos yang dibenarkan. Kerajaan Negeri turut menetapkan supaya rundingan harga diadakan antara agensi pelaksana dan kontraktor bagi memastikan keputusan pelarasan harga adalah lebih menjimatkan serta tidak membebankan kewangan negeri. Pelaksanaan semula kini sedang berjalan dengan pemantauan rapi oleh agensi pelaksana. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang dan Yang Berhormat Cukai. Seterusnya, saya persila Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor 1.

Apakah perkembangan terkini Portal Jodoh Darul Iman yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Terengganu pada awal Ogos 2025 yang lalu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada Yang Berhormat EXCO yang mewakili Yang Berhormat Ajil? Untuk menjawab soalan daripada Wakil Buluh Gading *ni*. Sila Yang Berhormat Kerajaan. Yang Berhormat Ajil tidak dapat bersama dengan kita kerana keuzuran dan terpaksa cuti dalam tempoh Persidangan kali ini dan kita doakan agar beliau cepat sembuh. Sila, Yang Berhormat Kerajaan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapannya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang di-Pertua, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Ehh.. Dato' Yang di-Pertua, maaf.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ulang sekali lagi, saya akan...*[ketawa]*

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Baik Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, portal Jodoh Darul Iman telah dilancarkan pada 6 Ogos 2025 dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu bertempat di Damai Lounge, Tingkat U2, Wisma Darul Iman. Portal ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu bagi

membantu rakyat negeri ini khususnya golongan bujang, duda, janda dan balu mencari jodoh secara patuh syariat dan terkawal. Status terkini setakat 16 September, jumlah pendaftar seramai 2,048 orang, berjaya daftar penuh 1,550 orang, dalam penilaian semula 498 orang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Cukai. Sila Yang Berhormat. Ada soalan tambahan? *Tak dok?* Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan Kemasik nombor 2.

Apakah perancangan tempoh masa sederhana dan panjang Kerajaan Negeri untuk Pembangunan Industri NREE di Terengganu dan apakah status terkini?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan Kemasik nombor 2. Yang Berhormat Kota Putera, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Kemasik. Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Hasil NR-REE Negeri Terengganu Bil. 1/2025 (2), Kerajaan Negeri melalui MBI Modal Sdn. Bhd. (MBIM) yang telah dilantik sebagai pelaksana eksklusif dan pemegang konsesi projek NR-REE sedang melaksanakan perancangan pembangunan industri ini secara berfasa merangkumi tempoh jangka sederhana dan juga jangka panjang.

Bagi tempoh perancangan jangka sederhana, fokus utama Kerajaan Negeri melalui MBIM adalah untuk melaksanakan kajian awal di kawasan berpotensi yang mengandungi batuan granite di seluruh Negeri Terengganu. Kajian ini bertujuan mengenalpasti kawasan alternatif yang sesuai untuk aktiviti eksplorasi NR-REE, memandangkan sebahagian besar kawasan yang dikenal pasti sebelum ini terletak di dalam Hutan Simpan Kekal ataupun HSK. Bagi tempoh jangka panjang pula, tempoh tumpuan ini akan diberikan kepada pembangunan rantaian penuh industri NR-REE di Negeri Terengganu, termasuk

penubuhan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dengan izin, yang merangkumi pelbagai jenis mineral termasuk NR-REE. Pusat ini bakal berfungsi sebagai hak penyelidikan, analisis dan pembangunan teknologi berkaitan mineral strategik yang akan memperkukuhkan keupayaan industri di peringkat negeri dan kebangsaan.

Dari segi status semasa, MBIM kini menunggu kelulusan lesen memfosik bagi beberapa kawasan yang telah dikenal pasti oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) untuk meneruskan aktiviti sektor hulu ataupun *upstream*. Selain itu, MBIM juga sedang memuktamadkan Memorandum Persefahaman (*MoU*) bersama dengan Lynas Sdn. Bhd. bagi menjalin kerjasama dalam sektor pertengahan ataupun *midstream*.

Pada masa yang sama, MBIM turut mengadakan siri-siri libat urus untuk rundingan strategik bersasar beberapa kementerian dan juga agensi persekutuan termasuk Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Sesi-sesi ini diadakan bagi meneroka peluang-peluang pelaburan baharu, kerjasama teknikal dan pemindahan teknologi dalam sektor NR-REE ini. Melalui inisiatif ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memastikan pembangunan industri mineral strategik di Terengganu selari dengan Dasar Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 dan Aspirasi Dasar Mineral Negara Ketiga (DMN3). Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kota Putera. Ada soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan hak dan kepentingan hasil bumi Terengganu ini dipelihara dan terjaga? Seterusnya, perkara sama sebagaimana yang berlaku kepada penafian bayaran royalti minyak dan gas tidak berulang untuk NR-REE?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih, Kemasik. Untuk makluman Sidang Dewan, secara dasarnya mengikut Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, kuasa

terhadap mineral, sumber mineral terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini bermakna segala bentuk penerokaan, pelaburan, eksport dan pembangunan yang melibatkan mineral strategik khususnya seperti mana NR-REE ini di dalam sempadan Negeri Terengganu mesti mendapatkan kebenaran dan kelulusan Kerajaan Negeri terlebih dahulu. Jadi berdasar kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan inilah antara yang kita perlu pertahankan supaya ia berbeza dengan Akta Petroleum kerana dia ada akta yang sendiri yang ini termaktub di bawah Perlembagaan kita. Harapan dengan ada inilah yang dapat kita mengekalkan kedaulatan mineral di dalam negeri kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kota Putera. Seterusnya saya persila Yang Berhormat Ladang.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan pertama.

Berapakah jumlah syarikat di Terengganu yang memiliki sijil Halal JAKIM?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan pertama Yang Berhormat Alur Limbat, sila.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Yang Berhormat Ladang. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan sebagaimana tertera. Jumlah syarikat di Terengganu yang memiliki sijil halal JAKIM adalah sebanyak 316 buah syarikat. Manakala pecahan syarikat mengikut skim adalah premis makanan 91, produk makanan 178, barang gunaan 15, kosmetik 4, pengilangan kontrak OEM 22, rumah sembelihan 6 dan jumlah keseluruhan 316. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Soalan tambahan saya. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Mohon Yang Berhormat nyatakan daerah mana yang mempunyai jumlah pengiktirafan sijil halal JAKIM paling tinggi dan nyatakan jumlah pecahan mengikut daerah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Jumlah pecahan mengikut daerah- Kuala Terengganu 77, Kemaman 63, Dungun 48, Besut 31, Hulu Terengganu 18, Marang 35, Setiu 9, Kuala Nerus 35 dan jumlah keseluruhan 316 dan daerah yang paling tinggi sekali adalah Kuala Terengganu iaitu 77. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persila Yang Berhormat Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

SATU naik MMKN subsidikan,
Terengganu baik, tak perlu pembangkang,
Soalan naik, perlu jawapan,
Nombor satu, mohon penjelasan.

Apakah langkah segera yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pembinaan loji rawatan air untuk daerah Marang dapat direalisasikan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Pengkalan Berangan, Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, soalan sebagaimana tertera. Langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan melantik JKR Negeri Terengganu sebagai Pegawai Penguasa Projek dengan Membina dan Menyiapkan Loji Rawatan Air dan Sistem Agihan Daerah Marang Terengganu Fasa I melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 21 Mei 2025. Langkah seterusnya pada ketika ini, pihak Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) dan Jabatan Bekalan Air Negeri Terengganu (JBA) sedang dalam penyediaan dokumen-dokumen berkaitan bagi persediaan makmal pengurusan nilai yang akan dilaksanakan dan dikendalikan oleh pihak JKR, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan. Soalan tambahan saya ialah bilakah dijangka projek LRA-Loji Rawatan Air Marang akan mula dilaksanakan secara fizikal dan berapa tempoh masa yang diperlukan untuk disiapkan? Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Projek ini berada di peringkat penyediaan dokumen untuk makmal pengurusan yang akan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama Syarikat Air Terengganu dan Jabatan Bekalan Air. Makmal pengurusan nilai ini bertujuan memperincikan skop kerja keutamaan, komponen serta memastikan nilai optimum bagi setiap perbelanjaan. Selepas makmal tersebut selesai dan laporan disahkan, fasa reka bentuk dan tender akan dilaksanakan menjelang pertengahan tahun 2026. Manakala pelaksanaan fizikal di tapak dijangka bermula pada suku keempat tahun 2026 dengan tempoh pembinaan sekitar tiga tahun. Ini bermakna projek dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2029 tertakluk kepada perusahaan akhir reka bentuk dan peruntukan kewangan, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Cukai, seterusnya saya persila Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua. Soalan saya, satu je nombor 1.

Berapa bilangan peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan melalui pelaburan baru di Terengganu dalam tahun 2024 sehingga pertengahan 2025?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Seberang Takir. Sepanjang tahun 2024 sehingga pertengahan tahun 2025 Negeri Terengganu telah berjaya mewujudkan sebanyak 2,256 peluang pekerjaan baharu hasil daripada pelaksanaan projek pelaburan baharu dalam dua sektor utama iaitu pembuatan dan perkhidmatan. Bagi tahun 2024, sektor pembuatan telah menyumbang sebanyak 247 peluang pekerjaan manakala sektor perkhidmatan menambah 5 peluang pekerjaan. Pada separuh pertama tahun 2025, jumlah peluang pekerjaan meningkat dengan ketara apabila sektor pembuatan menyumbang sebanyak 1,971 peluang pekerjaan dan sektor perkhidmatan pula menambah sebanyak 33 peluang pekerjaan. Secara keseluruhannya sektor pembuatan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan pasaran pekerjaan baharu di Negeri Terengganu dengan jumlah keseluruhan 2,218 peluang pekerjaan diikuti oleh sektor perkhidmatan sebanyak 38 peluang pekerjaan. Data ini mencerminkan kesan positif pelaburan baharu terhadap pembangunan ekonomi negeri serta menunjukkan keyakinan berterusan pelabur terhadap potensi industri di Negeri Terengganu terutama dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan berimpak tinggi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Tahniah Kerajaan Negeri Terengganu. Berdasarkan peluang-peluang pekerjaan yang bertambah tadi, saya nak tanya berapakah sekarang kadar pengangguran Negeri Terengganu yang terkini kalau ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila. Kadar pengangguran terkini. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Kalau soalan itu sepatutnya berada di portfolio Dato'...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Takpe kalau perlu Notis...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Kalau tu, bagi Notis. Kalau ambil dari ucapan Dato' Yang di-Pertua tadi, kita sekarang ini berada di paras 2.8%...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Apa jawapan...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Tapi minta YB Dato' Ariffin jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawab secara bertulis.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Okay, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Hulu Besut.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Hulu Besut soalan nombor dua.

Apakah perancangan jangka pendek Kerajaan Negeri untuk membangunkan dua kawasan pelancongan utama di Hulu Besut?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, perancangan Kerajaan Negeri secara jangka pendek melalui Jabatan Pelancongan Terengganu dengan agensi-agensi lain dan bagi membangunkan dua kawasan pelancongan utama di Hulu Besut iaitu Taman Eko-Rimba Lata Tembakah di bawah kelolaan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan yang keduanya Kolam Air Panas La Hot Spring di bawah kelolaan Majlis Daerah Besut. Jadi kita mempunyai empat strategi perancangan jangka pendek, Dato' Yang di-Pertua.

Yang pertama, baik pulih dan menaik taraf infrastruktur pelancongan iaitu kerja segera seperti pembaikan laluan pejalan, papan tanda, tandas awam, tempat rehat dan kemudahan asas yang lain. Yang kedua Dato' Yang di-Pertua, pengukuhan pelancongan berasaskan komuniti (CBT) *Community Based Tourism* dengan izin iaitu sokongan langsung kepada projek komuniti iaitu projek setempat yang dikelolakan oleh yang terlibat daripada ketua-ketua kampung, rakyat-rakyat tempatan yang berminat untuk menjayakan aktiviti

seperti kayak, perkhemahan, ATV, *homestay* dan aktiviti pengalaman, Dato' Yang di-Pertua.

Yang ketiga, pelaksanaan projek iaitu *Quick Win Project* dengan izin. Pelaksanaan projek berskala kecil dan sederhana yang cepat memberi impak yang segera, dapat dilihat. Sebagai contoh jambatan baru, gelanggang sukan, pusat komuniti, akses jalan secara setempat selaras dengan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 yang mengenal pasti projek-projek pelaksanaan segera dan juga peneraju pelaksanaan dan yang akhir sekali, Dato' Yang di-Pertua, pemantauan dan kerjasama antara agensi iaitu lawatan pemantauan penglibatan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOT) atau Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu serta kerjasama dengan Majlis Daerah Besut atau Pejabat Daerah Besut untuk memastikan pelaksanaan dan kebajikan komuniti setempat. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kijal dan seluruh Yang Berhormat sekalian. Saya terpaksa menamatkan awal sesi Soal Lisan pada pagi ini. Hasil daripada permintaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar agar diawalkan Ucapan Pembentangan Bajet beliau. Saya nak menamatkan ataupun menangguhkan sementara dalam tempoh 10 minit saja dan kita akan minum dan makan selepas pembentangan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, kita bagi masa rehat untuk 10 minit saja dan kita akan mulakan Persidangan semula pada pukul 10.35 pagi. Dalam 10 minit saja, untuk rehat sebentar saja, untuk memenuhi permintaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya tangguhkan sementara dengan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.25 PAGI

PUKUL 10.38 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul-usul Yang Telah Diberi Notis. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, Wakil Paka untuk mengemukakan Usul Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon membawa cadangan menurut Fasal 16 (3) Peraturan-peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan 3 Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain iaitu:-

1. *Enakmen Perbekalan 2026*
2. *Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 2025*
3. *Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2025*

Saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu cadangan menurut Fasal 16 (3) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain telah diterima. Sekarang saya kemukakan kepada undian-

CADANGAN MENURUT FASAL 16(3)

PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN UNDANGAN NEGERI UNTUK MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SEBULAT SUARA.

USUL INI DITERIMA

**RANG UNDANG-UNDANG
ENAKMEN PERBEKALAN 2026**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara yang didahulukan ialah Rang Undang-Undang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2026, bacaan kali yang pertama.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca pada kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2026 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN

JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين ولا عدوان الا على الظالمين

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan agensi, yang dihormati para pegawai dan kakitangan kerajaan, para petugas media, semua tetamu, pemerhati dan hadirin sekalian.

Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta jajahan takluknya dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu sentiasa dalam pemeliharaan Allah *Subhanahu Wa Taala*, dilanjutkan usia baginda berdua dalam keadaan sihat sejahtera yang berpanjangan. Semoga kerahmatan dan kesejahteraan juga ke atas putera-putera dan puteri-puteri Baginda, serta kerabat-kerabat DiRaja sekaliannya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan Enakmen Perbekalan 2026 bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan dan memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun 2026. Perinciannya adalah seperti dalam Buku Belanjawan 2026 Terengganu Darul Iman.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Belanjawan 2026 ini memperuntukkan sejumlah RM1.938 bilion untuk perbelanjaan mengurus termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM450 juta.

Sektor sosial kekal menerima peruntukan terbesar iaitu RM323.8 juta atau 72% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan. Peruntukan untuk sektor ekonomi ditambah kepada RM92.8 juta atau 21% berbanding 4% dalam Belanjawan 2025. Manakala peruntukan untuk sektor pentadbiran pula adalah sebanyak RM33.4 juta atau 7%.

Kerajaan Negeri juga komited untuk meningkatkan hasil janaan negeri iaitu RM85.36 juta daripada hasil cukai dan RM203.23 juta daripada hasil bukan cukai di samping RM1.709 bilion daripada terimaan bukan hasil menjadikan keseluruhan hasil adalah berjumlah RM1.998 bilion iaitu *surplus* sebanyak 3%.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Belanjawan 2026 ini adalah bertemakan "Memacu Potensi, Melonjak Prestasi". Saya mahu semua entiti Kerajaan Negeri iaitu jabatan, agensi negeri, Badan Berkanun, PBT dan GLC Negeri bergerak dengan lebih pantas mengembangkan keupayaan masing-masing secara bersama. Seterusnya meraih pencapaian yang lebih memberangsangkan ke arah merealisasikan visi Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera menjelang tahun 2030.

Oleh itu, saya menetapkan keutamaan Kerajaan Negeri kepada 3 fokus.

Fokus yang pertama adalah memperkemas tadbir urus kerajaan bagi meningkatkan keberhasilan, pendetailannya adalah sebagaimana yang dipaparkan di *screen*. Boleh tuan-tuan, Yang Berhormat boleh lihat.

Fokus yang kedua adalah menstruktur daya tahan ekonomi bagi memacu pertumbuhan.

Fokus yang ketiga adalah melestarikan keperluan sosial bagi menjamin kesejahteraan inklusif.

Terengganu menggariskan tujuh pemacu utama untuk melonjakkan prestasi, iaitu pemacu yang pertama, proses Belanjawan mesti memberikan penekanan

kepada impak dan keberkesanan inisiatif berbanding berorientasikan pembelanjaan dan *output*.

Pemacu yang kedua, Jawatankuasa pelaksanaan dan penyelarasan inisiatif utama kerajaan yang diberikan mandat untuk memacu keberhasilan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri perlu diperkasakan lagi. Oleh itu, kita akan menubuhkan pasukan petugas mekanisma pembiayaan inisiatif utama kerajaan dan dengan penyertaan ADUN *backbenchers*.

Pemacu yang ketiga, dua pengkalan data utama iaitu Profil Rakyat Terengganu dan Sahabat Usahawan Terengganu perlu dipastikan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan supaya ianya dapat memberikan realiti gambar yang sebenar, isi rumah dan perniagaan di Negeri Terengganu. Dengan mempunyai data yang sedemikian ini membolehkan Kerajaan Negeri membuat langkah-langkah yang perlu termasuklah melakukan intervensi di mana yang diperlukan.

Pemacu yang keempat adalah pendekatan *whole of state* dengan izin, yang melibatkan kerjasama, penyelarasan dan kolaborasi antara entiti kerajaan, GLC, pihak swasta dan komuniti yang perlu diperhebat merentasi pelbagai peringkat kerajaan dan sempadan geografi. Melalui satu perkongsian data strategik yang diurus di bawah satu entiti. Dengan ini semua pihak dapat mengambil manfaat daripadanya.

Pemacu yang kelima, kecekapan PBT yang begitu dekat dengan rakyat yang setiap hari terpaksa berdepan dengan rakyat ini mesti dipertingkatkan dengan memperkasakan peranan Ahli-ahli Majlis. Kita tidak boleh lagi berada di takuk lama Ahli-ahli Majlis kita ianya perlu diperkasakan dengan pelbagai ilmu dan pelbagai pendekatan. Seterusnya kita juga mengurangkan beban kawal selia dan menyelaraskan perkhidmatan dan prosedur yang lebih seragam antara PBT. Kita ada PBT di pelbagai tempat dengan keupayaan yang berbeza-beza. Prosedur yang perlu kita seragamkan dalam pelbagai sudut termasuklah kebenaran merancang, pelaksanaan dan kemudahan parkir dan tentunya yang paling penting di antara kesemuanya ialah bagaimana kaedah untuk saling belajar mempelajari antara satu sama lain di kalangan PBT supaya kita dapat meningkatkan kecekapan.

Pemacu yang keenam ialah berkenaan dengan program TVET yang juga perlu diarusperdanakan di kalangan rakyat kita dan dengan ini Kerajaan Negeri akan menubuhkan Majlis TVET Negeri Terengganu.

Pemacu yang ketujuh berkenaan dengan kepuasan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Negeri yang mesti dipertingkatkan dan diperkukuhkan melalui tugas kita iaitu berkenaan dengan jentera, pemantapan jentera dan operasi penerangan yang lebih berkesan. Pelbagai kaedah boleh dilaksanakan antaranya ialah *Artificial Intelligence* dengan izin dan data raya.

Saya sifatkan bahawa ketujuh-tujuh pemacu ini sebagai penting dan segera. Oleh itu saya memohon perhatian daripada semua Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan terutama yang hadir dalam Dewan ini untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi mengukuhkan kedudukan fiskal, keutamaan Kerajaan Negeri adalah pada meningkatkan kecekapan kutipan hasil sedia ada di samping mempelbagaikan sumber hasil dan mengoptimumkan penggunaan sumber luar.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Perbendaharaan akan memperkenalkan insentif bagi menggalakkan peningkatan hasil dan mengiktiraf keberkesanan strategik yang dilaksanakan oleh pusat tanggungjawab hasil. Bagi meningkatkan kualiti penyampaian, Kerajaan Negeri akan mempergiatkan usaha pendigitalan perkhidmatan serta pemantapan kompetensi penjawat awam dalam pengurusan strategik sektor awam. Potensi dan kompetensi penjawat awam yang perlu berdepan dengan rakyat ini akan dibangunkan dengan lebih berkesan menerusi pelan operasi latihan, kursus wajib kepada yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan program sangkutan pegawai di entiti kerajaan serta GLC negeri yang terpilih. Ini adalah antara kaedah kita untuk meningkatkan kemahiran, ilmu sesuai dengan perkembangan semasa.

Semua entiti Kerajaan Negeri juga akan disediakan khidmat nasihat dan perundingan pakar mengenai perancangan strategik dan pengurusan prestasi. Kerajaan Negeri juga melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan akan membuat penarafan prestasi perkhidmatan. Kita bukan nak banding-bandingkan di antara agensi ataupun PBT-PBT tetapi ini adalah satu cara untuk kita membuat

penilaian sendiri untuk kita menilai dan mengetahui di mana kedudukan kita dalam sektor perkhidmatan ini dari segi kecekapan dan sebagainya.

Kerajaan Negeri akan mengadakan Karnival Rakyat Sejahtera di semua Pusat Khidmat Masyarakat untuk mengeratkan hubungan masyarakat, memudahkan rakyat mengakses pelbagai perkhidmatan kerajaan dan berhubung langsung dengan pemimpin setempat bagi menyelesaikan sebarang isu. Kita dapati bahawa program-program kita turun ke bawah dengan pelbagai nama ini dapat mendekatkan rakyat dengan agensi-agensi kerajaan yang mana mereka di kalangan rakyat ini senantiasa perlu berurusan. Dengan kita mengadakan karnival ini, *insya-Allah* kita berharap ianya akan menjadi satu ruang untuk pemimpin-pemimpin di peringkat Kerajaan Negeri dan di peringkat Dewan Undangan Negeri masing-masing sama dengan *Local Community Leaders* dengan izin untuk berganding bahu bagi menyelesaikan apa juga permasalahan yang wujud di tempat masing-masing.

Mahkamah Syariah pula akan memperkenalkan prosiding secara dalam talian dan jarak jauh bagi membolehkan pihak-pihak yang terlibat mengakses perbicaraan. Ini juga berkait dengan meningkatkan kecekapan.

Kerajaan Negeri juga sedang di peringkat akhir untuk menerima pakai sepenuhnya Akta 672 bagi penambahbaik pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang kita senantiasa menerima rungutan dan juga pandangan daripada pelbagai pihak termasuklah di kalangan rakyat kita bagaimana untuk meningkatkan pengurusan sisa pepejal dan *insya-Allah* dengan penerimaan sepenuhnya Akta 672 yang kita akan rundingkan supaya mendapat kedudukan yang terbaik untuk negeri dan untuk rakyat.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memberdayakan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri akan menumpukan kepada pelaburan dan perindustrian bernilai tinggi dan perdagangan strategik serta pemerkasaan industri halal.

Sebagai induk dan pelengkap kepada pelbagai dasar dan pelan tindakan sedia ada, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri akan membangunkan Rangka Tindakan Transformasi Ekonomi Negeri Terengganu yang memperincikan rancangan pembangunan pelaburan dan perindustrian

berasaskan peralihan tenaga, mineral, teknologi dan digital, elektrik dan elektronik serta makanan dan asas tani.

Selain itu juga Kerajaan Negeri akan memendekkan tempoh proses permohonan pajakan tanah, memberi diskaun dan memperkenalkan pembayaran berjadual harga pajakan tanah, menaik taraf kawasan perindustrian dan membangunkan aplikasi *Terengganu Geographic Information System* dengan izin.

Semua yang saya sebutkan tadi adalah untuk kita kekal kompetitif di kalangan negeri-negeri yang ada di Malaysia dan supaya pelabur-pelabur daripada luar melihat destinasi Terengganu adalah destinasi yang eksekutif dengan izin atau yang menarik. Kita perlu melakukan anjakan yang sebenar-benarnya untuk memastikan proses yang perlu dilaksanakan itu adalah dengan lebih cekap dengan kita melihat pelbagai aspek termasuklah isu kadar tanah dan sebagainya.

GLC negeri juga akan berperanan dalam menubuhkan makmal mineral, membangunkan terminal import dan *regasification* LNG, melaksanakan kajian kebolehlaksanaan pembangunan loji hidrogen dan ammonia hijau, membina kilang baja bagi tanaman kelapa sawit dan pertanian lain, mengoperasikan Kawasan Perindustrian Halal Park Gong Badak tambahan, serta menyusun rancangan bagi pemilikan sebahagian daripada kepentingan operasi dalam telaga pengeluaran minyak dan gas yang aktif di Semenanjung Malaysia.

Apa yang kita rancangkan ini adalah sebahagian daripada usaha untuk menyediakan Negeri Terengganu apabila ECRL siap nanti. Kita tidak mahu ECRL yang apabila beroperasi nanti itu hanya sekadar menjadi mod pengangkutan penumpang tapi tidak digunakan sepenuhnya oleh pihak kerajaan dan juga masyarakat serta pelabur-pelabur yang ada di Negeri Terengganu ini terutama yang berkait dengan pengangkutan bahan-bahan kargo dan sebagainya melalui ECRL. Oleh kerana itu kita perlu menyediakan infra-infra dan mengenal pasti kawasan perindustrian yang sesuai yang berhampiran dengan TOD atau kawasan stesen ini.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menggalakkan ekosistem perniagaan yang kondusif, Kerajaan Negeri memberikan komitmen untuk menyediakan sokongan keusahawanan, membangunkan kapasiti

perniagaan dan memudah cara akses kepada sasaran dan ini termasuk juga bagaimana kita ingin meningkatkan kemahiran para usahawan kita di Negeri Terengganu yang perlu berada di luar Negeri Terengganu, bukan semata-mata menjadi *supplier* dengan izin di Negeri Terengganu saja tapi meningkatkan keupayaan mereka supaya lebih sampai ke peringkat *national* dan juga sampai ke peringkat antarabangsa. Usahawan terutamanya dalam kalangan belia B40 dan asnaf akan terus disokong dengan pemudah caraan pendaftaran perniagaan dan pematuhan lain, pelaksanaan program latihan keusahawanan dan bimbingan perniagaan serta penyediaan kemudahan pembiayaan mikro menerusi program U-BEST dan program IT-CAT dengan kerjasama institusi kewangan.

Penganjuran pesta perdagangan berskala besar seperti karnival usahawan dan koperasi serta festival halal akan menjadi *platform* strategik untuk mempromosikan produk tempatan di samping mengembangkan rangkaian meneroka peluang pasaran baru dan meningkatkan kehadiran jenama tempatan di pasaran *national* dan global. Sekiranya kita mengadakan festival-festival ini yang masanya kena dengan cuti sekolah umpamanya, tentulah kehadiran pelancong yang ramai, daripada negara ini akan menjadi suatu medan untuk mempromosikan produk-produk tempatan ini. Kerajaan Negeri juga akan membantu usahawan dalam menguruskan pemasaran digital secara berpusat serta membangunkan peniagaan eDagang, program Anak Terengganu *Certificate* juga akan diperluas untuk memberikan keutamaan kepada perniagaan milik anak Terengganu dalam projek bidang Petronas dan perolehan Kerajaan Negeri.

Ini antara perkara yang sentiasa kita tahu setiap antara kita ini bila pegang *handphone* maka tentulah eDagang yang ada dalam *handphone* masing-masing dengan pelbagai nama yang tak nak saya sebut di sini sentiasa bermain di bibir dan bermain di mata masing-masing jadi kita nak bawa supaya usahawan-usahawan Terengganu ini juga diperkasakan dari segi eDagang mereka supaya mereka juga boleh memasarkan produk mereka dengan lebih berkesan.

Bagi memperkasakan industri pelancongan Kerajaan Negeri akan menggerakkan sinergi pelbagai pihak untuk mempromosikan Tahun Melawat Terengganu 2027. Rangka kerja tadbir urus Tahun Melawat Terengganu 2027 juga akan diperkasakan dengan penubuhan Sekretariat Tahun Melawat

Terengganu 2027 melibatkan pelbagai aktiviti kerajaan, GLC, pihak swasta, penggiat industri dan wakil komuniti. Negeri Terengganu mesti menjadikan Tahun Melawat Malaysia 2026 sebagai batu loncatan terutamanya bagi meningkatkan ketibaan pelawat asing ke negeri ini. Oleh kerana itu, program-program yang bertaraf antarabangsa seperti *Sultan Mizan International Photography Awards*, *Ijtima'* Antarabangsa Perpaduan Ummah dan Himpunan Melayu Nusantara akan dilaksanakan sebagai antara tarikan utama.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi merancang pembangunan dan perumahan Kerajaan Negeri akan terus memperkukuhkan kerjasama antara pihak awam dan swasta memperbaharui dasar, menambah baik dasar-dasar sedia ada dan prosedur serta menggalakkan permintaan dalam pasaran.

Projek yang berimpak tinggi yang menjadi tumpuan antaranya adalah melaksanakan kerja-kerja awalan bagi pembangunan TOD di ECRL pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur mitigasi bencana, penggunaan ICT bagi bandar PINTAR, pembesaran pelabuhan Kemaman dan pembinaan laluan sisihan dari stesen ECRL Cukai ke pelabuhan Kemaman. Semua ini adalah untuk menyediakan Terengganu untuk berdepan dengan cabaran perindustrian yang lebih besar di waktu hadapan.

Pembangunan rumah mampu milik juga antara agenda terpenting Kerajaan Negeri dan kita sedar bahawa tempat berteduh bagi rakyat kita adalah satu perkara yang tersangat penting. Di samping sebanyak 620 unit rumah telah dan akan siap dibina pada tahun ini di tiga daerah iaitu di Kuala Nerus, Kemaman dan Besut ada 9,134 unit lagi dalam pembinaan di semua daerah. Manakala 3,438 unit rumah dalam perancangan di enam daerah iaitu Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Marang, Kemaman dan Setiu dan tentunya dalam melaksanakan perumahan kepada rakyat, rumah mampu milik ini kita memerlukan keterlibatan dan penglibatan secara terus daripada pihak swasta yang perlu disediakan insentif-insentif yang sesuai yang menarik kepada mereka untuk melabur di Negeri Terengganu.

Selain daripada itu juga turut diberikan perhatianlah kerja-kerja pembinaan, pembaikan dan penaiktarafan masjid dan surau yang ada di antaranya yang begitu uzur di selatan negeri kita serta kemudahan institusi-institusi pendidikan di antaranya ialah melibatkan Kolej Al-Quran Terengganu, Pusat Tafaqquh

Fiddin Tok Syeikh Duyong serta kemudahan institusi di institusi pendidikan, antaranya ialah melibatkan Kolej Al-Quran Terengganu, Pusat Tafaqquh Fiddin Tok Syeikh Duyong, serta Sekolah Menengah IMTIAZ, Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin dan SMIDI Ajil. Kerajaan Negeri juga sedang mengusahakan cadangan pindaan masjid baru, Masjid Kampung Kubang Palas di Kuala Telemung, melibatkan dengan kerjasama pihak Kerajaan Persekutuan. Orang Telemung boleh ada masjid baru, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih, Yang Amat Berhormat Dato' Seri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menstabilkan akses kepada keperluan asas, Kerajaan Negeri menumpukan usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, membangunkan rantai nilai makanan dan melestarikan pendidikan kepenggunaan. Oleh itu berkaitan dengan ini, berbagai program dan projek berimpak tinggi yang telah dirangkakan dalam Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2024-2030 akan dilaksanakan dan kita yakin ianya mampu menyumbang kepada sekuriti makanan serta pertumbuhan ekonomi negeri.

GLC negeri juga akan berperanan dalam melaksanakan projek agro-makanan berimpak tinggi, antaranya ialah seperti projek outgrower Lada Hitam, Projek AgriVoltaic dan Projek Penternakan Ayam Secara Bersepadu di Setiu, serta Pembangunan Tanaman Tembikai di Ajil. Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan bukan sahaja akan diadakan bagi menghargai warga tani malah akan dilengkapi dengan penganjuran Agro Summit bagi mempromosikan teknologi serta amalan terbaik, merangka strategi pembangunan agro yang mampan dan membuka potensi pelaburan yang baharu. Suatu inisiatif juga sedang akan diusahakan bagi membantu pekedai runcit tempatan dalam memperolehi bekalan dan menjual barangan keperluan dengan harga lebih murah sekali gus dapat mengurangkan kos sara hidup pengguna.

Di samping itu, bagi menggalakkan masyarakat membeli dan menggunakan produk keluaran peniaga tempatan, Kerajaan Negeri akan memperhebat Kempen Sokong Perniagaan dan Produk Orang Terengganu ataupun singkatannya ialah SAPOT. Dekat-dekat bunyi *support*, dalam bahasa Inggeris, hebat juga orang Terengganu *ni*. Di samping memfokuskan pembangunan

tenaga kerja terlatih tempatan melalui pemerksaan institusi dan bidang pendidikan aliran kemahiran, Kerajaan Negeri akan sentiasa memberikan perhatian kepada sekolah agama rakyat, tahfiz dan pondok. Bagi menjamin kehidupan yang lebih berkualiti dan produktif, rakyat mesti dibudayakan dengan pengamalan pemakanan baik dan aktiviti kecergasan serta mengukuhkan institusi keluarga dan menjadi masyarakat yang bertanggungjawab. Ini berkait dengan pelbagai perkara sebenarnya, amalan pemakanan yang baik meningkatkan kecergasan ialah sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan penyakit-penyakit yang akan datang kepada setiap individu. Bila penyakit itu dapat dikurangkan, bebanan perbelanjaan di hospital atau klinik itu akan dapat dikurangkan.

Justeru untuk merintis pembudayaan ini, semua entiti Kerajaan Negeri dan GLC negeri mesti menganjurkan *Fat-to-Fit Challenge*, nama pun *catchy*, *tak* ada orang nak mengaku dia *fat*, dia gemuk je, *wallahu a'lam*. *Fat-to-Fit Challenge* serta mengaktifkan aktiviti regangan ringkas atau *x-break* dan memastikan hanya hidangan sihat disajikan semasa mesyuarat, kursus atau bengkel yang diadakan. Ada orang *nengung* selalu kalau sebut hal makanan ini, jadi kena pastikan bahawa makanan yang memenuhi keperluan, bukan sahaja sedap, sedap itu sebagian daripada ciri, kena cukup lengkaplah tapi ada orang kata dah saya *tak* makan sayur daripada kecil lagi, nak makan sayur *guana*? Jadi itu para doktor yang daripada Jabatan Kesihatan kena cari formula macam mana.

Pelbagai aktiviti dan kempen juga akan diadakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat supaya menjauhi dan memerangi jenayah, sama ada sivil atau syariah. Selain dari meminda Enakmen Syariah bagi memastikan individu yang melakukan kesalahan dalam talian boleh dibawa ke muka pengadilan, Kerajaan Negeri juga akan menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Garis Panduan Syariah Negeri Terengganu melibatkan pelbagai entiti Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pemantauan, penyelarasan dan pematuhan garis panduan syariah. Apa yang dilakukan oleh mereka di luar sana ini ataupun warga dunia sekarang ini semakin hari semakin canggih dengan adanya dalam talian dan sebagainya. Jadi bagaimana sesebuah kerajaan harus memikirkan cara untuk menangani terutama yang melibatkan anak-anak kita atau generasi yang akan datang ini.

Di masa yang sama, kursus pra-perkahwinan dan program pasca perkahwinan pula akan dimantapkan melalui modul yang bersepadu, latihan berstruktur,

pemantauan berterusan serta pendekatan holistik. Ini antara tujuan untuk meningkatkan keberkesanan rumah tangga yang menjadi satu unit yang sangat asas dalam masyarakat. Baik di dalam rumah tangga ini, *insya-Allah* baiklah di dalam masyarakat. Walaupun perkara-perkara seperti ini tidak mudah untuk dilakukan *mindset change*, dengan izin atau perubahan minda, tetapi ianya perlu dilakukan. Bukan untuk *memayahkan* atau menjadikan program perkahwinan atau aktiviti perkahwinan itu sebagai makin susah tetapi ini antara usaha daripada pihak kerajaan untuk memastikan mereka bersedia berada di satu alam yang baru iaitu alam keluarga.

Simposium kepimpinan belia juga akan dianjurkan untuk membina daya kepimpinan dan menggalakkan penglibatan belia dalam pembangunan demokrasi dan tadbir urus negeri. Mereka adalah cerminan kita di masa hadapan. Perlu kita sediakan mereka dengan pelbagai bentuk kepimpinan dan penglibatan terutama yang melibatkan aktiviti-aktiviti kebersamaan dalam masyarakat. Sempena temasya sukan yang bakal berlangsung pada Ogos tahun depan, Kerajaan Negeri akan memastikan atlet SUKMA dan PARA SUKMA dilatih dan dipimpin secara menyeluruh dari segi fizikal, mental dan taktikal agar tampil dengan semangat juang yang tinggi demi mengharumkan nama Negeri Terengganu dan semua kita sedar bahawa Terengganu ini sinonim dengan pencapaian dalam bidang sukan sehingga kita mampu untuk melahirkan mereka yang tersohor bukan sahaja di peringkat nasional bahkan di peringkat antarabangsa. Program-program harus dilaksanakan dengan lebih menyeluruh supaya kita mampu untuk menjadi pengeluar kepada juara-juara di peringkat nasional dan di peringkat antarabangsa di masa-masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, mengakhiri ucapan ini buat seluruh anggota pentadbiran Kerajaan Negeri dan para penjawat awam, marilah kita menginsafi amanah besar yang sedang dipikul ini oleh semua orang, bukan Menteri Besar, bukan Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri, bukan wakil rakyat sahaja, bukan ketua jabatan sahaja, tapi semua di antara kita termasuklah mereka yang berada di rumah pun kita masing-masing memikul amanah yang sangat besar, yang sangat berat, yang akhirnya kita akan ditanya oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud:

"Tiada seorang hamba yang telah diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala untuk menguruskan hal ehwal rakyat di

bawah tanggungannya lalu tidak menunaikan amarah tersebut meskipun dengan hanya menyampaikan satu nasihat melainkan tidak dapat mencium haruman syurga.”

Hadis ini hadis soheh Riwayat al-Bukhari. Apa jua amanah yang diberikan kepada kita, kita kena laksanakan terutama berkait dengan hal ehwal rakyat di bawah tanggungan kita, tidak dapat tidak kita mesti laksanakan. Semoga kita semua sentiasa mendapat taufik dan hidayah daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* untuk menjadi pemimpin yang adil dan rakyat yang beriman lagi bertakwa. Ini terkena pada semua orang, mereka yang berada di rumah pun menjadi pemimpin kepada keluarga masing-masing. Dengan izin Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, marilah kita bersama-sama menjadikan Belanjawan 2026 ini sebagai wadah untuk rakyat hidup secara lebih sejahtera dan yang paling penting bagi kita ialah mendapat keberkatan di sisi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadang, sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi memberi ruang secukupnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti, menimbang dan memahami dengan lebih mendalam Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebentar tadi, saya berhasrat untuk menanggungkan Persidangan Dewan yang mulia ini pada hari ini. Untuk makluman, bagi Ketua-ketua Jabatan bagi mendapatkan Buku Belanjawan 2026, tuan-tuan boleh mengimbas QR *code* bagi mengakses buku tersebut. Saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada para pemerhati daripada Dewan Muslimat PAS Terengganu daripada NGO Sepakat, daripada Pusat Khidmat Masyarakat Kota Putera, Pusat Khidmat ADUN Telemong, Pusat Khidmat Jabi serta semua pihak yang telah mengambil ruang untuk sama-sama memerhatikan Persidangan pada hari ini.

Oleh yang demikian, saya tangguhkan Persidangan ini ke pukul 9.30 pagi esok, 11 November 2025 dan marilah sama-sama kita membaca Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.16 PAGI

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA,
11 NOVEMBER 2025

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Dr. Azman bin Ibrahim, D.P.M.T., A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Dato' Ariffin bin Deraman, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMUNG

Yang Berhormat Yang Berhormat LSr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURAJAYA

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTAMBAH SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Nara Setia
Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Mohd Nawawi bin Ismail

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham, D.P.M.T., A.M.Z., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan pada pagi ini, Marilah kita sama-sama membaca Ummul al-Quran. Al-Fatihah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan soalan-soalan lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan soalan-soalan lisan pada 11 November 2025 adalah sebagaimana berikut:-

1. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
2. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
3. Yang Berhormat Wakil Langkap
4. Yang Berhormat Wakil Air Putih
5. Yang Berhormat Wakil Telemong
6. Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal
7. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
8. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
9. Yang Berhormat Wakil Sura
10. Yang Berhormat Wakil Bandar

11. Yang Berhormat Wakil Jertih
12. Yang Berhormat Wakil Kuala Berang
13. Yang Berhormat Wakil Kemasik
14. Yang Berhormat Wakil Ladang
15. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
16. Yang Berhormat Wakil Manir
17. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
18. Yang Berhormat Wakil Pemaisuri
19. Yang Berhormat Wakil Hulu Besut

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang untuk mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rantau Abang soalan nombor dua-

Sungai Gombang adalah anak sungai Dungun yang merupakan satu saluran utama yang menerima aliran air daripada Kampung Paya Taman Rakyat dan Kampung Che Lijah. Dengan mengambil kira faktor aras air pasang di sungai Dungun dan perancangan pembangunan TOD yang baru ini di stesen ECRL ini. Apakah kaedah atau perancangan Kerajaan Negeri untuk pastikan dengan pembangunan TOD ini Sungai Gombang tidak dibebankan lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor dua. Sila Yang Berhormat Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli EXCO, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Soalan sebagaimana yang tertera. Bagi memastikan perancangan pembangunan TOD di kawasan stesen ECRL Dungun dapat dilaksanakan

dengan lancar serta mengawal implikasi limpahan takungan serta aliran air, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran Dungun dan agensi-agensi berkaitan telah menyelaraskan perancangan dengan mengambil kira faktor geografi kawasan.

Justeru itu, bagi mengurangkan beban takungan-takungan air kepada Sungai Gombang, pihak Pejabat Daerah Dungun dan JPS Dungun telah melaksanakan beberapa langkah jangka pendek bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut. Antara inisiatif yang sedang dipertimbangkan dan dilaksanakan adalah;

1. Pembinaan kolam takungan di Taman Rakyat Dungun
2. Kerja penstabilan tebing bagi mengurangkan risiko hakisan
3. Pembaikan serta penyelenggaraan sistem saliran utama di Kampung Paya, Binjai dan Balai Besar
4. Pemuliharaan sistem saliran di kawasan Gong Pasir dan (Balai Besar).

Pelaksanaan kerja-kerja ini telah berjaya memperbaiki keupayaan sistem saliran tempatan serta mengurangkan takungan air semasa hujan lebat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang BERTHORMAT Cukai. Ada soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan daripada Rantau Abang. Apakah langkah jangka masa panjang Kerajaan Negeri dan JPS bagi mengurangkan risiko banjir di Sungai Gombang dan kawasan lembangan Sungai Dungun?

Sebab, kalau kita perhatikan, di luar kawasan ROW dari sudut perparitan tidak diselenggara dengan baik. Jadi, kita nak tahu apakah tindakan sewajarnya daripada pihak Kerajaan dan JPS.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih. Bagi penyelesaian jangka panjang pula, JPS merancang pendekatan menyeluruh melalui pelaksanaan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai

Dungun yang meliputi kawasan Rantau Abang, Kampung Cik Lijah, Taman Rakyat, Kampung Paya dan Balai Besar.

Kajian ini telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) di bawah *Rolling Plan 1* (RMK ke-13) RP1, RMK ke-13. Komponen utama dalam PITB termasuklah

1. Pembinaan kolam takungan banjir untuk menakung dan melambatkan aliran air hujan.
2. Pembinaan bank di sepanjang sungai bagi mengawal aliran sungai dan mengelakkan limpahan air ke kawasan sekitarnya.
3. Pedalaman dan pelebaran sungai bagi menambah kapasiti aliran.
4. Peningkatan sistem saliran utama di kawasan rendah bagi mempercepatkan aliran air.
5. Pelaksanaan kerja mekanikal dan elektrik termasuk menaik taraf pintu air dan rumah pam sedia ada untuk kawalan aliran banjir.

Kajian PITB ini juga akan menjadi penanda aras bagi permohonan projek baru yang akan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan kerja fizikal di bawah tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK ke-13). Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey Yang Berhormat Cukai. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Wakil Batu Rakit untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bersiap awal untuk ke Sidang Dewan,
Yang Berhormat Rantau Abang katanya sudah bersarapan.
Soalan satu dan tiga telah dibuang,
Tinggallah soalan dua untuk YB Paka perlu jawapan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Rakit. Sila Yang Berhormat Paka jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Pantun *dakyoh* jawablah. Paka *dok panda* mana nak pantun. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanyakan status pelajar yang belajar di Pusat Tafaqquh Fiddin Tok Sheikh Duyong yang sudah menamatkan pengajian mereka di luar negara.

Untuk makluman Sidang Dewan, Dato' Yang di-Pertua, pelajar kemasukan pertama Pusat Tafaqquh Fiddin Tok Sheikh Duyong masih lagi sedang menyambung pengajian mereka di Mesir di tahun akhir. Pelajar dijangka akan menamatkan pengajian mereka pada bulan Mac 2026 dan *insya-Allah* untuk *batch* yang kedua, pelajar tahun akhir di Pusat Tafaqquh akan menyambung pengajian mereka ke Syria *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Paka. Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apakah kesinambungan mereka setelah tamat pengajian nanti? Sebab saya bertemu dengan mereka di Mesir baru-baru ini, memang mereka sangat mengharapkan untuk dapat sambung ke Universiti Al-Azhar. Tapi dengan jalan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan sekarang ni saya rasa mungkin tak dapat untuk sambung teruslah kerana syarat-syarat di Universiti Al-Azhar. Cuma kemungkinan ada persediaan daripada pihak Kerajaan untuk mereka sambung belajar di mana-mana tempat. Kalau tidak di Universiti Al-Azhar pun di mana-mana tempat di luar negara ataupun dalam negara setelah tamat belajar nanti. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh? Yang Berhormat Paka?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang di-Pertua, kewujudan Pusat Tafaqquh Fiddin ini merupakan hasrat Kerajaan bagi menyediakan pelapis-pelapis, mereka-mereka yang pakar dan berkemahiran dan menyediakan guru-guru khususnya bagi menampung keperluan mereka dalam mengembangkan pusat-pusat pengajian berasaskan Kitab Turath. Itu merupakan hasrat dan juga harapan kita. Untuk meneruskan

ataupun pusat pengajian pondok dan sebagainya yang berasaskan pengajian kitab turath ini terus berkembang dan tidak lapuk di zamanlah, *insya-Allah*. Kerana itu, pelajar-pelajar kita yang belajar di Mesir, mereka memang layak setelah tamat pengajian kita di sana, mereka dalam masa yang sama turut belajar di Bu'uts dan mereka layak untuk masuk ke kuliah. Tetapi, mereka kita beri pilihan, mereka yang ingin meneruskan kuliah, mereka boleh masuk kuliah ataupun dia masuk Universiti-Universiti dalaman negeri seperti di Malaysia kita *ni* ada Ijazah Turath, Ijazah Pengajian Kitab Turath. Tetapi, hasrat kita adalah untuk mereka-mereka *ni* yang tamat, *insya-Allah* kita akan tempatkan di pondok-pondok di Terengganu untuk mereka terus mengajar pengurusan, pentadbiran dan sebagainya. Di samping sebahagiannya kita akan tempatkan sebagai guru-guru kita di Pusat-pusat Tafaqquh Cawangan yang akan kita tubuhkan. Bermula tahun depan *insya-Allah*, Pusat Tafaqquh di Kuala Berang akan diwujudkan dan juga pelajar-pelajar yang tamat di situ akan menyambung pengajian ke Pusat Tafaqquh di Tok Sheikh Duyong di Pulau Duyong.

Dalam masa yang sama, di sana sebagai hasrat kita untuk menjadikan Terengganu sebagai Hub Pendidikan Nusantara, sebahagian daripada pelajar-pelajar kita juga kita tanggung ataupun biasiswa dari negara-negara Nusantara, seperti Vietnam, Cambodia dan sebagainya dan mereka bakal pulang ke negara-negara masing-masing untuk mengembangkan sebagai du'at, sebagai pendakwah di negara-negara masing-masing, terima kasih. Untuk satu lagi makluman, Fasa Kedua kita Pusat Tafaqquh akan bermula tahun depan ini dan akan menerima pelajar-pelajar wanita, pelajar banat dan juga warga emas, *insya-Allah*, terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Paka. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan bagi untuk ruang soalan tambahan yang kedua kepada Yang Berhormat lain daripada yang mengemukakan soalan, jika ada. Maksudnya, soalan akan dikemukakan oleh Yang Berhormat kemudian saya akan bagi soalan tambahan untuk Yang Berhormat tersebut. Kemudian jika ada soalan tambahan daripada Yang Berhormat lain, agar untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, soalan yang dikemukakan oleh mana Yang Berhormat boleh dikemukakan juga soalan oleh Yang Berhormat lain, bukan terikat dengan Yang Berhormat itu saja. Jadi saya seterusnya persilakan Yang Berhormat ADUN Langkap untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1-

Berapakah jumlah keluasan ladang FELCRA yang dibangunkan atas tanah milik Kerajaan Negeri, apakah intipati perjanjian yang ditandatangani antara FELCRA dan Kerajaan Negeri bagi penggunaan tanah tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor satu Yang Berhormat Jabi, sila.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih sahabat Yang Berhormat Langkap. Luas keseluruhan tanah Kerajaan Negeri yang dimajukan oleh FELCRA sebagai ladang sawit ialah 9,651 hektar di seluruh negeri. Ada tiga kategori, yang pertama seluas 4,227 hektar dimajukan oleh FELCRA bagi Program Pembasmian Kemiskinan (PPRT) dan MMKN pada bulan Mei 2015 telah bersetuju supaya tanah seluas 4,227 hektar ini yang sedang diusahakan oleh FELCRA diberi milik kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan. Yang kedua, program usaha sama JV dengan izin, antara Kerajaan Negeri dan FELCRA seluas 4,440 hektar. MMKN pada tahun 2015 telah meluluskan tanah kepada FELCRA untuk program JV ini dan hasil daripada program JV ini, 90% daripada tanah diberi milikan kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan seluas 3,996 hektar dan 10% diberi milik kepada FELCRA, 444 hektar. Dari segi perjanjian perkongsian keuntungan secara *net profit* dengan izin, keuntungan bersih pada 12 Oktober 2015 telah ditandatangani perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan FELCRA dengan pembahagian keuntungan 70-30, 70 untuk Kerajaan Negeri, 30 untuk FELCRA. Jadi, keuntungan projek yang dibangunkan oleh FELCRA dan belum dimasukkan peserta diserahkan kepada Kerajaan Negeri seterusnya diagihkan kepada golongan miskin dalam bentuk bantuan bulanan.

Yang ketiga, FELCRA telah mengisi peserta bagi keluasan 982 hektar. Proses pemberimilikan tanah kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan belum selesai

sepenuhnya kerana ada beberapa isu dan tuntutan daripada Kerajaan Negeri berdasarkan kepada perjanjian yang belum ditunaikan oleh pihak FELCRA dan pihak FELCRA Berhad telah datang berbincang dengan Kerajaan Negeri ke arah penyelesaian isu-isu berbangkit. Dalam hal ini, saya beranggapan pengurusan FELCRA bersikap lebih positif berbanding dengan pengurusan FELDA yang memberikan respon yang sangat negatif dalam menyelesaikan isu 15,000 hektar tanah Kerajaan Negeri yang dijadikan ladang sawit oleh FELDA sejak 1985 tanpa dokumen hak milik yang sah, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Apakah mekanisme pemantauan yang ditetapkan dalam perjanjian untuk memastikan FELCRA mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri bersama dengan FELCRA telah bersetuju membentuk satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pemantau Projek yang terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri atau wakil sebagai Pengerusi, Pengarah UPEN atau wakil dan seorang wakil Kerajaan Negeri. Di pihak FELCRA akan diwakili oleh Pengarah Negeri FELCRA Berhad dan seorang wakil FELCRA. Jadi jawatankuasa ini akan bekerja secara bersama bagi memastikan semua terma-terma yang termaktub dan dipersetujui dalam perjanjian dipatuhi dan dilaksanakan, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan daripada mana-mana Yang Berhormat, *takdok? Takdok*, selanjutnya saya persilakan Yang Berhormat Air Putih.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan Air Putih, soalan nombor 1-

Apakah Kerajaan Negeri memperuntukkan dana khas dalam Bajet 2026 untuk membantu petani kecil dan pekebun getah di kawasan luar bandar termasuk di DUN Air Putih?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor satu, Yang Berhormat Jabi.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Wakil Air Putih. Air Putih adalah di antara DUN fokus bagi program pengeluaran makanan negeri. Untuk tahun 2026 bagi sektor tanaman makanan, Jabatan Pertanian Terengganu telah menguruskan dan memohon beberapa peruntukan khusus untuk DUN Air Putih sahaja. Yang pertama untuk Projek Pembangunan Tanaman Kelapa di Kampung Banggol, Paloh Jenang dan juga Kampung Bukit Besar yang melibatkan seramai 37 orang peserta dengan keluasan 19.3 hektar melibatkan kos RM68,951.00. Yang kedua, Projek Sayur-sayuran fokus kepada cili yang memberi fokus kepada golongan sasar B40 di Kampung Olong, Binjai dan Kampung Pengkalan Binjai melibatkan 6 orang peserta seluas 2.8 hektar dengan kos RM85,831.00. Yang ketiga, peningkatan infrastruktur dan juga sistem pengairan dan saliran di Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Paloh Jenang seluas 193 hektar dengan kos RM1.19 juta dan yang terakhir sekali Program Perataan Sawah Dua Jelapang di Skim Pengairan Paya Dadong, Kemaman dalam DUN Air Putih seluas 32 hektar yang melibatkan 19 orang pesawah dengan kos RM112,000. Jadi peruntukan keseluruhan bagi tahun 2026 yang dipohon oleh Jabatan Pertanian untuk DUN Air Putih ialah RM1.954 juta melibatkan seluas 403 hektar yang memberi manfaat kepada 200 orang pengusaha bagi mengusahakan aktiviti tanaman di DUN Air Putih. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih): Terima kasih YB. Soalan tambahan daripada Air Putih. Apakah status penambahbaikan sistem saliran di kawasan Paya Padi Kemaman? *والله أعلم*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Yang Berhormat Jabi.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Untuk maklumat Dewan, dua skim pengairan padi yang ada dalam DUN Air Putih ini, satu Paya Paman, satu Paya Dadong.

Skim pengairan padi di Paya Paman antara kita fokus untuk menaik taraf sistem pengairan bagi tahun 2025 dengan membina sistem tali air utama yang melibatkan kos RM500,000 supaya kawasan yang sebelum ini bertanam sekali setahun boleh tanam padi dua kali setahun. Dan *alhamdulillah*, status projek ini telah siap sepenuhnya.

Untuk maklumat Dewan, sejak daripada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.9 juta bagi menaik taraf sistem pengairan dan infrastruktur di dua skim pengairan dalam DUN Air Putih, Paya Paman dan Paya Dadong. Jadi infrastruktur Kerajaan dah buat, kita dah belanjakan banyak peruntukan, orang Kemaman kena rajin-rajin buat padi. Kalau tak boleh buat dua kali setahun, cubalah usaha supaya boleh buat empat kali dalam masa dua tahun. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Jabi, ada soalan tambahan daripada mana-mana, Yang Berhormat? Sila Yang Berhormat Bukit Tunggal.

YANG BERTHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan kawasan padi Luar Jelapang, Yang Berhormat. Saya difahamkan ada satu kawasan di Kampung Kubang Tangga, DUN Wakaf Mempelam. Diusahakan oleh seorang pemuda. Dia *handle* 100 ekar lebih kawasan tanaman padi. Jadi apakah bantuan yang Kerajaan boleh berikan sebab difahamkan kunci air di situ masa zaman merdeka lagi. Jadi adakah bantuan yang boleh Kerajaan usahakan untuk meningkatkan usaha-usaha yang dibuat oleh orang-orang muda di kampung tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih, Bukit Tunggal. Untuk semua pengusaha padi, mereka disediakan pelbagai bantuan yang diterima oleh semua pengusaha yang berdaftar. Di antaranya mereka akan dapat bantuan subsidi benih, subsidi input racun, baja, subsidi untuk bajak tanah, dan juga subsidi harga padi, 500 per tan. Ini yang disediakan

standard untuk semua pengusaha sawah yang berdaftar. Ada pun dari segi tanggungjawab untuk nak meningkatkan infrastruktur saliran dan pengairan, khususnya di dua jelapang. Yang ini di antara fokus Kerajaan Negeri dan kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Tunggul tadi, *insya-Allah* kita akan tengok apa lagi keperluan sebab 100 ekar itu satu keluasan yang sangat luas sebenarnya dalam konteks sawah padi Negeri Terengganu ini. Dalam perhatian kita, *insya-Allah*, untuk tindakan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Jabi. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Telemung.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua

*Atas kepala ada kutu,
soalan saya nombor satu.*

Kerajaan Negeri ada menyatakan jumlah kehadiran pelancong ke Negeri Terengganu sehingga Jun 2025 telah mencapai angka 7 juta orang dan telah menghampiri angka 7 juta orang dan telah menghampiri target sebanyak 8.5 juta orang bagi tahun ini. Boleh nyatakan dimanakah Kawasan tumpuan para pelancong tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Atas kepala siapa ada kutu tu? Sila Yang Berhormat Kijal.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
سلام سجهترا
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih, Yang Berhormat Telemung. Soalan sepertimana yang tertera, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Sidang Dewan yang saya muliakan. Antara kawasan yang menjadi tumpuan kepada pelancong, sebenarnya, Dato' Yang di-Pertua, boleh dikatakan semua kawasan, semua daerah. Lapan daerah Negeri Terengganu ini memang pelancong minat. Dia terbahagi kepada dua

secara kasarnya. Satu *aluk pata*, satu *aluk darat*, *aluk ulu*. *Aluk pata*, kita ada 244 kilometer pantai yang sangat cantik dan menarik. Selamat untuk mandi-mandi. Termasuk dengan pulau-pulau tapi sekarang *dok* berapa selamat. Pasa dah masuk musim MTL. Kita semua seharusnya berhati-hati. Dan *aluk darat* pula dia dipanggil Terengganu Tengah. Sebahagian besarnya dijaga oleh Ketengah. Dan ada lagi sebahagian lagi belah *aluk darat*. Jadi untuk makluman Dewan, kita bagi kepada beberapa daerah. Berkait kepada soalan. Yang pertama daerah Kuala Terengganu, kita ambil tempat-tempat yang besar sahaja. Yang kecil kita tak masuk dalam jawapan pada hari ini, iaitu Taman Tamadun Islam, Muzium Negeri Terengganu, Kampung Budaya. Kampung Budaya ini dia muzium bergerak. Semua acara-acara ataupun aktiviti-aktiviti kebudayaan ada di Kampung Budaya. Kampung Budaya sebelah pada muzium.

Yang ketiganya, Noor Arfa Batik, Jambatan Angkat, Pasar Payang dan Kampung Cina, itu Kuala Terengganu. Kemaman, kita ada Pantai Teluk Mok Nik, kita ada Pantai Teluk Kalung dan Pantai Penunjuk, Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman, Pusat Santuari Penyu Ma' Daerah. Di Dungun, kita ada *aluk pata* Pulau Tenggol, Teluk Bidara, Rantau Abang. Belah *aluk darat*, kita ada Cengal Besar dan Air Terjun Chemerong. Besut, kita ada Pulau Perhentian, Pantai Bukit Keluang, La Hot Spring. Ni semua ni memang menjadi tumpuan kepada pelancong. Hulu Terengganu, Yang Berhormat, Tasik Kenyir. Kenyir Elephant Conservation Village (KECV). Kita ada Pengkalan Gawi. Kita ada Batu Bersurat. Di Marang, Pulau Kapas, Pulau Gemia dan Dataran Batu Putih. Ada lagi banyak tempat lain lagi. Di Setiu. Kampung Pelancongan Mangkuk, Taman Negeri Setiu Wetland, Lata Ulu Kasar. Lata Ulu Kasar ini, Dato' Yang di-Pertua, dah ada dah Santuari Kelah yang kedua selepas daripada Tasik Kenyir. Kalau Tasik Kenyir hilang *kekji, kene ketek* lagi kelah, maka ada di Ulu Kasar, baru nak *start*. Dan Pantai Penarik. Di Kuala Nerus, Pulau Redang, Pulau Lang Tengah dan Pulau Bidong. Itu saja. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, ada soalan tambahan? Sila Yang Berhormat Telemong.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Dato' Yang di-Pertua, saya nak ulas sikit boleh tak? Nak maklumkan, saya terujalah tengok laporan daripada Jabatan Pelancongan mengatakan kehadiran pelancong Terengganu ini sangat bagus. Di mana kalau tengok tahun 2004, target kita 4.5 juta. Hadir ke Terengganu, laporan akhirnya 7.8 juta, peningkatan besar *tu*.

Begitu juga tahun ni, target 8.5 juta yang hadir dah sehingga bulan Jun, 6.9 juta. Maknanya 6 bulan lagi ni, daripada bulan 7, mungkin 7 juta lagi, dekat 15 juta. Ramai pelancong hadir ke Terengganu, mungkin kerana atas faktor negeri yang paling bahagia di Malaysia. Jadi saya *ni* nak, cuma saya keliru nya, kenapa dekat kita *ni* kurang, dekat Hulu Terengganu. Air Terjun Sekayu, dulu 100,000 ribu lebih. Sekarang *ni* 10,000 je, tak sampai pun mungkin.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Soalan apa, soalan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa, tak apa. Jangan ganggu, jangan ganggu.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Ni cari *baloh...*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Speaker, Yang di-Pertua seorang *je*.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Kemudian di Kenyir. Dulu di Kenyir, 600,000 lebih. Hari ni data terakhir, tak sampai 200 ribu pun. Maknanya berlaku penurunan. Terengganu hebat, tapi dulu Terengganu yang tempat 2 besar *ni*, kurang. Soalan saya, jelas berlaku penurunan ketara dalam kehadiran pelancong ke Hulu Terengganu khususnya. Jadi saya nak tanya di sini, kenapa benda ini berlaku? Apakah usaha kerajaan supaya kehadiran pelancong ini lebih baik pada masa yang akan datang dan antara produk utama pelancongan kita di Hulu Terengganu ialah di Kenyir. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha-pengusaha bot di Tasik Kenyir untuk memastikan kelangsungan aktiviti pelancongan dan juga peningkatan hasil Negeri Terengganu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, Telemung. Kita bagi ruang banyak *tu*, soalan *tu*.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan panjang dan soalan kemas. Kita puji sikit Telemung kali ini. Okay, sebenarnya memang kita sedar kehadiran Tasik Kenyir kebelakangan ini agak berkurang tetapi dah naik lah. Mungkin Yang Berhormat *dok* baca data

baru lah, naik dah. Yang pertama sekali kerana COVID, Dato' Yang di-Pertua, sebelum COVID dulu, kehadiran ke Tasik Kenyir ini mencecah dekat dengan RM 1 juta, lepas tu dia turun. Lepas tu naik semula sikit-sikit. Masuk-masuk fasa kedua Dato' Yang di-Pertua, Pengerusi KETENGAH *dokleh* bincang dengan kita pula, *dokleh* bincang. Kita nak buat pembangunan, nak buat program, tak *leh* nak bincang. Jadi Pengerusi KETENGAH yang baru dilantik ni nampak macam boleh bincang.

Jadi kita nak beritahu, program *hok* terkini, yang dibuat oleh Tasik Kenyir baru-baru ni, Geopark Festival. Kenyir Geopark Festival, kehadirannya mencecah 90,000 orang dalam masa tiga hari. Makna, mengejut. Saya pun rasa teruja dan terkejut dengan kehadiran yang sebegitu rupa. Jadi inilah faktor yang paling besar sekali di Tasik Kenyir. Maksudnya apa Dato' Yang di-Pertua? Maksudnya aktiviti kena ada. Aktiviti tambahan kena ada. *Houseboat*? Tak cukup *houseboat*. Masih lagi tak cukup *houseboat* yang ada di Tasik Kenyir, melebihi 80 *houseboat* yang ada, tak cukup lagi. Jadi untuk pendapatan, untuk *houseboat* dan *deal* Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dia sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri. Semalam baru dia mari jumpa dengan saya, dia bagi tahu, dia kata *houseboat* 90% ke atas penuh setiap masa walaupun hari biasa. Ada sikit-sikit sebanyak lagi yang perlu kita baik pulih dan kita telah melaksanakan beberapa projek bersama dengan KETENGAH iaitu menyelenggara dan naik taraf bangunan kemudahan di Taman Orkid. Jadi Taman-taman Orkid, Taman Rama-rama, Gua Bewah, Santuari Kelah ni, semua kita kena baik pulih dan inilah yang saya katakan, kita harap kepada Pengerusi KETENGAH baru ni, Dato' Yang di-Pertua, boleh berbincang dengan kita supaya Kerajaan Negeri juga boleh melabur, boleh memberi bantuan kepada KETENGAH untuk memastikan semua Yang Berhormat Telemong *nok*, kita boleh buat, *insya-Allah*, saya yakin dan percaya, kita boleh buat dan dalam masa yang sama, walaupun dalam keadaan kita kekurangan kewangan, kita bekerjasama juga dengan KETENGAH. *Repair*, baiki, Tanjung Bewah, Gua Bewah, Melunak *Trail*, dalam Tasik Kenyir. Kita buat, walaupun kecil-kecilan.

Dan yang terkini, saya difahamkan, peruntukan besar juga diperuntukkan untuk baiki jambatan gantung di Tasik Kenyir. Baiki jambatan gantung ni, *hok* yang rosak lama dah. Kita *dok* buat baru Dato' Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan, kita tak buat benda baru di Tasik Kenyir, benda lama kita baik pulih dan cukup untuk menerima pelancong yang saya bagi cabaran kepada pengurusan KETENGAH, bahawasanya, tahun 2026, kita minta dia 1 juta pelancong dan

mereka sanggup menerima cabaran saya. Itu bermakna, Tasik Kenyir dalam keadaan pemulihan. Itu sahaja, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Dato' Yang di-Pertua, Air Terjun Sekayu *dok* sebut tadi, Air Terjun Sekayu tadii saya tanya, soalan saya *dok* habis jawab lagi. masalah dok habis jawab lagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ho. Sekayu-sekayu... jawab ah sikit.. Rai ke Telemong jauh oh mari..

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): *Dok bukan, Saya dok dengor Sekayu tadi, ada dok?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada-ada...

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Air Terjun Sekayu... Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Ye sebut lain, Sekayuuuuu gitu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Okay, Sekayu ni Dato' Yang di-Pertua, memanglah kita beberapa kali berlaku malapetaka di Sekayu, kita panggil dia, kepala air. Saya pun risau juga sebab kepala air ni, mari kita tidak rancang dan Air Terjun Sekayu ni, tersangat popular dan sekarang makin malap dan baru-baru ni, kita pindah kepada taman sebelah tu dan Yang Berhormat Jabi selesai dah sebahagian dan akan datang ni, kita ada peruntukan eFT, apabila kita kaji-kaji, kita tak boleh tinggal Sekayu ni. Sebab Sekayu ni adalah satu tempat yang lama, yang tua, *Sekayu Waterfall*, jadi kalau kita tinggal Sekayu ni, kita pergi tempat lain, maka saya rasa, di sebelah Hulu Terengganu ini akan kehilangan satu mercu tanda air terjun. Jadi kita berbincang panjang dengan perhutanan dan kita dapatlah formula. *Insyallah*, melalui peruntukan eFT, tahun depan ni, kita akan cuba betulkan balik Sekayu tu, supaya menjadi tempat tumpuan kepada pelancong sama ada domestik ataupun luar negara. Itu saja Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kijal, seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Bukit Tunggul.

YANG BERHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggul):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor dua-

Apakah Usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan bot-bot nelayan laut dalam C dan C2 yang berdaftar di Terengganu tidak lagi mendaratkan hasil tangkapan mereka di Pelabuhan Tok Bali, Kelantan atau di Kompleks Lembaga Kemajuan (LKIM) Kuantan, Pahang, kerana masalah muara cetek dan kekurangan infrastruktur di pelabuhan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih, Bukit Tunggul. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Bukit Tunggul ini di antara DUN yang mempunyai ramai masyarakat nelayan dan saya sangat menghargai keprihatinan Yang Berhormat Bukit Tunggul berkaitan dengan isu-isu nelayan kita.

Untuk makluman Dewan, jumlah *vesse/* nelayan Terengganu untuk zon A pada jarak (0-5bn) 2,188 *vesse/*. Zon B bagi jarak (5-12bn) ada 99 *vesse/*, bot laut dalam zon C pada jarak (12-30bn) ada 161 *vesse/* dan zon C2, jarak (30bn-EEZ), *Zone Economic Exclusive* ada 41 *vesse/*. Benar sebagaimana dalam intipati soalan Bukit Tunggul ada bot laut dalam kita C dan C2 yang mendarat di pelabuhan LKIM Tok Bali di Pasir Putih dan juga pelabuhan LKIM Kuantan walaupun mereka memukat di perairan Terengganu. Data pada tahun ni 33 buah *vesse/* yang mendarat dengan kebenaran berpindah pengkalan secara sementara, maknanya bot ni masih lagi warna kemudi hijau kod warna Terengganu diberi kebenaran sementara.

Dan jumlah ini sedikit menurun berbanding tahun lepas ada 38 *vessel*. Jadi 5 buah dah balik semula ke Terengganu. Isu muara cetek ditambah dengan kekurangan infrastruktur di pelabuhan dan jeti-jeti perikanan kita seperti kilang air batu, bekalan minyak diesel, bekalan air mentah, kemudahan pasaran dan beberapa isu lagi ini adalah di antara faktor yang menjadi penyumbang yang merencatkan perkembangan industri perikanan di Terengganu.

Kita sangat sedar tentang isu ini dan usaha sedang dilakukan secara yang sangat intensif bagi kita selesaikan permasalahan dan kita nak panggil balik semula bot-bot Terengganu supaya mendaratkan hasil tangkapan di negeri sendiri. Di antara usaha yang sedang kita buat ialah projek pembangunan dan pemerkasaan pelabuhan LKIM Chendering dengan kos RM192 juta yang sedang berjalan dan dijangka akan siap paling lewat pada 2032. Yang kedua projek pembinaan jeti LKIM Kertih dalam kawasan Kemasik dengan kos RM222,000 ribu lebih dimulakan pada Ogos 2023 dan telah siap pada Disember 2024.

Yang ketiga projek naik taraf jeti kompleks LKIM Dungun, kos RM1.58 juta telah dimulakan pada bulan Julai 2025 dengan jangkaan tarikh siap pada Julai 2026. Seterusnya projek menaik taraf dan peningkatan infrastruktur di Kompleks LKIM Pulau Kambing dengan kos RM2.364 juta dimulakan pada November 2022 dan telah siap pada Julai 2024. Seterusnya projek menaik taraf dan peningkatan infrastruktur Kompleks LKIM di Kuala Besut, kos RM1.717 juta bermula pada Oktober 2021 dan telah siap pada Mac 2023.

Seterusnya projek menaik taraf jeti LKIM Paka, kos RM227,000.00 lebih kita mulakan pada Mei 2022 dan telah siap pada Ogos 2022. Kemudian pembinaan kemudahan infrastruktur di jeti Kampung Merang di Setiu dengan kos RM469,000.00 dimulakan pada Julai 2025 baru-baru ini dengan jangkaan tarikh siap ialah Julai 2026. Dan kita juga telah naik taraf kilang air batu di pelabuhan LKIM Chendering untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dengan kos RM2.6 juta yang telah dimulakan pada Disember 2023 dan telah siap pada Mac 2025. Ini berkaitan dengan isu infra dan kemudahan di pelabuhan dan jeti-jeti perikanan.

Berkaitan dengan isu muara cetek, Negeri Terengganu telah mendapat tujuh kelulusan bagi projek mendalamkan muara dan membina benteng pemecah ombak. Sebahagiannya telah siap dan sebahagian projek sedang berjalan, dengan izin Dewan, mohon saya senaraikan. Projek Pemuliharaan Muara Sungai

Paka dengan kos RM134 juta lebih, telah siap pada Mac 2023. Projek Pemuliharaan Muara Sungai Merchang dengan kos RM43 juta telah siap pada Disember 2024. Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut, ini yang terbesar dengan kos RM359 juta lebih dalam proses pelaksanaan. Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setiu dengan kos RM150 juta juga dalam pelaksanaan. Projek Pemuliharaan Muara Sungai Dungun dengan kos RM250 juta juga dalam pelaksanaan. Projek Pemuliharaan Muara Sungai Ibai Kuala Terengganu dengan kos RM30 juta juga dalam pelaksanaan dan yang terkini ialah projek Pemuliharaan Muara Sungai Merang, Setiu dengan kos RM239 juta sekarang sedang dalam peringkat pra-pelaksanaan. Jadi apabila semua isu-isu yang bersabit dengan isu muara dan juga kompleks serta jeti perikanan yang melibatkan pendaratan bot C dan C2 diselesaikan, maka kebenaran pindah pengkalan secara sementara akan ditarik balik oleh Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Terengganu dan bot-bot tersebut mesti mendaratkan hasil tangkapan di pengkalan di mana ia didaftarkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Jabi kerana kita tengok daripada jawapan tadi itu daripada Kemaman sampai ke Besut semua muara, kuala telah diambil perjalanan, dibaik pulih. Tetapi soalan kita apakah selepas pada pembaikan seluruh pelabuhan perikanan ini, penyelesaian jangka panjang untuk kita mengatasi ataupun menangani tawaran-tawaran yang lebih baik yang dikemukakan oleh di Tok Bali, di Kuantan, dengan bekalan air batu, air bersih, diesel dan seumpamanya, yang menarik, kadang-kadang menarik lebih nelayan untuk mendaratkan hasil tangkapan mereka di sana. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Jabi.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Bukit Tunggul. Kalau kita tengok dari segi komponen dan skop kerja projek naik taraf dan juga penambahbaikan PLC Pelabuhan LKIM Chendering ini untuk komponen atas darat, kilang air batu, bilik sejuk, dewan lelong, dewan orang ramai, surau, garaj kenderaan, dewan pukut pun kita buat untuk nelayan baiki pukut, naik taraf longkang dan *monsun drain*, bengkel untuk pembaikan

jentera dan peralatan serta lot peniaga. Bagi kerja-kerja dalam air termasuklah meroboh jeti sedia ada dan membina jeti baru, pembaikan *quay wall* dengan izin, ataupun dinding dermaga, menaik taraf dan membina benteng pemecah ombak, benteng pemecah ombak yang ada sekarang ini, dulu dibina di bawah daripada spek yang sepatutnya. Sepatutnya lebih panjang... bila pendek menyebabkan pasir boleh masuk. Di samping naik taraf akan dipanjangkan lagi dan kerja-kerja pengorekan untuk mendalamkan pelabuhan. Jadi yang kita fokus kerja atas darat dan juga kerja dalam air ini ialah isu-isu yang merencatkan fungsi pelabuhan sebelum daripada ini. Jadi bila kita selesaikan masalah berpunca daripada punca dia, kita sangat yakin *insya-Allah* kita boleh mengembalikan pelabuhan LKIM Chendering sebagaimana zaman kegemilangannya dan tindakan daripada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu untuk menamatkan kebenaran sementara bot-bot ini berlabuh di negeri lain adalah satu tindakan yang mempunyai justifikasi dan kewajaran. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kuala Berang. Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan. Saya kurang setuju dengan ADUN Bukit Tunggul tadi, pembaikan daripada selatan sampai ke utara semua sekali, tak termasuk saya rasa pelabuhan Marang. Saya ingin bertanya sedikit berkaitan dengan pelabuhan Marang ini yang tidak disebut apa-apa pembangunan di sana. Masalahnya di LKIM Marang tersebut dari segi infranya tidak mencukupi, air batunya tak ada, kadang-kadang desanya pun tak ada. Keduanya pelabuhan tersebut agak cetek ataupun *tohor*, yang mana *vessel* tidak dapat *parking* dengan baik. Waktu air surut, tinggal dua kaki sahaja. Jadi sudah tentu merosakkan *vessel-vessel* yang *parking* di sana. Jadi saya harap Yang Berhormat Jabi ini ambil tindakan sedikit untuk kemudahan infra di Marang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Kuala Berang. Masih peka dengan laut walaupun dah jual bot. Bukan kita tak buat apa-apa di Marang. Kita dah buat, cuma masih ada lagi yang belum selesai. Dalam konteks Marang ini, *breakwater* ataupun benteng pemecah ombak dah ada, cuma isunya cetek dan tahun 2021 kita dah buat *cold room* di jeti LKIM Marang, dan kita dah buat *slipway*. *Slipway* ini tempat untuk tarik bot naik ke

darat untuk penyelenggaraan dan baik pulih. Jadi dua projek besar kita buat di Marang dan *insya-Allah* permintaan daripada Kuala Berang itu kita akan perhalusi dan yang paling penting sekali untuk mendapatkan bajetlah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Kuala Berang dan Jabi. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan. Soalan saya ada soalan satu -

Apakah Usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan bot-bot nelayan laut dalam C dan C2 yang berdaftar di Terengganu tidak lagi mendaratkan hasil tangkapan mereka di Pelabuhan Tok Bali, Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menaik taraf prasarana pelancongan di Pulau Perhentian, termasuk aspek keselamatan jeti, kemudahan awam dan pengurusan sisa pepejal, bagi memastikan Kuala Besut kekal sebagai pintu masuk pelancongan antarabangsa?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay, soalan nombor 1. Sila Yang Berhormat Kijal.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan seperti mana yang tertera. Kerajaan Negeri komited bagi membuat kerja-kerja menaik taraf prasarana pelancongan di Pulau Perhentian termasuk aspek keselamatan, kelestarian jeti, kemudahan awam dan pengurusan sisa pepejal bagi memastikan Kuala Besut kekal sebagai pintu masuk pelancongan antarabangsa. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti mana berikut. Pelaksanaan projek naik taraf dan baik pulih jeti kerajaan berhampiran dengan Resort Coral Bay, jeti Pasir Panjang dan Jeti Teluk Keke dengan kos RM3.1 juta, peruntukan daripada Kementerian Kewangan kepada Majlis Daerah Besut bagi memberi penawaran kemudahan pelancongan yang selesa dan lebih selamat kepada para pelancong. Yang kedua, penganjuran program pembersihan pantai dan dasar inisiatif seperti program *Dive Against Debris, Beach Clean Up* dengan izin, yang melibatkan

semua sukarelawan seluruh Negeri Terengganu terutamanya di Pulau Perhentian dan Kuala Besut. Projek ini di bawah kelolaan program Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau United Nation Development Programme (UNDP) bukan AMDA di Pulau Perhentian dengan kerjasama Majlis Daerah Besut, Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu dan komuniti setempat yang melibatkan pengumpulan sampah dari pantai, dasar laut dengan tumpuan untuk menjaga ekosistem dan konservasi marin pulau tersebut. Dan ini diterajui oleh Majlis Daerah Besut, yang mana saya melihat bersama dengan Yang Berhormat berada di Pulau Perhentian selama tiga hari inilah Majlis Daerah Besut memberi satu petunjuk yang agak hebat supaya dapat diikuti oleh majlis-majlis daerah yang lain kerana YDP dia beri tumpuan dan kita berjaya, *insya-Allah* tahun 2026, kita akan masukkan dia dalam Kalendar Pelancongan Negeri Terengganu, Dato' Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, penyediaan kemudahan awam, di Pusat Taman Laut Pulau Perhentian oleh Jabatan Perikanan Negeri melibatkan surau, tandas dan bilik persalinan. Selain daripada penyediaan kemudahan asas tersebut, pelbagai program dan inisiatif turut dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Negeri Terengganu bagi memperkukuhkan pengurusan serta pemuliharaan alam sekitar di kawasan Pulau Perhentian dan yang akhir sekali pengurusan sisa pepejal. Bagi kontrak kutipan dan pemindahan sisa pepejal, pihak Majlis Daerah Besut menguruskan sistem kutipan, sisa dan tender kontrak yang mengangkut sampah dari pulau ke tanah besar untuk pelupusan. Pengurusan ini mesti diselenggara dengan kontrak terikat berdasarkan kepada kekerapan kutipan, pembungkusan dan rekod. Berkaitan dengan pengurusan pepejal, Majlis Daerah Besut juga telah melantik kontraktor pembersihan awam untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan kutipan sisa-sisa pepejal di Pulau Perhentian, itu sahaja Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Soalan tambahan, berapakah jumlah kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara pada tahun lepas ke Pulau Perhentian? Dato' Yang di-Pertua Dewan, dengan izin soalan saya ada dua soalan tambahan untuk infra satu dengan izin, Dato' Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan perlu Notis itu, nak jawab boleh.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Boleh Dato' Yang di-Pertua, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Okey, untuk kehadiran pelancong, khusus di Pulau Perhentian, kita tidak mempunyai data yang tepat, tetapi anggaran kita pada pertengahan tahun 2025, mencecah 300,000 kehadiran pelancong khusus ke Pulau Perhentian dan ini menunjukkan Pulau Perhentian merupakan satu destinasi yang wajib singgah kepada peminat sama ada *scuba diver* ataupun peminat *snorkeling*. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri berusaha secara bersungguh-sungguh untuk memastikan kemudahan infrastruktur di Pulau Perhentian. Pada tahun 2024 Dato' Yang di-Pertua, kami bersama dengan Jabatan Pelancongan, Majlis Bandaraya dan beberapa lagi menjelajah ke seluruh pulau di Negeri Terengganu untuk mengenal pasti masalah, dan lepas itu kita nak cari jalan penyelesaian, lepas itu kita nak laksanakan. Jadi..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, dia tanya soalan jumlah sahaja takdi.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Dia masuk soalan yang kedua tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Dia sebut Infra tak takdi, Dok sebut?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain, dia tertumpu soalan lain. Tak masuk dalam soalan asal.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Tak masuk soalan asal okey, terima kasih, dia sebut infra sebab saya nak jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Infra jawab dah tadi.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Jawab dah tadi? Okey baik, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kita nak bagi ruang kepada dua Yang Berhormat lagi. Seterusnya Yang Berhormat Bukit Besi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua, Bukit Besi soalan nombor satu-

Sejauh manakah keberkesanan program bantuan keusahawanan negeri kepada usahawan kecil di kawasan Bukit Besi dan adakah terdapat perancangan untuk memperluaskan geran atau latihan keusahawanan kepada lebih ramai golongan B40 dan belia tempatan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat, Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Bukit Besi, Dato' Yang di-Pertua Dewan, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Usahawan sentiasa komited membantu usahawan kecil termasuk di kawasan DUN Bukit Besi, melalui pelbagai program pembiayaan dan bantuan geran. Sehingga kini sebanyak 96 orang usahawan kawasan Bukit Besi telah menerima bantuan geran berjumlah RM126,458.52, manakala 22 orang usahawan menerima pembiayaan berjumlah RM276,500.00. Maka jumlah keseluruhan usahawan di kawasan Bukit Besi yang menerima manfaat adalah sebanyak 118 orang dengan jumlah pengeluaran sebanyak RM402,958.52. Program ini menunjukkan keberkesanan yang positif apabila ramai usahawan kecil berjaya memperkukuh perniagaan serta meningkatkan pendapatan keluarga. Kerajaan melalui YPU juga merancang untuk memperluaskan pemberian geran dan pembiayaan kepada lebih ramai golongan B40 dan belia tempatan bagi memastikan pembangunan ekonomi setempat terus mampan dan inklusif. Manakala bagi memperluaskan latihan perusahawanan kepada golongan B40 dan belia tempatan, Yayasan Pembangunan Usahawan telah menerima peruntukan daripada Maybank Islamic sebanyak RM420,480.00 bagi melaksanakan Program Usahawan Belia Sejahtera (UBES) khusus untuk asnaf yang berdaftar dengan MAIDAM dan akan dipanjangkan penyertaan kepada penerima peserta eKasih di bawah Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu. Sasaran penyertaan ialah seramai 40 peserta, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan, Bukit Besi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Satu soalan sahaja, terima kasih atas jawapan, soalan saya daripada 136 yang telah berjaya lulus di peringkat DUN Bukit Besi, boleh bagi pecahan *tak*, apa jenis perniagaan yang usahawan lakukan di peringkat DUN itu sendiri, terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Bukit Besi, Dato' Yang di-Pertua Dewan berdasarkan rekod Sahabat Usahawan Terengganu jumlah keseluruhan usahawan yang berdaftar dan aktif, saya sebut Negeri Terengganu iaitu seramai 16,034 orang, manakala bilangan usahawan Daerah Dungun seramai 1570 dan DUN Bukit Besi seramai 114 orang, manakala bilangan pendaftaran syarikat dan perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga kini dalam Negeri Terengganu ialah seramai 75,938 orang dan perinciannya perniagaan 69,375, Syarikat Sendirian Berhad 6,124, perkongsian liabiliti terhad PLT 439 dan jumlah keseluruhannya 75,938. Manakala bagi Daerah Dungun, bilangan pendaftaran syarikat dan perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sehingga kini ialah seramai 9,284 iaitu 12.2% daripada keseluruhan pendaftaran di Malaysia seperti berikut, perniagaan 8,956, Syarikat Sendirian Berhad 300, perkongsian liabiliti terhad 28 dan jumlah keseluruhannya 9,284. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Sura.

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima Kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Sura soalan nombor satu-

Berapa banyakkah peluang pekerjaan baru ada sepanjang 2023-2025?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Sura, Dato' Yang di-Pertua Dewan, berdasarkan laporan *Labour Market Exchange* PERKESO, peluang pekerjaan sepanjang 2023 hingga 2025 adalah seperti berikut. Untuk tahun 2023, 19,778 tahun 2024, 18,854 manakala 2025 sehingga bulan September 13,333 jumlah keseluruhannya 51,965, sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan Yang Berhormat DUN Sura.

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Satu saja soalan tambahan saya. Apabila melihat tentang sektor pekerjaan yang sudah sedia ada, kami golongan belia ni nak tahu sektor industri manakah yang menjadi tumpuan dan membuka peluang pekerjaan yang paling tinggi dalam tempoh yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua Dewan, sebenarnya peluang-peluang pekerjaan ini lebih fokus kepada golongan-golongan belialah. Berdasarkan data tahun 2025 sahaja, sektor industri yang mencatat jumlah kekosongan tertinggi di Negeri Terengganu adalah seperti berikut;

1. Pembuatan, 2065 kekosongan
2. Pendidikan 1,712 kekosongan.
3. Perkhidmatan sokongan dan pentadbiran 1,464 kekosongan.
4. Perdagangan borong dan runcit 978 kekosongan
5. Pembinaan 476 kekosongan.

Secara keseluruhannya sektor pembuatan menunjukkan jumlah kekosongan tertinggi pada tahun 2025 dengan 2065 kekosongan diikuti oleh sektor pendidikan 1,712, perkhidmatan sokongan dan pentadbiran 1,464. Data ini menunjukkan bahawa pada tahun 2025, keperluan tenaga kerja di Negeri Terengganu lebih tertumpu kepada sektor perindustrian, pendidikan dan perkhidmatan sokongan dan pentadbiran selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan peningkatan keperluan kemahiran teknikal di negeri ini. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan terakhir? Mana-mana, Yang Berhormat? Tidak ada? Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Alur Limbat dan semua Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11 pagi.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan, mesyuarat disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat semalam Rang Enakmen Perbekalan 2026 untuk Bacaan Kali Yang Kedua telah mendapat sokongan. Sekarang saya, akan memberi ruang untuk perbahasan kepada semua Yang Berhormat-berhormat. Sila Yang Berhormat yang nak memulakan perbahasan pada pagi ini. Sila Yang Berhormat Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَا بَعْدُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil jabatan, pemerhati, tetamu, tuan-tuan, puan-puan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Saya mulakan perbahasan pada pagi ini dengan membaca ayat kelima belas Surah Al-Mulk:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ دَلْوًا فَاْمَشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

Maksudnya, Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian daripada rezekinya dan hanya kepadanyalah kamu dikembalikan.

Ayat yang kita baca tadi mengingatkan kita bahawa segala sumber dan rezeki yang ada di bumi ini adalah amanah daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang dipermudahkan kepada kita untuk dimanfaatkan. Manusia digalakkan untuk berusaha mengurus sumber-sumber tersebut dengan bijaksana dan penuh amanah. Bertanggungjawab kerana ianya semuanya akan dihisap di hadapan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, dan juga kepimpinan Kerajaan Negeri Terengganu yang telah membentangkan suatu Belanjawan bagi tahun 2026 yang disusun penuh dengan tanggungjawab dan keprihatinan dengan tema yang diangkat "*Memacu Potensi, Melonjak Prestasi*". Belanjawan ini bukan sekadar sebagai satu dokumen kewangan tapi ia mencerminkan sebuah keutuhan dasar yang kukuh kestabilan tadbir urus dan kesungguhan pihak Kerajaan untuk membela rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apabila kita meneliti Belanjawan 2026 ini jelas terpancar kesungguhan Kerajaan Negeri Terengganu menyeimbangkan di antara keperluan semasa dan juga perancangan untuk masa hadapan. Peruntukan hampir 2 billion ini termasuk perbelanjaan mengurus menunjukkan diri ini terus mengamalkan disiplin fizikal yang bertanggungjawab. Dalam masa yang sama, tidak lupa caruman yang besar kepada Kumpulan Wang Pembangunan menjadi bukti bahawa Kerajaan tidak hanya menumpu kepada perbelanjaan operasi semata-mata tetapi turut juga berfikir jauh ke hadapan demi kesinambungan pembangunan Negeri Terengganu. Dari segi hasil pula, saya melihat Kerajaan Negeri berada di landasan yang betul keupayaan menjana hampir 2 billion ringgit hasil keseluruhan dengan lebih bajet iaitu *surplus* 3% membuktikan pengurusan kewangan yang cermat dan berkesan, apa yang penting ialah memastikan setiap sen peruntukan yang telah diperuntukkan itu diterjemahkan kepada manfaat sebenar demi kepentingan rakyat dan juga Negeri Terengganu yang tercinta.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil isu yang pertama, iaitu isu perumahan. Isu perumahan bukan suatu yang perkara yang berkait dengan tanah pasir ataupun simen. Bahkan ia merupakan soal maruah dan kesejahteraan hidup rakyat. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah terus menempatkan pembangunan rumah mampu milik sebagai antara agenda terpenting di dalam dasar pembangunan rakyat.

Sejak tahun 2018, lebih 3,000 unit rumah telah disiapkan termasuk 620 unit baru pada tahun ini yang melibatkan kawasan Kuala Nerus, Kemaman dan Besut. Tidak terhenti di situ lebih daripada 9,000 unit lagi sedang dibangunkan, manakala lebih 3,000 unit dalam perancangan di seluruh daerah. Ini bukan angka kosong. Ini adalah suatu gambaran kesungguhan kerajaan untuk memastikan setiap keluarga di Terengganu mampu memiliki rumah, tempat berteduh yang selesa, berkualiti dan berharga yang berpatutan. Rumah bukan sekadar dibina untuk didiami bahkan untuk membina masa depan. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri tidak pernah alpa terhadap aspek pembangunan modal insan dalam melahirkan tenaga kerja tempatan yang berketerampilan dan berdaya saing melalui pemerksaan institusi kemahiran dan aliran teknikal. Kita sedang membentuk generasi baru yang bukan hanya mencari pekerjaan tetapi mereka ini dibentuk untuk mencipta pekerjaan. Keutamaan juga diberi kepada pendidikan Islam khususnya, sekolah agama rakyat, tahfiz dan pondok, yang menjadi tunjang pembinaan akhlak masyarakat dan menambah baik bantuan perkapita dan Skim Al-Ghazali.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, isu kedua hak kita yang masih dinafikan. Kita juga harus berani menyatakan hakikat bahawa Negeri Terengganu belum diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan Persekutuan Madani sama ada dalam Rancangan Malaysia Ke-13 mahupun Belanjawan 2026. Penafian bayaran royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri Terengganu masih diteruskan oleh Kerajaan Madani walhal petroleum itu adalah daripada laut Negeri Terengganu menyebabkan banyak keperluan asas yang masih belum mendapat tumpuan yang sepatutnya dan ruang fiskal negeri juga sering terbatas akibat kekangan ini. Dalam masa yang sama, pelbagai peruntukan diberi kepada negeri-negeri yang lain, yang tidak kurang bahkan mencapai mencecah nilai puluhan billion ringgit contohnya Kerajaan Pulau Pinang.

Kita diibaratkan sedang berada di gelanggang pertarungan dengan tangan diikat, kaki dibelunggu, mata ditutup, lalu mereka mengheret kita di dalam

gelanggang membunyikan loceng untuk bertarung. Namun begitu, Kerajaan Negeri tidak pernah tunduk kepada keadaan ini. Kita tidak menunggu simpati sebaliknya memacu potensi sendiri. Menggembleng sumber yang ada dan menggerakkan kekuatan rakyat dengan penuh yakin. Inilah semangat Terengganu, berdikari, berdaya tahan dan berprinsip. Walau tidak diangkat istimewa oleh pusat, kita tetap melangkah dengan maruah memastikan pembangunan negeri terus bergerak dan kesejahteraan rakyat tidak tergendai.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa pencarian penting Negeri Terengganu yang wajar kita banggakan bersama. Berdasarkan kepada indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia MHI 2024, Terengganu telah dinobatkan sebagai negeri paling bahagia dengan skor 8.64. Ia bukan angka yang biasa, ini menggambarkan sebenarnya suasana harmoni, kesejahteraan sosial, kualiti hidup rakyat Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua *ni* bahagia *dok?* [ketawa] Sebab saya tengok daripada pagi sampai petang kelmarin hingga hari ini senyum *je*. Barangkali Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua ini di antara yang skor ini dapat 8.64. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Ahli-ahli Dewan semua bahagia?

AHLI-AHLI DEWAN: Bahagia.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Kuat sikit.. Bahagia. *Alhamdulillah*, tambah masa *deh*. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, isu yang seterusnya ialah Ketelusan Belanjawan. Yang lebih membanggakan Terengganu terus kekal sebagai negeri terbaik dalam ketelusan belanjawan menduduki tempat pertama di Malaysia bagi tahun 2022 dan 2024. Pencapaian ini bukan sekadar pengiktirafan di atas kertas tetapi merupakan gambaran kepada budaya tadbir urus yang berintegriti dan bertanggungjawab. Ia menunjukkan bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dapat dijejaki, dinilai dan dipertanggungjawabkan. Oleh karena itu, tidak ada alasan bagi Kerajaan Persekutuan Madani untuk menyalurkan hak rakyat Negeri Terengganu royalti yang selalu dilaungkan oleh mereka bahawa bimbang kalau diberi royalti ini akan berlaku penyelewengan dan pelbagai masalah. Ini adalah satu keadaan yang bercanggah dengan laporan daripada Audit Negara.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagai usaha memperkukuhkan keberkesanan Belanjawan 2026, saya mencadangkan agar kerajaan

menekankan dua elemen penting. Pertama, Pembangunan Infrastruktur Lestari. Peruntukan Belanjawan perlu memberi fokus kepada projek mesra alam seperti Pengurusan Sisa Pepejal yang efisien, Tenaga Boleh Diperbaharui, Sistem Pengangkutan Awam yang lestari dan Pengurusan Air yang mampan. Suka saya memperingatkan kepada pihak Kerajaan dan juga mencadangkan kepada pihak Kerajaan dengan nasihat yang telus dan tulus agar setiasa berhati-hati di dalam pelbagai aspek, membuat kajian yang betul-betul mendalam di dalam memutuskan apa-apa keputusan terutamanya yang melibatkan kenaikan caj kepada rakyat. Kita sedar bahawa Kerajaan Negeri menghadapi kesungguhan, kekurangan kewangan dan bersungguh-sungguh untuk menambah pendapatan negeri. Pun begitu, kita tidak boleh menaikkan taraf ataupun tarif air yang baru-baru ini sehingga menyebabkan rakyat menjadi gusar, pelbagai pandangan telah diberi, cadangan telah disebut untuk memperbaiki keadaan ini.

Saya nak ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan juga barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berlapang dada, yang berjiwa besar telah meluluskan bantuan subsidi kepada pengguna air SATU ini. Ini adalah suatu gambaran yang sangat hebat. Kerajaan sentiasa melihat apa yang dirungut oleh rakyat kita. Ini sekali gus memastikan kos tidak membebankan isi rumah terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Kejayaan ini menunjukkan kerajaan memiliki strategi pengurusan yang berkesan, gabungan antara harga yang realistik dan perlindungan sosial serta memberi keyakinan kepada rakyat. Yang kedua, kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Perutukan tambahan untuk Kemudahan Kesihatan Desa, Program Kesihatan Mental dan Pemerkaasan Pusat Kesihatan Komuniti akan memastikan rakyat di pinggir bandar mendapat akses perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan saksama. Dengan penekanan kepada kedua-dua elemen ini, Belanjawan akan menjadi instrumen pembangunan menyeluruh bukan sahaja memacu pertumbuhan fizikal dan ekonomi negeri tetapi juga meningkatkan kualiti rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ibnu Khaldun dalam kitabnya mukaddimah berkata "Kestabilan sesebuah kerajaan bergantung kepada keadilan dalam pungutan hasil dan kebijaksanaan dalam membelanjakannya". Apabila kita membahaskan Belanjawan 2026 ini, kita akan melihat angka bukan sekadar nilai jumlah dan peruntukan tetapi juga falsafah dan hikmah di sebalik setiap sen yang dirancang untuk kesejahteraan rakyat dan kemajuan negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin ambil peluang sedikit untuk kawasan saya DUN Bandar. Saya rasa saya *dah* beberapa kali menyebut di dalam Dewan ini berhubung dengan Pasar Chabang Tiga kerana di antara rungutan-rungutan mereka ialah kesukaran kenderaan-kenderaan besar untuk masuk ke pasar tersebut. Kita mengharapkan Pasar Chabang Tiga ini menjadi salah satu dari tempat yang termasuk dalam Kalendar Pelancongan supaya pelancong ataupun pengunjung-pengunjung masuk dan bahkan boleh bukan sahaja kenderaan kereta boleh juga dilalui oleh bas daripada luar, itu harapan daripada kawasan DUN Bandar. Sebagai penutup, saya ingin menekankan bahawa Belanjawan 2026 ini harus dilihat bukan sekadar dokumen kewangan tetapi sebagai alat pembangunan menyeluruh yang mengutamakan Kesejahteraan Rakyat, Keberkesanan Penyusunan Sumber dan Kelestarian Negeri seperti bidalan Melayu yang sarat maknanya, "kalau asal benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau." Demikianlah Negeri Terengganu. Walau diuji dalam seribu cabaran, tetapi berdiri teguh dengan dasar yang jelas, hala tuju yang mantap dan pimpinan yang berpandangan jauh. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Menteri Besar dan semua pimpinan Kerajaan Negeri di atas pembentangan Belanjawan untuk tahun 2026 ini. Semoga Belanjawan yang realistik dan berprinsip ini dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan amanah untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan negeri, *insya-Allah* dengan tema "Memaju Potensi, Melonjak Lestari", Bandar menyokong penuh ucapan Belanjawan Tahun 2026 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar. Seterusnya saya mempersilakan mana-mana Yang Berhormat. Yang Berhormat Jertih.

YANG BERTHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَةِ الْإِسْلَامِ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ مَا بَعْدُ

Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَقِيبُ الْأُمُورِ
 صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

Dan orang-orang yang kami berikan kepada mereka kekuasaan di atas muka bumi. Dan mereka mendirikan solat. Dan mereka menunaikan zakat. Dan mereka menyuruh kepada perkara ma'ruf. Dan mereka mencegah kepada perkara mungkar.

Surah Al-Hajj ayat 41

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua Dewan, yang dirahmati oleh Allah seluruh pimpinan Ahli-ahli MMK, ADUN-ADUN, Pengarah-pengarah Jabatan dan seluruh yang hadir hari ini. *Alhamdulillah*, Jertih mengucapkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada ucapan Belanjawan 2026 "Memacu Potensi, Melonjak Prestasi" dan saya memfokuskan kepada fokus ketiga. Keutamaan Kerajaan Negeri melestarikan keperluan sosial bagi menjamin kesejahteraan inklusif. Baik.

Sahabat-sahabat sekalian, antara isu besar. Negeri Terengganu, sejujurnya tuan-tuan sekalian. Bagaimana usaha untuk merosakkan generasi. Negeri kita terkenal dengan gejala penagihan najis dadah. Tuan-tuan sekalian, kalau kita lihat dalam *trend* yang berlaku ini tuan-tuan, seluruh lapan daerah. Daerah pertama kalau menang, johan peringkat daerah dadah tuan-tuan, Kuala Nerus. Diikuti oleh Besut sebagai naib johan dan sejarah dadah ini sejarah yang panjang. Bukan semasa zaman kita memerintah dengan slogan, Terengganu Maju, Berkat Sejahtera. Bagaimana kalau kita lihat dadah digunakan sebagai senjata untuk melumpuhkan sesebuah negeri ataupun negara. Contohnya perang Candu yang berlangsung dalam abad ke-19. Bagaimana *empire* dengan izin *Pax Britannica* ataupun *Britain* yang berperang dengan kerajaan Manchu di China dimasukkan opium ataupun candu dengan banyak dan kesannya China kalah dalam perang Candu yang pertama. Seterusnya berlangsung perang Candu yang kedua yang menyebabkan kerajaan Manchu hilang sebuah tempat yang strategik iaitu geopolitik iaitu Hong Kong yang dijajah oleh British hinggalah tahun 1997. Sejarah kemasukan dadah ke tanah air kita, tuan-tuan sekalian. Bagaimana dengan kehadiran imigran-imigran daripada China

terutama pada awal abad ke-20, tuan-tuan sekalian. Penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Bagaimana British melesenkan kedai-kedai untuk menghisap candu ini. Melesenkan, mengutip cukai-cukai dari kedai candu dengan penggunaan candu, tuan-tuan untuk memberikan hiburan kepada imigran daripada China yang bekerja di lombong-lombong, mengutip cukai, bahkan diberikan izin, tuan-tuan sekalian. Hinggalah tahun 1952 bahawa kita ada ordinan untuk mengawal kemasukan candu dan hukuman kepada penghisap dadah ataupun candu ini. Baik. Pantas masa berkembang. Selepas merdeka tahun 1960-an, 70-an dengan merasuknya dunia pop, dunia muzik pop, tuan-tuan sekalian. Reggae, blues, rock dan sebagainya, tuan-tuan semakin anak-anak muda minat kepada penggunaan dadah sintetik termasuk budaya *Woodstock* yang juga diadakan di Kuala Lumpur di Cheras tahun 1972. Maka kita melihat dadah ini mula menyerang di kawasan *Malay Belts*, terutama di kawasan-kawasan felda. Terengganu, Kelantan dan Pahang bagai bersemaraknya penagihan najis dadah di kalangan anak-anak muda. Manakala tempat negeri yang dibuat serbuan *lab* ataupun makmal dadah di Pulau Pinang dan juga di negeri Perak. Baik.

Sahabat-sahabat sekalian, isu ini sangat besar. Contoh saya melihat statistik daripada PDRM. Di mana pada tahun lepas, seramai 12,004 orang dikesan sebagai penagih dadah di negeri kita dan kita ucap terima kasih juga pada pihak agensi, AADK, kepada pihak Polis Diraja Malaysia, tuan-tuan sekalian juga NGO PEMADAM yang berusaha untuk bekerja keras bagi menangani isu-isu gejala penagihan dadah di Negeri Terengganu, tuan-tuan. Kita masih lagi tangga teratas. Baik. Begitu juga saya ucap tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri kerana mengambil sikap tidak popular. Tindakan politik tidak popular mengharamkan kedai-kedai *vape*. Tahniah kepada EXCO berkenaan kerana *vape* ini tuan-tuan salah satu daripada elemen untuk menularkan gejala penagihan dadah. Terutamanya melalui *vape mushroom* yang digunakan daripada sintetik ganja, tuan-tuan sekalian. Baik.

Akhir sekali kalau kita melihat sahabat-sahabat sekalian bagaimana juga saya sebut tadi kawasan-kawasan *Malay Belts*, jangan kita anggap ini sebagai satu isu politik yang cuba digembar-gembur oleh penentang kita, musuh kita tapi realitinya di kampung-kampung kita, kita lihat anak-anak muda yang terlibat dengan gejala dadah dan hari ini, kalau 20 tahun lepas pil kuda, tuan-tuan sekalian dengan harga sekitar RM15 ke RM20, hari ini telah jatuh pada harga RM5 di pasaran menyebabkan anak-anak remaja kita. Tuan-tuan sebutlah

daripada Pulau Perhentian di Kuala Besut sampai di Kuala Kemaman. Gejala penagihan Pil Yaba, Amphetamine, Pil Kuda dan sebagainya. Jadi, saya mohon kepada pihak Kerajaan dengan bersungguh-sungguh mengadakan kempen skala besar. Kempen anti-dadah. Contoh, kita ada kempen Melawat Terengganu 2026. Mengapa tidak adakan kempen Anti-Dadah Terengganu 2026? Berskala besar kerana kita mewarisi masalah kerajaan lama, daripada zaman British lagi tuan-tuan sekalian. Jangan salahkan kerajaan yang kita baru memerintah tujuh tahun ini dan mereka ini tuan-tuan, anak-anak muda sebahagian mereka terlibat. Anak-anak muda, tuan-tuan, mereka hierarki penting dalam sumber manusia sebagaimana kalau kita baca sirah Nabi ﷺ. Antara pemikir terkenal Dr. Hussin Haikal menyebut dalam kitab.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Ada Jertih, minta laluan sikit nak tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Wakil Jertih duduk dulu boleh

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Nak tanya. Suatu masa dahulu kita ingat komunis musuh nombor satu negara. Kemudian dadah musuh nombor satu negara tapi nampaknya musuh ini hidup. Terus hidup. Kekal. Kita nak buat cadangan-cadangan yang baik supaya perkara ini dapat kita betul-betul banteras. Saya setuju tadi. Kita buat kempen besar-besaran. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Jertih?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Jertih. Terima kasih, tuan-tuan.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih, Wakil Permaisuri, dadah masih kekal sebagai musuh. Terutama negara kita, tuan-tuan sekalian. Dulu, bimbang. dia di pub, di kelab-kelab malam, di kawasan bandar. Tengok kalau Kuala Lumpur tuan-tuan sekalian, kawasan B40, Kampung Kerinchi, Pantai Dalam, Kampung Jubadak, Kampung Puah Seberang, Kampung Puah Hilir, Kampung Pandang-Bandang sebagai sarang dadah dan ini *Malay Belt* kalau di kawasan Kuala Lumpur tapi mengapa tidak kawasan *upper-middle class* tidak terlibat dengan gejala dadah. Ini kita boleh fikir, tuan-tuan.

Ada serangan yang terancang. Baik. Jadi, saya setuju. Kita bersama-sama, tuan-tuan, lancarkan kempen skala besar anti-dadah.

Balik kepada hujah tuan-tuan, Dr. Hussin Haikal, Kitab iaitu Hayatu Muhammad. Bagaimana Nabi ﷺ membina generasi, membina anak-anak muda. Bagaimana Dr. Abdullah Nasih 'Ulwan dalam buku Peranan Pemuda menyebut, pemuda ini kelompok yang sangat penting kerana mereka mempunyai semangat, kekuatan fizikal, kekuatan aqliyah, *intellectual* dan kelompok yang berani untuk berubah sebab itu bersama Nabi semenjak awal dakwah tuan-tuan, orang-orang muda disebut oleh Sheikh Murni Ratban, Mus'ab bin Umair umur 17 tahun, Arkam bin Abi Arkam, 16 tahun. Tuan-tuan lihat, sahabat Nabi tuan-tuan dan sekalian. Saidina Abu Bakar, umur 38 tahun. Qaliyah Fatayat beliawanis, Asma' binti Abu Bakar belasan tahun. Sampai akhir umur Nabi, Nabi utamakan orang-orang muda. Jadi sebab kempen ini sangat penting untuk kita selamatkan generasi muda. Nabi nak wafat, ada ancaman Rom. Tuan-tuan, ancaman Rom di Balkot. Nabi utuskan, arahan Nabi keluar tentera Islam. Anak muda panglimanya berusia 17 tahun, Usamah bin Zaid. Tuan-tuan, sahabat-sahabat yang dirahmati oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sekalian, saya cadangkan di Dewan yang mulia ini, tuan-tuan daripada arahan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sampai ke peringkat bawah di setiap DUN, kita giatkan kempen kita untuk menentang dadah ini. Saya minta tuan-tuan Kerajaan mengawal terutama program-program yang berselindung. Namanya, *Food Festival*. Namanya festival makan dan sebagainya. Tetapi, *sense said culture*, budaya seronok santai dimasukkan secara halus, dikir barat, dikir karut tuan-tuan dan sebagainya. Kadang-kadang, saya tak boleh sebut namalah. Panggil *band-band* daripada luar tuan-tuan dengan *headbanging* minta maaf dengan izin, dengan helikopter atas pentas, tuan-tuan sekalian seolah mengimbu balik zaman semaraknya dadah negara kita pada tahun 1980-an dengan keterlibatan artis-artis rock dalam isu-isu *Battle Of The Band*. Jadi, saya minta tuan-tuan Terengganu kita memperketatkan lagi enakmen kawal hiburan kita. Jangan jadikan anak muda kita rosak semata-mata kita nak buka ruang anak muda ramai berhimpun Terengganu termasuk mengawal *event* atau acara popular RXZ Member kita setiap tahun dikawal dengan baik, *insya-Allah*. Jadi, terima kasih dan saya menyokong Ucapan Belanjawan 2026 "Memacu Potensi, Melonjak Prestasi", Jertih menyokong.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

Terima kasih, Yang Berhormat Jertih. Ahli Sidang kita *ni* Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Jertih. Sahabat-sahabat tu betul *doh* tapi Ahli-ahli Yang Berhormat, *hok tu* bahasa kuliah sahabat, Ahli-ahli Yang Berhormat ya. Terima kasih, Yang Berhormat Jertih. Seterusnya, saya mempersilakan mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, para media, para pemerhati yang berada dalam Dewan ini dan juga di atas talian serta hadirin-hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Izinkan saya membuka bicara di Dewan yang mulia ini dengan serangkap pantun.

Bunga kenanga di atas peti,
Harum mewangi dihembus bayu,
Sidang bermula, penuh bererti,
Moga diberkati, dirahmati selalu.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dapat berhimpun dalam Dewan yang mulia ini membicarakan hal ehwal negeri yang kita cintai, Terengganu Darul Iman. Negeri yang bukan sahaja indah pada alamnya tetapi luhur pada nilai, teguh pada prinsip, kukuh di atas dasar Islam. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas Pembentangan Belanjawan Negeri 2026. Semoga segala rancangan dan iltizam yang dikemukakan menjadi wasilah untuk memperkukuh kesejahteraan rakyat dan memastikan setiap hasil mahsyul negeri diagihkan dengan adil, saksama, penuh berkat tanpa mengira siapa. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman dalam surah An-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

"Barang siapa mengerjakan kebajikan baik laki-laki mahupun perempuan dalam keadaan beriman maka pasti akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan kami akan beri balasan dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan."

Inilah asas kepada negeri bahagia, bukan bahagia yang diukur pada material atau kemajuan lahiriah semata-mata tetapi bahagia yang berakar daripada keimanan, akhlak dan kesejahteraan hati. Menurut laporan Malaysia Happiness Index 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, *Alhamdulillah* Terengganu mencatat skor 8.64 daripada 10 markah penuh, tertinggi di Malaysia sekali gus menjadikan negeri kita sebagai negeri paling bahagia di negara ini. Komponen yang menyumbang kepada kebahagiaan itu ialah agama dan spiritual 8.69 serta keluarga 8.64 daripada 10 markah penuh membuktikan bahawa kebahagiaan sebenar dijana dan dipupuk daripada penghayatan agama dan hubungan kekeluargaan yang harmoni yang menghasilkan rakyat yang bahagia dan sejahtera. Ini membuktikan bahawa rakyat Terengganu bahagia kerana mereka beragama bukan kerana mereka bermegah.

Air jernih di kaki bukit,
Mengalir lembut ke tengah bendang,
Bahagia rakyat bukan sedikit,
Bila agama menjadi tunjang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadang agar segala dasar negeri mesti berpaksikan Islam dan nilai agama agar kebahagiaan ini terus kekal menjadi warisan generasi anak negeri pada masa akan datang dengan bekalan ilmu dan taqwa. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kebahagiaan negeri tidak akan sempurna tanpa kedaulatan politik dan ekonomi yang terpelihara. Kita harus belajar daripada sejarah. Sejarah luka lama yang menggores maruah Negeri Terengganu suatu ketika dahulu kerana dendam politik sempit dan dengki. Hasil petroleum yang dibayar kepada Kerajaan Negeri telah dinafikan oleh Kerajaan Persekutuan akibat daripada perbezaan politik antara Negeri dan Persekutuan. Ini adalah satu kesilapan terbesar yang telah dilakukan oleh UMNO terhadap rakyat dan Negeri Terengganu. Hak rakyat dinafikan, royalti disekat. Maka bermulalah polemik bayaran royalti sehingga kini. Rakyat menjadi mangsa. Negeri kehilangan daya. Sejarah luka ini tidak boleh diulangi lagi oleh generasi kini. Biarkan ia berlalu pergi. Kita bina sudut

pandang baru, bersatu dan berpadu, mempertahankan maruah rakyat dan negeri ini.

Pohon rendang di tepi laman,
Dahan patah dek ribut senja,
Dendam politik sempit kian membeban,
Rakyat merana maruah tercalar akhirnya.

Kita tidak mahu sejarah itu berulang. Kini apabila Allah mengurniakan pula khazanah baru, berupa *Rare Earth Element* (REE) dengan izin maka kita wajib memastikan kesilapan yang sama tidak diulang. Laporan rasmi menunjukkan Malaysia mempunyai 16 juta tan REE dengan nilai potensi mencecah RM800 bilion termasuk 42% hasilnya berada di bumi Terengganu. Namun, sebesar mana pun nilainya ia tidak membawa berkat jika diurus dengan tamak, khianat dan tidak telus. REE bukan hanya mineral, ia adalah amanah, ia milik rakyat dan negeri ini. Bukan milik mana-mana parti, individu atau kumpulan. Biarlah siapa pun memerintah di Negeri atau Persekutuan, hasil bumi tetap milik rakyat dan Negeri Terengganu. Inilah maruah, inilah prinsip yang tidak boleh dikompromi. Maka inilah masa kita mesti bersatu, berpadu mempertahankan hak negeri.

Pantai Marang ombak membadai
Di balik bukit si pohon jati
Hasil bumi jangan digadai
Maruah negeri jangan dikhianati

Di saat kita membina politik matang ini, muncul isu remeh tapi menyusahkan rakyat. Cop JPCK tidak diperakui di sekolah-sekolah bawah kementerian. Saya ingin berpesan kepada institusi pendidikan, pusat kita membina ilmu dan tamadun, usah direndahkan kemuliaan yang terbina. Amat malang, institusi mengajar amalan kebaikan tapi bisikan perpecahan yang diamalkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, meneruskan ucapan, izinkan saya menyentuh satu lagi isu penting, isu tanah negeri yang digunakan Felda di Negeri Terengganu. Semenjak tahun 1985, tanah milik kerajaan negeri seluas anggaran 15,000 hektar telah dibangunkan oleh Felda untuk ladang sawit tanpa penempatan. Empat dekad berlalu, hasil daripada tanah-tanah ini telah

dinikmati oleh pihak lain, sedangkan hak negeri dan hak Terengganu terus dinafikan. Ini bukan isu politik. Ini isu keadilan dan maruah negeri.

Kerajaan negeri telah menunjukkan kesabaran dan hikmah dengan memberi ruang untuk rundingan. Namun jika keadilan terus ditangguh, tindakan tegas perlu diambil agar maruah negeri tidak diperlekehkan.

Tanah subur di bumi beriman
Hasilnya makmur membina negeri
Jangan diulang khianat zaman
Menafikan hak rakyat sendiri

Pengkalan Berangan menyokong penuh apa-apa tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mempertahankan hak negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mewakili Pengkalan Berangan dan Marang secara umumnya, merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memuktamadkan Pembinaan Loji Rawatan Air Marang. Moga penghujung 2029 membawa sinar bahagia untuk warga Marang. Bekalan air bersih terawat Marang dibekalkan oleh Loji Rawatan Air Marang. Di saat berita gembira diumumkan, sebahagian warga Mukim Merchang baru sahaja diuji dengan ketiadaan bekalan air terawat selama lebih kurang satu bulan. Akibat daripada paip utama pecah. Terima kasih Pegawai SATU, Marang dan anggotanya yang bertungkus lumus menyelesaikan masalah tersebut. Puncanya apabila paip utama yang bersaiz 200mm dari tangki Serating, tidak memadai untuk menghantar bekalan dalam jarak yang jauh. Untuk itu, cadangan penambahbaikan ialah dengan penggantian paip utama kepada saiz 300mm. Tambahan pula, paip 200mm itu Paip *Asbestos Cement* (AC) dengan izin yang telah melepasi 30 tahun tempoh penggunaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Marang satu-satunya daerah yang masih lagi belum mempunyai hospital daerah. Untuk itu, Pengkalan Berangan memohon kerajaan untuk menjadikan pembinaan hospital Marang menjadi projek keutamaan negeri ketika mengangkat permohonan dengan Kerajaan Persekutuan. Petugas kesihatan Marang juga ingin merasai suasana duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan daerah lain di Terengganu dalam memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat. Negeri yang benar-

benar bahagia ialah negeri yang mendengar suara rakyatnya dan memenuhi keperluan asas mereka dengan segera dan saksama.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Terengganu Skill, TESDEC dan pusat latihan bertauliah TVET lain merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan yang telah bersetuju menubuhkan Majlis TVET Negeri Terengganu. Akhirnya marilah kita memperkukuhkan gagasan kembali kepada penyelesaian Islam Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera supaya Terengganu kekal menjadi negeri contoh yang berkat, bermaruah, makmur.

Layar bahtera mengail tenggiri
Berpaut kemudi menuju muara
Islam dijadikan teras negeri
Rakyat maju berkat sejahtera

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* berfirman di dalam Surah Ar-Ra'd ayat 11

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا أَمَّا بِأَنفُسِهِمْ ۗ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah yang tidak akan mengubah nasib suatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka.

Pengkalan Berangan mohon menyokong Ucapan Belanjawan 2026 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar dengan tema "Memacu Potensi, Melonjak Prestasi". Sekian.

وَبَرَكَاتُهُ تَعَالَىٰ وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

YANG BERTAHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Bertahormat Pengkalan Berangan. Seterusnya, saya mempersila Yang Bertahormat Wakil Ladang.

YANG BERTAHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, para media, para emerhati serta hadirin-hadirat dirahmati Allah sekalian.

Setinggi penghargaan dan tahniah diucapkan pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pengumuman Belanjawan 2026 yang bertemakan "Memacu Potensi, Melonjak Prestasi". Pastiya menuntut satu kerjasama erat demi kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu. Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam Perbahasan pada hari ini. Izinkan saya menzahirkan rasa syukur kehadiran Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan limpah dan rahmat dan inayahnya, Negeri Terengganu Darul Iman terus menikmati kemakmuran, kestabilan dan keberkatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri yang berteraskan prinsip Islam, amanah dan rakyat sebagai keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ladang ingin menarik perhatian Dewan terhadap deretan pencapaian positif Kerajaan Negeri yang bukan sahaja membanggakan rakyat, bahkan mengukuhkan kedudukan negeri ini sebagai Model Pentadbiran Islam yang cemerlang dan berdaya tahan dalam arus ekonomi global yang semakin mencabar. Pertama, dari aspek lonjakan ekonomi negeri, pencapaian dan prestasi yang cemerlang. Terengganu Incorporated Sdn. Bhd (TI) menunjukkan peningkatan amat memberangsangkan. Pendapatan kumpulan (TI) meningkat daripada RM900 Juta daripada tahun 2018 kepada RM1.75 bilion pada Tahun 2024. Peningkatan hampir dua kali ganda dalam tempoh 6 tahun.

Kejayaan GLC contohnya EPIC Berhad mencatat pendapatan tertinggi dalam sejarah syarikat tersebut berjumlah RM403 Juta. Begitu juga dengan TDM Berhad juga menunjukkan prestasi konsisten dengan pendapatan sebanyak RM645 juta dan kekal mencatat keuntungan tiga tahun berturut-turut dan kecemerlangan ini turut memberi impak sosial melalui peluang pekerjaan CSR dan juga pembangunan komuniti setempat.

Yang kedua, aspek tadbir urus kewangan negeri terus diangkat sebagai antara terbaik di negara ini. Berdasarkan penilaian oleh IDEAS dan pada badan bebas lain, Terengganu kekal sebagai negeri nombor 1 di Malaysia dan ketelusan Belanjawan pada tahun 2022 dan tahun 2024. Kerajaan ini menunjukkan

bahawa setiap ringgit negeri diuruskan dengan penuh tanggungjawab dan ketanggungan. Ini menggambarkan dasar pentadbiran berintegriti yang berpaksikan prinsip Al-Amanah dan Al-Islam selari tuntutan Islam bahawa pengurusan harta awam adalah satu bentuk amanah besar yang akan dipersoalkan di hadapan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan yang ketiga, Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakan transformasi fizikal berani dengan memperkukuhkan hasil negeri tanpa terlalu bergantung kepada royalti petroleum. Ini membuktikan bahawa walaupun perolehan royalti berkurang, Kerajaan Negeri tetap berjaya meningkatkan hasil sebenar negeri melalui sumber-sumber alternatif termasuklah pengurusan tanah, pelaburan strategik serta inovasi dalam sektor perikanan, perancangan dan pertanian. Segala kejayaan yang disebutkan tadi bukanlah hasil kerja sehari dua tetapi hasil dari perancangan strategik, disiplin pelaksanaan dan keikhlasan pimpinan yang menjadikan prinsip Islam sebagai dasar pemerintahan dan rakyat sebagai keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam usaha merealisasikan tema "Memacu Potensi Melonjak Prestasi" pastinya kita perlu menuju politik matang dan sejahtera. Hari ini, di bawah naungan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita telah berjaya mengubah wajah politik kita. Kita tidak lagi membalas serangan dengan kemarahan tetapi kita buktikan dengan prestasi dan pencapaian. Inilah kekuatan baru Terengganu politik yang stabil, beradab dan menenangkan rakyat. Dasar pemulihan peninggalan kerajaan lama telah membuktikan bahawa wajah baru politik dan Pentadbiran Negeri ini dan dasar pertimbangan kita tidak menuding jari ke belakang sebaliknya kita mengambil pendekatan memulih, membaiki dan menghidupkan semula projek-projek berpotensi tinggi satu demi satu. Justeru, marilah kita terus memperkukuhkan muafakat ini. Jadikan Bajet ini bukan sekadar angka dan hanya manis sebagai tatapan tetapi simbol keazaman kita untuk membawa Terengganu terus maju, berkat dan sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, umum mengetahui bahawa antara peranan Ahli Dewan Undangan Negeri sebagai mekanisme semak dan imbang ataupun *check and balance* dengan izin, kepada Kerajaan Negeri demi memastikan pelaksanaan dasar dengan telus dan berintegriti. Justeru itu, Ladang mengambil ruang dan peluang ini untuk menyuarakan beberapa isu dan cadangan. Pertama, perkara yang berkait yang sangat penting untuk diberikan perhatian ialah mengenai tahap penguasaan Fardhu Ain dalam kalangan

ratusan ribu murid kita yang mengikuti program KAFA di sekolah-sekolah. Saya mendapat maklumat daripada beberapa pihak bahawa keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA ataupun UPKK di negeri kita ini berada di antara yang terbawah berbanding negeri-negeri lain. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada Yang Berhormat EXCO yang berkaitan untuk menentusahkan dakwaan ini dengan mengemukakan data yang berkaitan. Sekiranya ia benar, Kerajaan Negeri harus memandang serius terhadap perkara ini dan segera melakukan perubahan kerana program KAFA ini adalah sepatutnya menjadi platform yang sangat strategik dalam membentuk kemenjadian murid-murid terutamanya dalam aspek sahsiah. Saya juga menggesa pihak Kerajaan Negeri untuk membuat penilaian dan penambahbaikan terhadap aspek kelayakan dan kompetensi para guru KAFA, mengkaji semula kadar elaun, kekerapan kelas serta mempertimbangkan kelas KAFA Plus untuk murid-murid Tahun 6. Ladang juga mencadangkan supaya kempen kesedaran masyarakat mengenai kepentingan KAFA di UPKK dipergiatkan secara menyeluruh terutamanya di kalangan kanak-kanak. KAFA perlu dilihat bukan sebagai pilihan tetapi sebagai kewajipan dalam pembentukan identiti dan akhlak umat Islam.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ladang juga ingin mengemukakan cadangan dan isu berkaitan keselamatan digital kanak-kanak. Susulan insiden yang semakin membimbangkan yang melibatkan platform permainan atas talian. Contohnya, yang berlaku di Batu Pahat, Johor baru-baru ini yang melibatkan seorang kanak-kanak berusia 6 tahun yang cedera dikelar oleh abangnya yang berumur 9 tahun akibat pertikaian permainan dalam talian Roblox. Saya ingin mengutarakan cadangan penting berkaitan keselamatan digital kanak-kanak. Saya mencadangkan untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Digital Kanak-Kanak sebagai badan penyelarasan utama bagi merangka dasar, memantau kandungan digital dan melindungi kanak-kanak dari risiko di atas talian. Kerajaan disaran agar melaksanakan sistem verifikasi umur yang ketat pada semua platform digital agar kanak-kanak tidak terdedah kepada unsur yang tidak sesuai seperti keganasan, bahasa yang kasar dan unsur seksual. Mereka memerlukan mechanism ataupun mekanisme kawalan yang menjamin capaian internet yang sesuai dengan had umur masing-masing. Ladang turut mencadangkan agar literasi digital dimasukkan ke dalam pendidikan awal kanak-kanak terutama di Taska dan Tadika agar mereka dibekalkan dengan ilmu dan kesedaran sejak kecil untuk menggunakan teknologi dengan selamat dan beretika. Peranan ibu-bapa dan juga guru perlu

diperkasakan. Latihan, bengkel dan panduan khusus wajar disediakan agar mereka mampu membimbing dan memantau anak-anak kita ini dalam dunia digital yang sangat mencabar pada hari ini. Penggunaan pelbagai aplikasi pemantauan hendak dioperasikan secara optimum. Dengan langkah-langkah ini, saya yakin kita mampu membina persekitaran digital yang lebih selamat, sihat dan sejahtera untuk generasi akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan sedikit kegusaran dan sudut pandang saya seorang wanita dan juga hati seorang ibu berhubung isu aktiviti hiburan di negeri ini. Kita semua maklum hiburan tidak diharamkan secara mutlak dalam Islam namun ia hendaklah berada dalam lingkungan adab, batas dan syariat yang telah digariskan. Hiburan yang sepatutnya menjadi ruang rehat dan ketenangan jangan sampai menjadi punca kelalaian, kerosakan ataupun pintu kepada maksiat yang lebih besar. Pengoperasian pusat hiburan seperti pawagam, pusat karaoke, konsert, persembahan, aktiviti di pulau-pulau pelancongan perlu ada penguasaan ketat oleh pihak berwajib dan kegusaran ini sedikit terubat apabila semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan bahawa Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Garis Panduan Syariat Negeri Terengganu. Jawatankuasa ini akan memantau, meneliti dan memastikan kepatuhan garis panduan agak lebih teratur dan berkesan. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berbaki masa yang ada, saya mohon sedikit tambahan masa. Saya ini membangkitkan satu inisiatif pembangunan ekonomi dan pelancongan yang berpotensi tinggi di DUN Ladang iaitu di Jalan Pasir Panjang, Kuala Terengganu. Jika di Atas Tol, terkenal dengan nasi dagang sehingga berjaya menarik perhatian pelancong, di Jalan Pasir Panjang ini terkenal dengan perniagaan Nasi Lemak Warisan yang berpuluh tahun bertapak di sana. Antaranya kita ada Nasi Lemak Dah Sunik, Nasi Lemak Awang Bawah Rumah (Nasi Lemak *Bromoh* dia panggil), Nasi Lemak Kukus Kak Dah CD, Nasi Lemak Awang dan banyak lagi dan saya membesar nasi lemak ini. Berdasarkan carian dan rujukan daripada direktori perniagaan tempatan, media sosial pengusaha dan panduan pelancongan tempatan, akan tersenarai beberapa premis nasi lemak terkenal di Jalan Pasir Panjang ini yang beroperasi sepanjang malam hingga ke pagi. Ladang mencadangkan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Bekang *dok* termasuk ke Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): *Guane?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Bekang *dok* termasuk ke di Pasir Panjang?

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Oh, bekang sungguh. Bekang tu Jalan Pasir Panjang jugak. Nanti kita boleh sekalikan bekang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: : Pastikan.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): *Insyallah*. Ladang mencadangkan agar membangun...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Wakaf Mempelam *dok ngantuk* lalu sebut bekang.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Kita tahu dah dia suka sangat bekang. Ladang mencadangkan agar membangunkan identiti kulinari baru di peringkat negeri dan menjadikan Nasi Lemak Jalan Pasir Panjang sebagai satu produk pelancongan makanan yang tersendiri, satu ikon setempat dalam peta pelancongan makanan Terengganu persis di Kampung Baru, Kuala Lumpur yang terkenal dengan nasi lemak antarabangsa dan kita boleh menganjurkan festival nasi lemak tahunan bekerjasama dengan media dan *food influencer* untuk mempromosikan produk ini dan kita juga boleh membaikpulih contohnya tempat letak kenderaan, membaikpulih laluan pejalan kaki, kemudahan asas serta infrastruktur yang berkaitan. Inisiatif ini bukan saja memberi nafas baru kepada peniaga kecil di Jalan Pasir Panjang tapi turut memperkayakan pengalaman pelancong yang datang ke Negeri Terengganu. Semua pertimbangan dan sokongan Dewan terutamanya daripada pihak Pelancongan agar projek ini jadi projek perintis yang berpaksikan komuniti.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagai penutup saya dan kita semua sepatutnya sewajarnya sangat beruntung. Terengganu kini berdiri sebagai negeri yang bukan saja makmur dari segi ekonomi tetapi juga berkat dari segi

nilai dan prinsip. Menjadikan negeri ini contoh pentadbiran Islam yang efisien, telus dan berorientasikan kesejahteraan Islam. Dan, marilah kita terus berdoa agar Terengganu terus diberkati, dipelihara daripada segala bencana dan terus melangkah ke hadapan sebagai negeri contoh di Malaysia. *Insyallah*. Sekadar itu sahaja, Ladang mohon menyokong. Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih Yang Berhormat Ladang. Ambil peluang untuk *sponsor* nasi lemak sekali, Yang Berhormat Ladang.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Boleh boleh boleh.

Seterusnya, dipersila mana-mana Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَمَّا بَعْدُ أَجْمَعِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ وَنُصَلِّي وَنُصَلِّمُ عَلَى رَسُولِهِ الْأَمِينِ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Belanjawan 2026 yang bertemakan "Memacu Potensi Melonjak Prestasi" yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Menteri Besar pada pagi kelmarin.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya mulakan Ucapan Perbahasan Bajet 2026 ini dengan membaca firman Allah *Ta'ala*:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا . وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ بَالِغُ أَمْرِهِ ۚ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

(Surah At-Talaq, ayat 2 hingga 3)

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ayat ini menegaskan jaminan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* bahawa mereka yang *bertaqwa* akan ditunjukkan

kepadanya jalan keluar dalam menghadapi apa jua masalah yang timbul dan akan dikurniakan limpahan rezeki dari sumber yang tak disangka-sangka. *Taqwa* bermaksud takut kepada Allah dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Dalam erti kata yang lain, kita hendaklah memastikan setiap polisi dan dasar termasuk pendekatan yang diambil sama ada sektor pelancongan, kebudayaan, hiburan, sukan dan lain-lain mestilah mematuhi kehendak dan perintah Allah walau apapun reaksi dan respon negatif dari pihak yang tidak menyetujui atau tidak senang dengannya. Sebagai bukti komitmen Kerajaan Negeri dalam perkara tersebut, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Garis Panduan Syariah Negeri Terengganu melibatkan pelbagai entiti Kerajaan Negeri bagi meningkatkan pemantauan, penyelarasan dan pematuhan kepada garis panduan syariah. Ini sebagaimana dipertegaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Menteri Besar dalam Ucapan Belanjawan 2026 pada muka surat 20 perenggan yang ke-44.

Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar selaku Menteri Besar atas komitmen tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana sahabat saya Yang Berhormat Pengkalan Berangan menyentuh isu berkaitan dengan *REE* dalam ucapan perbahasan beliau sebentar tadi, saya juga nak menyentuh sedikit mengenainya yang ada dikaitkan dengan Perjanjian Perdagangan Malaysia-Amerika Syarikat yang telah dimeterai sempena Sidang Kemuncak *ASEAN* 2025 baru-baru ini di Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, *alhamdulillah* di bawah tanah Negeri Terengganu yang subur ini tersembunyi satu kekayaan yang sangat bernilai iaitu unsur nadir bumi (*REE*) yang kini menjadi rebutan dunia kerana kepentingannya dalam pelbagai industri moden daripada elektronik, tenaga hijau hinggalah teknologi pertahanan. Kajian Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia atau JMG dengan kerjasama Akademi of Sains Malaysia (ASM) sejak tahun 2014 telah mengesahkan potensi besar *REE* di Negeri Terengganu ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sendiri pernah menjelaskan di Dewan Yang Mulia ini ketika menjawab soalan bertulis ADUN Jertih pada

Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri ke-15 Tahun 2023, bahawa hasil kajian tersebut telah menunjukkan bahawa tanah luluhawa granit di Daerah Setiu, Hulu Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman meliputi kawasan berpotensi seluas 1,437,500 ekar yang diunjurkan mampu menghasilkan sebanyak 7,187,500 juta tan *REE*. Ini adalah angka yang luar biasa sekaligus mengesahkan bahawa Terengganu ialah antara negeri terkaya dengan sumber *REE* di Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Mineral Unsur Nadir Bumi (*REE*) Negeri Terengganu sebagai *platform* rasmi untuk mengurus, memantau dan memajukan industri ini secara berhemah dan lestari.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di sebalik peluang ekonomi yang besar ini, kita tidak boleh menutup mata terhadap tanggungjawab moral, kedaulatan negeri dan keselamatan negara. Unsur nadir bumi bukan hanya bahan asas kepada teknologi hijau, ia juga merupakan komponen kritikal dalam pembuatan senjata moden seperti sistem radar, sonar, peluru berpandu dan seumpamanya dan kita maklum bahawa Amerika Syarikat ialah pembekal utama senjata kepada rejim Zionis Israel. Maka jika Malaysia terikat dengan Perjanjian Perdagangan Malaysia-Amerika Syarikat yang tidak membenarkan larangan *eksport REE* ke Amerika, bagaimana kita dapat memastikan bahawa *REE* dari bumi Terengganu ini akhirnya tidak digunakan untuk menghasilkan senjata yang menindas rakyat Palestin dan umat Islam di seluruh dunia.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Buluh Gading menyokong penuh kenyataan bersama yang telah dikeluarkan oleh empat Menteri Besar Negeri-negeri SG4 yang merangkumi hampir 70% daripada keseluruhan deposit *REE* negara di mana kenyataan itu menegaskan bahawa *REE* adalah hak negeri di bawah bidang kuasa Jadual Kesembilan Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan. Kenyataan itu turut menegur Kerajaan Pusat agar tidak mengulangi kesilapan seperti dalam isu royalti petroleum dan menuntut supaya segala perancangan pembangunan industri *REE* dilaksanakan oleh negeri-negeri berkenaan agar limpahan ekonomi dapat dinikmati oleh rakyat tempatan. Persoalannya, bagaimanakah Kerajaan Pusat boleh menetapkan perjanjian antarabangsa yang menyentuh sumber bumi milik negeri tanpa berbincang terlebih dahulu dengan negeri-negeri yang mempunyai deposit tersebut. Tindakan seperti ini bukan sahaja tidak wajar dari segi moral dan undang-undang malah bercanggah dengan semangat *federalisme* yang menjadi asas perlembagaan negara. Maka

Kerajaan Negeri perlu menuntut penjelasan tegas dan terbuka daripada Perdana Menteri dan Menteri MITI berhubung perkara-perkara berikut:

1. Apakah jaminan bahawa *REE* dari Terengganu dan negeri-negeri lain tidak akan digunakan dalam pembuatan senjata yang menindas umat Islam?
2. Apakah mekanisma kawalan *end-use* yang akan diwujudkan untuk memantau penggunaan sebenar *REE* selepas *dieksport*?
3. Mengapa Kerajaan Pusat tidak berunding terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri Terengganu sebelum memeterai sebarang perjanjian antarabangsa yang melibatkan sumber dalam bidang kuasa negeri dan;
4. Apakah pelan pelaksanaan tindakan kerajaan untuk memastikan *REE* dimanfaatkan bagi pembangunan dalam negeri, bukan dieksploitasi bagi kepentingan kuasa luar?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh berkaitan dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) untuk diambil perhatian serta pertimbangan sewajarnya dari pihak Kerajaan Negeri bagi menyalurkan sejumlah peruntukan khususnya dalam usaha untuk melengkapkan infrastruktur ICT, *yakni* komputer.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, PPAT sedang berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan serta kecekapan perusahaan operasi harian dengan menambah baik prasarana yang sedia ada seperti komputer dan internet. Keperluan pembelian komputer baharu bagi tujuan kerja-kerja pentadbiran. Perkhidmatan pengguna dan pelaksanaan sistem pengurusan perpustakaan adalah sangat mendesak. Berdasarkan laporan semasa, mendapati bahawa sebanyak 73% komputer di seluruh cawangan perpustakaan telah digunakan melebihi tempoh 11 tahun. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan peralatan ICT jabatan ini sudah usang dan berisiko dari segi prestasi serta keupayaan menyokong perisian terkini. Hanya 27% komputer yang berusia kurang daripada 10 tahun iaitu sebahagian kecil sahaja yang boleh dianggap masih dalam keadaan baik atau relevan dari segi spesifikasi teknikal. Laporan semasa juga mendedahkan situasi membimbangkan berkaitan aset ICT perpustakaan di mana sekitar 20% daripada keseluruhan komputer dikenal pasti mengalami kerosakan serius dan tidak lagi relevan untuk dibaik pulih, sekali gus menjadikannya *liability* kepada operasi harian. Lebih membimbangkan, sebanyak 58% dari komputer yang sedang digunakan berada dalam keadaan

yang tidak memuaskan, kerap kali mengalami gangguan teknikal serta memerlukan penyelenggaraan berulang. Situasi ini jelas mencerminkan keperluan mendesak untuk pelan penggantian komputer baharu secara menyeluruh bagi menjamin kelangsungan dan keberkesanan perkhidmatan perpustakaan, sekali gus dapat merealisasikan wawasan PPAT selaras dengan Agenda Kerajaan Negeri ke arah Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam Persidangan DUN Terengganu pada April 2025 yang lalu, saya ada bangkitkan isu berkaitan status Projek Perumahan Rakyat di Kampung Jeram dalam kawasan DUN Buluh Gading. Jawapan yang diberikan oleh Kerajaan bahawa projek tersebut *delay* kerana pertambahan kos dari RM42 juta kepada RM47 juta ekoran dari penjenamaan semula yang telah dilakukan oleh KPKT berhubung dengan Program Perumahan Rakyat dari asalnya PPR - Program Perumahan Rakyat kepada PRR - Program Residensi Rakyat yang melibatkan beberapa tambahan komponen sesuai dengan keperluan semasa. Hari ini saya nak sekali lagi bertanya kepada pihak Kerajaan, apakah perkembangannya sehingga kini dan apakah status pembangunan projek tersebut?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, akhirnya saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya pihak MBKT, UPEN, SATU dan lain-lain jabatan yang berkaitan yang telah mempermudah proses fasa pertama pembangunan Medan Selera di Dataran Teluk Pasu yang sekarang ini telah mencapai kemajuan 90% siap. Walau bagaimanapun, dengan siapnya fasa pertama itu nanti, ia masih belum boleh beroperasi sehinggalah siap sepenuhnya fasa yang kedua. Oleh itu, saya mengharapkan peruntukan tambahan bagi menyiapkan fasa yang kedua ini agar ia dapat beroperasi sepenuhnya dengan seberapa segera yang mungkin, *insya-Allah*. Kelewatan menyiapkan fasa kedua dibimbangi pembangunan fasa pertama akan mengalami kerosakan akibat terbiar dalam waktu yang lama. Semoga ia mendapat perhatian dan pertimbangan sewajarnya oleh pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang dan kesempatan yang diberikan Buluh Gading juga mohon menyokong.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Buloh Gading. Seterusnya saya persila Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Sura.

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan seluruh Ahli Dewan, penjawat awam negeri dan persekutuan, para pemerhati dan media yang dirahmati Allah sekalian.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan atas peluang untuk Sura turut sama mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet Negeri Terengganu 2026. Bajet kali ini membawa tema yang besar maknanya. "Memacu Potensi Melonjak Prestasi". Ia bukan sekadar satu slogan tapi dia adalah satu bukti bahawa Kerajaan Negeri ini sedang bekerja keras untuk membawa Terengganu ke tahap yang lebih tinggi. Walaupun berdepan dengan pelbagai tekanan dalaman dan luaran, saya juga ingin rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh pentadbiran Kerajaan Negeri kerana berjaya membentangkan satu bajet lebihan sebanyak RM288 juta atau 3% dari keseluruhan bajet.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, kita berbangga dengan prestasi negeri ini, tetapi sebagaimana yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Berangan dan Yang Berhormat Buloh Gading, kita tidak boleh menutup mata terhadap satu hakikat bahawa Terengganu masih terus dipinggirkan oleh Kerajaan Persekutuan. Ada tiga isu besar yang berlaku pada hari ini yang membuktikan bahawa Terengganu ini masih lagi dinafikan haknya secara sah.

Pertama, isu REE di mana Terengganu yang memiliki hampir 40% dari sumber nadir bumi negara, namun Persekutuan cuba menguasainya atas nama Dasar Nasional tanpa sebarang rundingan dengan negeri pemilik tanah. Soalnya, adakah ini satu bentuk kerjasama ataupun penjajahan gaya baharu?

Yang kedua, isu FELDA. Lebih 13,000 hektar tanah di negeri ini diusahakan tanpa geran yang sah selama 40 tahun oleh FELDA. Hasilnya dikaut oleh FELDA dan FGV sedangkan negeri ini tidak menerima pulangan yang sewajarnya. Bila negeri menuntut hak, Pusat membisu seolah-olah keadilan hanya bergantung kepada warna politik semata-mata.

Yang ketiga, isu LPT 3. Kajian yang telah siap sejak tahun 2009 dengan kos asalnya RM2.8 bilion kini sudah meningkat kepada hampir RM10 bilion akibat penangguhan. Namun projek ini tidak pun tersenarai dalam RMK-13 atau Bajet 2026 di peringkat Persekutuan. Sedangkan negeri lain menerima projek belasan bilion tanpa soal. Ini bukan isu teknikal semata-mata. Tapi ini adalah isu keadilan yang semakin pincang apabila Pentadbiran Pusat gagal menghormati mandat rakyat negeri, sistem *federalisme* itu akan sendirinya hilang makna yang sebenar. Kita juga melihat bagaimana isu cop JPKK yang berlaku sehari dua ini menjadi satu simbol politik pecah perintah. Borang bantuan rakyat ditolak hanya kerana cop salah pihak, ibu bapa di kampung menjadi mangsa birokrasi politik. Ini bukan pentadbiran berintegriti. Ini bukan pentadbiran MADANI. Tapi ini adalah satu pengkhianatan terhadap rakyat negeri ini.

Maka sudah tiba masanya Jadual Ke-9 Perlembagaan Persekutuan yang menggariskan pembahagian kuasa antara Pusat dan Negeri yang digubal sejak berkurun dahulu dikaji semula. Struktur ini mesti disemak agar negeri-negeri mempunyai autonomi yang lebih adil dalam hal hasil bumi, pentadbiran tempatan dan perancangan pembangunan negeri. Kalau Sabah dan Sarawak boleh menuntut semakan hak perlembagaan mereka, mengapa tidak negeri-negeri lain? Keadilan Persekutuan mestilah menyeluruh bukan hanya untuk dua, tiga negeri yang istimewa tapi untuk semua negeri yang ada dalam negara ini. Kita tidak minta keistimewaan. Kita hanya menuntut satu keadilan yang dijanjikan oleh Perlembagaan. Itulah makna sebenar Malaysia yang bersatu, adil dan berdaulat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Bajet yang kita gubal ini *Alhamdulillah* bukan sekadar cantik di atas kertas tapi bagi saya ia terus

menyentuh teras keperluan rakyat. Ada tiga isu besar yang disentuh dalam Bajet ini melibatkan kebajikan generasi muda dalam negeri ini. Yang pertama, isu Perumahan Rakyat. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah tegas untuk menyelesaikan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri serius untuk membela golongan belia supaya mereka memiliki tempat tinggal yang selesa dan selamat.

Yang kedua, berkenaan dengan peluang pekerjaan. Bajet kali ini juga turut memberikan penekanan kepada pembangunan tenaga kerja tempatan yang terlatih dan peluang pekerjaan di pelbagai sektor. Ini penting supaya anak muda kita tidak lagi perlu merantau ke negeri orang untuk mencari rezeki.

Yang ketiga, sokongan kepada golongan usahawan. Program seperti Anak Terengganu Certificate, pelbagai karnival usahawan dan koperasi ini pasti akan membantu ramai usahawan kecil untuk mengembangkan perniagaan mereka. Kerajaan Negeri bukan sekadar memberi bantuan, tapi dia membuka ruang agar rakyat ini berdikari. Namun, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Bajet ini juga turut memberikan tumpuan kepada kesihatan awam, kepada kesejahteraan sosial tapi saya ingin menyentuh satu aspek berkaitan dengan kebajikan sosial dan kesihatan yang terpinggir iaitu isu kebajikan penjaga-penjaga anak autisme dan juga penjaga-penjaga anak ADHD (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*) yang sekarang ini makin bertambah makin banyak didiagnosa dalam negeri ini keluarga yang menjaga anak-anak istimewa ini memikul tanggungjawab yang besar mereka perlukan bantuan kewangan, mereka perlukan sokongan psikologi, mereka perlukan kemudahan rawatan yang lebih dekat saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri menubuhkan pusat sokongan autisme Terengganu serta menyediakan satu skim bantuan khas untuk penjaga anak-anak istimewa ini percayalah, bahawa negeri ini tidak akan benar-benar maju jika kita mengabaikan golongan yang paling memerlukan, yang mengharapkan bantuan dan sokongan daripada pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri terhadap satu keperluan segera untuk membina pasar baharu di Dungun pasar lama ini sudah tidak lagi sesuai dengan keadaan yang sekarang walaupun pasar Dungun ini menjadi tumpuan kepada pencari-pencari ikan segar terutamanya di hujung minggu namun keadaan pasar ikan di Dungun ini sangat tidak teratur. Sistem saliran yang bermasalah, keadaan yang

tidak selesa, bahkan pasar ini sudah tidak selamat. 2-3 bulan baru-baru ini, saya menerima aduan berkaitan dengan atap pasar itu runtuh di tapak permainan awam kanak-kanak yang ada di tempat itu. Oleh itu, apabila kita melihat bagaimana pasar ini ialah nadi ekonomi rakyat, nelayan, petani peniaga dan anak muda yang ingin mencari rezeki halal di pasar ini, saya mohon agar projek pembinaan pasar baharu Dungun menjadi satu keutamaan utama dalam perancangan pembangunan negeri. Kita mahu satu pasar moden yang bersih dan mampu menjadi *niche* utama pelancongan dalam daerah Dungun.

Yang terakhir Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, menjelang tahun melawat Terengganu 2027 saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri boleh menggubal satu pelan tindakan pelancongan patuh syariah Terengganu. Pelan ini boleh menjadi satu *niche* baru pelancongan negeri selari dengan image Terengganu sebagai sebuah negeri yang mengamalkan Islam, negeri Darul Iman, negeri yang harmoni, negeri yang bahagia negeri yang mempunyai kebudayaan yang cantik dan menarik, kita boleh bangunkan hotel, resort dan produk pelancongan yang bukan sahaja mesra keluarga, bahkan patuh syariah inilah masanya untuk Terengganu menjadi model pelancongan Islam dalam negara ini dan rantau ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Bajet 2026 membuktikan bahawa Kerajaan Negeri serius dalam pemacu pembangunan negeri ini. Walaupun dengan pelbagai tekanan, namun saya yakin bahawa Terengganu akan tetap dapat melangkah ke hadapan dengan penuh keyakinan. Tema Bajet tahun ini "Memacu Potensi Melonjak Prestasi" bukan sekadar kata-kata ia menggambarkan satu keazaman Kerajaan Negeri, menggerakkan potensi rakyat, memperkukuhkan ekonomi dan memastikan setiap sen hasil negeri dikembalikan balik kepada rakyat. Dengan penuh keyakinan, Sura menyokong penuh Bajet Terengganu 2026 satu bajet keadilan, satu bajet rakyat dan satu bajet untuk masa depan negeri ini.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih Yang Berhormat Sura. Seterusnya Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, EXCO Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, pegawai kerajaan, media, serta seluruh pemerhati yang dirahmati dan dikasihi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Belanjawan "Memacu Potensi Melonjak Prestasi". Saya yakin majoriti rakyat Terengganu yang bernaung di bawah teraju kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pembentangan *surplus budget* dengan izin yang sangat berwawasan. Tahniah, sekali lagi saya ucapkan kepada seluruh barisan kepimpinan Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bila melihat kepada hasil pecahan pendapatan Kerajaan Negeri hasil cukai adalah 85.36 juta hasil bukan cukai adalah RM203.23 juta dan terimaan bukan hasil adalah 1.7 bilion dan ini adalah semua maklum bahawa 1.7 bilion ini adalah hasil Royalti Petroleum. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada kod bacaan hasil 82317, tertera perkataan dana khas ataupun pemberian khas yang kita dapat lihat secara bertulis. Pada tahun 2023, hasil yang diperolehi royalti adalah 800,2181.233 juta sahaja ataupun kita kata 800 juta dengan mudah berbanding dengan hasil sebenar, hasil petroleum pada tahun 2024 1.5 bilion, 2025 anggaran hasil adalah 1.6 bilion. Kekurangan dapat dilihat hampir sebahagian separuh daripada hasil royalti petroleum ataupun dana khas ini tidak diberikan. Jadi persoalannya apakah kita masih berpeluang untuk mendapatkan sebahagian yang tidak tertulis itu ataupun telah diberikan ataupun bagaimana. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bila *belek* dan tengok Kod Hasil 61800 dalam tajuk royalti, kalau dulu di bawah tajuk royalti ini ada tulis royalti petroleum tapi sekarang *takdok* doh, sedih *jugok* tengok hasil royalti petroleum kita ada tetapi tidak diletakkan di bawah royalti. Sekarang ini diletakkan di bawah dana khas, takpe lah, *dok* sedap dengar pun, letok *jelah*. Kita harap jika sekiranya, *insya-Allah* kerajaan Putrajaya diberikan kepada Perikatan Nasional, Terengganu mesti berusaha kerajaan ketika itu mesti berusaha berjuang semula mengembalikan perkataan royalti kepada petroleum kita, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam kod hasil royalti ini juga kita melihat adanya royalti-royalti yang disebut sebagai royalti air, royalti kayu kayan, royalti galian, royalti bauxite. Kenapa disebut royalti galian tidak

diasingkan pendapatannya saya tengok mencecah anggaran hasil 2025 mencecah RM15 juta. Saya berharap, mungkin boleh diperincikan pada laporan yang seterusnya, *insyaAllah*.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, dalam Ucapan Bajet Belanjawan yang disebut, Yang Amat Berhormat Menteri Besar meletakkan suatu garis dan gerak kerja pemerkasaan data. Dalam ucapan Bajet, muka surat tujuh. Dua pangkalan data iaitu Data Profil Rakyat Terengganu dan Data Sahabat Usahawan Terengganu perlu diperkasakan. Di dalam era sekarang ini *data is king*. Orang yang ada data merekalah yang disebut sebagai *critical asset*. Di dalam *business* dan juga dalam sektor kerajaan, *governance*, dan perkara ini perlu dititikberatkan. Contoh yang kita sebut, yang kita boleh sebut. Saya rasa ramai di kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat memberikan ucapan yang menyebut berkaitan dengan mineral yang ada di Negeri Terengganu. Sejauh mana persoalannya? Mineral-mineral yang ada di Negeri Terengganu ini mempunyai *mineral deposit data* yang betul, kerana jika sekiranya mineral-mineral yang kita sebut ini mempunyai data yang tepat, maka ia sebenarnya satu perkara yang sangat menguntungkan Kerajaan Negeri. Paling tidak bagi mereka yang menjadi pengusaha-pengusaha lombong sebagai contoh, mereka boleh menggunakan data-data yang tepat ini, *mineral deposit data* ini sebagai satu yang kita sebut cabaran. Dan perkara ini boleh kita sebut sebagai *bankable document* untuk melaksanakan projek-projek perlombongan di Negeri Terengganu. Perkara ini amat penting, walaupun kita sebut Terengganu antara pemegang ataupun yang kita sebut Terengganu sebagai negeri yang mempunyai deposit REE yang terbanyak, tetapi di mana data yang kita boleh, yang kita boleh sandarkan *official data* yang kita boleh sandarkan. Sebab perkara ini sangat penting. Dengan data yang kita ada, perkara yang paling penting ialah kita dapat membendung ketirisan mineral-mineral yang ada di dalam negeri kita. Jika sekiranya kita tidak ada data yang tepat, berdasarkan timbangan lori sahaja, maka sudah tentu ianya akan memberikan kerugian kerana ketirisan ini bukan sahaja merugikan kerajaan, tetapi dia merugikan rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di sinilah peranan yang perlu dimainkan oleh PTG, Jabatan Mineral dan Geosains dan penguatkuasa yang berkaitan dengan lebih agresif. Dan saya penuh yakin bahawa Kerajaan mungkin telah merancang mewujudkan suatu badan yang boleh mengawal selia pengeluaran hasil yang sebenar agar kurang berlakunya ketirisan. Sebab main barang

mineral *ni*, kita nak kawal sehingga tidak berlaku ketirisan *tu* payah, nak audit *tu* payah. Mungkin boleh buat SOP-SOP yang berkaitan. Tetapi bila sampai kepada tahap pelaksanaan, dia tidak akan berlaku dengan sebaiknya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dan semua bahan-bahan mineral yang ada ini, yang terlepas kita adalah petroleum. Yang ada mineral dalam tanah ini adalah *low hanging fruit* dengan izin. Bagi Kerajaan Negeri, dengan sekatan-sekatan dan berbagai birokrasi yang dibuat oleh Federal kepada negeri, kita harapkan mineral yang ada ini dapat menjana ekonomi dan kewangan pendapatan yang lebih mampan pada masa akan datang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, akhirnya... Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dengan masa yang tidak ada ini, ramai sahabat-sahabat Yang Berhormat sebut, REE ini jangan jual ke Amerika.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Yang di-Pertua..

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kacau pulok, masa *takdok ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Manir bagi *dok ni?*

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Beri *je* kalau bagi masa tambah.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Okay, terima kasih Dato' Yang di-Pertua, jadi saya *duk* dengar banyak sebut pasal REE. Jadi maknanya, *mende* apa sebenarnya REE ini? Sebab mungkin kawan-kawan ramai tak faham lagi REE ini. Dan yang kedua, di mana hok banyak REE ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nak tanya Hulu Terengganu ke *guane?*

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Kemudian yang tiga, tidak lah. Tidak ke kerajaan, boleh tak kita cadangkan kepada

kerajaan, supaya kita kena pulang juga kepada daerah-daerah ataupun tempat tertentu. Contoh macam royalti kan, *petroleum*. Kita dah juang, royalti kena balik kita 5%. Kalau kontaks REE dan sebagainya juga, kita kena, *takdokah* kerajaan bercadang untuk nak pulangkan kepada kawasan berkenaan? Contohnya minyak, Kemaman dapat faedah banyak. Petronas. Kuala Berang Hulu Terengganu *takdok*. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dia tanya tu, dok tanya saya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Eee...Sila, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Jadi, saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Telemung. Kerana setakat ini kami bersama-sama dari Parlimen. Kalau boleh ke Hulu, boleh lah ke Manir. *Insyallah*, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, cuma bila bincang bab REE ni, kita mungkin akan kata jangan jual ke US. Jangan jual kepada negara-negara tertentu, contoh. Tapi dari sudut penjual akan cari harga yang paling tinggi. Siapa yang menawarkan harga yang paling tinggi, maka situlah kita jual, sebenarnya. Saya merasakan begitulah, Dato' Yang di-Pertua. Jadi, jangan marah awal *ni*, bimbang-bimbang tak ada negara yang nak beli, kita paksa jual ke orang yang kita marah tu. Yang Berhormat Yang di-Pertua, seterusnya adalah akhirnya, jika ada perkembangan-perkembangan terkini, pelaburan di bawah New Income Terengganu yang boleh dikongsikan kepada pihak Dewan hari ini, kami sangat-sangat mengalukan. Dengan ini, Manir menyokong penuh ucapan Belanjawan, Memaju Potensi Melonjak Prestasi Terengganu yang kita sayangi.

Tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, EXCO dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ،
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 أَجْمَعِينَ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, para pemerhati, seterusnya hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian. *Alhamdulillah*, semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengemukakan cadangan Enakmen Perbelanjaan ataupun Bajet untuk tahun 2026 dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya nak ambil kesempatan, mula-mula sekali nak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana telah mengemukakan perbelanjaan tersebut seperti tahun-tahun yang lepas dan dengan jumlah yang lebih kurang sama, *dok* kurang.

Seterusnya, pertama kali juga, pertama-tama saya nak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri. Sebab Kerajaan Negeri seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan dia semalam menjelaskan kepada kita bahawa cukai dan hasil bukan cukai Negeri Terengganu telah bertambah dua tahun kebelakangan ini di mana sehingga Oktober tahun 2025, tahun semasa ini, hasil yang dikutip telah mencapai jumlah RM261.8 bilion. Ini adalah jumlah yang lebih besar berbanding dengan tahun-tahun yang lepas dan dijangkakan tahun depan, Kerajaan Negeri akan mampu mengutip sehingga RM288 billion ada pertambahan lebih kurang dalam RM40 billion lagi. Usaha-usaha ini jika dibuat secara berterusan, kita yakin akan menjadikan kebergantungan kerajaan kepada hasil petroleum semata-mata...

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Dato' Yang di-Pertua...

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Ya?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Saya nak betul Wakil Seberang Takir tadi, dia sebut RM288 billion, billion ke million?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Juta-juta..

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): *billion orr, jadi banyok tuuu...*

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): RM288 juta..

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih...

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Minta maaf, jadi kalau Kerajaan boleh tambah hasil pendapatan cukai dan bukan cukai ini selain daripada petroleum ini bertambah setiap tahun, maka kebergantungan kita kepada hasil petroleum ini akan semakin berkurang sebab daripada dulu, Negeri Terengganu ini dikenali di antara negeri paling miskin di Malaysia. Bila kita dapat minyak, kita antara negeri paling kaya. Tapi oleh kerana minyak ini sekarang dah di luar kawalan kita, menyebabkan perbelanjaan kita seperti terkawal dan tidak dapat nak dilaksanakan sepenuhnya maka sebab itulah saya tengok Yang Amat Berhormat pun Bajet semalam pun tak banyak, pembentangan pendetailannya ringkas kerana saya percaya kita sedia maklum, yang kita hanya dapat RM261 juta sahaja, yang baki itu akan kita perolehi secara beransur-ansur berasaskan kepada permohonan kita kepada Kerajaan Persekutuan dan daripada dana tersebut dan diluluskan mengikut selera mereka. Ada yang dibayar, ada yang tidak dibayar, jadi sukar untuk Kerajaan Negeri nak buat anggaran, nak buat perbelanjaan yang jelas, berapa kita nak buat, apa yang kita nak buat.

Maka kerana itulah apabila Yang Amat Berhormat sebut dalam perbelanjaan pada kali ini, temanya ialah "Memacu Potensi, Melonjakkan Prestasi", ini menunjukkan kepada kita Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan hasil negeri selain daripada hasil petroleum ini. Sudah tentulah ini suatu usaha yang memang patut, kerana kita tidak akan selama-lamanya bergantung kepada royalti ini, kalau ada hasil-hasil yang baru seperti REE ini pada tahun-tahun yang akan datang, *insya-Allah* kita harap Terengganu akan jadi macam negeri-negeri yang lain tidak semata-mata bergantung kepada Kerajaan pusat nak

dapat duit ini yang dulu kita panggil royalti sekejap saja, lepas itu panggil dana ehsan, dana khas dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Jiran Seberang Takir, Permaisuri nak tanya sikit, dia sebut pasal royalti dan sebagainya, tak lama lagi REE pula barangkali. Katanya ART tu, perjanjian tu telah menggadai kesilapan Kerajaan kita menggadai maruah negara. Tetapi hari ini kita tengok isu royalti, mungkin REE sebagainya ni, selepas ini mungkin kita dijajah kedaulatan kita tidak ada kedaulatan Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Ya saya rasa Dato' Yang di-Pertua, inilah yang disebut oleh sahabat-sahabat kita, Wakil-wakil Rakyat, Wakil-wakil Kerajaan sebentar tadi, kita nak supaya lepas ini, REE atau mana-mana hasil bumi daripada negeri kita ini akan diuruskan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, dan jika ada kerjasama dengan Kerajaan Pusat, ianya melalui perjanjian yang konkrit, yang tidak lagi menjadikan pertukaran Kerajaan Pusat, maka hasil itu pun, salurannya pun bertukar.

Jadi sebab itulah saya rasa ini telah diambil perhatian oleh Kerajaan, dan seterusnya, saya nak sambung Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam usaha nak mencari pendapatan baru Kerajaan Negeri selain daripada macam-macam yang Kerajaan sebut industri, hasil negeri, Kerajaan juga, sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam, mengatakan bahawa Kerajaan bercadang untuk mengenakan *fee* pejabat, cukailah ataupun kenaaan bayaran dan juga caj penginapan. Ini sama ada kepada pengunjung-pengunjung di homestay-homestay, selain daripada hotel, sebab hotel dia bayar cukai kepada Kerajaan ataupun mungkin ada caj bilik pula. Saya nak tambah bahawa Kerajaan juga, saya cadangkan boleh kenakan semula cukai pintu kepada rumah-rumah kediaman ataupun kawasan-kawasan tertentu, yang mempunyai perkhidmatan daripada PBT yang baik, yang lengkap, yang sempurna, *sampoh molek* terurus, *longkang comey belaka*, tak ada masalah, maka kawasan-kawasan ini saya rasa tidak salah jika kerajaan mengutip semula cukai pintu walaupun dah lama kerajaan tak buat dan ia sebahagian daripada Manifesto Kerajaan sejak 2019, 2018 dulu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, cukai pintu ini suatu yang penting, walaupun kita tak kutip tapi kita mesti sentiasa memberi perkhidmatan kepada penduduk, maka kerana itu *saya nak kabo gini je.. Dok payoh takutlah kalau*

orang kecam lepas ini, bukan kita nak kenakan cukai pintu kepada semua rumah. Saya cadangkan kepada rumah-rumah tertentu mungkin tengok pada kawasan perumahan tertentu, ataupun rumah-rumah tertentu, yang mendapat perkhidmatan yang terbaik daripada PBT. Kalau kita nak kata janji ini, kita dah janji ini, kita dah janji...

Ehhh... Perdana Menteri PMX sudah janji puluh-puluh *tok buat berese pon, tak dok orang* bising pun, tak ada apa-apa benda pun. Dia kata nak turun minyak, menang hari ini esok turun minyak, baru bulan lepas turun minyak, dua tahun lebih pilihan raya.

Kita duk pegang janji, pegang janji.. Bukan saya nak ingkar janji, tapi ada tempat-tempat janji dah kita tunai dua tahun lebih, empat tahun lebih dah. Jadi, ada tempat-tempat mungkin kita kutip semula cukai. Sebab saya dimaklumkan dalam soalan saya 2023 kerajaan kehilangan hampir RM12 juta sehingga RM17 juta setahun kerana kita *dok* kutip cukai dan kita terpaksa cari duit lain untuk menguruskan sisa pepejal dan sebagainya.

Yang Amat Berhormat sebut semalam, kerajaan sedang meneliti, nak kaji sama ada lepas ini nak guna pakai, nak guna pakai apa? AKTA 672 yang berkaitan pelupusan pepejal dan juga pembersihan. Jadi ini akan ambil masa sebelum kerajaan ambil masa itu, jika kerajaan laksanakan cadangan ini, selain daripada kenaikan tadi *hok* cukai, caj pejabat, *fee* pejabat dan sebagainya, saya yakin ini akan dapat mengurangkan sedikit bebanan kerajaan dan memberi sedikit hasil baru kepada kerajaan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seterusnya dalam Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar walaupun tak *detail*, saya perhatikan untuk apa yang disebut sebagai projek-projek pembangunan infra, ada diperuntukkan untuk seluruh daerah projek-projek khas lebih kurang sejumlah RM40 juta, mungkin tak besar, tapi *hok* lain-lain khusus itu ada *detail* dia.

Saya nak minta *se je*, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, gunalah sebahagian daripada peruntukan ini, tak banyak pun untuk baik pulih atau bina jeti baru, untuk bot penambang di belakang Pasar Payang. Ada saya kemukakan soalan dalam Dewan ini, tapi jadualnya jatuh hari yang lusa ini. Jadi saya minta kalau jeti ini dibuat dengan baik, dibuat dengan sempurna, dia akan memberi sumber rezeki kepada bot-bot penambang dari Seberang Takir.

Hari ini ramai orang yang naik bot dari Seberang Takir mari ke Pasar Payang, tapi bila nak balik semula Seberang Takir, bot *takdok*, sebab jeti di situ tak dapat nak menampung bot-bot penambang untuk berhenti di situ, parking di situ, menunggu orang-orang daripada pasar nak balik Seberang Takir, jadi biasanya dia mari hantar orang, dia balik semula Seberang Takir dan bila orang nak balik terpaksa tunggu, lambat, jadi ramai orang yang mari, akhirnya dia suruh kereta dia mari, dia balik ikut *nung* dan lama-lama bot penambang Seberang Takir ini makin malap, makin kurang penggunaan dia sebab jeti yang tidak sempurna, yang tidak boleh memenuhi keperluan, yang sepatutnya bot yang mari hantar orang itu dia boleh tunggu beberapa jam, beberapa minit sehingga orang balik daripada pasar, hantar semula ke Seberang Takir.

Saya dimaklumkan jeti *hok* yang dibina sementara dengan tiang *floating* jeti ini, tiang dia dah patah dah, dah rosak dah sebab bukan bot penambang saja *hok* mari, bot *hok* nelayan *hantor* ikan pon berhenti situ, bot *hok* lain *hok* ambil penumpang pun mari sandar situ *jugok*, jadi tiba masa saya rasa, satu jeti yang sempurna, yang sesuai dengan keperluan dibina balik di kawasan tersebut. Selain daripada jeti di sebelah *hok* Seberang Takir, bot penambang sebelah masjid itu pun, kalau ada peruntukan *molek* sangat, jika boleh dinaik taraf dengan tempat *parking* yang lebih sesuai dan juga kompleks kedai kecil sikit yang lebih sesuai dengan kawasan yang suatu masa dulu itulah jalan laluan orang di belah sana nak mari ke Kuala Terengganu sebelum ada jambatan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, akhir sekali, saya nak ucap terima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan yang telah banyak membantu melaksanakan projek-projek yang memberi kebaikan dan manfaat kepada rakyat negeri ini walaupun dengan peruntukan yang sangat terhad. Tahun lepas, saya sebut secara khusus, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu apabila saya jumpa Datuk Bandar, berunding, kira, bicara dan sebagainya, longkang di kawasan Taman Huda Permai di Tok Jembal itu dibaiki, diselenggara, dibuang sampah-sampah yang sekian lama sebelum ini tak pernah dibuat. Habis RM300 ribu lebih. *Alhamdulillah*, tahun lepas tak berlaku banjir kawasan itu. Jadi tahun ini, selain daripada Bandaraya, Pejabat Daerah, JKR, tahun ini JPS, Jabatan Pengairan dan Saliran, saya jumpa Pengarah dia, jumpa pegawai dia dan Jurutera Daerah itu kalau saya panggil turun kawasan itu, memang turun sokmo, jadi terima kasih kepada Jabatan Pengairan dan Saliran lepas bincang, tengok keadaan sebenar telah diluluskan dan dilaksanakan sekarang benteng, pintu air dan juga pam di Lembah Harapan yang sebelum ini sejak rumah itu

dibina dulu, tak pernah tak banjir. Air pasang besar, hujan lebat, air masuk dalam rumah. Harap-harapnya, jika berjaya projek ini selesai projek ini, siap nanti tak berlaku banjir lagi di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, akhir sekali, terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Seberang Takir, turut menyokong Bajet yang dibentangkan. Sekian.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Takir. Saya bercadang untuk berehat awal bagi memberi ruang untuk kita bersiap, sembahyang Zohor, sebab Zohor awal ini... Zohor awal agar kita dapat makan dan kita dapat solat dengan selesa dan pada awal waktunya, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan tangguh sementara Dewan ini dan kita akan sambung semula pada pukul 2.20. Pukul 2.20. Ambil perhatian kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita tangguh dengan Suratul Asy dan Tasbih Kifarah. Untuk makluman semua, jamuan makan tengahari hari ini dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Menteri Besar. Jemput kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, perwakilan dan pemerhati untuk ke tempat jamuan yang disediakan.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.50 TENGAH HARI

PUKUL 2.28 PETANG

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Perbahasan Enakmen Perbekalan 2026 akan diteruskan dan saya menjemput Yang Berhormat seterusnya untuk menyampaikan ucapan perbahasan. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ir. Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha ketua-ketua jabatan dan agensi, para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri, semua tetamu, para media, hadirin-hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Pertama dan utamanya, marilah kita sama-sama bersyukur dengan segala limpah kurnia yang Allah berikan kepada kita, seterusnya di atas nikmat yang diberikan, walaupun dalam masa yang sama, kita terus berhadapan dengan pelbagai cubaan dan ujian daripada-Nya. Semoga kita semua dapat terus teguh menghadapinya dengan bersama-sama menggembeleng seluruh tenaga dan sumber sebagai satu pasukan yang saling bekerjasama untuk membawa negeri kepada suatu kejayaan yang sama-sama kita idami.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sokongan dan harapan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ir. Menteri Besar sangat besar dan tinggi. Penyesuaian keperluan dan keutamaan perbelanjaan negeri sangat mempengaruhi penumpuan dan kesan yang akan dirasai kepada pembangunan negeri dan keupayaan rakyat. Keadaan semasa negeri dan negara sangat mencabar serta peredaran zaman yang pantas sangat memerlukan kepada pemanduan dan pendekatan yang lebih teliti dan komprehensif. Pelbagai tekanan dan helah yang dilakukan Kerajaan Pusat dengan sikap dan tindakan yang tidak demokrasi walaupun Kerajaan ini dipilih rakyat melalui sistem demokrasi yang sepatutnya dijunjung dan digenggam erat bagi kejayaan semua secara bersama. Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. Dato' Ahmad Samsuri Bin Mokhtar terus bersikap positif dan optimis untuk merealisasikan Visi Terengganu Maju Berkat Sejahtera menjelang 2030 dengan bertemakan "*Memacu Potensi Melonjak Prestasi*". Semua entiti Kerajaan Negeri iaitu jabatan, agensi negeri, badan berkanun, PBT serta GLC Negeri diamanahkan bergerak dengan lebih pantas mengembangkan keupayaan bersama seterusnya meraih pencapaian yang lebih memberangsangkan dan dalam masa yang sama sentiasa ke arah mendapatkan keberkatan dan

kerahmatan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Kemasik bercadang untuk membahaskan beberapa perkara daripada Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan ini.

Yang pertama, dalam Belanjawan ini Kerajaan Negeri telah menetapkan tiga fokus utama untuk diberi perhatian. Penstrukturan daya tahan ekonomi bagi memacu pertumbuhan dijadikan sebahagian sebagai salah satu keutamaan bagi Belanjawan 2026 ini. Ia mencakupi empat sasaran utama iaitu menggalakkan ekosistem perniagaan yang kondusif, memberdayakan perindustrian, memperkasa industri pelancongan serta merancakkan pembangunan dan perumahan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mewujudkan ekonomi yang berdaya tahan Kerajaan Negeri perlu untuk menggalakkan ekosistem perniagaan yang kondusif. Matlamatnya adalah untuk memudahkan urusan perniagaan dan menarik pelabur baru ke negeri ini. Cadangan yang boleh dipertimbangkan antaranya, membina sistem lesen dan permit bersepadu digital. Dengan kewujudan platform sehenti digital ini, rakyat akan dibantu untuk memudahkan permohonan lesen, permit kelulusan teknikal oleh PBT dan agensi-agensi negeri. Seterusnya yang kedua, mewujudkan zon ekonomi mikro-daerah. Kerajaan perlu meneliti untuk mewujudkan zon khusus untuk PMKS yang menawarkan insentif sewa rendah, kemudahan logistik dan capaian internet laju. Seterusnya, menyediakan geran dan dana padanan usahawan melalui peruntukan khas untuk membantu perusahaan mikro terutama wanita dan belia melalui Skim Padanan Modal Latihan Digitalisasi dan bimbingan mentor.

Seterusnya, bagi memperkukuhkan interaksi antara Kerajaan Negeri dan pemain industri, suatu majlis dialog perniagaan daerah perlu diwujudkan bagi menyelesaikan isu pelesenan, bekalan tenaga, tenaga kerja dan lain-lain. Kelebihan Negeri Terengganu yang sangat cantik dan istimewa ini perlu digunakan sepenuhnya untuk memperkasakan industri pelancongan. Usaha memperluas ekonomi pelancongan dari musim pelancongan kepada ekonomi sepanjang tahun perlu diteruskan. Pelbagai usaha perancangan perlu dilipat gandakan termasuk pelbagai inisiatif yang telah dan baharu untuk dilaksanakan. CBT sebagai contoh, perlu terus diperkasakan dalam pelbagai lapisan masyarakat. Promosi digital, pakej-pakej khas dan sebagainya perlu ditambah dan diperkasakan. Platform media sosial, *influencer* dan portal rasmi

Visit Terengganu 2026 dengan sokongan tempatan perlu dipergiatkan. Penyediaan platform digital bagi memasar dan memperkasa pakej penginapan, perkhidmatan pelancongan rakyat juga perlu terus dibangunkan dan diperkasakan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sekalipun Negeri Terengganu tidak diberi perhatian istimewa oleh Kerajaan MADANI dalam RMKe-13 dan Belanjawan 2026 Malaysia, serta masih dikekang kewangannya sehingga kini, Negeri Terengganu mesti memacu potensi sendiri untuk melonjakkan prestasi. Yang Berhormat Dato' Seri Ir. Menteri Besar telah menggariskan tujuh pemacu utama. Kemasik bercadang untuk membahar tiga daripadanya.

Yang pertama pemacu satu. Pertama, pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri selari PITAS 2030 dilancarkan pada 21 Oktober 2021. Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030 ini, telah mencapai separuh tempoh pelaksanaannya, adakah Kerajaan Negeri telah melakukan penilaian separuh tempoh pelaksanaannya dan meneliti keberkesannya, apakah perubahan dan penambahbaikan serta pemerkasaan yang perlu dilakukan bagi memastikan sasaran mewujudkan Negeri Terengganu Maju Berkat Sejahtera pada 2030 dapat terus dicapai. Pemacu kedua pula berkisah berkenaan dengan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan Inisiatif utama Kerajaan yang diberikan mandat untuk memacu keberhasilan penyampaian khidmat Kerajaan Negeri untuk diperkasakan lagi. Pelbagai kepakaran dan kelebihan yang dimiliki Kerajaan Negeri termasuk ADUN-ADUN BBC perlu diurus dan digembling seoptimal mungkin. Potensi dan kompetensi tenaga perlu diperkasakan, usaha pendigitalan perkhidmatan perlu dipergiatkan lagi bagi memastikan peningkatan kepada keupayaan kecekapan hasil dan kualitinya.

Seterusnya pada pemacu tiga, suatu sistem yang mengurus data perlu diperkasakan supaya lebih mesra pelanggan dan komprehensif. Profil Rakyat Terengganu yang telah dibangunkan seharusnya lebih mesra pelanggan malah mampu untuk memperkasakan lagi gerak kerja Pusat Khidmat Masyarakat termasuk JPKK dan Kerajaan Negeri. Ia sangat penting dalam membantu melancarkan khidmat pelanggan di peringkat kampung dan DUN. Pelbagai usaha yang berjalan antara rakyat dan Kerajaan termasuk JPKK, Pusat Khidmat Masyarakat dan Negeri dapat dikemaskini di dalam sistem PRT ini seterusnya melancarkan lagi setiap urusan yang berjalan dan meningkatkan produktiviti Kerajaan. Pelbagai maklumat yang dimiliki ini sudah pasti akan memberi impak

yang lebih baik dalam memandu Kerajaan dan melaksanakan dasar dan aktiviti setelah program yang lebih berkesan.

Yang terhormat Timbalan Yang di-Pertua, berkenaan inisiatif keutamaan tinggi *high priority initiative* sedikit cadangan daripada Kemasik, yang pertama berkenaan memberdayakan pertumbuhan ekonomi Kerajaan Negeri akan menumpukan kepada pelaburan dan perindustrian bernilai tinggi dan perdagangan strategik serta pemerkasaan industri halal. Pemerkasaan pelaburan dan industri yang bernilai tinggi di Kemasik nya sedikit maklumat terkini yang kami terima berkenaan lapangan terbang yang lengkap bagi pelaburan segmen penerbangan skala sederhana. Dimaklumkan operasi lapangan terbang Kertih akan diturun taraf kepada *heliport* jika perkara ini benar berlaku maka segala kelebihan lapangan terbang yang lengkap ini akan tidak lagi menjadi suatu peluang kepada potensi yang lebih besar dalam bidang pelaburan dan perindustrian yang bernilai tinggi ini. Saya berharap pihak Kerajaan boleh meneliti balik dan memberi sedikit penumpuan dalam meneroka peluang yang lebih luas dalam segmen perindustrian ini tanpa prejudis. Ramai pekerja yang sedang bekerja di lapangan terbang Kertih ini, juga akan kehilangan peluang pekerjaan jika ia diturun taraf. Berharap peluang ini terus menjadi satu pilihan yang diberi perhatian.

Seterusnya berkenaan dengan pemerkasaan industri halal, Kemasik mencadangkan untuk dijadikan sebagai salah satu daripada lokasi bagi dibangunkan industri halal baharu di daerah Kemaman sebagai contoh di Kemasik kita ada lokasi-lokasi yang strategik sebagai contoh di *exit* LPT 2, Kampung Cabang, kita ada lebih kurang 18 ekar tanah untuk dicadangkan. Di Kampung Api Rokok, berhampiran dengan Stesen ECR Kemasik, kita ada lebih kurang 50 ekar untuk dicadangkan di Kawasan Perindustrian Kertih, kita mempunyai kawasan yang luas untuk dicadangkan sebagai suatu Kawasan Industri Halal baru bagi dibangunkan bagi memperkasakan ekonomi.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan ekosistem perniagaan yang kondusif Kerajaan Negeri memberikan komitmen untuk menyediakan sokongan keusahawanan bagi membangunkan kapasiti perniagaan dan memudahkan cara akses kepada pasaran pendigitalan, perkhidmatan dan urusan komuniti perlu diperkasakan sebagai contoh PINTAR yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri perlu diperkasakan lagi. Kalaulah kita tengok PINTAR sekarang ini, nak kata hidup segan mati tak mahu, dah

sangat suram dan perlu kita perkasakan ke arah usaha untuk pendigitalan komuniti.

Seterusnya dicadangkan untuk membangunkan suatu tempat iaitu digital *Co-working* Space Rakyat, perlu dibangunkan khususnya golongan-golongan B40 dan asnaf mereka mempunyai akses yang terhad. Justeru kita selaku negeri yang berharap untuk pergi terus kepada sebuah negeri digital perlu menyediakan suatu lokasi yang boleh dijadikan tempat untuk semua golongan rakyat berhadapan ataupun berada dalam perkembangan ekonomi tempat semasa *insya-Allah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar serta semua pihak yang bergandingan dan memberi sepenuh sokongan dan dokongan bagi sama-sama membina Terengganu Maju Berkat Sejahtera. Sedikit mungkin perkongsian kita bersama daripada karya Raja Ali Haji dalam Gurindam 12 menyebut, "cahari olehmu akan sahabat yang boleh dijadikan ubat, cahari olehmu akan guru yang boleh tahirkan setiap seteru, apabila banyak berkata-kata di situlah jalan masuk dusta, apabila banyak lebih suka itulah landa hampirkan duka."

Terima kasih mohon menyokong Belanjawan 2026 Terengganu, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Petua.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kemasik, saya harap Wakil-wakil akan membahaskan ucapan Bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini mengambil masa yang seperti mana yang diperuntukan masa sepuluh minit kalau lebih sedikit-sikit biarkan tapi kalau banyak sangat saya bimbang ada yang tidak sempat untuk buat pembahasan pada petang ini, sila mana-mana Yang Berhormat, yang mahu meneruskan perbahasan, ya sila, Bukit Besi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi):

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan agensi yang diraikan para pegawai dengan kakitangan Kerajaan, petugas-petugas media, barisan pemerhati yang saya kasihi sekalian. *Alhamdulillah*, segalanya pujian bagi Allah Tuhan Semesta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad ﷺ. Bersyukur kepada Allah dengan limpah dan Inayah serta izinNya, dapat kita meneruskan persidangan dalam Dewan yang penuh barakah pada hari yang mulia ini, *Alhamdulillah*. Sidang Dewan yang dikasihi sekalian, Bukit Besi berdiri teguh hari ini, menyokong sepenuhnya Belanjawan Negeri Terengganu tahun 2026 yang bertemakan "*Memacu Potensi Melonjak Prestasi*". Belanjawan ini bukan sekadar angka di atas kertas, tetapi satu manifestasi keikhlasan dan tekad Kerajaan Negeri untuk memperkasa kesejahteraan rakyat, mengurus hasil negeri dengan berhemah dan menambah sumber pendapatan lestari, *insya-Allah*.

Bukit Besi, menekankan 8 *point* utama pada petang yang mulia ini, *insya-Allah*. Yang pertama, kebajikan rakyat terus diutamakan. Timbalan Yang di-Pertua dalam dunia ekonomi yang penuh cabaran, kerajaan tetap teguh mendahulukan rakyat. Program bantuan sara hidup pendidikan anak-anak, kesihatan serta kebajikan nelayan, petani dan peneroka diteruskan dan diperkasakan. Kita tidak mahu ada rakyat yang tertinggal, sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Inilah makna sebenar belanjawan berjiwa rakyat, dan bukan hanya memacu angka pertumbuhan, tapi menzahirkan kasih kepada insan.

Yang kedua, semangat federalisma, kerjasama Negeri dan Pusat. Belanjawan ini juga menzahirkan semangat federalisma yang matang. Kita menginsafi bahawa kemakmuran negeri tidak datang dengan perseteruan, tapi dengan kerjasama dan perpaduan bersama Kerajaan Persekutuan. Apabila hubungan negeri dan pusat dijalinkan dengan baik, banyak manfaat boleh dinikmati oleh rakyat daripada projek infrastruktur, pendidikan, kesihatan hinggalah pelaburan luar yang memberi peluang-peluang pekerjaan. Inilah semangat kongsi rezeki yang sebenar. Kita kongsi peluang, kongsi tanggungjawab dan kongsi hasil untuk kesejahteraan bersama.

Point saya yang ketiga, pendapatan baru, iaitu potensi REE dan ekonomi hijau. Yang Berhormat, Timbalan Yang di-Pertua, Terengganu tinggi kini melangkah ke fasa baharu, pembangunan ekonomi melalui sumber nadir bumi, REE dan

ekonomi hijau. Sumber ini jika diurus secara telus dan lestari, mampu menjadi pemangkin pendapatan baru negeri tanpa mengorbankan alam sekitar. Kita perlu mencontohi pendekatan lestari, mengambil secukupnya, memulihara sepenuhnya. Dengan hasil ini, kita bukan sahaja menambah pendapatan negeri tetapi juga berpeluang meningkatkan dana kebajikan rakyat, pendidikan percuma, rumah mampu milik, bantuan nelayan dan sebagainya. Yang keempat, menjana prestasi melalui inovasi dan integrasi. Belanjawan 2026 juga menyeru seluruh pentadbiran negeri untuk memperkukuh tadbir urus dan integriti. Prestasi tidak akan *melonjak* tanpa budaya kerja yang amanah dan inovatif. Kita perlu memanfaatkan teknologi digital, AI dan automasi untuk mempercepatkan perkhidmatan awam dan meningkatkan hasil negeri.

Yang keseterusnya, yang kelima, gagasan dan harapan tenaga hijau. Kita menyambut "*Pelan Induk Industri Hijau Terengganu PITIH 2030*" dengan penuh harapan. Tenaga hijau bukan sahaja menjana ekonomi baharu tetapi juga melindungi warisan alam untuk generasi yang akan datang. Harapan kita agar, negeri ini menjadi pusat inovasi tenaga untuk diperbaharui di pantai timur. Seterusnya, hab pelaburan hijau yang memberi menarik syarikat tempatan dan antarabangsa. Yang ketiga, model negeri hijau berdaya saing untuk mengimbangi pembangunan ekonomi dan kelestarian alam.

Yang keenam, mempergiatkan pelancongan sejarah Hulu Dungun. Hulu Dungun, memiliki warisan sejarah yang besar termasuk Tapak Kubur Mat Kilau. Lokasi tradisi yang lama serta jejak perjuangan lama. Potensi ini belum dimanfaatkan sepenuhnya. Saya mencadangkan agar pembinaan jejak sejarah Hulu Dungun dengan papar interpretasi laluan bersih, akses yang baik dan QR digital yang memudahkan pengunjung mengakses naratif sejarah. Mengadakan pusat interpretasi sejarah untuk dokumentasi dan tarikan pelajar serta pelancongan. Seterusnya mempromosikan bersama eko pelancongan Pasir Raja, Hutan Lipur Cemerung dan sebagainya. Jika dibangun dengan baik dan berfasa, sektor ini *insya-Allah* mampu menjadi pemangkin ekonomi baru untuk rakyat-rakyat di pedalaman Dungun. Seterusnya, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua serta sidang Dewan yang dikasihi sekalian. Yang ketujuh, konflik antara manusia dan gajah bagi mengurangkan kerugian rakyat dan memelihara biodiversiti. Isu pencerobohan gajah yang akhir-akhir ini *kerek* berlaku di TV3, TV9, hatta 8TV mendedahkan tentang pencerobohan gajah di kampung-kampung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Yang Berhormat,

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Ye...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):
Mana Bukit Besi, *Hor dinung, Gajah Telemong ke gi Bukit Besi. Sebab Telemong dok cakap doh bab gajah, Bukit Besi pulok.*

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Gajah Paka kot...

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Ada kemungkinan. Terima kasih kepada Paka yang menyebut tentang gajah. Jadi akhir-akhir ini berita TV3 seringkali di ulang siar dan banyak kali malam tadi pun ada lagi berita tentang gajah di Kampung Dendang. Gajah-gajah tersebut, merisaukan masyarakat sebab bukan sekadar menjadi musuh tanaman, menyebabkan hilang pendapatan dan sekarang ini keselamatan terancam. Jadi konflik ini walaupun bukan isu kecil, malah berlarutan bertahun-tahun. Bukit Besi mencadangkan supaya diadakan pagar elektrik solar yang lebih moden dan terjaga. Cadangan seterusnya, pasukan mengadakan respon, pasukan respon pantas PERHILITAN di tempat khas, ditempatkan di Hulu Dungun. Untuk makluman sekarang ini, rakyat terpaksa bertindak sendiri dan ini memang membahayakan rakyat-rakyat itu dan juga berlaku di belakang rumah. Yang seterusnya, mengadakan program tanaman khas, tanaman yang gajah *dok berahi, dok suke dengan menatang tu*, dengan dengan tanaman *tu*. Contoh, kita cadangkan tanaman cili padi ataupun tanaman halia ataupun nenas yang memungkinkan gajah makan dan dia *dok* akan mari lagi di lokasi *tu*. Seterusnya, mengadakan laluan migrasi menggunakan GIS, AI untuk merancang kawasan yang berisiko serta mengadakan laluan khusus bagi gajah-gajah berkenaan dan membolehkan laluan-laluan tersebut dibiarkan dan tidak ditanam oleh penduduk kampung. Marilah sama-sama kita, matlamat kita adalah keselesaan bukan konflik yang berlarutan. Pembangunan kita kena jaga, bukan pembangunan yang mengusir gajah.

Seterusnya *point* saya yang kelapan, pembalakan, perlombongan dan tanggungjawab ekologi. Aktiviti ekonomi seperti pembalakan, perlombongan penting untuk pendapatan negeri, tetapi mesti dikawal secara berhemah. Saya mengusulkan beberapa perkara, yang pertama, pemetaan semula kawasan sensitif alam sekitar, KAAS sebelum lesen baru dikeluarkan. Yang kedua, pemantauan *drone* atau audit bebas untuk *elok* pencerobohan dan hak terbang. Yang ketiga, rehabilitasi kawasan bebas terbang ataupun bekas lombong dengan spesies pokok asli menggunakan spesies asli seperti pokok asal di sana, merbau, kuri, meranti, seraya atau spesies temuai yang menyokong hidupan liar. Yang keempat, penglibatan komuniti setempat sebagai *ranger* komuniti dalam pemantauan sungai dan hutan. Akhirnya, untuk penutup tirai kita, saya menyokong penuh usaha Kerajaan untuk menjadikan Bajet ini sebagai Bajet yang adil, inklusif dan berpandangan jauh. Bajet yang menjaga ekonomi, rakyat dan alam sekitar yang seimbang. Akhir daripada Bukit Besi dengan serangkap pantun:

Gunung Hijau Lembah Perwira,
Jejak Sejarah Warisan Bangsa,
Rakyat Dijaga Alam Terpelihara,
Bajet Dilaksana Negeri Sejahtera.

Bukit Besi menyokong sepenuh Belanjawan Negeri Terengganu 2026. Sekian,
وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih Wakil Bukit Besi. Ada Wakil-Wakil Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang nak meneruskan Ucapan Perbahasan. Silakan, Yang Berhormat Telemong. *Tak dok* gajah *doh* rasa di Telemong *ni, gi* ke Bukit Besi belaka.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Nak kena Timbalan Yang di-Pertua *ni*. [ketawa]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Pusat dan Negeri, para pemerhati dan juga pemerhati dari Telemong pun ada, *insya-Allah*, tuan-tuan, puan-puan sidang hadirin sekalian. *Alhamdulillah*, syukur kita kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana pada petang ini dapat kita bersama-sama atas nikmat dan rahmat Allah maka kita hari ini dapat berada di sini.

Pertama-tamanya, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua kerana telah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk sama-sama turut membahaskan Bajet kita kali ini. Jadi, saya berpantun dulu *ork*. Sekejap..

"Siram selasih tepi kali,
Minum lebah rumah Cik Bedoh,
Terima kasih Tok Li,
Hal Gajah kurang *doh*"

Pertama-tamanya, setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah berjaya membentangkan Bajet 2026 ini yang mana kita baca, kita dengar, merupakan Bajet yang sangat unik dan luar biasa. Yang bertemakan "Memacu Potensi, Melonjak Prestasi" dengan satu jumlah bajet yang sangat besar berjumlah RM1.938 bilion.

Di Telemong berharap agar Belanjawan ini mampu untuk mencetuskan kehidupan rakyat yang lebih maju, berkat dan sejahtera dan kalau boleh kita kekalkanlah status Terengganu kita sebagaimana yang kita sedia maklum, status sebagai sebuah negeri yang paling bahagia di Malaysia. Kalau boleh, kita harap juga bandar-bandar kita juga memonopoli sebab setakat ini bandar-bandar kita masih di bawah, bandar Kuala Terengganu ke bandar Dungun ke bandar Hulu Terengganu ke. Kita haraplah dapat kita tingkatkan prestasi untuk kita dapat juga bandar yang terbahagia di Malaysia. Jadi, Bajet ini diharap dapat membantu rakyat kita yang masih lagi ramai susah dan tidak keruan di bawah sana dalam suasana mereka hari ini terpaksa menangani situasi kos sara hidup yang semakin meningkat serta terpaksa menghadapi kenaikan harga barang-barang keperluan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya terpanggilah juga nak ulas sikit tentang royalti ini. Sikit *jelah, insya-Allah* sebab saya rasa hal ulasan royalti ini kita mungkin *dah* sangat banyak *dah* hari ini. Cuma saya nak sebutnya di sini, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, perbuatan tidak menyalurkan royalti ke Negeri Terengganu ini merupakan satu perbuatan yang zalim, perbuatan yang keji, perbuatan yang kita boleh kita katakan yang dilaknat oleh Allah. Sebab ini hak kita, hak Terengganu, bukan saja hak orang PAS, bukan saja hak orang BERSATU, bukan saja hak orang PKR, bukan saja hak orang PAN, MIC, DAP tapi juga hak kita semua orang UMNO pun hak rakyat Terengganu.

Kerana apa yang saya nak sebut di sini ialah kerana ini dengan adanya wang, bajet, duit ini sudah pasti kerajaan dapat membina, merancang dan membuat sesuatu untuk rakyat. Kalau dia kata soal bagi *pitih ni dok*, UMNO bagi sejak Merdeka lagi, bagi, *dok* menang juga Pilihan Raya baru *ni*, dua penggal *dok* menang pun. Makna kata nak *kabornya* supaya kita rakyat Terengganu semua jangan kita katakan Kerajaan kena fikir benda *ni*, orang PAS kena fikir benda *ni*, orang BERSATU *je* kena fikir benda *ni*, kita rakyat Terengganu, pegawai kerajaan semua sekali sebab nikmatnya kepada kita mungkin tak perlu *doh*, orang tua-tua *doh* nak *nape* lagi ada belaka *doh*. Ini anak-anak kita, cucu kita, cicit kita, mungkin rakan-rakan kita.

Jadi kita haraplah supaya perbuatan zalim ini tidak diteruskan oleh Kerajaan Pusat kerana Tuhan marah. Tuhan marah melakukan perbuatan zalim ni sebagaimana kita dengar Ustaz *kabor* zalim ke orang, menyusahkan orang, khianat ke orang *ni*, Allah kata tunggu, tunggu, tunggu dulu, *aloh bior, aloh bior ni biar...* Betul tak Wakil Kijal? Wakil Paka? Ustaz ada *kabor*, kalau Allah balas lalu senang cerita, ini Allah biar dulu, *ye lok* dulu biar mu suka biar mu seronok biar mu asyik. Kerana kita tahu semua kan, kita buat Solat Hajat, kita doa, *ni* doa-doa kita, doa-doa orang-orang yang dizalim *ni* makbul, mudah makbul, tidak ada hijab disisi Allah. Jadi kita haraplah, kita harap supaya orang yang pegang *ni*, dia kata dia *kabor* dia kata *`wi doh* kan *wi doh* macam *pitih* kita *jugoklah, buwi*, duit gaji kita, barang kita...

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, boleh saya minta sikit pencerahan dengan Telemung?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Boleh.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila. Telemung bagi tak? Telemung duduk *tu* bolehlah.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Di luar sana *ni* dia bercakap, dia kata Kerajaan Negeri *ni takdok* cerita hal lain. Asal nak buat pembangunan, *pitih takdok dokleh* royalti minyak. Boleh *dok* saya *nok* minta dengan Telemung *check* dengan *saing-saing* lama *tu*, *saing-saing* Telemung *hok* lama *tu*. Ingat *dok?* Tanya dia, bermula daripada Menteri Besar arwah Tan Sri Wan Mokhtar sampai ke dia jatuh, dia belanja duit mana? Duit royalti minyak ke ataupun duit cukai? Boleh *dok gitu?* Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ini Telemung kena jawablah *tu*.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): *Insyallah* Tok Li. Benda mudah *je tu*. Nak bincang *je* pun bukan benda payah sangat *bor* nak bincang *tu*, nak boleh *tu* payah. *Insyallah...* tadi, bab sekarang ni nak *kabor* kalau katalah duit disekat kerana *takmboh* beri Kerajaan kita memerintah akan datang, Kerajaan kita kalah akan datang, rasa dok *munasaboh*, dulu Kerajaan kita tak ada duit pun, menang, *dok?* Menang 2018, Yang Berhormat Batu Rakit, betul *dok?* Menang, *takdok* benda pun. UMNO bagi berpuluh tahun *doh, kaloh gok*. Makna *nok kabor* tapi yang rugi *nung* anak kita, cucu kita, *tu* yang kita bimbang sebab *kalu* lima tahun *dok* bagi, lima tahun rugi, bayangkanlah. Rugi dari segi pendidikannya, pembangunannya, ekonominya, dan sebagainya. Jadi kita haraplah, kita harap Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* makbullah doa kita *ni*, supaya melembutkan hati mereka *ni*, dan kita bukan nak doa dia jadi *huduh*, nak jadi cacat, nak jadi *dok* kita *wi* balik apa salahnya kita *wi* balik bukan kena *mikul* pun *dok*, bukan dia kena *mikul*, bukan dia kena *nebas* pun. *Takdok* masa *doh* tu. Jadi saya nak sebutlah saya dari sini. Mari masuk Dewan ni juga, dengan peluang ni, saya nak *kabo jugoklah* hal Telemung sikit Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Jadi, *nok kabonya* Telemung ini sebenarnya tadi cakap *doh* tadi. Telemung ni banyak menyumbang kepada hasil Negeri Terengganu. Banyak hasil. *Dok caye tengok*, yang macam empangan. Seberang Takir *tak dok* empangan ork? *Takdok*. Kita ada empangan, dapat royalti air.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ada laut. Laut China Selatan

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): *Doh* laut buat *nape* bukan boleh *pitih* pun.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ada ikan.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Ni kita ni kita menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri Terengganu kita. Beratus juta dah kalau nak kira, beratus juta. Sikit *gi* buat solar terapung, solat terapung di Tasik Kenyir. Satu-satu solar yang terbesar mungkin di Asia ataupun dunia. Mungkin akan menghasilkan 2,000 megawatt lebih. Saya dah *check* dengan laporan daripada kerajaan kata bila mengeluarkan lebih 2,000 megawatt nanti hasil Terengganu akan dapat lebih RM100 juta lebih setahun, banyak tu RM100 juta. Telemung je ada. Kenyir Telemung je ada royalti air. Balak orang lain ada juga balak. Banyaklah balak di Telemung ini. Kemudian Telemung juga ada nadir bumi *hok* Wakil Manir sebut tadi okay Wakil Manir sebut tadi. Banyak di Telemung sungguh tanya lah, EXCO Wakil Kota Putera. Banyak... jadi makna Telemung banyak menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri. Beratus juta setahun apa salah beri macam royalti *etek*. Kita kata Kerajaan Pusat *dok wi*, kita buat gitu juga, sama je *gitu*. *Ke guane? Kita dok wi rohok* bukan nak bangkit dok sebab Telemung menghasil benda ni. *Dok kabo* lagi *hok* lain tu. Banyak lagi Telemung nak *kabo* hal Telemung yang menyumbang kepada hasil negeri, nak *kabo* hal ni KETENGAH. Saya nak *ambik* berpeluang nak ucap tahniah kepada rakan saya yang hari ni telah dipilih. Orang Telemung dipilih menjadi pengerusi KETENGAH. *Alhamdulillah*, Kita haraplah perjuangan KETENGAH kita ni sebab nak *kabonya sebab* kita beri kawasan KETENGAH luas, besar KETENGAH ni tapi *dok* sikit *habuk* Telemung *dok* kena operasi dia. Di Ajil ada juga, Kampung Pela. Betul *dok* [sambil ketawa] Ada juga, tapi Telemung *tak dok*.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sebut molek sikit. Sebut biar betul.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): *Nok kabo*. Jadi kita haraplah. Kita harap perjuangan kita supaya kawasan Telemung ni Mukim Telemung ni dijadikan juga kawasan Wilayah KETENGAH supaya

KETENGAH boleh membantu sebab kita ramai orang susah. Telemung ramai orang susah, boleh bantu. Telemung rakyatnya gajah banyak mari, kera pun banyak. Terima kasih Pertanian. Pengarah Pertanian buat program banyak baru ni tembok kera. Dok ape dok kabo sini ork? [Sambil ketawa] Takut PERHILITAN *maroh* [Sambil ketawa]. Kemudian banjir, Telemung banjir. Jadi ini kita haraplah kepada Kerajaan. Saya nak mohon di sini, ringkaskan sikit masa lebih dah ni tapi *dok ape* tadi Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya ambil gambar Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ambil gambar Yang lebih 3 minit lebih tadi, 3 minit 14 saat. Jadi saya *jugok* ambik juga ruang tu. Jadi nak *kabo*, saya minta saya haraplah kepada Kerajaan, Telemung ini saya haraplah supaya kelmarin dah lulus kelmarin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah sebut kelmarin lulus Masjid Kubang Palas, terima kasih banyaklah. Empat Perdana Menteri baru boleh buat, kabo terus terang empat Perdana Menteri, bukan Menteri Besar. Kabo terang, kita urus *mende* ni. *Alhamdulillah*, terima kasih banyak. Bagus Kerajaan hari ni. Orang kampung memang *Insyallah* kambing kita sembelihlah, *Insyallah*. Jadi nak kabo saya mohonlah supaya kita tolonglah Telemung juga dengan sebut tadi dengan beratus juta hasil ni. Orang Telemung buatlah perumahan satu, perumahan setakat ini takdok satu pun lagi. Jawapan ni pun hok bertulis berbelit belah sekali tengok jawapan. Okay Wakaf Mempelam jawab *belit belah* sekali. Minta maaf Wakil Wakaf Mempelam, sebab ni berulang-ulang ni. Dok kemas jawab. Jawab- jawab, jawab main selamat. Jawab kemas sikit sebab Telemung ni dia 382,000 hektar, suku Terengganu. *Tau dok* suku Negeri Terengganu ni letak di Telemung, luas. Jadi peruntukan wakil rakyat sama juga dengan orang lain, matilah aku. Panjang, jalan panjang, parit panjang longkang panjang, banyak sangat. Kita haraplah buat kawasan perumahan. Kita minta pastikan buat juga tahun ni. Tahun depan selewat-lewatnya. Kemudian Telemung juga kita nak bandar, *takdok* bandar kita ini. Bandar takdok, pusat-pusat pertumbuhan ekonomi, tolonglah, kita kena tolong kalau Kerajaan dok tolong, *piye* lagi.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kalau kita...

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Masa dah nak habis ni.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit): Kalau *lok* lama sangat pada Telemung ni dia minta macam Sarawak Sabah tulah, dia nok belake.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: [*Sambil ketawa*] Ada sikit lagi masa. Saya ingat...

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Kita *takmboh* 40%, Wakil Batu Rakit, kita nak 5% je sudahlah. Jadi kita haraplah macam sebut tadi pusat pelancongan lebih banyak, CBT kita banyak, tolong *build up*. Kemudian kita harap juga Pakej Jalan 7 tu boleh dibina cepat sikit daripada Kuala Jeneris sampai ke Pengkalan Gawi. Kita harap juga situ ada pusat pendidikan dibina. Kita harap masjid bukan se je. Kita ada 16 lagi hok dalam rok, Telemung ada 32 butir masjid. 32 butir. Kawasan Yang di-Pertua baru 8 butir, saya 32 butir, 16 butir *hok* uzur, baru lulus se. Jadi kita haraplah Yang Amat Berhormat Menteri Besar tambah lagilah masjid, masjidnya kampung. Bukan tamak dok tamak. Banyak lagi no wak guaner, biasalah, kita orang tak dok ni, kita mintalah.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Panjang lagi Wakil Telemung?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Jadi saya rasa padanlah tu kot. Jadi kalau saya nak sebutnya, banyak lagi sebenarnya tapi oleh karena masa tidak mengizinkan, lebih daripada masa Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ambil tadi, jadi saya nak pantun sikit lah.

Rendang sungguh pohon beringin
Tempat bermain si anak dara
Kalau semua EXCO bersikap prihatin.
Telemung akan maju, berkat dan sejahtera.

Jadi dengan kata-kata itu, saya menyokong Bajet ini. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Telemung, lebih 5 minit tapi saya tak boleh nak halang sebab ada pencelahan tadi. Seterusnya dipersilakan, Wakil mana lagi? Ya, sila Wakil Air Putih.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى الرَّسُولِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
 قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي، وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي، وَأَحْلِلْ عُقْدَةً مِن لِسَانِي، يَفْقَهُوا قَوْلِي.
 أَمَّا بَعْدُ
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan sidang pemerhati yang dirahmati oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sekalian. Terima kasih kerana memberi ruang dan peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Bajet negeri pada kali ini. Bajet yang dibentangkan tahun ini membawa mesej yang besar iaitu kesinambungan kepada usaha membina negeri yang maju, berkat dan sejahtera. Dengan tema "Memacu Potensi Melonjak Prestasi" dalam Bajet 2026 kali ini Wakil Air Putih berbangga kerana ini menunjukkan kesungguhan dan wibawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu untuk melihat keupayaan dan kebolehan negeri untuk berdiri tanpa pergantungan yang tinggi, keupayaan menggerakkan seluruh kemampuan dan kekuatan yang ada bagi mencapai peningkatan prestasi yang cemerlang. Dalam kesempatan ini saya ingin menyentuh dan menyokong penuh keperluan *reform federalisme* bagi melindungi hak serta kemajuan Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kita melihat prestasi Bajet negeri pada tahun-tahun ke belakang ini kekal stabil dan berdisiplin walaupun berhadapan cabaran hasil petroleum yang tidak menentu dan tekanan ekonomi global, Kerajaan negeri masih dapat mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh. Pendekatan Bajet berhemah ini membolehkan negeri terus menyalurkan manfaat kepada rakyat sama ada melalui bantuan sosial, pembangunan prasarana mahupun peningkatan perkhidmatan awam.

Keupayaan ini membuktikan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu ini begitu gigih bagi memastikan Negeri Terengganu kekal berada pada tahap terbaik walaupun dalam masa yang sama kekangan dan gangguan serta bebanan peninggalan pentadbiran lama perlu ditangani namun pencapaian demi pencapaian yang positif menjadikan Terengganu utuh berdiri. Di DUN Air Putih kita menyaksikan beberapa hasil nyata daripada keberkesanan

pengurusan Bajet negeri termasuk projek dalam dan infrastruktur kampung yang ditambah baik namun masih banyak lagi infrastruktur yang perlu ditambah baik kerana isu utama di Air Putih ialah infrastruktur dan usaha penambahbaikan bekalan air melalui kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf sistem agihan.

Yang Berhormat Timbalan Dato' Yang di-Pertua, bajet ini turut membawa semangat bajet rakyat dengan tumpuan kepada inisiatif kesejahteraan masyarakat di semua peringkat. Bagi DUN Air Putih, antara tumpuan utama yang saya harap diberi perhatian dan disegerakan ialah pertama, Perumahan Mampu Milik, rumah mampu milik. Terdapat beberapa tapak yang telah dicadangkan dan saya mohon agar pelaksanaannya dipercepatkan bagi memenuhi keperluan golongan muda dan berpendapatan sederhana. Dua, pendidikan. Tapak Sekolah Rendah Integrasi (SRIDI) telah diluluskan dan wajar dipercepatkan pembinaannya. Saya juga mencadangkan agar sebuah Sekolah Menengah Agama baharu dibangunkan di Bandar Baru Binjai bagi memenuhi keperluan pendidikan Islam dan akademik masyarakat setempat. Yang ketiga, isu bekalan air. Masalah air keruh dan tekanan rendah masih dikeluhkan di beberapa kawasan terutama di penempatan Felda. Diharapkan bajet kali ini dapat memperuntukkan lebih banyak dana untuk penyelenggaraan serta naik taraf sistem paip utama dan tangki agihan. Yang keempat, pembangunan Felda dan luar bandar. Penduduk Felda di Air Putih menghadapi isu pendapatan dan peluang pekerjaan generasi kedua. Oleh itu, Program Keusahawanan Desa dan Pertanian Muda perlu diperluas agar mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil sawit semata-mata.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, bajet ini bukan sahaja menumpukan kepada perbelanjaan semasa tetapi juga menggambarkan gagasan masa depan Terengganu. Kita mahu melihat negeri ini menjadi model pembangunan Islam. Negeri yang bukan sahaja kaya sumber tetapi kaya nilai dan ilmu. Harapan kita ialah agar Terengganu yang terus berdaya saing dengan memanfaatkan kekuatan sumber manusia, memperluas sektor pelancongan dan ekonomi digital serta menjadikan bandar-bandar kecil sebagai pemangkin pertumbuhan di kawasan pedalaman.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan segala inisiatif Kerajaan Persekutuan yang membawa manfaat kepada rakyat. Khususnya dalam bidang pendidikan kesihatan dan infrastruktur asas. Namun pada masa

yang sama, Kerajaan Negeri perlu dihormati sebagai rakan dalam sistem persekutuan bukan sebagai pentadbiran bawahan. Sebarang peruntukan atau projek harus disalurkan terus melalui Kerajaan Negeri agar pelaksanaannya lebih tersusun dan berpaksikan keperluan tempatan. Ini selaras dengan semangat Federalisme Komparatif bukan dominasi tetapi pengkongsi tanggungjawab.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, wujudnya beberapa bentuk gangguan dan tekanan politik terhadap Kerajaan Negeri. Ada peruntukan yang dilewatkan, projek yang ditangguhkan dan dasar yang dilaksanakan tanpa perundingan bersama Kerajaan Negeri. Perkara sebegini bukan sahaja menjejaskan kelancaran pentadbiran malah memberi kesan langsung kepada rakyat. Ini adalah usaha halus bagi memastikan kewibawaan kepimpinan Kerajaan yang ada terganggu. Ini tidak sepatutnya berlaku. Oleh itu, Air Putih menegaskan pentingnya *Reform Federalisme* iaitu pembaharuan untuk menstruktur semula hubungan antara Kerajaan Pusat dan Negeri agar lebih adil, telus dan berasaskan Perlembagaan. Negeri harus diberi kuasa sebenar dalam hal-hal seperti sumber asli, pelan pembangunan wilayah dan pelaksanaan projek rakyat. Hanya dengan cara ini, kesejahteraan rakyat dapat dicapai tanpa gangguan politik atau birokrasi yang tidak perlu.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Air Putih merupakan dunia yang luas buminya. Sebahagian besar adalah tanah-tanah Felda. Felda Neram 1, Felda Neram 1 tambahan, Felda Neram 2, Felda Cerul 1 dan Felda Cerul 2 serta Felda Seberang Tayor. Air Putih menyokong penuh tuntutan kepada Felda kerana hak rakyat Terengganu telah dinafikan sekian lama. Dimaklumkan, Felda di DUN Air Putih juga terlibat dengan isu tanah Kerajaan tanpa dokumen hak milik yang sah. Perkara ini patut diselesaikan dan pihak Felda perlu bertanggungjawab dalam isu ini. Air Putih juga mencadangkan satu isu lagi iaitu pemilikan tanah secara haram kerana apabila kita melihat saujana pokok kelapa sawit, kita beranggapan ianya ada pemilik. Rupa-rupanya ialah, ianya tanah terokaan haram yang begitu luas yang telah menikmati hasil sekian lama. Terbukti apabila satu projek yang MoU dengan Kerajaan Negeri dan apabila bermulanya projek tersebut maka baru diketahui tanah-tanah di situ sudah diterokai secara haram yang telah memberi kesan kepada kelancaran perjalanan projek tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kita mungkin tidak menyedari bagaimana tanah-tanah negeri di bahagian sempadan khususnya di Air Putih yang bersempadan dengan Negeri Pahang. Bagaimana pencerobohan dan penerokaan khususnya sumber REE yang berleluasa. Air Putih diakui tanahnya memiliki sumber REE yang banyak dan luas. Justeru itu, Air Putih memohon dan mencadangkan penguatkuasaan yang tegas dan tersusun perlu dilakukan agar ketirisan sumber Kerajaan ini dapat dibasmikan. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri, para penjawat awam dan seluruh rakyat di DUN Air Putih atas sokongan dan kesabaran mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran. Marilah kita menjadikan Bajet ini sebagai satu wadah untuk memperkukuh semangat kebersamaan antara Kerajaan dan rakyat antara Negeri dan Persekutuan demi kemajuan Terengganu yang Maju, Berkat dan Sejahtera. Air Putih mohon menyokong. *والله أعلم.*

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Air Putih. Saya kira menepati masa. Tak sampai 10 minit.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih): *Telemong bahang banyak doh.*

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Seterusnya, saya persilakan mana-mana Wakil lagi yang belum buat perbahasan untuk membahaskan ucapan perbelanjaan ataupun Bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Silakan, Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Saya mulakan ucapan perbahasan ini dengan firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

"dan mereka yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala itu ialah yang apabila membelanjakan hartanya tiadalah melampaui

batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara boros dan bakhil itu."

صَدَقَ اللهُ الْعَظِيمُ

Surah Al-Furqan ayat 67.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta seluruh Ahli Dewan yang saya muliakan. *Alhamdulillah* segala puji dan syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Taa'la* kerana dengan izin dan rahmatNya kita dapat bersidang untuk membahaskan Belanjawan Negeri Terengganu Tahun 2026.

Saya terlebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri atas penyediaan Belanjawan yang kukuh, berpandangan jauh dan berpaksikan tema "*Memacu Potensi Melonjak Prestasi*". Belanjawan kali ini, membuktikan bahawasanya Kerajaan Negeri sentiasa beriltizam tinggi untuk memakmurkan rakyat walaupun berdepan dengan cabaran hubungan Kerajaan Persekutuan yang tidak seimbang. Kita maklum pelbagai gangguan dan kekangan daripada Persekutuan yang telah menyukarkan urusan negeri. Namun, kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar terus kekal tenang, berhemah dan beribawa. Izinkan saya menyebut beberapa pencapaian besar yang wajar diberi penghargaan. Pendapatan negeri meningkat daripada RM900 juta ringgit pada tahun 2018 kepada RM1.75 bilion pada tahun 2024 hasil pengurusan berdisiplin. Terengganu Inc. (TI) kini menjana pendapatan tertinggi dalam sejarah negeri mencecah RM1.7 bilion ringgit, diikuti EPIC Berhad RM403 juta dan TDM Berhad RM645 juta.

Terengganu kekal negeri paling telus dalam pengurusan belanjawan di Malaysia menduduki tempat pertama bagi tahun 2022 dan 2024. Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2024 menobatkan Terengganu sebagai "Negeri Paling Bahagia" di Malaysia dengan skor 8.64. Kerajaan Negeri juga berjaya memulihkan peninggalan projek sakit seperti Stadium Sultan Zainal Abidin, Hotel Paya Bunga dan rumah mampu milik di Padang Setenge, Taman Kertih serta Batu Rakit. Langkah-langkah ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri bukan sekadar berwacana tetapi melaksanakan tindakan konkrit untuk memperbetulkan warisan lampau. Pendekatan politik matang dan sejahtera

yang diterapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menukar suasana politik tegang kepada politik harmoni dan beragenda rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, walaupun kita menyokong Belanjawan ini suara rakyat di bawah mesti terus dibawa ke Dewan yang mulia ini. Rakyat pantai timur terus menanti dengan sabar pelaksanaan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa III (LPT III). Kajian asalnya telah siap sejak tahun 2009 dengan kos RM2.867 bilion. Namun, akibat penangguhan panjang kos kini meningkat kepada RM9.8 bilion. Malangnya, ia tidak tersenarai dalam RMKe-13 maupun Belanjawan Persekutuan 2026, sedangkan Projek Mutiara Link Pulau Pinang bernilai RM17 bilion telah diberikan peruntukan. Ini menimbulkan persoalan sampai bila Terengganu perlu menunggu haknya yang sepatutnya menjadi pemacu ekonomi negeri ini. Kerajaan Negeri mesti terus menuntut keadilan dalam pembahagian pembangunan nasional agar rakyat Terengganu tidak terus ketinggalan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, isu pendidikan dan pembangunan modal insan. Antara kebimbangan besar rakyat pada hari ini ialah krisis sistem pendidikan negara, kes buli yang semakin melampau, cubaan menculik, gangguan seksual, ketagihan gajet serta tekanan mental dalam kalangan pelajar. Masalah ini bukan semata-mata isu disiplin sekolah tetapi cerminan kepada krisis nilai dan akhlak yang sedang melanda generasi muda kita ini. Ia menuntut perhatian yang serius daripada semua pihak bukan sahaja Kementerian Pendidikan tetapi juga Kerajaan Negeri, masyarakat dan institusi agama. Sebagai negeri yang menjadikan Islam sebagai dasar pentadbiran, saya berpandangan Terengganu wajar tampil dengan pendekatan sokongan dan cadangan yang berpaksikan penyelesaian Islam. Firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

"Wahai orang-orang yang beriman peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada azab api neraka"

(Surah At-Tahrim ayat 6)

Berdasarkan panduan ini saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, YPK, MAIDAM dan Yayasan Terengganu mengambil langkah-langkah berikut sebagai pelengkap kepada Dasar Pendidikan Nasional.

Yang pertama, menjana kerjasama strategik dengan Kementerian Pendidikan dalam memperluas program pendidikan berasaskan maqasid syariah menjaga agama, akal, nyawa, maruah dan harta melalui aktiviti kokurikulum, program motivasi dan pembangunan sahsiyah pelajar. Yang kedua, menjadikan sekolah dan institusi tahfiz di bawah seliaan negeri sebagai model sekolah tarbiyah Islam yang bukan sahaja menekankan soal akademik tetapi juga akhlak, adab dan kepimpinan. Yang ketiga, memberi latihan dan pengiktirafan khas kepada guru agama dan asatizah sekolah negeri supaya mereka berperanan sebagai murabbi komuniti yang membimbing masyarakat setempat bukan hanya dalam bilik darjah semata-mata dan yang keempat, mengaktifkan kerjasama antara masjid, PIBG dan JPJK bagi membentuk zon selamat pelajar, kawasan komuniti yang menjaga keselamatan dan moral anak-anak di luar waktu sekolah.

Langkah-langkah ini tidak bercanggah dengan bidang kuasa Persekutuan malah, melengkapkan usaha kementerian dengan roh Islam dan keprihatinan setempat. Saya yakin dengan sokongan padu semua pihak, Terengganu boleh menjadi negeri contoh dalam membangunkan sistem pendidikan berjiwa Islam dan berpaksikan kesejahteraan ummah.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kita bersyukur atas hasil royalti petroleum yang menjadi sumber penting negeri namun pembayaran oleh Kerajaan Persekutuan masih tidak menepati perjanjian asal di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Perjanjian 1975. Bayaran sepatutnya 5% 2 kali setahun tetapi, 2023 RM0.8 bilion tidak cukup 5%. Tahun 2024, RM1.6 bilion lewat bayar. Tahun 2025, RM1 bilion dibayar pada Oktober tidak ikut jadual. Isu ini nampaknya sudah menjadi permainan tradisi di Putrajaya. Bila suka, dibayar dan bila tidak suka maka ditunda. Saya percaya rakyat sudah cukup matang untuk menilai siapa yang ikhlas membantu dan siapa yang memperalatkan hak negeri untuk kepentingan politik. Kerajaan Negeri Terengganu tidak akan tunduk kepada tekanan, kita akan terus menuntut hak ini secara sah, tegas dan konsisten kerana royalti bukan bantuan ia adalah hak yang dijamin undang-undang. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan mesti berhenti bermain politik dalam urusan yang melibatkan hak rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, akhirnya Belanjawan 2026 ini menunjukkan wibawa kepimpinan negeri dalam menghadapi gangguan dan

cabaran politik Persekutuan. Kerajaan Negeri kekal teguh dengan dasar Islam berhemah dalam pengurusan dan adil terhadap rakyat. Dengan izin Allah, Terengganu akan terus menjadi negeri contoh makmur ekonominya, luhur akhlaknya dan sejahtera rakyatnya. Saya dengan penuh rasa tanggungjawab menyokong Belanjawan Negeri Terengganu 2026. Saya akhirkkan ucapan ini dengan serangkap pantun.

Rantau Abang tanah bertuah
Tempat rakyat bersatu suara
Belanjawan dibentang dengan maruah
Demi kesejahteraan rakyat jelata

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Ada mana-mana Wakil lagi yang nak mengemukakan ataupun membahaskan. Sila Wakil Batu Rakit.

YANG BERHORMAT MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL (Wakil Batu Rakit):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ. وَنُصَلِّي وَنُصَلِّمُ عَلَى خَيْرِ الْأَنْبِيَاءِ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا
بَعْدُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya mulakan perbahasan saya dengan sepotong hadis Nabi ﷺ yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di penghujung ucapan Belanjawan semalam.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم
مَا مِنْ عَبْدٍ اسْتَرْعَاهُ اللَّهُ رَعِيَةً فَلَمْ يُحِطْهَا بِنَصِيحَةٍ إِلَّا لَمْ يَجِدْ رَعِيَةَ الْجَنَّةِ ﷺ نَبِي قَالَ

Maksudnya: "Tiada seorang hamba yang telah diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala untuk menguruskan hal ehwal rakyat di bawah tanggungjawabnya lalu tidak menunaikan amanah tersebut meskipun dengan hanya menyampaikan satu nasihat melainkan ia tidak dapat mencium haruman syurga."

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin cantumkan dengan satu hadis lagi daripada Nabi ﷺ

مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ أَمِنًا فِي سِرْبِهِ مُعَافَى فِي بَدَنِهِ إِنْ دَهُوا قُوتَ يَوْمِهِ فَكَأَنَّ مَا حُبِدَتْ لَهُ الدُّنْيَا بِحَدَافِرِهَا

Kata Nabi ﷺ "Barang siapa di kalangan kamu yang berpagi-pagi, dia telah bangun pada waktu pagi dalam keadaan dia mendapat aman ketika mana berada di tempat tinggalnya di rumahnya dan dalam keadaan dia sihat tubuh badannya dan memiliki makanan untuk dimakan pada hari itu, maka seolah-olah dia telah menguasai dunia keseluruhannya."

Maksud daripada hadis ini, jika seseorang diberi tiga nikmat ini iaitulah nikmat keamanan, nikmat kesihatan dan nikmat rezeki yang mencukupi untuk makan pada hari itu, maka sebenarnya dia telah memiliki kebahagiaan dan kecukupan dunia untuknya.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, difahami daripada hadis-hadis ini walaupun hadis ini datang dengan cara penghabaran daripada Nabi ﷺ tapi kita faham ia adalah perintah untuk diambil perhatian terutamanya kita sebagai Kerajaan iaitu perintah supaya melaksanakan amanah ke atas rakyat kita khasnya pada tiga segmen iaitu keamanan, kesihatan dan juga kebajikan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah melaksanakan perintah Nabi ﷺ ini melalui banyak program-program dan juga projek-projek yang menepati dengan hadis ini. Contoh yang saya boleh sebut disini, antara bawah segmen keamanan, Kerajaan Negeri telah menyediakan Rumah Mampu Milik dan Projek Perumahan Terengganu Sejahtera (PPTS) untuk rakyat berlindung. Adapun di bawah segmen kesihatan, semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah sebut dalam Ucapan Belanjawan, Kerajaan sedang berusaha untuk membudayakan pemakanan yang baik dan sihat dengan menganjurkan hanya hidangan sihat disajikan semasa mesyuarat, kursus dan apa-apa program yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan. Mungkin semua YB-YB boleh ambil perhatian dalam perkara ini, bab makanan ini memang menjadi cabaran kepada semualah terutamanya pemimpin-pemimpin apabila ziarah dan seumpama dengannya, biasa disajikan dengan makanan-makanan yang enak, yang lazat tapi belum tentu disebalik itu, adakah ia memberi khasiat kepada kita.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, adapun setelah itu yang lebih menarik lagi jika sekiranya rakyat sudah sakit, Kerajaan sudah menyediakan Kad Sejahtera untuk rakyat yang susah. Mereka boleh pergi ke klinik-klinik dengan bantuan kerajaan ini. Yang lebih menarik lagi, jika sekiranya rakyat sudah sakit sangat menarik dengan bantuan Kerajaan ini bukan sahaja memastikan rakyat dapat makanan yang baik tapi jika sekiranya mereka sakit kita sedia Kad Sejahtera bahkan menarik kita tengok ada negeri yang bersedia untuk ikut kita untuk menyediakan Kad Sejahtera ini. Adapun segmen kebajikan, contohnya banyak tindakan-tindakan Kerajaan sudah dilaksanakan dengan macam-macam bantuan kita berikan kepada rakyat masyarakat kita di bawah diantaranya yang tak pernah dibuat oleh mana-mana Kerajaan, Pencen Rakyat, Dana Raya ini biasa diberikan Dana Raya, Lesen Percuma, Bantuan Pakaian Sekolah, Bantuan OKU, Skim Bantuan Peniaga, Bantuan Ibu Tunggal dan banyak lagi bantuan-bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri. Inilah sebenarnya antara jawapan yang orang tanya sebab apa Terengganu ini dipilih sebagai negeri paling bahagia, ini di antara jawapan-jawapannyalah. Cuma Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kini ada sedikit gangguan. Sebahagian daripada program kita ini, perancangan yang kita nak buat ini bahkan kita telah buat sebahagiannya tergendala kerana duit kita telah disekat oleh Kerajaan Persekutuan iaitulah royalti. Royalti itu adalah duit kita bukan hak Kerajaan Persekutuan. *Alhamdulillah*, Kerajaan Negeri Terengganu terus berjuang untuk dapatkan royalti ini, cuma kita minta kepada rakyat Terengganu keseluruhannya bersama dengan Kerajaan Negeri Terengganu untuk memperjuangkan royalti ini, paling kurang jangan kata kepada Kerajaan Negeri, jangan buat *nganjing* kepada Kerajaan Negeri, kita berusaha sungguh-sungguh untuk dapatkan hak kita jika sekiranya kita betul-betul rakyat Negeri Terengganu pasti kita bersama dengan kerajaan kita untuk menuntut hak kita ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, perkara yang ke-40 dalam Ucapan Belanjawan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam menyebut berkenaan Pemerksaan Institusi Pendidikan termasuk sekolah agama rakyat dan juga sekolah tahfiz, sekolah pondok dan seumpama dengannya, Batu Rakit menyambut baik dan sangat-sangat berterima kasih di atas cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menambah jumlah peruntukan bagi bantuan per kapita dan Skim Al-Ghazali dan mempertimbangkan subsidi bekalan air untuk institusi ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, cuma Batu Rakit ada sedikit aduan berkenaan bantuan per kapita untuk sekolah-sekolah agama rakyat untuk tahun ini masih belum dapat. Saya dapat maklumat untuk tahun-tahun sebelum ini, biasa mereka dapat selepas berlalunya tahun berikut. Jadi, Batu Rakit cadangkan supaya laksanakan pada tahun berkenaan maknanya jangan nanti habis tahun dulu baru kita nak sampaikan sumbangan kepada sekolah-sekolah agama rakyat ini, *nyaknye* mereka *duk* tunggu sumbangan dalam keadaan mereka nak uruskan urusan persekolahan ini dalam keadaan sangat berat sekarang ini terutamanya apabila dah ada Kerajaan makna kata Kerajaan nak Islam, nak menyumbang untuk apa lagi, ada orang sebut *gitu*. Jadi daripada itu, kita harapkan di samping rakyat jelata di bawah menyumbang, kita harap kerajaan pun bersegera untuk sampaikan sumbangan kepada sekolah agama rakyat ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dalam perkara pemerksaan institusi pendidikan agama ini juga, Batu Rakit mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengiktiraf Sijil Syahadah Sanawi dan juga Sijil Ujian Penilaian Sekolah Rendah Islam, (UPSRI) yang sekarang diguna pakai oleh sekolah agama rakyat. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Batu Rakit cadangkan juga supaya anak-anak Terengganu yang cemerlang dalam syahadah ini diberi anugerah untuk mereka sebagaimana anugerah-anugerah yang kita berikan kepada pelajar-pelajar cemerlang dalam pencapaian-pencapaian sijil-sijil yang lain.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dalam membahaskan pemerksaan institusi pendidikan ini, bulan lepas saya pergi ke Mesir dan juga Syria untuk urusan pelajar di sana. Ada satu isu untuk perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Ada beberapa keluarga anak Terengganu. Mereka ini duduk di sana tempoh yang agak lama, berada di Mesir dan beranak-pinak di sana *dah*. Jadi anak-anak mereka ini sekolah di Mesir. Tapi mereka tetap anak Terengganu. *Dok* ubah status kerakyatan. Tetap anak Terengganu duduk di sana. Cuma berharap bantuan daripada Kerajaan Negeri Terengganu juga untuk anak-anak mereka meneruskan pengajian di sana kerana sekarang ini mereka *dok* dapat bantuan. Sebelum ini ada dapat bantuan daripada MAIDAM. Tapi mereka mohon sebelum ini. *Hok* terbaru *dok* lulus. *Dok* lulus sebabnya ibu bapa dan pemohon tidak bermastautin di Negeri Terengganu. *Nyaknye* ke dialah. Dia anak Terengganu duduk di Mesir lama. Bukan bermastautin di sana. Hanya belajar di sana tapi kita seolah-olah tidak mengiktiraf mereka di sana. Jadi

daripada itu, saya mohon daripada pihak Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada mereka. *Insyah-Allah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, peluang yang ada ini juga saya ingin bertanya dan mengangkat beberapa perkara dalam ADUN Batu Rakit untuk perhatian kerajaan.

Yang pertama berkenaan dengan projek masjid di Mengabang Lekor. Apa statusnya sekarang ini? Kerana keadaan nampak macam *dah* lama dihentikan. Jadi *nak* tahu status keadaan projek ini.

Yang kedua, bagaimana umum sedia maklum Batu Rakit terlibat dengan hakisan pantai yang amat dahsyat, menyebabkan berlaku pengkalan-pengkalan nelayan yang sudah roboh, yang hilang daripada pandangan kita. Jadi saya mohon kerajaan sediakan sebahagian peruntukan belanjawan ini untuk bangunkan semula jeti khas untuk mereka di sepanjang Pantai Batu Rakit ini.

Yang seterusnya yang ketiga, dalam sektor pelancongan dan rekreasi. Batu Rakit mencadangkan supaya kerajaan menaik taraf Panchur Batu di Kampung Bukit Nenasi, Bukit Wan. Jadi akhir sekali, saya dengan peluang yang ada ini juga saya *nak* ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Cukai, EXCO Infra yang semalam turun ke Batu Rakit untuk tengok projek hakisan pantai dan juga untuk hadapi monsun timur laut yang akan kita hadapi beberapa hari akan datang. Jadi dengan kehadiran beliau memang sangat mengembiralah bagi rakyat Batu Rakit terutamanya di Pantai Batu Rakit. Batu Rakyat menyokong penuh Ucapan Belanjawan 2026 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Sekian,

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Batu Rakit. Kita teruskan lagi dengan perbincangan pada Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat. Sila, wakil daripada, mana satu? Okey, sila. Besut? Hulu Besut dulu. Okey, sila Hulu Besut.

YANG BERHORMAT MOHD HUSAIMI BIN HUSSIN (Wakil Hulu Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, rakan-rakan media, para pemerhati dan seluruh rakyat Negeri Terengganu yang saya rahmati sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana kita diberi peluang pada hari ini untuk bertemu pada Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahas Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari semalam.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya nak sentuh isu pendidikan. Bila sebut pendidikan di Besut, kita ingat di Besut adalah merupakan juara setiap kali keputusan peperiksaan. Namun, di sini saya ingin menyentuh satu isu. Tadi Rantau Abang telah sebut banyak isu hal pendidikan. Saya nak menyentuh satu isu yang mana ada segelintir semakin hari semakin jauh daripada pendidikan. Anak-anak kita ni ponteng sekolah. Bukan kerana tiada sekolah, bukan kerana tiada guru tetapi kerana hilang kesedaran betapa pentingnya pendidikan. Terdapat segelintir ibu bapa hari ini tidak menganggap pendidikan sebagai amanah utama. Ada anak-anak yang tidak hadir ke sekolah, namun ibu bapa mengambil mudah akan hal tersebut. Ponteng sekolah meningkat, guru-guru penat memujuk dan akhirnya anak-anak hanyut tanpa arah. Saya menyeru agar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan memperkukuhkan kerjasama terutamanya Kementerian Pendidikan, sekolah, PIBG, institusi masjid, JPKK dan komuniti setempat untuk membina masyarakat yang mempunyai kesedaran tentang pentingnya pendidikan. Pendidikan mesti digembelingkan dan dijadikan agenda penting untuk menjamin masa depan yang lebih baik. Kementerian Pendidikan yang masih mengamalkan amalan politik kuno yang tidak boleh bercampur atau bekerjasama dengan Kerajaan Negeri lebih menyukarkan usaha ini. Perbalahan yang berpanjangan merugikan. Yang menjadi mangsa adalah anak-anak kita.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, yang seterusnya saya ingin sampaikan di sini adalah berkaitan dengan isu perumahan dan penempatan rakyat. Di Hulu Besut masih ramai rakyat yang hidup dalam kesempitan dan tidak mempunyai tempat tinggal yang selesa untuk didiami. Satu rumah menampung lima hingga enam keluarga. Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang mana turun ke Besut baru-baru ini, melihat sendiri satu rumah ada empat belas, lima belas orang. Beberapa keluarga diami di situ dan mudah-mudahan dapat disegerakan pembinaan, baiki rumah tersebut sebagaimana yang telah Yang Berhormat lihat sendiri. Anak-anak dewasa masih menumpang di rumah ibu bapa yang uzur dan berkongsi ruang yang sempit. Persoalannya, bilakah perumahan untuk rakyat Hulu Besut akan benar-benar dilaksanakan? Rakyat sentiasa menunggu dan terus menunggu kemunculan projek perumahan untuk mereka. Saya mohon kepada Kerajaan Negeri, berusaha menyegerakan pelaksanaan projek penempatan untuk rakyat seperti PPRT, Rumah Mampu Milik di Hulu Besut. Usahakanlah walau apa cara sekalipun agar projek perumahan untuk rakyat dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah bekalan air. Isu air yang masih menghantui kehidupan rakyat di luar bandar, terutamanya di Hulu Besut. Masih ada kampung yang tiada bekalan air, bekalan air bersih yang mencukupi dan juga ada tempat yang tiada bekalan air bersih, tekanan air rendah, paip bocor, kerja penyelenggaraan yang agak perlahan. Justeru itu, saya mohon pihak (SATU) Syarikat Air Terengganu mempertingkatkan usaha dengan pelan penyelenggaraan menyeluruh dan naik taraf sistem bekalan air bagi kawasan Hulu Besut.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Hulu Besut mempunyai tanah yang luas, ada potensi untuk kita bina Hub Agro Eko Pelancongan dan pertanian moden dalam skala yang lebih besar. Kita ada tanah yang subur, sungai yang indah, air terjun yang memukau dan alam semula jadi yang menarik. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengkaji serta menilai potensi besar ini di Hulu Besut agar kita dapat bina *Hulu Besut Agro-Eco Valley*. Contohnya ladang kelapa, ladang durian dan sebagainya yang boleh memberi pulangan kepada rakyat. *Hulu Besut Agro-Eco Valley* ialah kawasan pembangunan berteraskan ekonomi hijau dan lestari yang memfokus kepada pengeluaran hasil pertanian secara moden dan mesra alam, pemeliharaan alam semula jadi dan sumber air. Penjana peluang ekonomi melalui Pelancongan Agro dan Komuniti Desa.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan lagi sekali yang mana telah saya perkatakan di dalam Sidang DUN yang lepas, iaitu isu yang agak serius di Hulu Besut dan mungkin juga di tempat yang lain, iaitu masih terdapat anak-anak di kawasan ini yang tidak memiliki kad pengenalan atau status warganegara yang sah. Kebanyakan kes ini berlaku kerana terdapat ibu bapa yang ambil mudah dan tidak mendaftarkan perkahwinan mereka dengan Pejabat Agama Daerah atas alasan yang saya terima adalah kerana denda yang dikenakan oleh pihak yang berwajib terlalu tinggi pada mereka, sekaligus menimbulkan kesukaran untuk mendaftarkan anak-anak mereka. Hal ini menjejaskan hak anak-anak mereka untuk pendidikan, kesihatan dan peluang pekerjaan sekali gus menimbulkan ketidakadilan sosial yang mendalam. Justeru itu, saya memohon agar Kerajaan Negeri mengambil langkah sewajarnya termasuk menyelaraskan prosedur, memberikan bimbingan kepada ibu bapa atau penjaga bagi memastikan setiap anak ini mendapat hak dan pembelaan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, setiap agensi mesti serius merancang dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Kecekapan PBT mesti ditingkatkan dan diperkasakan selaras dengan saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan semalam. Tidak lupa kepada semua agensi-agensi yang lain, jangan hanya hadir mesyuarat, pulang tanpa tindakan. Jangan lagi ada budaya tunggu arahan dan buat kerja ikut *mood* dengan izin. Kita tidak akan mampu membangunkan negeri ini tanpa kerjasama semua pihak. Kita perlukan pekerja yang mempunyai semangat perjuangan, jiwa yang besar dan kesungguhan untuk turun bersama rakyat di bawah. Bukan sekadar melaksanakan tugas rutin harian semata-mata, bekerjalah dengan niat kerana Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana setiap tanggungjawab yang dipikul itu adalah amanah. Jangan biar tugas menjadi adat, tapi jadikanlah ia sebagai ibadat kerana setiap usaha yang ikhlas untuk rakyat besar ganjaran di sisi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya yang telah diperkatakan ramai rakan-rakan Yang Berhormat yang lain iaitu masa depan ekonomi Negeri Terengganu. Kita tidak boleh nafikan bahawa kewangan negeri tersekat, projek terbantut, pembangunan melambat bukan kerana kita tidak pandai mentadbir, tetapi kerana hak kita dinafikan. Isu royalti contohnya, mesti kita pandang serius. Itu bukan sedekah, bukan ihsan tetapi hak mutlak Negeri

Terengganu. Selain itu, isu (REE) *Rare Earth Elements*, perlu diurus dengan telus dan berdaulat. Kita tidak mahu hasil bumi kita dikerup tanpa manfaat kembali kepada rakyat negeri kita. Biarlah kita merancang, mengawal dan memanfaatkan sumber tersebut dengan bijaksana, bukan diserahkan kepada pihak luar yang hanya datang mengaut keuntungan semata-mata. Tidak lupa juga, isu tanah FELDA sebagaimana yang disebut oleh Pengkalan Berangan, selama ini tanah-tanah yang diusahakan oleh FELDA tidak mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri kerana sepanjang 40 tahun yang lalu, pihak FELDA tidak pernah membayar walaupun satu sen kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Saya mohon Kerajaan Negeri perlu tegas dan berani menuntut hak ini dengan bijaksana. Kita bukan pengemis, kita adalah pewaris negeri yang kaya sumber aslinya. Jangan biar Terengganu terus dihancurkan oleh mereka yang penuh rakus dan khianat. Sebagai akhirnya, saya nak ucap jutaan terima kasih kepada seluruh Pentadbiran Kerajaan Negeri, walaupun dengan tiada yang bajet yang secukupnya, namun boleh lagi membantu membangunkan kawasan DUN Hulu Besut terutamanya. Akhir sekali, saya nak sebut antara projek-projek yang perlu disegerakan di Hulu Besut.

Yang pertama dan yang paling utama adalah pembinaan Jalan Keruak. Perkara ini juga telah saya sebut di Persidangan yang lalu, namun saya mohon sesungguhnya agar ianya dimasukkan dalam keutamaan Projek Negeri untuk yang akan datang dan seterusnya, naik taraf Jambatan Kampung Darau juga saya telah sebut. Ini berkenaan dengan banjir. Naik taraf Jambatan Keruak, banjir juga. Naik aras Jalan Kampung Bekuk pun banjir. Naik aras Jalan Kampung Batu 13, banjir. Pembinaan Masjid Kampung Pok Sik, Pembinaan Masjid Durian Telur dan akhirnya pembinaan Balai Bomba Kelas D perlu ada di Hulu Besut kerana bomba daripada Jertih itu jauh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, jauh nak pergi ke Hulu Besut jika berlaku sesuatu bencana.

Sungai mengalir airnya deru,
Membawa rezeki penuh lautan,
Dengarlah suara Hulu Besut berseru,
Demi rakyat, demi kemajuan.

Hulu Besut menyokong penuh Belanjawan 2026, "Memacu Potensi, Melonjak Prestasi". Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Hulu Besut. Sebelum saya memberi laluan kepada Bukit Tunggal untuk meneruskan perbincangan, tadi dah bangun bersama-sama dengan Hulu Besut. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan serta pemerhati sekalian. Sukacita saya maklumkan saya tidak bercadang untuk memberi laluan untuk rehat dan meneruskan sesi kita pada petang ini untuk memberi ruang seluas-luasnya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum lagi mengambil, berkesempatan untuk berbincang dapat ruang yang sama. Jadi kerana itu saya akan teruskan sesi ini dan mana-mana ahli-ahli serta pegawai-pegawai yang ada dalam Dewan ini yang memerlukan untuk segar badan ataupun memerlukan kepada *refreshment* dengan izin ataupun berhajat ke bilik air dan sebagainya bolehlah berbuat demikian, tapi saya minta supaya janganlah keluar beramai-ramai, Boleh ya? Saya seterusnya mempersilakan Wakil Bukit Tunggal untuk membuat perbincangan.

YANG BERHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, pegawai-pegawai Kerajaan, para pemerhati dan rakan media sekalian. Kita bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana diberikan keizinan kita untuk hadir pada hari ini dan Bukit Tunggal mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua diatas kesempatan yang diberikan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan Enakmen Perbekalan 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, bertemakan *Memacu Potensi, Melonjak Prestasi*. Pembentangan Belanjawan 2026 itu adalah umpama laut datang memungguh mutiara untuk kita hadam dan teliti dengan penuh keta'akulan bagi memastikan setiap sudut perbincangan dapat disentuh dengan mendalam dan membawa impak positif kepada dasar-dasar yang akan dijalankan di dalam usaha memastikan Belanjawan 2026 benar-benar bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, disebalik segala kekangan dan halangan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah menggariskan

tujuh pemacu utama bagi Negeri Terengganu memacu potensi sendiri untuk melonjakkan prestasi. Di bawah pemacu lima, kecekapan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mesti dipertingkatkan dengan memperkasakan peranan Ahli-Ahli Majlis mengurangkan beban kawal selia serta menyelaras perkhidmatan dan prosedur lebih seragam antara PBT, berkaitan kebenaran merancang, pelesenan dan kemudahan parkir. Bebanan Ahli-Ahli Majlis semasa menjalankan tugas semakin ketara dan peranan yang dimainkan oleh Ahli-Ahli Majlis amat penting bagi memastikan setiap perkhidmatan PBT sampai terus kepada rakyat. Maka, Bukit Tunggul ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan kenaikan *allowance* Ahli-Ahli Majlis PBT seluruh Terengganu kepada suatu kadar yang lebih munasabah dengan perkhidmatan yang diberikan. Bukit Tunggul juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan pihak Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan di atas kesungguhan untuk memastikan perkhidmatan kebersihan di seluruh negeri dapat terus dipertingkatkan dengan menerima pakai sepenuhnya Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 Akta 672. Bukit Tunggul berharap agar proses perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dapat dipercepatkan kerana dimaklumkan proses semakan dan penilaian telah selesai dijalankan oleh pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan SWCORP supaya semasa Tahun Melawat Malaysia 2026 dan Tahun Melawat Terengganu pada 2027 nanti, pelancong yang datang akan disambut dengan suasana penuh kebersihan di seluruh negeri sesuai dengan negeri yang mengungguli Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia. Tetapi apa yang lebih penting di sana ialah untuk rakyat Terengganu sendiri bersedia dengan kaedah kutipan Sisa Pepejal yang baru dan mendidik rakyat untuk menjadikan budaya pengasingan Sisa Pepejal sebagai budaya dan norma baru di dalam masyarakat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar juga ada menyatakan Negeri Terengganu akan membangunkan aplikasi Terengganu Geographical Information System (TGIS). Bukit Tunggul sangat menyokong usaha ini dan ingin mencadangkan agar TGIS yang akan dibangunkan nanti mengambil kira kesaling hubungan data di antara maklumat penduduk dan juga maklumat infrastruktur yang ada. Apa yang paling penting di dalam penyediaan TGIS ini ialah penyediaan *basemap* yang tepat dan terkini, semua ini akan memudahkan bagi pihak kerajaan untuk membuat keputusan pembangunan fizikal dan juga pembangunan sosial. Projek TGIS ini hendaklah

diberikan peruntukan yang sewajarnya kerana *initial cost* dengan izin projek TGIS ini memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi meliputi hardware, software serta tenaga mahir. Bagi memastikan segala perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dan mencapai objektif yang telah digariskan. Semasa lawatan ke Japan Association of Surveyors, JAS pada bulan Oktober lepas, kita telah melihat pihak berkuasa geometrik Jepun, Geospatial Information Authority of Japan GSI masih lagi melakukan kerja-kerja peningkatan, *updating* bagi kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Sebagaimana juga di Australia dan New Zealand sistem TGIS mereka dapat menghubungkan antara lot, hartanah, pemilik, nilai hartanah, cukai dan juga sejarah hartanah tersebut. Dengan adanya sistem TGIS yang komprehensif yang dihubungkan dengan sistem e-TANAH dan Sistem Profile Rakyat Terengganu (PRT), pihak Kerajaan diharapkan akan dapat melihat dengan lebih tepat demografi penduduk dan keperluan pembangunan di sesuatu kawasan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) telah mencadangkan agar diperkenalkan geran khusus Persekutuan Negeri melalui penggubalan suatu Akta baru di bawah Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar juga mencadangkan agar suatu pendekatan baru seperti *Fiscal Stabilization Program* dengan izin yang terbukti berkesan di negara-negara Persekutuan seperti Jerman, Kanada dan Australia diperkenalkan bagi memastikan peruntukan untuk pembangunan di setiap negeri akan terus diagihkan tanpa mengira siapa yang berkuasa di peringkat Pusat ataupun Negeri. Australia seumpamanya mempunyai sistem *Grand Equalization* dengan izin yang sangat komprehensif iaitu *Horizontal Fiscal Equalization* dengan izin yang diperkenalkan pada tahun 1933 bagi menangani masalah ketidakseimbangan antara negeri, ianya dilakukan dengan cara memberi pampasan kepada negeri-negeri yang mempunyai kapasiti *fiscal* yang lebih rendah untuk meningkatkan hasil. Di Kanada, perkara seperti ini termaktub di dalam Constitution Act 1982 Artikel 36 (2) yang bertajuk *Equalization and Regional Disparities* dengan izin yang mewajibkan Kerajaan Pusat membayar setiap tahun kepada negeri-negeri mengikut hasil sumber bumi atau cukai dengan menggunakan data rasmi pendapatan rakyat hasil cukai dan kos perkhidmatan. Kiraan ini akan dibuat oleh *Department of Finance of Canada*. Di Jerman, mereka mempunyai sistem yang dinamakan *Lander Finance Ausgleich* dengan izin iaitu sistem agihan secara automatik, hasil cukai perkapita. Negeri-negeri tidak boleh dipinggirkan

hanya kerana berlainan parti politik walaupun sistem *Lander Finance Ausgleich* ini telah dimansuhkan pada tahun 2020 namun ianya telah digantikan dengan suatu sistem yang lebih cekap iaitu memberi tumpuan kepada *Equalization Fiscal Capacity* dengan izin, berbanding agihan terus kepada negeri-negeri. Apa yang penting disini ialah bagi negara-negara berkonsep federalisme seperti di atas seperti juga Malaysia, kutipan cukai oleh pihak Kerajaan Pusat di negeri-negeri akan dikembalikan semula kepada negeri mengikut formula yang akan membolehkan negeri-negeri untuk memperkukuhkan *revenue rising power* dengan izin, di negeri masing-masing. Duit rakyat bukan untuk permainan politik. Duit rakyat bukan senjata yang boleh dijadikan ugutan. Tapi duit rakyat adalah untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Akhir kata, marilah kita semua menjadikan tema Belanjawan tahun 2026 ini *Memacu Potensi, Melonjak Prestasi* untuk kita *unlock our potential* dengan izin. Sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk kita bergerak lebih pantas mengembangkan keupayaan bersama seterusnya meraih pencapaian yang lebih memberangsangkan ke arah merealisasikan Visi Terengganu Maju Berkat Sejahtera menjelang tahun 2030. Bukit Tunggal mohon menyokong, sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Wakil Bukit Tunggal. Saya nak minta siapa lagi? Ya, sila Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ

Dato' Seri Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Barisan Ahli Majlis, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Rakan-rakan, Yang Berhormat Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-Wakil Jabatan, Rakan Media, Pemerhati, semua sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya ucap terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Pembentangan Bajet 2026 pada sesi ini. Saya pertama nak

mengucapkan taniah kepada Dato' Seri Menteri Besar dengan pembentangan bajet yang saya kira dan saya anggap serta yakin ini adalah satu yang ringkas tetapi mantap, padat, padu dan sebagainya untuk memajukan Negeri Terengganu kita dan juga rakyat. Ini bukan *nok pong ni* tetapi ramai puji belaka *ni*, semua *pakat* puji. Saya juga ucap terima kasih kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan juga Ketua-Ketua Jabatan. Yang saya kira pembentangan bajet pada tahun ini adalah kesinambungan daripada kerja-kerja keras yang telah dilaksanakan sepanjang masa sebelum ini sehingga bajet tahun ini serta keuntungan yang dapat dicipta oleh Kerajaan Negeri dari sudut hasil meningkat. Ini adalah hasil daripada kerja kuat. Saya ucap tahniah. Tajuk untuk Bajet Bbelanjawan pada tahun ini "*Memacu Potensi, Melonjak Prestasi*". Sedap kita dengar ini, kita dengar pun sedap. Bukan hanya sekadar lunak diucap dan enak didengar, tetapi ia adalah satu manifestasi perjuangan oleh pihak kerajaan hari ini untuk memajukan rakyat dan Negeri Terengganu kita, yang mana kerajaan tetap berazam, beriltizam untuk terus maju dan bangkit walaupun rakyat dan pimpinan negeri sampai hari ini pun masih dikekang oleh kegagalan semangat federalisme dan juga pencabulan Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini masih belum selesai sampai hari ini dan kita harap perkara ini tidak akan berlarutan lagi selepas PRU ke-16 nanti.

Timbalan Yang di-Pertua, kita melihat Kerajaan terus mara dengan kerjasama bersama-sama dengan agensi GLC, kakitangan dan sebagainya untuk maju secara berhemah yang mana saya kira usaha yang telah dibuat ini telah banyak menegatifkan, mengurangkan, menjadi negatifkan, kebocoran, pembaziran dan banyak perkara yang kita tidak perlu berbangga hanya dengan adanya kemajuan, pembangunan yang kita lihat hari ini tak perlu kita bangga tetapi kejayaan telah kita cipta. Jika ianya membawa rebah, kalau tidak, sebab itu kalau kita banding dengan peristiwa yang lepas-lepas kemajuan dibanggakan. Kita nak lebu raya dulu, kita nak stadium, kita nak masjid banyak, kita nak universiti banyak, dan sebagainya. Tetapi banyak yang kita tengok projek terbangkalai. Yang kita tengok yang menjadi gajah putih dan sebagainya. Ini adalah pembaziran tetapi berbanding dengan apa yang kita dapati pada masa akhir-akhir masa ini. Kita lihat projek-projek yang dilaksanakan ianya tidak berbentuk pembaziran, membawa keuntungan kepada negeri dan juga kepada rakyat Negeri Terengganu. Andai kata dana khas itu disalurkan dengan secara betul kita rasa Rakyat Terengganu mendapat nikmat yang lebih banyak lagi kemajuan yang lebih besar lagi pada hari ini. Ucapan

bajet pada kali ini kita tengok ia merangkumi keseimbangan. Diantara aspek kemajuan spiritual dan juga fizikal yang telah kita tengok merangkumi agama, belia, peniaga, usahawan dan sebagainya. Inilah bajet yang saya kira yang terbaik pada hari ini yang seeloknya apabila kita dapat berusaha untuk maju, kita juga kena fikir tentang perkara-perkara yang boleh, ibarat kata rumah jangan ada anai-anai. Kerana kemajuan yang kita nak capai, ia akan menjadi kemajuan yang komprehensif dan sekiranya ada unsur-unsur yang boleh membawa kelemahan kepada kemajuan kita usaha kita dalam bajet kita ini, seboleh-bolehnya kita melihat juga kepada unsur-unsur yang tidak boleh memberi beban ataupun menggagalkan ataupun mengurangkan mutu usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan seperti contoh, Timbalan Yang di-Pertua, seperti yang telah disebut oleh Jertih pagi tadi. Masalah dadah, masalah dadah kita lihat saya hari ini pun pakai tali leher pun Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Kita kena ambil berat perkara ini dan pimpinan masyarakat seluruhnya di peringkat bawah, di peringkat akar umbi juga, perlu memberi penekanan kepada masalah dadah. Kalau di Setiu, laluan dadah yang bernilai tinggi, ada yang terlepas tidak dapat ditangkap. Tetapi oleh kerana kerja daripada PDRM, berjaya menghalang pergerakan mereka dengan Velfire dan sebagainya, tersangkut. Kalau tidak, berapa ramai mangsa yang akan menggunakan dadah tersebut merosakkan diri dan masyarakat kita. Begitu juga baru-baru ini, tertangkapnya bot yang membawa dadah daripada laut naik ke darat untuk diedar. Mungkin katanya, keluar negara. Tetapi inilah, masalah dadah ini masih lagi masalah yang sangat-sangat kritikal dalam negara kita. Ditambah juga dengan teknologi-teknologi baru, di dalam penggunaan dadah. Dengan *vape* dan sebagainya yang mengandungi dadah. Begitu juga, cara gerak kerja mereka ini, kita nampak lebih canggih. Kalau dulu kita tidak ada aplikasi untuk *location*, mencari tempat perjumpaan. Tapi hari ini, ke mana pergi pun mereka dapat mencari pasaran mereka berdasarkan penggunaan *gadget* pada hari ini. Nampaknya mereka semakin canggih dan kita harap PDRM dan juga masyarakat dapat bersama untuk membasmi masalah ini dan kita harap juga pihak kerajaan dapat juga memberi kerjasama supaya kita kata peruntukan-peruntukan dapat diberikan kerana dalam pertemuan saya dengan AADK kita tanya dia, berapa peruntukan untuk AADK daerah Setiu dalam satu tahun katanya RM120,000.00. RM120,000.00 ini merangkumi semua aktiviti. Itu saya rasa tidak mencukupi. Jadi usaha ini perlu lebih-lebih lagi. Lebih-lebih lagi, PDRM. Dah, nak habis dah. Kemudian penekanan yang dibuat juga adalah berkait dengan belia dan juga beliawanis dalam usaha untuk memantapkan sahsiah belia kita di masa yang akan datang. Tapi hari ini, masalah-masalah

yang kita hadapi juga dengan belia-belia ini, cara hidup mereka ini banyak yang masih lagi tidak ada kerja. Tetapi, keterlibatan mereka dengan masalah-masalah sosial. Ini yang membimbangkan kita dan kita rasa, kepaduan di peringkat masyarakat di kampung-kampung, di bawah JPJK dan sebagainya perlu kita aktifkan lagi. Supaya mereka mengambil berat perkara-perkara yang seperti ini. Jabatan Agama kita ucap tahniah, kerana bergerak, mencari ataupun menangkap sesiapa yang tidak bersolat Jumaat dan banyak perkara-perkara lain yang perlu kita ambil perjalanan dalam hal ini.

Dalam soal yang terakhir saya nak sebut ialah pembangunan di peringkat kampung. Bila ada mesyuarat tindakan daerah kita melihat ada rungutan-rungutan, kadang-kadang jalan-jalan kampung yang diturap dengan batu *crusher run*, juga dengan tar tidak ada dalam rekod daripada pejabat daerah. Tuan DO kita tak tahu mari mana, tiba-tiba ada buat jalan. JPJK juga tanya, mari mana jalan ini? Siapa yang buat? Jadi saya harap ini, apabila kita buat siasatan, ia berpunca daripada projek inden JPP. Jadi kita harap supaya ada maklumat berpusat, supaya kita dapat tahu bahawa projek ini kadang-kadang bertindih, pejabat daerah keluar inden, tengok-tengok jalan sudah siap. Jadi saya rasa perlu ada maklumat berpusat supaya perjalanan projek-projek inden ini dapat berjalan dengan tersusun dan dalam makluman dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua, saya rasa dah lebih masa. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih, memberi peluang kepada saya dan saya juga, Permaisuri menyokong penuh Belanjawan 2026. Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG di-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih Wakil Permaisuri. Ada beberapa orang lagi yang belum kesempatan, Kuala Besut ke? Sila Kuala Besut, kalau boleh kita cuba ikut masa yang ditetapkanlah. Kita ada setengah jam lagi. Sila...

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat- Yang Berhormat pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai media dan para-para pemerhati yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, pertama-tama ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap di dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah, syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Menteri Besar kerana telah mebantangkan Belanjawan untuk tahun 2027 dengan jayanya...

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: 2026...

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): 2026...

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya-ya.... 2027 sekali lagi...

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH (Wakil Kuala Besut): Belanjawan kali ini disebut sebagai *surplus* yang bernilai RM1.938 bilion. Dari sudut bahasa *surplus* ini ialah lebihan. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Alhamdulillah sekali lagi, Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan yang amat terhormat, Dato' Seri Menteri Besar yang cekap dan amanah, mentadbir kerajaan sekaligus mengemukakan Bajet *surplus* dengan peruntukan sebanyak RM1.93 bilion dalam Belanjawan 2026 untuk mengurus tadbir dan meneruskan pembangunan Negeri Terengganu pada 2027. 2026, *sorry*..

Timbalan Yang di-Pertua Dewan, Belanjawan kali ini yang bertemakan "Memacu Potensi Melonjak Prestasi", Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar juga memaklumkan jumlah tersebut termasuk sebanyak RM450 juta caruman kepada wang pembangunan manakala peruntukan untuk sektor sosial pula kekal menerima peruntukan terbesar iaitu sebanyak RM323.80 juta atau 72.0% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan, begitu juga untuk peruntukan sektor ekonomi ditambah kepada RM92.84 juta atau 20.6% berbanding hanya 4.4% dalam Belanjawan 2025 manakala peruntukan untuk sektor pentadbiran pula adalah sebanyak RM33.37 juta atau 7.4%, kerajaan negeri juga komited untuk meningkatkan hasil janaan negeri kepada RM288.59 juta iaitu RM85.36 juta daripada hasil cukai dan RM203.23 juta daripada hasil bukan cukai.

Timbalan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri juga terus mencatat prestasi kewangan yang kukuh apabila berjaya merekodkan RM261.61 juta janaan hasil negeri setakat 31 Oktober, meningkat berbanding RM239 juta dalam tempoh sama tahun lalu. Dalam sektor pelancongan pula, Kerajaan Negeri akan menggerakkan sinergi berbagai pihak untuk mempromosikan Tahun Melawat Terengganu 2027 dan juga memastikan kebersediaan fasiliti produk dan perkhidmatan pelancongan bertepatan dengan industri pelancongan di Pulau Perhentian yang berada di DUN saya. Saya mengharapkan menambahbaik kemudahan asas di jeti pelancongan Pekan Kuala Besut yang dilaksanakan dengan segera bertepatan ianya sebagai pintu gerbang pelancongan. Untuk makluman semua Ahli Dewan terutama Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pekan Kuala Besut akan mendapat persaingan dengan jeti pelancongan Tok Bali akan menjejaskan sumber pendapatan Kerajaan Negeri dan juga pengusaha bot pelancong sekiranya kita tidak mengambil pandangan serius perkara ini. Sekali lagi saya mengharapkan Kerajaan Negeri serius untuk menangani isu tersebut. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, di hujung ucapan saya ingin berpantun serangkap pantun

Kuning emas masaknya padi
Mawar merah dalam jambangan
Terima kasih daun keladi
Budi Kerajaan jadi kenangan

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Kuala Besut menyokong penuh Belanjawan 2027. Sekian, terima kasih.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Wakil Kuala Besut. Saya perhatikan dalam Dewan ini, hanya ada sorang lagi yang belum berpeluang untuk membahaskan Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar, daripada Kuala Berang. Sorang lagi, tapi tak ada dalam Dewan. Sila wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, yang saya hormati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN, semua sekalilah, ketua-ketua jabatan, pemerhati dan media sekalian. Terima kasih kerana diberi peluang untuk cakap, berbahas sedikit sebanyak berkaitan dengan Ucapan Belanjawan Tahun 2026, dan saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang membentangkan Belanjawan yang positif dua tiga hari yang lepas. Pertama saya lihat di muka surat yang ketiga ini berkaitan dengan menambahkan pendapatan baru, dan nampaknya kerajaan positif menganggap untuk tahun depan ini, pendapatan kita meningkat kepada RM288 juta, dan saya percayalah dalam beberapa tahun lagi peningkatan kepada RM300 juta lebih. Kerana kita membuat beberapa perkara anjakan untuk mendapatkan pendapatan yang baru dan menambahkan pendapatan-pendapatan yang ada. Saya bersetujulah dengan Seberang Takir yang berucap pagi tadi berkaitan dengan cadangan supaya dikenakan cukai pintu semula, kerana kita baru-baru ini telah membatalkan cukai pintu, jadi..

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Seberang Takir *takdok*, jadi *tak* boleh *respon*, *hehe*.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Apa *ni*, supaya diadakan semula terutama kepada premis-premis perniagaan, bisnes dan sebagainya. Kerana ini sedikit sebanyak sampah-sampah benda yang tidak *free* lagilah, sampah-sampah perlu diangkut, dilupus dan sebagainya. Keduanya, kita baru mengadakan syarat yang wajiblah kepada GLC-GLC yang untung ini. Mengenakan cukai ataupun sumbanganlah, lebih daripada sumbangan 1.25%. Jadi saya rasa banyak lagi GLC-GLC kita yang akan *insya-Allah* untung di masa-masa yang akan datang memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri. Dan seterusnya kalau kita setengah-setengah negaralah, dia mengadakan *green tax* kepada pelancong-pelancong yang pergi ke pulau-pulau. Sekarang ini benda tidak *free* lagi, kita buang air di pulau pun, buang sampah dan sebagainya, perlu kita buat sesuatu untuk menjaga kelestarian pulau-pulau tersebut. Kalau tempat kita ini, Pulau Perhentian, Pulau Redang,

kita angkut sampah itu balik ke darat. Jadi sudah tentu kosnya lebih tinggi. Dan juga air, *supply* air ke pulau-pulau ini mengambil kos yang lebih tinggi kerana kita menyediakan paip-paip di dasar laut. Jadi ini sudah tentu banyak keperluan yang perlu dilaksanakan di pulau-pulau. Jadi kita haraplah supaya dengan mengadakan *green tax* seperti mana di Pulau Maldives, boleh tanya EXCO Infra yang pernah ke sana. Dia mengadakan *green tax* khusus kepada pelancong-pelancong mengikut *per head* dan mengikut malam. Jadi kita harapkanlah supaya *tax* ini masuk kepada Kerajaan Negeri, tidak kepada Kerajaan Federal.

Seterusnya saya suka menyentuh berkaitan dengan soalan yang saya pagi tadi tidak dapat dijawab oleh pihak EXCO iaitu berkaitan dengan hakisan di Batu Rakit yang mana tadi Seberang Takir beritahu EXCO *dah* ada buat lawatan kelmarin. Tiga minggu lepas saya pun pergi lawatan juga ke sana, melihat bagaimana perkembangan berkaitan dengan perkembangan pembaikan kerosakan dan hakisan di sana. Pada pendapat saya, JKR telah membina satu jalan kosnya lebih kurang hampir RM5 juta untuk JKR sahaja, sedangkan hakisan tadi ini lebih kepada projek di bawah JPS yang kebetulan sudah ada dilaksanakan projek tersebut hampir RM70 juta yang dimulai pada tahun 2023. Akibat daripada sama ada secara langsung atau tidak langsung, pembinaan *Nearshore Island* sebanyak 16 unit tersebut menyebabkan hakisan kepada gigi air pantai yang terhakis iaitu jarak antara satu pulau dengan satu pulau yang lain itu lebih kurang 500 meter dan jarak antara *shoreline* ataupun tepi gigi air ini ke pulau tersebut kira-kira 100 meter. Jadi, pada pendapat saya, agak dari segi struktur tersebut agak ke darat sangat, 100 meter, jadi seharusnya lebih jauh sikit supaya hakisan tidak mengenai gigi air tersebut. Untuk menyelesaikan masalah yang ada ini, saya mencadangkanlah supaya dibina satu lagi *nearshore island* antara dua-dua *nearshore island* tersebut dan kosnya mungkin dalam sekitar RM3 juta ataupun RM4 juta untuk menyelesaikan hakisan yang berlaku tersebut dan saya percaya kalau kita buat *armor rock*, armor rock jadi menyebabkan pantai tidak lagi cantik kerana tak ada pasir lagilah penuh dengan batu-batu di tepi pantai. Seterusnya masalah YB Jabi, berkaitan dengan perikanan iaitu di Pelabuhan Chendering sayalah, orang nelayan jadi Pelabuhan Chendering ini penting untuk mendapatkan kemudahan air batu dan juga *parking* untuk mengisi minyak. Apa yang menjadi rungutan kepada nelayan ialah bot-bot besar yang kelas C2 ini setengahnya mereka panggil boat Vietnamlah, parking di kawasan air batu dan juga tempat isi minyak. Jadi menyebabkan bot-bot nelayan kita ini, tak boleh untuk menghampiri dan mengisi minyak, jadi saya mencadangkan supaya kenakan

peraturan, mungkin di kawasan tempat isi minyak tersebut ada cap merah *no parking*, maknanya tempat tidak dibenarkan *parking* untuk menyenangkan nelayan-nelayan kita, bot-bot kecil ini pergi untuk mengisi minyak dan mengisi air batu. Selanjutnya YB Jabi pun *tak dok dakpe*, masalah yang saya sebut pagi tadi berkaitan dengan *ape ni* pelabuhan di Marang, yang mana tempat *parking* nya amat cetek menyebabkan kerosakan pada bot-bot nelayan. Apabila air pasang, okay bot boleh masuk, tetapi apabila air surut dan sekadar dua kaki menyebabkan bot terhentak, bila terhentak menyebabkan kerosakan pada bot, jadi kalau boleh minta tolonglah, supaya diselesaikan.

Semuanya berkaitan dengan tempat orang lain, jadi saya nak cakap sedikitlah berkaitan dengan tempat sayalah, di Kuala Berang tadi, berkaitan dengan pelancongan di Hulu Terengganu ini ataupun khususnya di Kuala Berang dan juga di Telemong, perlu kita mengajak orang supaya datang ke sana terutama berkaitan dengan sistem di dalam air, bot boleh ada, tetapi tempat *parking* ataupun orang kata tempat *nambang* ataupun jetilah mudahnya, tidak ada, jadi saya harap, Yang Berhormat Pelancongan mengambil inisiatiflah kita buat jeti-jeti untuk kemudahan-kemudahan untuk tempat-tempat kita singgah untuk memudahkan bot-bot menambat di jeti-jeti tersebut. Keduanya khususnya di Hulu Terengganu tempat saya ini, ramai orang yang membela ikan sangkar, lebih daripada 100 orang yang terlibat, jadi saya harapkanlah oleh kerana makanan ikan ini mahal *so* bolehlah pihak pertanian memberi sedikit sumbangan terutama berkaitan dengan makanan-makanan ikan dan juga kemudahan-kemudahan lain khusus untuk menambahkan pendapatan kepada penternak-penternak ikan sangkar di Hulu Terengganu. Kawasan saya juga sinonim dengan kawasan banjir sebagaimana di Hulu Besut, banjirnya terutama di Paya Besar, Kampung Paya ini, besar *pulok tu*, memang mudah jadi tempat yang dinaiki airlah Telemong, jadi kawasan Paya Besar dan juga kawasan-kawasan sekitar dengannya. Banjir ini disebabkan oleh limpahan air daripada Sungai Berang, air terlampau banyak daripada Sungai Berang, hulu daripada Sungai Berang ini ialah di kawasan Belukar Bukit, jadi kalau kita ikut pengalaman orang-orang yang dululah kalau kita buat *dam*, buat *dam* boleh menyelesaikan sebagaimana Kenyir *Dam* tersebut menyelesaikan masalah banjir di Hulu Terengganu, jadi kita harapplah supaya diadakan *dam* walaupun ini di bawah perbelanjaan daripada Kerajaan Pusat, dam untuk mengurangkan banjir di Sungai Berang dan kawasan-kawasan yang sekitar dengannya. Dengan adanya *dam* ini, saya percaya tidaklah besar sangat banjir di kawasan Paya Besar dan di Kuala Berang.

Satu lagi masalah air sebagaimana kawan saya jugalah Yang Berhormat dah sebut tadi masalah air, air bersih bekalan air bersih terutamanya di kawasan-kawasan yang agak kita kata berjauhan daripada tangki air. Ada satu taman tempat saya ini dipanggil Kampung Setenge ataupun Taman Kampung Setenge, yang mana penduduknya lebih kurang 500 hingga 600 unit rumah, di sana tidak ada satu kita kata tangki air yang khusus ataupun *reservoir*. Seharusnya bila kita ada taman-taman yang besar penduduknya. Rumah kediamannya lebih daripada 500 begini perlulah kita ada satu tangki air khusus untuk taman tersebut supaya air di kawasan taman tersebut tidak terganggu, jadi saya mencadangkanlah supaya satu tangki air yang besar ataupun *reservoir* untuk *supply* ke taman tersebut dan juga berkaitan dengan paip-paip air lama yang sentiasa pecah, bocor, kadang-kadang satu hari satu kali, baiki *hok* lain *pulok* petang itu, bocor petang ataupun keesokannya bocor, jadi macam tidak sudah, kita harapkanlah supaya Kerajaan mengambil inisiatif untuk menggantikan paip-paip yang lama yang lebih daripada 40 tahun untuk mengurangkan kebocoran dan menyelesaikan masalah-masalah air di terutama di Kampung Getang, Kampung Cepoh, yang tekanannya rendah kerana paip airnya kecil dan juga kerana bekalan airnya yang tidak kuat. Saya rasa sekadar itulah ucapan daripada saya di dalam Belanjawan tahun 2026, jadi Kuala Berang menyokong penuh Rang Enakmen Perbekalan 2026.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, Persidangan Dewan Yang Mulia ini telah selesai membahaskan Enakmen Perbekalan 2026. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi, terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian serta menyumbang pandangan dan cadangan secara berhemah sepanjang sesi perbincangan yang berlangsung pada hari ini daripada pagi tadi. Oleh yang demikian, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara persidangan ini ke esok hari 12 November 2025 pada pukul 9.30 pagi. Marilah sama-sama kita membacakan Tasbeih Kaffarah dan Surah Al-Asr sebagai penutupnya, terima kasih.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.53 PETANG

PERSIDANGAN
PADA HARI RABU,
12 NOVEMBER 2025

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Dr. Azman bin Ibrahim, D.P.M.T., A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Dato' Ariffin bin Deraman, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMUNG

Yang Berhormat Yang Berhormat LSr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURABAYA

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Nara Setia
Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Mohd Nawawi bin Ismail

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham, D.P.M.T., A.M.Z., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan persidangan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Al Quran, Al-Fatihah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Yang diraikan semua Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati hadirin dan hadirat yang dikasih sekalian dan tidak dilupakan para pengamal media. Mesyuarat pagi ini akan diteruskan dengan Soalan-Soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-Soalan Lisan pada hari ini 12 November 2025:

1. Yang Berhormat Wakil Bandar
2. Yang Berhormat Wakil Jertih
3. Yang Berhormat Wakil Kuala Berang
4. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
5. Yang Berhormat Wakil Kemasik
6. Yang Berhormat Wakil Ladang

7. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
8. Yang Berhormat Wakil Manir
9. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
10. Yang Berhormat Wakil Permaisuri
11. Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
12. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
13. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
14. Yang Berhormat Wakil Langkap
15. Yang Berhormat Wakil Air Putih
16. Yang Berhormat Wakil Telemong
17. Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal
18. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
19. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
20. Yang Berhormat Wakil Sura

Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Bandar mengemukakan soalnya pada pagi ini.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Yang terhormat Dato' Yang di-Pertua,

لَسَّلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat semua pemerhati dan tetamu. Saya masih setia dengan soalan satu.

Berapakah jumlah peruntukan dan senarai projek di bawah program dana kerjasama keterjaminan makanan antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Pertanian bagi tahun 2025 serta perkembangan semasa pelaksanaan projek?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar, soalan Yang Berhormat Bandar akan digabungkan jawapannya dengan soalan daripada Buluh Gading. Jadi saya akan bagi ruang kepada Yang Berhormat Buluh Gading untuk beri soalan tambahan termasuk Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' DR AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua Dewan, terima kasih Yang Berhormat Bandar dan juga terima kasih Yang Berhormat Buluh Gading. Soalan berkaitan dengan dana di bawah Program Kerjasama Keterjaminan Makanan antara Kementerian Pertanian dan juga Kerajaan Negeri. Bagi tahun 2025, kita telah berjaya mendapat sebanyak RM18.88 juta dana daripada KPKM yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk projek *one-off* dan mesti disiapkan dalam tahun semasa ini juga dengan izin Dato' Yang di-Pertua, mohon saya senaraikan projek beserta kos dan juga laporan kemajuan.

Yang pertama, Projek Menaiktaraf Infrastruktur Taman Kekal Pengeluaran Makanan dengan kos RM2.18 juta yang melibatkan TKPM Rhu Tapai di Setiu, TKPM Paloh Jenang di Kemaman dan juga TKPM Tok Dor di Besut. Ada projek yang telah siap dan ada yang belum siap, dijadualkan akan siap pada November, akhir November 2025.

Yang kedua, Projek Pembangunan Tukun Tiruan RM2.9 juta, kita telah berjaya melabuhkan 90 unit tukun di perairan Marang, perairan Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Setiu dan juga Besut dengan jumlah 18 tukun bagi setiap lokasi yang telah siap sepenuhnya pelaksanaan.

Yang ketiga, projek untuk melengkapkan rumah sembelihan di Wakaf Tapai, Marang dalam DUN Pengkalan Berangan dengan kelengkapan moden yang menjadikan rumah sembelihan di Wakaf Tapai Marang di antara rumah sembelihan berteknologi moden yang kedua selepas daripada rumah sembelihan Gong Badak dengan kos RM595 ribu telah siap sepenuhnya.

Seterusnya Projek Menaik taraf Sistem Perairan Tanaman Padi di Kuala Nerus, kos RM400 ribu telah siap sepenuhnya. Projek Pembinaan Tali Air Utama di Skim Pengairan Paya Paman DUN Air Putih Kemaman, RM500 ribu telah siap sepenuhnya. Projek Peningkatan Populasi Ternakan Ruminan kos RM2 juta kita telah bawa masuk sebanyak 136 ekor lembu baka Brahman dan baka Limousin daripada Australia yang sekarang ini telah selamat sampai ke Terengganu dan *insya-Allah* pada minggu depan kita akan mulakan agihan kepada penternak-penternak yang telah dipilih oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Seterusnya, Projek Ladang Induk Pengganda Kambing Pedaging juga telah selesai dibawa masuk sebanyak 229 ekor Kambing Pedaging Baka *Boer* juga daripada Australia yang akan melalui Program Penggandaan Induk termasuk juga untuk latihan kepada usahawan-usahawan penternak kita. Program Insentif INPUT kepada penternak *aquaculture* di Negeri Terengganu RM900 ribu telah selesai sepenuhnya. Program Bantuan INPUT Penternakan dengan kos RM1 juta perolehan input telah selesai sepenuhnya pembahagian kepada penerima pada November ini, *insya-Allah*.

Seterusnya, Program Pemulihan Kawasan Tanaman yang melibatkan pelbagai kawasan tanaman di seluruh negeri dengan kos RM510 ribu daripada 59 program yang dirancang 31 telah siap dan bakinya akan siap menjelang 30 November 2025. Program Pengukuhan Ladang Ternakan termasuklah kerja-kerja pemulihan padang ragut di Ladang Sumber Genetik di Bukit Merah, di Dungun dengan kos RM890 ribu. Kira-kira 70% *progress* projek yang dijadualkan siap pada November 2025. Projek Pertanian Berkelompok RM3 juta, melibatkan pelbagai perolehan INPUT, kerja-kerja pemulihan tanah, pembaikan sistem saliran dan beberapa kerja lagi di seluruh negeri dengan kos RM3 juta seterusnya Projek Menaik Taraf Sistem Pengairan Padi di Pengkalan Nangka dalam DUN Kuala Besut RM400 ribu, menaiktaraf sistem pengairan padi di Seri Pinang, DUN Kota Putera di Besut RM400 ribu, semuanya telah siap. Projek Menaik Taraf Pintu Air di Baruh Tok Saboh di Kuala Besut *insyaa-Allah* dijadualkan siap pada minggu depan. Kerja-kerja Projek Penanaman Nenas MD2 RM232 ribu, *progress* telah mencapai 70% sasaran siap pada akhir November ini. Projek Penanaman Tembikai yang dilaksanakan oleh TADC dengan kos RM250 ribu telah siap sepenuhnya dan tembikai telah dipetik. Projek Menaik Taraf Sistem Pengairan di Zon Industri Akuakultur di Kampung Keluang dalam DUN Kota Putera RM265,000.00 dijadualkan siap pada akhir November 2025. Projek Pembangunan Unjam RM175,000.00 telah siap sepenuhnya. Projek Pemerksaan Perikanan Darat juga telah siap dan akhir sekali Projek Fertigasi Tanaman Cili RM350,000.00, kemajuan kerja 75% yang dijadualkan siap sepenuhnya pada November 2025. Pada dua minggu lepas, Kerajaan Negeri telah dipanggil untuk membentangkan laporan kemajuan projek kepada KPKM dan *alhamdulillah* pihak Kementerian Pertanian sangat berpuas hati dengan kemajuan projek yang dilaksanakan di Terengganu dan kita satu-satunya negeri yang boleh menyiapkan hampir keseluruhan projek dan tidak ada peruntukan yang telah disalurkan perlu diserahkan balik kerana kegagalan dari segi pelaksanaan, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Tahniah di atas peruntukan yang besar dan projek yang pelbagai. Saya melihat daripada laporan tadi ada 21 projek secara keseluruhannya dan melibatkan hampir RM19 juta. Bolehkah pihak Kerajaan menyatakan jumlah projek yang dilaksanakan pada tahun 2024, berapa nilai peruntukan yang telah diberi dan bagaimana prestasi pelaksanaannya, seterusnya bolehkah pihak Kerajaan menyatakan kalau sekiranya untuk tahun 2026 ini adakah senarai-senarai projek yang telah dibentangkan itu turut akan diteruskan lagi dan diberikan peruntukan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Okay, terima kasih Yang Berhormat Bandar. Tahun 2024 kita berjaya memperolehi peruntukan RM10.06 juta di bawah tajuk program yang sama untuk 10 projek dan *alhamdulillah* kita telah berjaya menyiapkan 100% hasil daripada rekod yang baik pada tahun 2024, pada tahun ini kita diberikan peruntukan dengan jumlah yang lebih besar. Meneliti pembentangan Belanjawan 2026 oleh Perdana Menteri di Parlimen baru ini, memang dimaklumkan untuk tahun depan program yang sama diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM300 juta dan sekarang ini pihak agensi, jabatan dan juga UPEN sedang melakukan kerja-kerja terakhir untuk kita angkat permohonan yang sama *insya-Allah* dengan rekod yang baik kita mempunyai kekuatan untuk memohon dengan jumlah yang lebih besar daripada tahun ini, *insya-Allah*. Doakan semoga berjaya terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Jabi. Ada soalan tambahan? Sila Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih. Telemung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Oh Telemung.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya rasa jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Wakil Jabi itu sangat banggalah. Tahniahlah saya ucapkan kepada Wakil Kerajaan kerana saya nampak program-program yang dilaksana di Terengganu ini semenjak akhir-akhir ini telah berjaya menjadikan Terengganu ini antara negeri pengeluar, gedung pengeluar makanan utama di negara kitalah dan terpanggil inilah *nak* nyatakan bahawa apa yang dinyatakan oleh Wakil Kerajaan tadi tak ada sebut langsung *hok* Hulu Terengganu ini Telemung ke, Kuala Berang ke, Ajil ke, tak *dok* langsung ni sebab saya bulan April yang lalu dalam Dewan ini juga Kerajaan ada menyebut Hulu Terengganu akan dijadikan daerah gedung pengeluar makanan kedua di Terengganu dan Hulu Terengganu pula kawasan pertanian *takdok*, industri *takdok* jadi kita haraplah apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan Hulu Terengganu juga menjadi daerah gedung pengeluar makanan utama di Terengganu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, Telemung. Sila Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Tak disebut secara khusus tapi yang saya sebut agihan untuk seluruh negeri itu dalam itu adalah Telemung. Di antaranya, program untuk Peningkatan Populasi Ternakan Ruminan 136 ekor lembu Brahman dan Limousine ada penerimanya daripada DUN Telemong. Projek Penggandaan Kambing Pedaging juga akan sampai ke DUN Telemong, insentif untuk peternak akuakultur yang ini ada penerima daripada DUN Telemong. Begitu juga bantuan INPUT penternakan ada bantuan kepada Hulu Terengganu dan juga Telemung. Pemulihan kawasan tanaman daripada 59 program yang kita telah berjaya laksanakan 31, ada yang melibatkan Hulu Terengganu dan DUN Telemung dan beberapa program yang lain. Jadi memang saya tak sebut secara khusus tapi pecahan kepada itu dinikmati sedikit sebanyak oleh seluruh negeri kita, *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Jertih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Jertih memilih soalan nombor dua-

Apakah perkembangan terkini projek pembinaan dan penaiktarafan Mahkamah Syariah di Setiu

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor dua Yang Berhormat Wakil Batu Buruk.

YANG BERTHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jertih memilih soalan sebagaimana yang tertera. Jawapannya ialah perkembangan terkini pPembinaan Kompleks Mahkamah Syariah Kemaman adalah di peringkat akhir penyediaan pelan reka bentuk bangunan. Kerja-kerja pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah Kemaman ini dijangka bermula pada tahun 2026. Sementara itu bagi pembinaan Mahkamah Rendah Syariah Setiu status terkini adalah di peringkat penyediaan laporan kesesuaian tapak dan anggaran kos pembangunan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri (JKR), terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, ada soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan yang pertama, di manakah lokasi Mahkamah Syariah Kemaman yang baru, manakala yang kedua apa perancangan Kerajaan Negeri bagi pembangunan infra kompleks mahkamah syariah yang lain termasuk di Besut, Marang dan juga Hulu Terengganu? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih, Yang Berhormat Jertih yang peka berkenaan dengan infra yang berkaitan dengan pemeraksanaan syariah dalam konteks ini ialah kompleks mahkamah syariah bukan sahaja di daerah Kemaman bahkan juga di daerah-daerah yang lain. Bagi daerah Kemaman ini, kerajaan telah bersetuju untuk memindahkan ke tapak baharu. Tapak baru ini ialah bersebelahan dengan

bangunan lama Mahkamah Rendah Syariah, Kemaman sekarang iaitu di Cukai, Kemaman. Kenapa kita membuat keputusan ini? Kita membuat keputusan ini berasaskan kepada prinsip keutamaan dan juga penjimatan. Jika sekiranya kita mengekalkan dengan perancangan yang awal ataupun yang lama yang mana pada asalnya dirancang untuk dibangunkan di Bandar Baru, Kijal di mana kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM6.3 juta dan mengambil masa sehingga 18 bulan kerana perlu kepada pelaksanaan kerja-kerja rawatan tanah dan seumpamanya. Bila berpindah ke tempat baru ini maka kerajaan tidak perlu lagi membelanjakan dengan jumlah tersebut. Adapun perancangan di daerah-daerah yang lain, *insya-Allah* ia akan dilakukan secara berfasa termasuk di daerah Besut, Marang dan Hulu Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay, ada soalan tambahan? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya nak tambah sikit *je*. Berhubung dengan mahkamah syariah ini sudah pasti dia berkait dengan hukum hakam, peraturan. Boleh tak pihak Yang Berhormat jelaskan apakah usaha-usaha untuk memastikan rakyat kita ini memahami dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Mahkamah Syariah? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Bandar. Kita mengambil beberapa pendekatan kerana sudah tentu salah satu daripada tanggungjawab Kerajaan bukan sahaja meluluskan satu-satu undang-undang, dalam konteks ini ialah enakmen tetapi dalam masa yang sama kita mestilah berusaha untuk memberikan kefahaman kepada rakyat dan ia berlaku secara berstrategi dan juga secara tersusun yang dijalankan oleh pelbagai agensi-agensi daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam daripada Jabatan Mahkamah Syariah sendiri, Pendakwaan termasuklah unit-unit tubuh. Antara mekanisme yang kita lakukan ialah melalui penerangan dalam media sosial termasuk juga program-program yang sedang kita rancang, sebahagiannya telah berjalan dan sebahagiannya akan berjalan iaitu "Karnival Indahya Hidup Bersyariat". Jadi melalui karnival ini agensi-agensi yang terlibat akan turun ke DUN-DUN dan akan memberikan penerangan kepada rakyat di bawah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Soalan satu saya ditolak jadi yang terdekatnya soalan nombor dualah-

Apakah unjuran kesan ekonomi projek ECRL di Negeri Terengganu apabila mula beroperasi terhadap pertumbuhan KDNK negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan kajian Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah (PeGTA) Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dilaksanakan oleh PlanMalaysia. pelaksanaan projek *East Coast Rail Link* (ECRL) dijangka memberikan impak ekonomi yang signifikan terhadap pertumbuhan Negeri Terengganu apabila perkhidmatan rel tersebut mula beroperasi sepenuhnya.

Hasil kajian menunjukkan bahawa Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Terengganu diunjurkan meningkat daripada RM34.00 bilion pada tahun 2020 kepada RM48.2 bilion menjelang tahun 2040 iaitu peningkatan purata tahunan sekitar 1.8% sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

Unjuran ini mengambil kira kesan langsung dan tidak langsung daripada aktiviti pembinaan serta pengoperasian ECRL. Antaranya termasuk peningkatan pelaburan sektor perindustrian dan logistik, yang keduanya adalah pertumbuhan aktiviti perdagangan dan pelancongan dan yang ketiganya adalah pembangunan berorientasikan transit ataupun *Transit-Oriented Development* (TOD) dengan izin di sekitar stesen-stesen utama ECRL seperti stesen Jerteh,

Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu, Dungun, Kemasik dan Chukai. Secara keseluruhannya projek ECRL bukan sahaja akan memperkukuhkan rangkaian pengangkutan serantau tetapi juga beroperasi menjadi pemangkin utama kepada pembangunan ekonomi negeri, membuka peluang pekerjaan baru dan mempertingkatkan daya saing Terengganu dalam ekosistem ekonomi pantai timur. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan? Sila Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERTAMBAH DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Kota Putera. Kita tahu bahawa khususnya stesen ECRL di Kuala Terengganu dijangka siap pada akhir tahun depan dan mula beroperasi 1 Januari 2027. Sehubungan dengan itulah perkembangan ekonomi ini bergerak seiring dengan perancangan infrastruktur yang baik untuk memberi kemudahan kepada perkembangan ekonomi. Jadi saya nak tanyalah sejauh manakah perkembangan perancangan TOD di Durian Guling inilah, stesen ECRL Kuala Terengganu ini, dan apakah perancangan daripada stesen ECRL Kuala Terengganu itu ke pusat bandar kita, ataupun ke *airport* kita di Kuala Terengganu ini? Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DI-PERTUA: Okay, sila Yang Berhormat Kota Putera ataupun Wakil Kerajaan.

YANG BERTAMBAH HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan itu bukan bawah portfolio saya, untuk perancangan itu di bawah INFRA cuma kalau untuk itu diberi notis untuk jawapan apakah perancangannya. Ada, cuma tak tahu nak cari mana dari segi fakta itu.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DI-PERTUA: Ya boleh boleh. *Dok ape*. Jawapan bertulis lah.

YANG BERTAMBAH HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, okay terima kasih.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Buluh Gading soalan nombor satu-

Berapa jumlah nelayan sampan Terengganu yang belum berlesen dan apakah tindakan penyelesaian dari Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor satu, sila Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih sahabat Yang Berhormat Buluh Gading. Berkaitan dengan isu lesen sampan khas untuk nelayan Terengganu. Kalau kita imbas kembali pada tahun 2018 di antara isu besar yang kita kenal pasti membelenggu nelayan negeri kita ialah isu nelayan tak berlesen dan isu ini berlanjutan selama lebih 40 tahun, tanpa lesen mereka tidak dapat elaun sara hidup nelayan, tak dapat minyak bersubsidi, bantuan bencana dan beberapa kemudahan lain.

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri menubuhkan *Task Force* Lesen Sampan Nelayan Terengganu untuk menyelesaikan isu lapuk ini dan Terengganu ialah satu-satunya negeri di mana Kerajaan ambil tanggungjawab angkat permohonan bagi pihak rakyat kita. Jadi setelah melalui pelbagai proses yang agak rumit, maklumlah kita nak cairkan apa yang telah dibekukan selama lebih 40 tahun ianya tidak mudah tapi *alhamdulillah* akhirnya dalam situasi PKP pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan lesen sampan khas nelayan yang kita agihkan sebanyak 600 lesen. Menyedari selepas daripada itu ada lagi nelayan tulen yang belum memiliki lesen atas beberapa alasan maka kita merancang untuk buat *task force* isu lesen sampan nelayan bagi kali yang kedua dan Kerajaan Negeri bersama dengan Jabatan Perikanan (LKIM), Persatuan Nelayan telah mengadakan satu mesyuarat penyelarasan pada 17 Ogos 2025 dan antara keputusan yang kami putuskan ialah kita akan angkat permohonan lesen sampan khas nelayan bagi tahun 2025.

Jadi calon-calon yang memenuhi syarat telah diminta untuk segera berhubung dengan Persatuan Nelayan Kawasan, Pejabat Perikanan Daerah ataupun

Pejabat Perikanan Negeri Terengganu untuk proses permohonan. Sehingga tarikh tutup, Jabatan Perikanan telah menerima 645 permohonan lesen baru yang sekarang sedang melalui proses temuduga dan tapisan akhir. Kita sasarkan pada awal 2025, semua permohonan yang melepasi tapisan dan temuduga akan diangkat kepada Ibu Pejabat Perikanan di Putrajaya untuk kelulusan dan kita telah atur satu temujanji pada minggu depan untuk berjumpa dengan pihak Ibu Pejabat Perikanan, di antara isu yang akan kita selaraskan dan selesaikan ialah berkaitan dengan isu lesen sampan khas nelayan Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Jabi. Ada soalan tambahan? Ya sila Wakil Buluh Gading

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Dalam jawapan yang diberikan tadi ada disebutkan permohonan sampan nelayan ini akan diluluskan apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Boleh Pihak Kerajaan jelaskan dengan lebih *detail* apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk dipenuhi oleh pemohon? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih, Wakil Buluh Gading. Syarat utama ialah warganegara Malaysia, umur 18 tahun ke atas, tidak ada limit, 60-70 pun boleh diterima selagi berupaya. Nelayan tulen sepenuh masa, dengan makna nelayan yang turun ke laut, paling kurang 120 hari setahun ataupun 4 bulan dalam setahun. Memiliki sampan sendiri berukuran tidak melebihi 15 meter, sihat tubuh badan, lulus temuduga dan bagi pesara kerajaan hanya kelompok B40 sahaja yang layak memohon. Dalam masa yang sama, kita juga menggerakkan operasi pemutihan bagi lesen nelayan yang tidak aktif dan juga yang sedang tamat tempoh. Sebab lesen ini ada kuota dia. Kalau sekiranya kuota ini dipegang oleh nelayan yang tidak aktif, yang sudah tidak turun ke laut, yang tamat tempoh, dia akan mengambil hak nelayan lain yang lebih berhak untuk mendapatkan lesen dan mereka menjadi nelayan yang berlesen dengan mendapat keistimewaan dan kemudahan sebagaimana yang disyaratkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima Kasih Yang Berhormat Dr. Azman Bin Ibrahim (Wakil Jabi). Ada.. sila Wakil Telemung.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih. Saya nak tambah sikit *je*. Wakil Kerajaan sebut tadi ialah nelayan laut *kan?* Nelayan darat *guane?*

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Ya, ya.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Nelayan darat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Nelayan darat ni makna nelayan sungai, nelayan air tawar, bukan nelayan atas darat. Sama sahaja. Bila kita agihkan lesen, nelayan darat pun sama. Mereka turut menerima elaun sara hidup. Mereka juga dapat minyak bersubsidi dan dalam agihan INPUT untuk nelayan yang kita bagi pukot, jaket keselamatan dan beberapa peralatan lagi, nelayan darat pun turut kita bagi yang pernah dihadiri sendiri oleh YB Telemung bila kita bagi untuk nelayan-nelayan Telemung. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay terima kasih. Seterusnya saya mempersila Wakil Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan Kemasik nombor tiga-

Prinsip Ke-4 pada PITAS 2030 antaranya menggariskan bahawa "Kekayaan dan Hasil Tempatan Adalah Untuk Rakyat Terengganu" Bagaimanakan prinsip ini dilaksanakan dan apakah tindakan yang dilakukan untuk merealisasikan prinsip ini kepada rakyat Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan nombor tiga, Yang Amat Berhormat Dato' Seri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Wakil Kemasik yang mengemukakan persoalan mengenai PITAS sebagaimana yang dipaparkan. Prinsip ke-4 dari PITAS 2030 adalah jelas iaitu kekayaan dan hasil tempatan adalah untuk rakyat Terengganu. Ianya memberi maksud bahawa perancangan negeri mesti meletakkan kepentingan rakyat sebagai penerima hasil kekayaan atau hasil tempatan yang paling utama berbanding dengan rakyat daripada negeri-negeri lain. Berasaskan kepada keadaan ini maka Kerajaan Negeri akan memastikan hasil negeri yang ada ini, ataupun yang sebelum ini ataupun yang akan datang diuruskan dengan sebaik mungkin tanpa sebarang halangan dan sekatan untuk memberikan manfaat kepada rakyat Terengganu dan atas sebab ini jugalah kenapa kita terus memperjuangkan hak royalti rakyat Terengganu kerana ianya telah sama-sama kita maklum melibatkan perjanjian yang telah ditandatangani puluhan tahun dahulu walaupun cuba dan telah dialihkan tiang gol oleh pihak Kerajaan Persekutuan kemudian ini tetapi kita tetap berpegang kepada apa yang telah ditandatangani sebelum ini. Di atas maksud yang sama juga Kerajaan Negeri sedang menuntut pembayaran daripada FELDA yang menggunakan tanah Kerajaan Negeri hampir 15,000 hektar sejak 40 tahun. Hasil ini mesti dikembalikan kepada rakyat Negeri Terengganu juga dan ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO sebelum pada ini.

Sama juga berkait dengan industri galian yang sangat penting pada waktu ini di seluruh dunia iaitu untuk Nadir Bumi atau REE, *Rare Earth Element* dengan izin. Apa juga langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan adalah untuk memastikan bahawa aktiviti utama REE, sama ada *midstream* atau *downstream* berlaku di dalam negeri ini, walaupun cuba juga diambil pendekatan yang berbeza oleh pihak yang lain tapi kita akan berpegang bahawa hasil mineral, hasil galian bumi ini sebagaimana dalam Perlembagaan Persekutuan adalah hak milik negeri Terengganu. Dalam masa yang sama, kita juga memberi penekanan kepada anak-anak Terengganu yang menjadi usahawan tempatan melalui kerjasama dengan PETRONAS, Kerajaan Negeri serta Agensi Pembangunan Usahawan. Atas sebab ini juga, Kerajaan Negeri berfokus kepada peluang Kontrak Vendor, Persijilan Anak Terengganu Certificate atau ATC, Pemandahan Teknologi dan Pembangunan Kapasiti. Sehingga kini seramai 120 daripada 136 permohonan ATC telah lulus dan mereka akan mendapat keutamaan projek kendalian PETRONAS dan mereka ini adalah anak daripada Negeri Terengganu. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Ada? Okay soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Senario semasa ramai daripada pekerja-pekerja daripada syarikat minyak dan gas terkemuka negara sekarang telah berlaku penamatan kerja. Dimaklumkan melebihi 5,000 daripada mereka akan ditamatkan pekerjaan mereka dan Negeri Terengganu ataupun pekerja daripada Negeri Terengganulah antara yang teramai terkesan dan penamatan tersebut juga melalui Program *Mutual Separation Scheme* (MSS) dengan izin. Jumlah yang diterima mungkin cukup untuk 2-3 tahun sahaja, sedangkan mereka-mereka yang terlibat adalah orang-orang berkepakaran tinggi dan berpengalaman yang sudah pasti *overhead* kehidupan yang tinggi. Jadi 2-3 tahun *nak masuk* segmen lain, sektor lain pun mencabar. Sebagai contoh mereka yang berkelulusan *chemical engineer, process engineer* yang majoriti ataupun kerjanya banyak di segmen *oil & gas*lah. Jadi kemelut ini sangat-sangat memerlukan kepada sokongan daripada Kerajaan Negeri. Mungkin boleh kita jadikan contoh apa yang dilaksanakan oleh Negeri Sarawak. Mereka, kerajaan Negeri Sarawak telah menetapkan kerja-kerja Sarawak untuk orang Sarawak sebagai contoh. Jadi soalnya, bagaimana pula keutamaan ini dilaksanakan untuk setiap kerja-kerja oleh GLC Negeri serta apakah *Vendor Development Programme* dengan izin sebagaimana syarikat PETRONAS telah laksanakan juga dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi membantu khususnya mereka-mereka dan syarikat-syarikat Terengganu? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Sila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih atas soalan tambahan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan perasaan simpatilah daripada pihak Kerajaan Negeri kepada semua yang terlibat dalam *Program Mutual Separation Scheme* atau (MSS) dari PETRONAS sama ada rakyat Negeri Terengganu atau rakyat bukan daripada Negeri Terengganu. Memang ini merupakan suatu episod yang besar kepada pekerja-pekerja ini. Ada beberapa pendekatan yang mungkin boleh kita ambil. Yang pertama ialah tentunya sebarang hasil yang diperolehi daripada MSS itu dalam

bentuk kewangan adalah hak peribadi mereka dan kita *tak nak* campur tanganlah tentang bagaimana mereka menguruskan kewangan yang ini. Tambah pula, zaman sekarang ini kalau kita bagi nasihat kena buat begitu, kena buat begini, dia marah *kat* kita *pulok*. Sebab dia kata ini hak peribadi, duit saya sendiri, ikut pandai sayalah *nak guna macam mana* tapi sebagai sebuah Kerajaan, kita harus juga mendengar pandangan daripada Kerajaan bahawa Kerajaan ingin memberi nasihat kepada mereka supaya menggunakan wang yang diperolehi daripada MSS ini secara berhemah dan mengaturkan pembelajaran itu bukan untuk jangka pendek tetapi jangka pertengahan dan jangka panjang. Memanglah kita faham kalau orang berumur kena MSS ini pada umur 50 tahun masa itu baru nak start berniaga, saya rasa mungkin dalam keadaan tertentu dah terlambat kecuali nak jadi *influencer* ataupun nak jual produk secara dalam talian. Walaupun begitu, ada beberapa pendekatan lain yang boleh kita laksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Yang pertama, ialah Kerajaan Negeri melalui *Joint Working Committee* (JWC) dengan PETRONAS boleh membangkitkan isu ini supaya ada langkah-langkah mitigasi yang dapat dilaksanakan secara bersama antara pihak Kerajaan Negeri dan PETRONAS. *Insyallah* kita akan bangkitkan dengan PETRONAS.

Yang kedua ialah tadi disebut tentang bagaimana GLC boleh berperanan untuk membantu anak-anak negeri yang terkesan daripada MSS ataupun mungkin selepas ini ada VSS. Ada beberapa kaedah, yang pertama ialah mungkin ramai orang fikir GLC-GLC kita menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang terkesan ini tapi kita kena faham bahawa bidang yang sangat spesifik dan profesional sedemikian sekadar nak seorang dua orang bolehlah. Bayangkan kalau ribu-ribu yang terkesan MSS, nak ambil ramai tak boleh sebab mereka adalah pekerja mahir yang sangat spesifik. Yang kedua, ialah sekiranya mereka terlibat dalam mana-mana projek atau syarikat yang berkait dengan Negeri Terengganu, GLC boleh sebenarnya mengambil pendekatan untuk memberi keutamaan. Walaupun begitu, ada beberapa perkara yang sangat penting untuk saya sebut. Yang pertama ialah bahawa GLC-GLC kita ini juga berdepan dengan mikroskop daripada pihak di luar sana, pihak parti politik dan juga pihak di *federal* yang senantiasa melihat apa jua aktiviti yang dilaksanakan oleh GLC-GLC kita. Jadi sebarang langkah atau tindakan daripada GLC sama ada dalam bentuk pemberian tender ataupun projek haruslah melalui proses penilaian yang sangat ketat dan juga tatacara yang *prudent* atau yang berhati-hati supaya kita tidak terkesan dengan apa jua tindakan undang-undang oleh

pihak yang tak puas hati atau pihak politik yang sentiasa mencari isu-isu yang ingin dibangkitkan tapi apabila kita berdepan dengan pertimbangan bila penilaiannya, lebih kurang sama teknikal ataupun kewangannya dan kita berdepan satu syarikat rakyat Negeri Terengganu, satu syarikat bukan maka di situ bolehlah pertimbangan keutamaan kepada rakyat Negeri Terengganu diberikan.

Ada pun berkait dengan, sedikit lagi Yang Berhormat Dato', Program *Vendor Development Programme* yang dilaksanakan oleh GLC, ianya bukan semata-mata untuk menyediakan projek secara terus begitu sahaja tapi melibatkan pembangunan kapasiti dan daya saing *vendor* tempatan di Negeri Terengganu supaya mereka bukan sahaja boleh bersaing di Negeri Terengganu bahkan juga boleh bersaing di luar daripada Negeri Terengganu. Sebab itulah skop pelaksanaan *Vendor Development Programme* ini, ada beberapa kategori iaitu yang pertama kapasiti *development*, yang kedua ialah *standard* dan *accreditation* dengan izin. Yang ketiga, *human capital development* dan yang keempat adalah teknologi *transfer* dan yang kelima ialah sistem dan *equipment upgrade* supaya mereka mampu bersaing di pasaran luar. Pasaran di Terengganu ini mungkin tidak begitu besar, kalau mereka boleh meneroka pasaran di luar dengan kapasiti yang kita bina tadi, yang lima kategori tadi, *insya-Allah* mereka mampu untuk bersaing di luar. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Ladang.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, *boleh tamboh sikit dok?* Soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Telemung.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Boleh *err?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Hari ni semangat Telemung nampak.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya cuma nak minta pandangan Kerajaan sajalah, iaitu berkaitan dengan saya dengar tadi, Prinsip 4 PITAS 2030

menyatakan bahawa kekayaan dan hasil tempatan adalah hak rakyat Terengganu. Ini maksudnya hasil ini hak rakyat Terengganu. Bagaimana pula prinsip Kerajaan bagi sesuatu kawasan ataupun daerah, DUN ke yang memberi hasil kepada Kerajaan contohnya di Telemung, royalti air. Saya rasa ratus juta *doh* setakat ni. Kemudian mungkin tak lama lagi dengan adanya solar terapung ni, paling kurang RM40 juta setahun. Kalau semua dapat 2000 lebih megawatt keluar nanti, dalam RM1 juta lebih setahun. Jadi apakah pandangan atau prinsip Kerajaanlah dalam hal ni? *dokkan nok lok saja je kawasan tu? Maknenye.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ye, ye.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Telemung khususlah. Saya nak kaitkan Terengganu dengan Telemung sebab Telemung banyak memberi hasil kepada Kerajaan Negeri. Jadi *dokkan* saja je? Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila jawab Yang Berhormat.
[*Sambil ketawa*]

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Telemung. Acap kali Telemung tanya soalan tambahan ni, macam Datuk Bandar Telemung pula. Kita sedar tentang perkara ini. Sebenarnya bukan Telemung saja yang membangkitkan perkara ini. Sebelum daripada ini juga saya masih ingat Bukit Besi pernah membangkitkan. Apabila dilihat bahawa banyak galian-galian yang dikeluarkan dari Bukit Besi sejak sekian lama bukan setahun dua ini, bahkan puluhan tahun. Maka apa pula kata daerah-daerah lain yang tidak ada hasil dikeluarkan daripada Setiu, ada hasil pertanian yang mungkin jumlahnya tidak sama dengan solar terapung di Kenyir dan lain-lain. Jadi sebagai bapa, dia akan kena tengok anak dia secara menyeluruh supaya berlaku keadilan dan keadilan itu bukan bermaksud kita bagi sama rata tetapi kita melihat mana yang berdepan dengan ketidakseimbangan, *disparity* dengan izin atau kesenjangan yang besar itu, maka kita utamakan tempat yang demikian. Walaupun begitu saya memandang, melihat dengan rasa positif apa yang disebut oleh Telemung mungkin bagi pihak Kerajaan kita akan menilai bagaimana formula yang lebih adil dapat diambil dan yang paling senang sekali bagi pihak Kerajaan adalah melalui GLC-GLC supaya sebarang program (*CSR*) *Corporate Social Responsibility* dengan izin daripada GLC boleh disusun atur

mana-mana yang agak tertinggal itu diberi keutamaan. Jadi lain daripada itu kita kena *develop* formula dululah.

Saya rasa apa yang dibangkitkan, sikit lagi Yang Berhormat Dato', apa yang dibangkitkan oleh Telemung ini adalah isu yang sama dibangkitkan oleh negeri-negeri apabila berdepan dengan Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana *disparity* ataupun kesenjangan antara negeri-negeri yang ada dalam negara kita ini ada yang negeri yang kaya, ada negeri yang mungkin yang semua sedia maklum, ada *reserve* RM40 bilion dalam Malaysia dan ada negeri yang *reservanya* hanya RM1 bilion, ada yang tak sampai RM1 bilion. *So* bagaimana sebuah negara ingin mengatasi *disparity* ini atau kesenjangan ini ada negeri yang begitu kaya, ada negeri yang begitu miskin, sama jugalah kita di peringkat negeri ada daerah yang sangat kaya dan ada daerah yang miskin, tentulah ada formula tertentu perlu di *develop* atau dibina dibina supaya kita dapat mengurangkan kesenjangan ataupun *disparity* ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tambahan sikit Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Sebab Telemung mintak, saya pun Kemasik nak mintak *gok* sebab semua sekali minyak dan gas naik daripada Kemasik, Dato' Yang di-Pertua. Semua sekali Dato' Yang di-Pertua. [*Sambil ketawa*]

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay, faham doh tu.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Bukan kawasan Kemaman *dok*?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay, kita bagi peluang kepada Ladang untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan pertama-

Kerajaan Persekutuan meletakkan Terengganu sebagai salah sebuah negeri Jelapang Makanan Negara dalam RMKe-13. Apakah usaha yang sedang berjalan untuk merealisasikan hasrat ini?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Wakil Ladang. Dalam pembentangan Rancangan Malaysia ke-13 oleh PMX di Parlimen, ketika mengumumkan pembangunan hab Ekonomi Biru dan perwujudan hab pengeluaran makanan negara yang turut melibatkan Negeri Terengganu, ada dinyatakan dalam pembentangan tersebut purata kadar tahunan pertumbuhan bagi KDNK Sektor Pertanian Terengganu disasarkan hanya 1.1% sahaja. Dia suatu angka yang agak menghairankan bagi sektor pertanian Terengganu. Saya istilahkan gemanya besar tapi sasarannya kecil, sedangkan pertumbuhan KDNK Pertanian Terengganu bagi tahun 2023 ialah 7.4%. Pada tahun 2024, sektor pertanian menyumbang 7.5% kepada KDNK negeri. Dalam masa yang sama, subsektor perikanan dan subsektor akuakultur salah satu daripada industri strategik bagi ekonomi rakyat Terengganu. Subsektor tanaman dan subsektor ternakan juga menunjukkan pertumbuhan yang semakin signifikan sejak kebelakangan ini sebagaimana dapatan dalam Banci Pertanian Malaysia 2024, di mana Terengganu mempunyai jumlah pegangan ternakan dan jumlah pegangan pertanian yang tertinggi dalam negara, kerana itulah Kerajaan Negeri menasaskan sektor pertanian Terengganu untuk tumbuh mencecah di antara 10.6% sehingga 12% menjelang tahun 2030 atau secara puratanya 8% bagi tempoh tahun 2026 hingga 2030 dan ia adalah satu sasaran yang realistik berdasarkan kepada fakta dan data-data yang kita ada di lapangan. Pertumbuhan sektor pertanian ini kita jangkakan bakal menunjukkan peningkatan yang lebih ketara apabila beberapa projek mega dalam sektor pertanian seperti Projek Lada Hitam McCormick di Lembah Bidong mula dituai hasil dan projek naik taraf dan penambahbaikan pelabuhan LKIM Chendering mula beroperasi sepenuhnya. Kalau sekadar menasaskan pertumbuhan KDNK Pertanian 1.1%, maka dia sama sekali tidak sepadan dengan gema kuat dan pengumuman untuk menjadikan Terengganu sebagai hub pembangunan ekonomi biru dan hub pengeluaran makanan negara. Kita sepatutnya berjalan ke hadapan dan bukannya mengundur ke belakang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Sila, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURaida Binti Md. Noor (Wakil Ladang): Soalan tambahan saya, apakah Kerajaan Negeri melihat *positioning*, ataupun strategi dan pendekatan oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah bertepatan dengan usaha

yang sedang dijalankan atau dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini?
Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih sekali lagi Ladang. Ya, sangat bertepatan. *Positioning* oleh Kerajaan Persekutuan memasukkan Terengganu sebagai salah satu daripada hab pengeluaran makanan negara bertepatan dengan Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2024-2030. Kesenambungan daripada Pelan Strategik 2019-2023 yang menasarkankan negeri kita untuk menjadi sebuah negeri pengeluar makanan negara. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan No. satu-

Sejauh mana persediaan Kerajaan Negeri menyahut kempen Renewable Energy dunia serta pelaksanaan di Negeri Terengganu terutamanya oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih YB Manir. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri berada dalam tahap persediaan yang baik dan komited sepenuhnya dalam menyahut kempen tenaga boleh diperbaharui *Renewable Energy* di peringkat dunia. Komitmen ini dizahirkan melalui pelaksanaan Pelan Induk Teknologi Hijau (PITiH) Negeri Terengganu 2030 yang menjadi kerangka utama pembangunan tenaga hijau, kecekapan tenaga serta amalan lestari di semua jabatan, agensi dan sektor di negeri ini. PITiH 2030 merupakan dokumen strategik negeri yang bertujuan mengarusperdanakan penggunaan teknologi hijau dalam sektor Kerajaan, industri dan komuniti. Yang keduanya, adalah menyokong matlamat

pembangunan mampan (SDG) dan sasaran karbon sifar bersih negara dan yang ketiganya adalah membangunkan ekonomi negeri yang seimbang, berdaya tahan dan mesra alam.

Empat teras strategik utama PITiH adalah seperti berikut. Teras pertama memperkukuhkan tadbir urus dan dasar teknologi hijau. Teras kedua memperluaskan pembangunan tenaga boleh diperbaharui seperti solar, biojisim, mini hidro dan tenaga sisa. Teras ketiga mempertingkatkan kecekapan tenaga di sektor kerajaan dan industri dan teras keempat memupuk budaya hijau melalui pendidikan, kesedaran dan juga pembangunan modal insan. Pelaksanaan PITiH diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi. Antaranya adalah Jabatan Alam Sekitar Terengganu (JAS), Terengganu *Incorporated* (TI), *Eastern Pacific Industrial Corporation* (EPIC Berhad), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan institusi pendidikan serta sektor swasta. Kerajaan turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan hijau dengan memperkukuhkan latihan kemahiran tenaga boleh diperbaharui dan pengurusan tenaga bagi meningkatkan keupayaan tenaga kerja tempatan. Jadi kesimpulannya, pelaksanaan PITiH 2024-2030 membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menyahut kempen tenaga boleh diperbaharui dunia dengan pendekatan yang tersusun menyeluruh dan melibatkan semua agensi kerajaan, komuniti serta sektor swasta. Terengganu kini bergerak ke arah menjadi negeri contoh dalam pembangunan tenaga hijau dan teknologi mampan di Malaysia. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan? Sila, Manir.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih bagi jawapan daripada Pihak Kerajaan. Soalan tambahan saya adalah berbentuk apakah Kerajaan mempunyai angka *investment* ataupun perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan ataupun badan swasta? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih YB Manir. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri tidak menetapkan satu angka khusus perbelanjaan bagi pembangunan industri tenaga boleh diperbaharui ini. Namun kita sentiasa

memberi kerjasama penuh bagi kerjasama strategik bersama GLC Negeri dengan pihak pelabur yang memperolehi insentif dari pihak Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Pihak Kerajaan Negeri menyambut baik peruntukan sebanyak RM4.95 bilion bagi tahun 2025 daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bagi memperkukuhkan kempen tenaga boleh diperbaharui melalui pelbagai inisiatif strategik dengan memberi fokus kepada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) untuk tenaga boleh diperbaharui, *Programme Net Energy, Metering and Corporate Renewable Energy Supply Scheme (CRES)* serta pembangunan 3,171 stesen pengecas EV di seluruh negara. Oleh itu, Kerajaan Negeri melihat inisiatif strategik ini akan menggalakkan syarikat-syarikat GLC Negeri mengambil pendekatan pelaksanaan kempen tersebut dengan berorientasikan kerjasama strategik bersama pihak pelabur. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri bertindak sebagai pemudahcara termasuk penyediaan tapak atau tanah yang sesuai manakala kos pembangunan infrastruktur, pemasangan teknologi dan operasi projek dibiayai oleh pihak pelabur.

والله أعلم

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kota Putera. Seterusnya, saya mempersila Yang Berhormat Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, nombor satu-

Apa status promenade (Laluan Pejalan Kaki) dari Taman Shah Bandar ke menara MBKT, bila sepatutnya akan disiapkan?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Cukai.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih, Seberang Takir. Dato' Yang di-Pertua, soalan sebagai yang tertera. Kemajuan kerja sebenar projek pembangunan laluan pejalan kaki KTCC Fasa 1 setakat 21 Oktober 2025 adalah sebanyak 70%. Tarikh siap sebenar projek adalah pada 19 Januari 2025 dan telah diberikan AOT sebanyak tiga kali, iaitu AOT 1 sehingga 5 April 2025, AOT 2 sehingga 30 Ogos 2025 dan AOT 3 sehingga 15 November 2025. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Seberang Takir): Ya, sebab itu saya tanya *tu* Dato' Yang di-Pertua. Nampak macam lama *doh* tapi *dok* siap lagi. Projek ini jika siap, saya percaya dia akan beri kesan yang baik pada pelancongan terutamanya juga di sebelah Seberang Takir. Jadi saya nak tanya, jika siap nanti apakah projek-projek tambahan ataupun kerja-kerja tambahan di sekitarnya bagi menyambut ataupun menarik orang ramai ke kawasan tersebut supaya jadi macam di Sarawak dan sebagainya? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Cukai

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Projek ini dijangka menjadi tarikan utama baharu di pesisir Kuala Terengganu khususnya di kawasan Taman Shahbandar sehingga ke Menara MBKT dengan penyediaan laluan pejalan kaki, laluan basikal, tandas awam, pintu gerbang serta kemudahan landskap yang selesa dan selamat. Apabila siap pula, ia akan mewujudkan suasana rekreasi pesisir bandar yang moden namun beridentitikan warisan Terengganu sekaligus menyokong sektor pelancongan domestik dan antarabangsa. Selain daripada itu, terdapat lima plot komersial yang dirancang untuk dibangunkan secara *public* yang akan membuka peluang pelaburan swasta serta mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada masyarakat setempat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Cukai dan Yang Berhormat Seberang Takir serta seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat mengemukakan soalan masing-masing. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.00 pagi. Kita tangguh sementara dengan Suratul Asr' dan Tasbih Kaffarah.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.33 PAGI

PUKUL 11.18 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Untuk makluman, semalam kita telah pun selesai sesi perbincangan ke atas Enakmen Perbekalan 2026. Sekarang tibalah masanya untuk saya mempersilakan Wakil Kerajaan untuk membuat penggulungan. Silakan Yang Berhormat Kota Putera untuk membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَأَخْلِلْ عِقْدَةَ مِنِّي لَيْسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, yang dihormati lagi dikasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, pengamal media, seterusnya, pemerhati-pemerhati secara fizikal ataupun atas talian, hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Awan hitam berlalu pergi
Menyapu lembut kabus tersisa
Belanjawan dibentang tanggungjawab diberi
Siap laksana, teguh bersama.

Pertama-tamanya, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah membentangkan suatu Bajet yang komprehensif dan menyeluruh kepada kita semua pada 10 hari bulan yang lalu. Terima kasih juga kerana dalam Pembentangan Belanjawan 2026, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah memberikan keutamaan dua fokus yang melibatkan portfolio saya.

Yang pertamanya adalah Fokus 2: Menstrukturkan daya tahan ekonomi bagi memacu pertumbuhan dengan memberdayakan perindustrian dan memacu tujuh akses yang lebih efisien kepada perkhidmatan Kerajaan Negeri melalui pendigitalan ataupun automasi. Selain daripada itu, sebanyak empat *High Priority Initiative* (HPI) dengan izin juga banyak diberi keutamaan di dalam Belanjawan ini. Antaranya menumpukan kepada pelaburan dan perindustrian bernilai tinggi dan perdagangan strategik.

Yang keduanya, memendekkan tempoh proses permohonan pajakan tanah, memberi diskaun dan memperkenalkan pembayaran berjadual harga pajakan tanah, menaik taraf kawasan perindustrian, sedang dan telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui inisiatif Dasar Pembangunan Pelaburan Perindustrian Negeri Terengganu 2023-2030.

Yang ketiganya, membangunkan terminal import dan regasifikasi LNG Kemaman, melaksanakan kajian kebolehsanaan pembangunan loji hidrogen dan ammonia hijau dan yang keempat, mempergiatkan usaha pendigitalan perkhidmatan.

Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan ini. Sejumlah lapan orang Yang Berhormat menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab saya, merentasi beberapa isu utama iaitu antaranya berkaitan dengan Terengganu hab utama tenaga boleh diperbaharui. Yang kedua, berkenaan dengan sumber nadir bumi ataupun NR-REE dan yang ketiganya, peningkatan hasil melalui *New Income Terengganu* (NIT) dan pendigitalan negeri. Dalam konteks Negeri Terengganu, sektor pelaburan perindustrian dan teknologi hijau yang menjadi teraju kepada pendapatan baharu Kerajaan Negeri adalah sektor yang amat strategik buat masa ini tanpa kita menidakkan sumbangan sektor-sektor lain dalam menjadi *engine of growth* dengan izin, kepada ekonomi Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mulakan sesi penggulungan ini dengan memperincikan sedikit perkara berkaitan dengan soalan lisan Yang Berhormat Bandar berkenaan misi pelaburan negeri ke luar negara iaitu China, Thailand, Indonesia dan Jepun. Misi-misi ini *alhamdulillah* memberi impak besar kepada negeri kita dalam usaha menjadi hab dalam sektor tenaga boleh diperbaharui. Antaranya, projek terminal LNG bukan Petronas, iaitu

pembangunan sebuah Terminal Regasifikasi Gas ataupun Regas Terminal, dengan izin RGT LNG oleh E&H Energy Sdn. Bhd. yang terletak di kawasan Perindustrian Teluk Kalong, Kemaman dan Projek Solar Hybrid bernilai RM2.9 bilion di Tasik Kenyir. kerjasama TNB Genco dan Terengganu Inc. Projek Terminal LNG bukan Petronas ini sedang dalam fasa akhir bagi perolehan lesen di bawah *Third Party Access* dengan izin TPA kepada Suruhanjaya Tenaga dan setelah mendapat kelulusan kelak yang dijangkakan pada suku kedua tahun 2026. Pihak Kerajaan akan melaksanakan penilaian akhir sebelum memuktamadkan model kerjasama dan perniagaan bagi penyertaan GLC negeri dalam pembangunan RGT Kemaman ini. *Alhamdulillah* melalui perkembangan yang positif ini pihak Kerajaan Negeri telah menyertai sesi lawatan teknikal ke Rayong dan Bangkok, Thailand serta Shenzhen di China. Di sana kita telah didedahkan secara realiti bagaimana pengoperasian RGT yang seakan-akan sama yang akan dibangunkan di Teluk Kalong, Kemaman nanti. Saya yakin dan percaya apabila projek ini berada dalam fasa pelaksanaan kelak, ia akan menjadi pemangkin ekonomi dan limpahan akan diterima oleh rakyat di sekitar Kemaman dan Dungun. Ia bukan sahaja akan memangkin pertumbuhan rantaian perbekalan yang positif dalam kalangan penduduk tempatan yang akan kita utamakan kelak, bahkan projek ini juga akan menghidupkan lagi rantaian ekonomi setempat, meningkatkan lagi taraf sosial penduduk.

Pelabuhan sibuk kapal berlabuh,
Barang dibawa serata dunia,
Jaringan industri semakin tumbuh,
Menarik pelabur yakin berdaya.

Berbalik semula kepada Projek Solar Terapung Hibrid Hidro (HSFS) dan Hab Hidrogen Hijau di Negeri Terengganu, projek tersebut telah dilancarkan pada 12 Julai 2025 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Stesen Janakuasa Hidroelektrik Sultan Mahmud di Kenyir. Yang turut hadir selain daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu ialah Timbalan Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA), Pengerusi TNB, Pengerusi Petronas, Presiden ataupun Pegawai Ketua Eksekutif TNB, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc. Projek umpama ini membuktikan Terengganu mempunyai potensi untuk menerajui tenaga hijau dan mewujudkan peluang ekonomi baharu untuk rakyat serta mengetengahkan Terengganu sebagai pilihan utama pelaburan tenaga hijau di rantau ini.

Mentari memancar di langit cerah,
Sinarnya jatuh membelah bumi,
Projek solar menanti sudah,
Langkah lestari generasi menanti.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Pengkalan Berangan, Buluh Gading, Manir, Seberang Takir, Sura dan Bukit Besi telah menyentuh dengan serius dan tegas terhadap pengurusan NR-REE dalam perbahasan mereka. Kerajaan sentiasa terbuka untuk menerima cadangan dan pandangan dari pelbagai saluran dan sudut dalam menjalankan sesebuah amanah yang diberikan. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sentiasa *alert* ataupun cakna dengan perkembangan semasa khususnya mengenai NR-REE.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sedikit perkongsian mengenai NR-REE ini, dalam Bahasa Melayunya disebut unsur nadi bumi, bukan radioaktif. Iaitu mineral yang digunakan dalam pelbagai teknologi moden seperti *super magnet*, bateri dan elektronik. Bagi menjawab satu persatu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, agak sukar kerana masa yang tidak mengizinkan. Oleh itu, saya mengambil pendekatan untuk merangkum secara keseluruhan perkara yang telah dibangkitkan selaras dan seiring dengan pendirian Negeri, dasar Negeri dan juga SG4.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pendirian SG4 tegas bahawa mineral nadir bumi NR-REE ini adalah hak Negeri. Untuk makluman semua sidang Dewan yang mulia, 12 hari yang lepas ataupun pada 30 Oktober 2025, Majlis Menteri Besar (SG4) yang dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Kedah, Kelantan dan Perlis telah menyatakan pendirian yang tegas mengenai NR-REE ini dengan menuntut supaya pengurusan serta agihan hasil sumber mineral unsur nadir bumi ini dilaksanakan secara adil, telus dan menghormati hak pemilik sumber, negeri pemilik sumber. Kenyataan tersebut saya kira jelas menyatakan pendirian tegas pihak Kerajaan agar segala sumber mineral nadir bumi yang terdapat dalam sempadan negeri adalah hak milik negeri seperti mana yang termaktub di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Kita ambil pendirian tegas ini setelah mengambil kira pengalaman lama berkaitan dengan isu royalti petroleum supaya ianya tidak berulang lagi, *insya-Allah* sekalipun kita...

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mohon mencelah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Sebagaimana kita maklum berkenaan dengan royalti minyak pun semasa perjanjian dimeterai tiada pun berkenaan dengan perkara-perkara baharu seperti tiga batu nautika dan sebagainya melainkan apabila dibuat suatu konsensus dalam UMNO pada tahun 2000 untuk menjadikan ia sebagai suatu peraturan ataupun akta yang menafikan hak yang sekian lama kita terima. Adakah walaupun ada pada Perkara Kesembilan tadi jika tidak ada suatu perkara lain yang boleh dijadikan pengukuh supaya walaupun apa Pusat nak lakukan kita masih, walaupun Perkara Kesembilan diubah, Perkara Kesembilan pun mungkin boleh diubah walaupun dengan perubahan pada Perkara Kesembilan pun masih lagi kita boleh mempertahankan hak kita berkenaan dengan NR-REE tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Penjelasan?

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Mohon penjelasan daripada...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Okey, terima kasih Kemasik. Itulah, kalau orang kata yang akan datang kita tidak boleh mengambil pengajaran banyak. Apa yang saya sebutkan, *what it is* apa yang ada sekarang dan kita semualah yang bertanggungjawab untuk memastikan ianya tidak terlepas seperti mana yang disebutkan oleh Kemasik.

Yang keduanya adalah *insya-Allah* apabila kita dapat memegang tampuk Putrajaya, kita akan pastikan semua negeri bukan Terengganu sahaja diberi keagihan yang seadilnya *insya-Allah*. Sekalipun kita tegas dalam memelihara maruah dengan berprinsip, kita zahirkan kesediaan untuk bekerjasama dengan

Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan rantai nilai menyeluruh dari segi penerokaan hingga kepada pemprosesan dan penghasilan produk berasaskan REE yang bernilai tinggi ini. Selaras dengan perancangan pembangunan negeri, Kerajaan Negeri juga mensyaratkan agar sebarang perancangan nasional mesti mengambil kira kedudukan negeri-negeri pemilik sumber dan tidak boleh dilakukan tanpa libat urus rasmi bersama Kerajaan Negeri serta pembangunan industri REE Negara harus dilaksanakan di negeri pemilik sumber tersebut supaya limpahan ekonomi dan ekosistem industri turut dinikmati oleh rakyat setempat. Hasil negeri juga tidak boleh terhad kepada royalti semata-mata tetapi mesti melibatkan penyertaan ekuiti, perkongsian keuntungan dan pemindahan teknologi yang nyata kepada negeri dan rakyatnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Terengganu dan setiap negeri di bawah SG4 kini sedang melaksanakan kajian terperinci serta membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Pembangunan (NR-REE) yang diselaraskan secara bersama. Malah untuk makluman semua, Pelan Strategik Unsur Nadir bumi bukan radioaktif NR-REE Negeri Terengganu telah pun siap serta antara yang terawal dibangunkan untuk melindungi dan mengawal selia sumber mineral negeri mengikut kepentingan kita sendiri. Pelan ini antaranya menetapkan yang pertama pembangunan industri NR-REE tempatan yang berdaya saing, mampan dan meliputi peringkat hulu, pertengahan dan hiliran.

Yang kedua penjana pertumbuhan ekonomi baharu untuk negeri dengan sektor NR-REE ini sebagai pemangkin pertumbuhan sektor hiliran berteknologi tinggi. Yang ketiga pengurusan sumber NR-REE Negeri yang bertanggungjawab, lestari dan mematuhi amalan *Environmental, Social and Governance (ESG)* dengan izin. Yang keempat peningkatan kemahiran dan penyertaan tenaga kerja tempatan perlu diutamakan dan yang kelima penetapan penyertaan perniagaan tempatan dan pelaburan swasta termasuk meneroka pembinaan kilang pemprosesan di negeri ini. Objektif ketiga adalah berkaitan ESG ianya menjadi panduan dan komitmen kita agar mineral negeri tidak disalahgunakan untuk tujuan mudarat kepada ummah ataupun rakyat kerana ia bukan sahaja bertentangan dengan syariat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* malahan turut melanggar prinsip berkaitan sosial dan *governance*. Antaranya meneroka mekanisme kawalan melalui penetapan klausa kawalan penggunaan akhir *End Use Control* dan perakuan penggunaan akhir *End User*

Certificate dengan izin di dalam sebarang rundingan perdagangan. Ia satu bentuk tindakan rasmi yang boleh menetapkan bahawa produk NR-REE negeri tidak akan diguna untuk membuat senjata ataupun sistem pertahanan yang bercanggah dengan dasar negara. Kerajaan Negeri memberi jaminan serta komited untuk membangunkan industri NR-REE ini dengan penuh tanggungjawab dan tata kelola terbaik seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam sesi ucapan perbahasan kelmarin. Sebarang libat urus Kerajaan Negeri dengan pelbagai pemegang taruh termasuk Kerajaan Persekutuan adalah dalam kerangka amalan ESG dan sektor unsur nadir bumi ini.

Selain itu Kerajaan Negeri Terengganu melalui dasar yang kita bawa iaitu PITAS 2030, Dasar Pembangunan Pelaburan Perindustrian Negeri Terengganu 2023-2030 dan Pelan Induk Teknologi Hijau (PITIH) turut disepadukan untuk memastikan projek teknologi hijau yang berasaskan sumber tempatan akan diselaraskan seiring dengan pembangunan industri nadir bumi ini juga. Suka untuk saya kongsi juga *database* ataupun pengkala data bagi REE ini dimiliki oleh Jabatan Mineral dan Geologi (JMG) Malaysia kerana data tersebut memerlukan proses pemetaan secara komprehensif dengan jumlah peruntukan yang besar oleh Kerajaan. *Database* ini juga akan dikemas kini oleh JMG dari masa ke semasa, oleh itu kita berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memperuntukkan sejumlah dana bagi pelaksanaan kajian potensi sumber REE fasa 2 untuk meneruskan aktiviti pemetaan sumber REE dan meningkatkan eventori data sumber mineral negara berjumlah RM10.5 juta dalam Belanjawan 2026.

Perut bumi tersembunyi cahaya,
Terkandung khazanah bernilai tinggi,
Nadir bumi bukan kerja biasa-biasa,
Amanah lestari pendapatan negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya beralih pula untuk menjawab isu yang menyentuh perkembangan pendapatan baharu negeri melalui NIT ataupun *New Income* Terengganu. Yang Berhormat Manir dan Seberang Takir telah membangkitkan tentang pendapatan baharu pada sesi pembentangan yang lepas. Jumlah kutipan hasil sebenar bagi tahun 2024 yang berakhir pada 31 Disember 2024 adalah berjumlah RM77.48 juta manakala jumlah kutipan terakhir hasil sebenar bagi tahun 2025 yang berakhir sehingga 11 November

2025 semalam, adalah sebanyak RM97.04 juta, *alhamdulillah* peningkatan ataupun lebih 15% daripada jumlah kutipan hasil bagi tahun lepas. Ini menunjukkan beberapa kaedah seperti mana melaksanakan perkara-perkara yang mudah atau dengan kata lain *low hanging fruits* telah menampakkan hasilnya. *Insyah-Allah* pada tahun 2026 nanti apabila beberapa perkara *low hanging fruits* dengan izin dan juga kaedah terkini akan dilaksanakan, kita sangat yakin bahawa harapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang disebut dalam Ucapan Bajet dua hari lepas iaitu mensasarkan jumlah Pendapatan Bukan Cukai Negeri 2026 berjumlah RM203.23 juta akan dapat dicapai.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Tunggal ada mencadangkan agar Kerajaan memperuntukkan sejumlah dana bagi membangunkan Sistem Geospacial Negeri Terengganu. Saya betulkan sedikit apa yang disebut oleh Bukit Tunggal semalam, *Terengganu Geospacial Information System* tapi kita ada satu jawatankuasa yang kita namakan GIST Terengganu (*Geospacial Information System Terengganu*). Terbalik *jelah* tu. Kerajaan melalui unit GIS Terengganu ini ataupun dengan singkatan UGIS ini yang ditempatkan di Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu kini sedang melaksanakan proses pengumpulan data untuk ke semua daerah dalam bentuk format GIS data *ready* bagi tujuan pembangunan pusat pangkalan data Negeri Terengganu. Inisiatif ini merupakan langkah awal ke arah mewujudkan ekosistem data geospacial yang bersepadu, tepat dan boleh diakses oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan selari dengan apa yang diulaskan oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal juga.

Dalam pelaksanaan ini, UGIS turut memberi tumpuan kepada pengumpulan data sebanyak 12 kategori utama yang telah diselaraskan mengikut piawaian geospacial negara MF1759 bagi memastikan keseragaman dan kebolegunaan data di peringkat negeri serta kebangsaan. Fokus utama kepada pengumpulan data ini adalah terhadap 5 aktiviti ekonomi utama Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) iaitu sektor perkhidmatan, sektor pertanian, sektor pembuatan, sektor pembinaan, perlombongan dan sektor pengkuarian.

Perkembangan terbaru yang boleh saya kongsi, Kerajaan telah meluluskan perolehan bagi Pembangunan Sistem Geospacial Negeri Terengganu yang dijadualkan untuk dilaksanakan pada tahun 2026. Pembangunan sistem ini akan menjadi platform utama bagi pengurusan perkongsian dan integrasi data

geospasial negeri supaya ianya jadi lebih menyeluruh. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah menerima penghargaan atas penglibatan aktif dalam Program Infrastruktur Data Geospasial Malaysia (MyGDI) daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam NRES pada 8 Oktober 2025 yang lalu semasa Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan kali ke-10 di PICC Putrajaya. Pengiktirafan ini merupakan suatu penghormatan terhadap komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan agenda transformasi digital melalui pembangunan data Geospasial yang mampan dan berimpak tinggi seiring dengan tema "Geospasial Pemacu Kelas Carian Negara". Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggai): Yang Bert hormat, penjelasan sikit.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ya, sila.

YANG BERTHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggai): Terima kasih, Yang Bert hormat Dato' Yang di-Pertua. Sebagaimana yang disebut oleh EXCO tadi, tahniah terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri yang berusaha menyediakan perkhidmatan GIS ini. Orang kata, *better late than never*. Patutnya benda ini dah lama kita buat, tapi kita baru ada kesediaan sekarang. Apa yang saya nak tanya di sini, sebab kita melibatkan banyak agensi, banyak agensi dan kadang-kadang agensi ini ada data dia yang kadang-kadang dia tak boleh kongsi dengan orang lain. Jadi, itu antara perkara yang kita di peringkat Lembaga Juru Ukur Tanah dan JUPEM pun menghadapi masalah yang sama tapi bagi Terengganu, sepatutnya tidak timbul sebab semua agensi berada di bawah Kerajaan Negeri kecuali melibatkan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Jadi, satu soalan, bagaimana kita nak *centralize* data ini perkongsian dan juga *guardian of the data* itu, siapa yang jadi penjaga kepada data tersebut dan satu lagi, *big data* yang *such amount*, itu memerlukan satu *hardware* yang khusus untuk di *centralize* kan. Jadi, mohon penjelasan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Pencerahan yang diberikan oleh Yang Bert hormat Bukit Tunggai itu, saya setuju untuk masukkan juga dalam ucapan saya kerana itulah halangan yang kita hadapi apabila di kalangan agensi-agensi kita masih lagi bersikap untuk memegang hak milik data masing-masing. Sedangkan, data itu *silos*. Kita

tak boleh komprehensifkan. Walau bagaimanapun, kita cuba atasi perkara itu dengan sesi-sesi libat urus. Kita panggil untuk libat urus dari masa ke semasa untuk mencari jalan penyelesaian ke arah itu. Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Habis dah, hujung dah. Akhirnya, saya ingin respon berkenaan dengan soalan daripada Hulu Besut berkenaan dengan kawasan tadahan air. Iaitu Empangan Paya Pedal di Besut untuk dijadikan tapak solar terapung. Pihak Kerajaan sebenarnya melihat secara lebih komprehensif kerana kegunaan tadahan air itu mempunyai keperluan tidak seperti mana Kenyir hanya untuk menjalankan jana kuasa sahaja kerana Tadahan Air Paya Pedal ini ada tiga kegunaan yang sekarang ininya adalah kegunaan pertanian. Yang keduanya, *future* akan datang adalah untuk kegunaan yang tadi kegunaan pertanian untuk dua untuk digunakan pertanian dan satu digunakan untuk bekalan air minuman. Jadi jika ada *floating solar* itu dikhuatiri akan berlaku pencemaran ataupun seumpama dengannya. Jadi kita tangguh dululah hasrat itu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagai penutupnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah mengetengahkan kepada kita suatu pembentangan Bajet yang sangat komprehensif.

Laut terbentang luas saujana,
Bahtera berlayar menuju sejahtera,
Belanjawan bukan sekadar angka,
Keyakinan penuh bakal terlaksana.

Insya-Allah, Kota Putera mohon menyokong.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Kota Putera yang telah membuat penggulungannya dalam sekitar 40 minit, terima kasih. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ،
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan agensi, Yang Dihormati para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri, semua petugas-petugas media, semua tetamu dan pemerhati, tuan-tuan, dan puan-puan sekalian.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pertama dan selamanya marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran kepada *Ilahi* atas segala nikmat dan kurniaanNya kepada kita dapatlah kita bersama-sama berada dalam Dewan Yang Mulia ini bagi membahaskan Ucapan Belanjawan Tahun 2026 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Terima kasih kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Enakmen Perbekalan 2026 yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan semalam dan menyentuh portfolio saya. *Insyaa-Allah*, saya akan cuba menerangkan secara lebih terperinci persoalan dan harapan yang diutarakan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu atas kepimpinan berwawasan dan keprihatinan beliau dalam merangka Belanjawan Negeri Terengganu 2026 yang bertemakan "Memacu Potensi, Melonjak Prestasi".

Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Belanjawan kali ini bukan sahaja menumpukan kepada aspek pertumbuhan ekonomi malah memberikan perhatian menyeluruh terhadap pembangunan infrastruktur moden, peningkatan sistem utiliti dan pemerksaan komuniti luar bandar sebagai asas kemakmuran negeri. Belanjawan Negeri Terengganu 2026 juga

merupakan satu pelan tindakan konferensif yang dirangka untuk memperkukuh kemajuan ekonomi, sosial pentadbiran negeri secara seimbang serta berfokus kepada kesejahteraan rakyat. Perancangan Bajet yang dibuat ini sangat komprehensif serta inklusif dan boleh membawa manfaat yang besar kepada seluruh rakyat daripada pelbagai lapisan peringkat umur di Negeri Terengganu yang menggariskan tiga fokus utama yang menjadi teras pelaksanaannya iaitu memperkemas tadbir urus Kerajaan bagi meningkatkan keberhasilan, menstruktur daya tahan ekonomi untuk memacu pertumbuhan dan melestarikan keperluan sosial bagi menjamin kesejahteraan inklusif.

Dari sudut infrastruktur berbagai projek strategi berimpak tinggi dirancang bagi memperkukuhkan jaringan logistik memperluaskan capaian pembangunan dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi setempat. Antara projek utama termasuklah pembangunan berorientasikan TOD di kawasan stesen ECRL, pembinaan laluan alternatif dari stesen ECR Cukai ke pelabuhan Kemaman serta pembesaran pelabuhan Kemaman yang bakal memperkukuhkan kedudukan negeri sebagai hab perdagangan dan industri pantai timur. Selain daripada itu, kerja-kerja pembaikan serta penyelenggaraan infrastruktur, mitigasi bencana turut dipergiat bagi menjamin keselamatan penduduk terutama di kawasan rendah dan mudah dilanda banjir. Dalam bidang utiliti Belanjawan 2026 mempunyai penekanan kepada peningkatan kecekapan sistem bekalan air yang lebih mampan mampan. Pelaksanaan sistem bekalan air Kuala Terengganu Utara akan memperkukuhkan lagi kapasiti agihan air dan memastikan bekalan yang stabil bagi menampung pertumbuhan penempatan baharu serta keperluan industri.

Kerajaan negeri juga turut memihakkan keprihatinan terhadap industri Pendidikan Islam dengan mempertimbangkan pemberian subsidi bekalan air kepada sekolah tahfiz dan pondok, selaras dengan dasar pentadbiran yang berteraskan nilai Islam dan kesejahteraan sosial.

Bagi aspek pembangunan luar bandar, fokus utama adalah mempertingkatkan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan kemudahan asas, perumahan mampu milik dan peluang ekonomi baharu di kawasan desa. Secara keseluruhannya, Belanjawan Negeri Terengganu 2026 menggambarkan satu hala tuju pembangunan yang seimbang dan berpaksikan rakyat, usaha memperkukuhkan infrastruktur menambah baik utiliti asas serta memperkasa luar bandar menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan kemakmuran

dinikmati secara saksama di seluruh negeri. Kepimpinan berstrategik Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam merencana dasar serta inisiatif pembangunan di bawah Portfolio Infrastruktur, Utiliti dan Pembangunan Luar Bandar amat diragui dan diyakini mampu membawa Terengganu terus Maju Berkat Sejahtera, menjelang tahun 2030.

Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menjawab soalan Yang Berhormat Pengkalan Berangan, Yang Berhormat Hulu Besut dan Yang Berhormat Kuala Berang, masalah bekalan air bersih. Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai masalah bekalan air terawat yang berlaku bagi menjamin kesejahteraan rakyat mendapat bekalan air bersih untuk kegunaan harian. Sehubungan dengan itu, SATU akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menangani masalah ini sebagaimana berikut:-

- A) Pelan Jangka Pendek- Masalah tekanan rendah yang berlaku adalah kepada sebahagian penduduk yang tinggal di kawasan tinggi sahaja dan berada di penghujung sistem bekalan air. Pihak SATU akan mengambil tindakan yang bersesuaian termasuklah menjalankan kerja-kerja *pressure management* di kawasan tersebut bagi memastikan semua pengguna mendapat bekalan air. Kerja-kerja *pressure management* termasuklah pemasangan satu unit *pressure reducing valve* pada jajaran paip kampung tersebut bagi mengoptimumkan tekanan air dalam paip di kawasan rendah dan meningkatkan tekanan di kawasan yang lebih tinggi seterusnya memastikan ke semua penduduk mendapat bekalan. SATU akan sentiasa bekerjasama dengan wakil penduduk di kawasan berkenaan agar sebarang permasalahan berkaitan bekalan air dapat diambil tindakan dengan segera.
- B) Pelan Jangka Masa Panjang- Bagi mengatasi permasalahan di kawasan ini secara keseluruhan, SATU dalam proses mengenalpasti lokasi yang bersesuaian bagi pembinaan tangki bermenara di kawasan berhampiran. Tangki bermenara tersebut akan menerima bekalan air secara terus daripada loji rawatan air dan beroperasi sebagai tangki agihan di kawasan tersebut. Pembinaan tangki bermenara dilihat bukan sahaja dapat menyelesaikan permasalahan di kawasan sekitar sahaja, malah dapat menyediakan utiliti bekalan air dan untuk pembangunan akan datang di kawasan tersebut. Ini bertepatan sebagaimana keperluan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, SPAN bagi simpanan air

luaran selama satu hari. Meningkatkan bekalan air luar bandar melalui Kementerian Desa dan Wilayah bagi pelaksanaan projek-projek pemasangan paip retikulasi. Dalam masa yang sama sebanyak 131 kawasan panas telah dikenalpasti oleh SATU sebagai kawasan yang seringkali berlaku paip pecah dan bocor. Penukaran paip-paip lama ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambil kira kapasiti bekalan, semasa dan akan datang bagi meningkatkan capaian bekalan air terawat di Negeri Terengganu.

Dato' Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Batu Rakit, status terkini projek pembinaan Masjid Baru Kampung Mengabang Lekor, Projek Pembinaan Masjid Baru Kampung Mengabang Lekor ini berada di peringkat pelaksanaan semula setelah mendapat hala tuju melalui Mesyuarat Tuntutan Peringkat Negeri pada 11 September 2025. Dalam mesyuarat tersebut kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan projek berkenaan dengan pelarasan semula harga kontrak melalui perjanjian tambahan termasuk hak syiling tambahan dan kos yang dibenarkan bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya.

Pihak kontraktor telah kembali memulakan kerja di tapak projek dan setakat ini kemajuan fizikal mencapai 80%. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2026 sekali gus bakal menyediakan kemudahan ibadah yang lebih selesa dan moden kepada penduduk Mengabang Lekor serta kawasan sekitarnya.

Menjawab soalan Yang Berhormat Hulu Besut pembinaan Jalan Keruak menaik taraf jambatan dan menaik taraf jalan, Kerajaan Negeri Terengganu melalui Jabatan Kerja Raya dan Unit Perancang Ekonomi mengambil maklum keperluan menaiktaraf Jambatan Darau dan Jambatan Keruak yang merupakan laluan penting kepada penduduk setempat, khususnya semasa musim ketujuh.

Sehubungan dengan itu, permohonan pelaksanaan projek akan dikemukakan melalui perancangan di bawah Rancangan Malaysia ke-13 serta turut dipertimbangkan untuk pelaksanaan melalui peruntukan MARRIS. Bagi kerja-kerja menaiktaraf jalan di Kampung Batu 13, Kampung Bekok, kerajaan negeri melalui JKR akan melaksanakan kerja-kerja berkenaan secara berperingkat menggunakan peruntukan MARRIS dengan memberi keutamaan pada kawasan yang sering terjejas dengan banjir. Manakala bagi projek pembinaan Jalan Keruak, JKR negeri dengan sokongan Kerajaan Negeri dan UPEN akan

mengangkat permohonan projek ini antara projek keutamaan negeri dalam perancangan RMK-13 *Rolling Plan* yang kedua agar ia dapat dilaksanakan bagi meningkatkan jaringan perhubungan serta kemudahan rakyat di kawasan berkenaan.

Yang kedua, pembinaan masjid, Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keperluan pembinaan Masjid Kampung Pak Sik dan Masjid Durian Telur yang dikemukakan. Kerajaan amat memahami kepentingan rumah ibadat yang selesa dan strategik bagi menampung keperluan jemaah serta aktiviti keagamaan masyarakat di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui UPEN, Jabatan Hal Ehwal Agama dan Jabatan Kerja Raya akan mengkaji dan menilai secara menyeluruh keperluan sebenar, kesesuaian tapak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Bert hormat Cukai, mintak perhatian sikit Yang Bert hormat Cukai, Masjid Sena Rendang itu kena ambil perhatian sikit Bukit Payung....

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): *Insya-Allah...*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ni Yang di-Pertua sendiri sebut ni...

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): akan diambil perhatian dengan segera...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: dan masuk dalam Ucapan dan ambil perhatian...Masjid Sena Rendang...

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): masukkan dalam Ucapan, *Insya-Allah...* JKR tolong tengok JKR... Kesian ke Dato' Yang di-Pertua...

YANG BERTHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Yang Bert hormat sebelum tu, minta celah sikit... Boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, Langkap... Yang Bert hormat Cukai duduk dulu...

YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF (Wakil Langkap): Bila bincang pasal masjid ini, Langkap juga nak minta perhatian berhubung dengan pembinaan masjid yang tergendala iaitu masjid Felda Chalok Barat, sejak tahun 2021 lagi, jadi minta penjelasan sikit. والله أعلم

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih, Masjid Chalok Barat di Setiu diperingkat pengisian semula oleh pihak Felda, memandangkan terdapat keperluan peruntukan tambahan bagi kerja-kerja penyiapan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, teruskan...

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dato' Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, UPEN, Jabatan Agama dan JKR akan akan mengkaji dan menilai secara menyeluruh keperluan sebenar kesesuaian tapak, anggaran kos dan keutamaan projek berbanding permohonan masjid-masjid lain di negeri ini. Mengikut rekod semasa terdapat 34 buah masjid di seluruh negeri, yang telah diluluskan secara dasar di peringkat MAIDAM, tetapi masih belum dapat dilaksanakan pembinaannya disebabkan aspek peruntukan belum dapat diputuskan daripada jumlah 33 masjid ini, Masjid Kampung Pak Sik dan Masjid Durian Telur di Besut termasuk dalam senarai untuk pembinaan.

Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan pembinaan pula disebabkan perkara ini melibatkan komitmen peruntukan, daripada Kerajaan Negeri dan Ahli Qariah, perkara ini memerlukan perancangan untuk pelaksanaan secara berperingkat dengan mengambil kira sumber-sumber peruntukan yang ada, dan juga memerlukan pertimbangan kepada pelaksanaan projek tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Berang, hakisan pantai Batu Rakit. Kerajaan Persekutuan melalui JPS sedang melaksanakan projek pengawalan hakisan Pantai Kuala Nerus yang memberi tumpuan kepada isu hakisan yang berlaku di Pantai Batu Rakit, Kuala Nerus. Skop kerja ini melibatkan pembinaan 16 unit pemecah ombak, serta gerak kerja penyuburan pantai sepanjang 2KM, sehingga kini kemajuan keseluruhan projek telah mencapai 49.46% dan pelaksanaan berjalan mengikut jadual. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 14 Januari 2027 dan direkabentuk berdasarkan kajian teknikal terperinci yang mengambil kira corak ombak, arus pesisir serta taburan pemendapan pasir di kawasan berkenaan. Perlu difahami bahawa

penyelesaian menyeluruh terhadap isu hakisan di sepanjang pantai Batu Rakit memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan pemuliharaan *sell to sell* di sepanjang zon pesisir sehingga ke muara sungai.

Pendekatan ini penting kerana proses hakisan dan pemendapann pasir berlaku secara dinamik antara satu sel pantai dengan sel yang lain dan tidak terbatas kepada kawasan pembinaan struktur semata-mata. Melalui projek pembinaan *breakwater* ini, kawasan pesisir utama akan dilindungi daripada tenaga ombak yang tinggi seterusnya menggalakkan proses pemendapan pasir semula di bahagian pantai terlindung yang dijangka mengambil masa antara satu hingga dua tahun untuk mencapai kestabilan garisan pantai. Justeru itu cadangan Yang Berhormat Kuala Berang bagi pembinaan *nearshore island* baharu berhampiran kawasan hakisan jalan telah diambil kira dalam analisis pihak perunding sebelum penentuan jarak optimum antara *breakwater* tersebut.

Secara keseluruhannya, projek ini akan memberi kesan positif yang signifikan dalam mengawal dan mengurangkan kadar hakisan pantai, Batu Rakit dan kawasan sekitarnya, sekaligus melindungi penduduk, kemudahan awam dan aset kerajaan daripada ancaman hakisan berterusan setelah projek siap sepenuhnya. Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa usaha mitigasi akan diteruskan secara berperingkat bagi memastikan keselamatan penduduk dan kestabilan pesisir pantai terus terpelihara. Kerajaan Negeri juga komited untuk melaksanakan pendekatan berimpak tinggi yang mampan, sejajar dengan matlamat pengurusan pantai negara dengan agenda ketahanan iklim jangka panjang.

Yang kedua, pembinaan empangan di Sungai Berang. Berdasarkan analisis hidraulik yang telah dilaksanakan oleh perunding bagi kajian Pelan Induk Tebatan Banjir di Lembangan Sungai Terengganu tahun 2025 yang dilantik oleh JPS Malaysia didapati bahawa pembinaan empangan di Sungai Berang sememangnya mempunyai potensi untuk mengurangkan keluasan kawasan berisiko banjir sehingga 15%. Walau bagaimanapun, hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa pelaksanaan komponen pembinaan ban dan kerja-kerja penaiktarafan sungai di kawasan-kawasan kritikal dalam Lembangan Sungai Berang, merupakan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berdaya maju. Melalui kombinasi langkah-langkah ini, pengurangan kawasan berisiko banjir dapat ditingkatkan sehingga 19% sekali gus menawarkan impak mitigasi yang lebih efektif terhadap risiko limpahan Sungai Berang.

Namun demikian dari segi analisi kos dan kebolehlaksanaan pembinaan empangan melibatkan kos yang amat tinggi serta memerlukan tempoh pelaksanaan yang sangat panjang. Selain faktor teknikal, aspek sosial dan alam sekitar turut diambil kira. Antaranya keperluan pembinaan penduduk, pengambilan tanah dan kemungkinan gangguan ekosistem semula jadi di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri menyokong pendekatan multi-komponen seperti yang disyorkan dalam kajian PITB, iaitu melalui kombinasi pembinaan ban penahan, penaiktarafan sungai serta pembangunan kolam takungan air hujan sebagai penyelesaian bersepadu yang lebih mampan dan praktikal dalam konteks keupayaan kewangan semasa. Yang ketiga, pemakluman status pembangunan TOD. Setakat ini, Kerajaan juga telah memulakan pelaksanaan inisiatif fizikal TOD bermula tahun ini dan akan diteruskan pada tahun harapan, termasuk kerja-kerja pembersihan tapak di beberapa lokasi strategik melibatkan keluasan keseluruhan hampir 600 ekar bagi fasa awal pembangunan. Stesen Cukai, Kemaman, 88 ekar. Stesen Kemasik, Kemaman, 392 ekar. Stesen Dungun, 95 ekar. Besut, 1.6 ekar. Marang, 15 ekar. Berikut adalah status kemajuan semasa. Cukai 55%, Kemasik 51%, Besut 67%, Dungun 52%, Marang masih di peringkat perolehan. MOU Kerajaan Negeri Terengganu dan MRL, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada 24 November 2025, Isnin bertempat di Majestic Hotel, Kuala Lumpur, Kerajaan Negeri Terengganu akan menandatangani memorandum persefahaman dengan Malaysia Rail Link. MOU ini bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi wilayah berorientasikan TOD di stesen ECR jajaran Negeri Terengganu. Program ini disasar kepada pelabur, institusi kewangan serta ketua agensi dan jabatan berkaitan, sebagai platform mempromosi kesediaan negeri Terengganu membangunkan kawasan TOD di sepanjang jajaran ECRL melalui pendekatan *public-private partnership*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersempena dengan majlis itu turut menampilkan dua sesi pembentang utama, sesi pembentangan strategik dan mengenai pembangunan TOD di stesen-stesen ECRL Terengganu yang akan disampaikan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu dan sesi pembentangan kedua projek ECRL Negeri Terengganu oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRL. Melalui MOU, Kerajaan Negeri dan MRL bersetuju bekerjasama dalam memudahkan perancangan dan pembangunan TOD di sekitar stesen-stesen ECRL Negeri Terengganu dengan objektif yang pertama meningkatkan kualiti hidup daya saing kawasan

setempat. Yang kedua, menyediakan infrastruktur lengkap dan mesra pengguna bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Yang ketiga, menarik pelaburan swasta dan aktiviti komersial baharu di sekitar stesen. Yang keempat, menjana peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi tempatan. Yang kelima, merangsang ekonomi pelancongan serta memperkukuh akses perniagaan dan perkhidmatan dan yang keenam, menggalakkan pembangunan hijau dan rendah karbon melalui penggunaan teknologi pintar serta persekitaran bestari. Sesungguhnya, kerjasama ini turut menekankan prinsip perancangan yang bersepadu, berorientasi tinggi dan berdaya huni, melibatkan penggunaan tanah yang optimum, kemudahan komuniti yang lengkap serta reka bentuk bandar yang mesra rakyat, selamat dan mampan. Secara keseluruhannya, inisiatif ini akan menjadi pemangkin utama pembangunan ekonomi baru di sepanjang koridor ECRL serta memperkukuhkan kedudukan Terengganu sebagai negeri yang berdaya saing, moden dan seimbang antara kemajuan dan kelestarian. Yang keempat, pelan integrasi pengangkutan awam serta stesen utama ECRL Kuala Terengganu dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Mahmud dan bandar Kuala Terengganu. Stesen ECRL Kuala Terengganu merupakan salah satu stesen utama dalam jajaran projek laluan Rel Pantai Timur di Negeri Terengganu. Kedudukannya yang berstrategik di laluan Bukit Payung, Wakaf Tapai, Ajil menjadikan stesen ini sebagai pintu masuk utama bagi penumpang dari daerah Marang, Hulu Terengganu dan sekitarnya menuju ke bandar Kuala Terengganu serta ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Mahmud. Berdasarkan laluan Bas.My, integrasi pengangkutan awam antara stesen ECRL ini dengan jaringan bandar dilaksanakan melalui laluan T22 dan T10 di bawah sistem jaringan perjalanan Bas.My. Bagi pergerakan dari stesen ECRL Kuala Terengganu ke bandar Kuala Terengganu, penumpang akan menggunakan laluan T22 yang menghubungkan kawasan Marang, Bukit Payung, Pasir Panjang, Wisma Darul Iman dan seterusnya berakhir di Terminal Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Laluan ini merupakan rangka utama perhubungan antara daerah Marang dengan ibu negeri dengan jarak kira-kira 19 kilometer dari stesen ECRL Kuala Terengganu dan mengambil masa kurang lebih 20-30 minit perjalanan. Seterusnya, bagi perjalanan daripada bandar Kuala Terengganu ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud...

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, Dato' Yang Berhormat, minta beri laluan sikit..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh, sila Yang Berhormat Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Cukai. Saya nak dapat penjelasanlah. Pertama tadi, daripada stesen ECRL Durian Guling ataupun Marang ataupun Kuala Terengganulah, nak pergi ke Kuala Terengganu dan juga ke lapangan terbang katanya naik bas. *So*, ada cadangan nak buat jajaran khusus ataupun jalan raya yang khusus daripada ECRL Kuala Terengganu ini ke bandar, kerana kalau naik bas *ni, kona-kona* mengambil masa yang lama, jadi, ada perancangan tersebut ataupun tidak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay, sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Kuala Berang. Setakat ini kita guna bas dahululah, *insya-Allah* kita masukkan juga dalam perbincangan nanti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Seterusnya, perjalanan perjalanan daripada bandar Kuala Terengganu ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud, penumpang boleh menaiki laluan T-10, iaitu laluan terus daripada Terminal Majlis Bandaraya Kuala Terengganu melalui Seberang Takir, Gong Badak, UNISZA, UMT dan Kompleks Sukan Negeri sebelum tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Laluan ini melibatkan jarak sekitar 9 kilometer dengan anggaran masa perjalanan 15 hingga 20 minit. Oleh yang demikian, keseluruhan jarak perjalanan daripada Stesen ECRL Kuala Terengganu ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud adalah sekitar 28 kilometer dengan tempoh masa perjalanan purata 40 hingga 50 minit.

Dato' Yang di-Pertua, itulah beberapa persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang sempat menjawab.

YANG BERHORMAT HAJI SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, boleh sedikit percelahan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh Yang Berhormat, ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Cukai, menginsafi kesesakan yang berlaku di Hospital Sultanah Nur Zahirah dan memaklumkan tanah tapak Hospital Marang di bawah Kementerian Kesihatan telahpun tersedia dan pengharapan warga Marang untuk mendapat satu hospital daerah. Persoalan saya, adakah Hospital Marang ini tidak menjadi keutamaan di peringkat negeri untuk diangkat sebagai sebahagian daripada infra utama yang perlu untuk dilaksanakan di Negeri Terengganu, khususnya Marang. Wallahualam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih, *insya-Allah* kita akan beri tumpuan ataupun masukkan dalam perbincangan *insya-Allah*. Saya rasa sekadar itulah saja ucapan saya.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Cukai, seterusnya Yang Berhormat Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan dan agensi, Yang dihormati para Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, petugas media, semua tetamu dan pemerhati sekalian. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima

kasih, kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Enakmen Perbekalan 2026, yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang kita kasihi, di dalam Dewan Yang Mulia ini, terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar atas pembentangan Rang Enakmen Perbekalan 2026, dengan tema "*Memacu Potensi Melonjak Prestasi*". Tema ini amat bertepatan dengan ekspirasi Kerajaan Negeri untuk memperkukuh daya saing ekonomi rakyat, serta melahirkan masyarakat yang berdaya tahan dan progresif.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih, kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan, memberikan soalan dan pandangan yang membina terhadap Portfolio Keusahawanan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna. Semua pandangan tersebut amat saya hargai dan akan dijadikan panduan, dalam merangka pelaksanaan dasar dan program khususnya pada tahun 2026 tahun hadapan. Dalam aspek keusahawanan dan perniagaan, islam menekankan keadilan dan amanah dalam setiap urusan muamalat, firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dalam surah Al-Isra' ayat 35.

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ إِذَا كُلْتُمْ وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat dan timbanglah dengan timbangan yang benar. Itulah yang lebih baik bagi kamu dan lebih elok akibatnya.

Portfolio keusahawanan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna memainkan peranan yang penting dalam memperkasa ekonomi rakyat serta melahirkan usaha yang dinamik, kreatif dan berdaya saing. Maka izinkan saya menyentuh beberapa inisiatif utama yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, khususnya pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana ucapan Belanjawan 2026 yang menekankan beberapa inisiatif berkeutamaan tinggi, *high priority initiatives* (HPI). Bagi penggalakan ekosistem perniagaan yang kondusif, beberapa inisiatif perlu dilaksanakan bagi menyokong usahawan Negeri Terengganu, terutama golongan B40, belia dan asnaf antaranya, yang pertama, pemudah caraan dan galakan pendaftaran perniagaan serta pematuhan peraturan. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh usahawan mikro dan kecil, ialah tahap kesedaran terhadap pendaftaran perniagaan serta pematuhan

kepada peraturan dan lesen perniagaan. Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan, akan memperkukuh Program Pemudah Cara dan galakan pendaftaran perniagaan, dengan sasaran sekurang-kurangnya 50 perniagaan baru berdaftar setiap daerah pada tahun 2026. Langkah ini akan dilaksanakan melalui Program Sembang Usahawan serta Majlis Pembangunan Usahawan Koperasi Penjaja dan Peniaga Kecil, peringkat daerah yang telah ditubuhkan di setiap daerah.

Yang kedua, kerjasama dengan SSM Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan PBT. Bagi mempercepat proses kelulusan lesen. Yang ketiga, program kesedaran berkaitan kepentingan pematuhan undang-undang, cukai dan keselamatan makanan. Yang kedua, pengukuhan Program *Coaching and Mentoring* untuk usahawan belia dan mikro. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Usahawan akan memperkasa Program *Coaching and Mentoring* yang memberi fokus kepada usahawan belia dan mikro melalui program usahawan UBES, terutamanya mereka yang baru memulakan perniagaan.

Yang ketiga, penganjuran Karnival Usahawan dan Koperasi Negeri Terengganu, bagi memperkukuh ekosistem keusahawan dan koperasi, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Karnival Usahawan dan Koperasi Terengganu 2026 sebagai platform untuk mempamerkan produk tempatan, memperluas jaringan pemasaran dan menarik pelaburan baru. Karnival ini juga akan menggabungkan sesi perkongsian ilmu, latihan keusahawanan serta padanan perniagaan antara koperasi, agensi dan juga pemain industri. Dengan cara ini, kita bukan sahaja memperkenalkan produk tempatan tetapi juga membina keyakinan pengguna terhadap jenama *Made in Terengganu* serta akan mempromosikan lagi kampanye sokongan perniagaan dan produk orang Terengganu, iaitulah *Support*. Program *Support* selaras dengan pelancaran Kampan Beli Barangan Malaysia KBBM 2025 yang bertemakan Jom Beli Lokal oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup KPDN. Objektif utama adalah untuk memastikan produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh usahawan tempatan mendapat sambutan masyarakat dan seterusnya meningkatkan pendapatan usahawan tempatan khususnya usahawan Terengganu.

Yang keempat, penganjuran Festival Halal Terengganu seiring dengan aspirasi memperkasakan industri halal Terengganu. Bagi menyokong aspirasi ini, YPU akan menganjurkan Festival Halal Terengganu 2026. Festival ini dijangka akan menghimpunkan pengusaha industri halal tempatan, pemain e-dagang serta

industri peyelidikan bagi membincangkan inovasi dan peluang pasaran halal global.

Yang kelima, pemasaran digital berpusat dan perniagaan e-dagang. Kerajaan Negeri turut menumpukan kepada pendigitalan pemasaran dan perdagangan. Maka pada tahun 2026, YPU akan bekerjasama dengan pihak penyediaan aplikasi atas talian bagi memastikan pemasaran digital berpusat dapat dilaksanakan. Langkah ini bagi membantu usahawan negeri menembusi pasaran dalam dan luar negara melalui platform e-dagang, media sosial dan pemasaran bersepadu.

Yang keenam, perluasan Program Anak Terengganu *Certificate* (ATC), Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan rakyat Terengganu, khususnya usahawan tempatan dan graduan muda, diberikan peluang yang adil dan strategik dalam arus pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, Program Anak Terengganu *Certificate* (ATC) diperkenalkan sebagai satu mekanisme pengiktirafan rasmi kepada usahawan dan syarikat milik Anak Terengganu, Anak Jati Terengganu, yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan kriteria keusahawanan yang ditetapkan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Tunggal, Telemong, Batu Rakit, Sura, Rantau Abang dan lain-lain yang bertanya dan juga berbahas, yang mengaitkan perbahasan mereka dalam portfolio saya.

Antaranya, Yang Berhormat Ladang, menyebut bagi menjawab cadangan Yang Berhormat Ladang dalam usaha memperkenalkan keusahawanan tempatan, khususnya makanan rakyat yang disebut sebagai nasi lemak, dengan disebut nasi lemak, *buwohmoh* dan lain-lain^{lah} banyak tadi. Antaranya, yang boleh kita buat adalah latihan keselamatan makanan. Yang kedua, promosi melalui pemasaran digital. Yang ketiga, penjenamaan produk nasi lemak Terengganu sebagai sebahagian daripada identiti produk pelancongan makanan negeri setanding dengan keropok lekor, nasi dagang, satar dan lain-lain dan juga yang keempat, kita akan menyediakan skim bantuan papan tanda yang selaras, *insya-Allah* di Kampung Pasir Panjang, dalam usaha menyentuh apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Manir, dalam usaha memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri, Kerajaan Negeri menyedari bahawa data usahawan yang lengkap, sebagaimana pandangan YB Manir tepat dan bersepadu merupakan asas penting kepada perancangan strategik yang berkesan. Sehubungan dengan itu, pada bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri melalui YPU telah

melaksanakan inisiatif pemerksaan data usahawan negeri melalui Pengkalan Data Sahabat Usahawan Terengganu dan kita telah menyediakan kos sebanyak RM200,000 untuk mengemaskinikan data usahawan untuk makluman Dewan lebih daripada 16,000 yang berdaftar sebenarnya, masa rendah daripada yang didaftar melalui SSM. Langkah ini bertujuan untuk membangunkan pengkalan data usahawan bersepadu *Integrated Entrepreneur Database* pengkalan data ini akan menghimpunkan maklumat lengkap semua usahawan yang berdaftar di bawah pelbagai agensi termasuk YPU, TEKUN, MARA, SME Crop dan juga PBT.

Yang kedua, mengelakkan pertindihan bantuan dan memastikan ada agihan sumber lebih tepat sasaran supaya tidak seorang penerima ataupun peniaga mereka menerima pelbagai jenis bantuan tetapi rakan-rakan mereka ketinggalan.

Yang ketiga, pemetaan usahawan mengikut sektor dan kawasan data yang dikumpul akan dikategorikan mengikut daerah sektor makanan, pertanian, digital lain-lain serta tahap perniagaan mikro kecil dan sederhana dengan cara ini kerajaan dapat merangka dasar dan program intervensi yang lebih bersasar dan efektif.

Yang Berhormat Kemasik, di mana Yang Berhormat Kemasik, lebih fokus kepada usahawan-usahawan muda, perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan lebih ramai usahawan muda dapat dilahirkan seterusnya mewujudkan ekosistem keusahawanan yang mampan termasuk ke arah pembangunan digital melalui Yayasan Pembangunan Usahawan bagi memastikan lebih ramai usahawan muda dapat dilahirkan, pihak Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai skim pembiayaan dan geran. Antaranya, Skim Pembiayaan atas Talian Terengganu (SPINT), Dana Usahawan Terengganu (DUTE), Skim Pinjaman Pembiayaan Motosikal (U-BEST), Usahawan Belia Sejahtera bagi memastikan usahawan muda dapat dibimbing ke arah keusahawanan digital pihak Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif. Antaranya, kerjasama beberapa agensi keusahawanan Negeri dan Persekutuan memperkukuhkan peranan Urusetia Pembangunan Usahawan Terengganu (PEUTER), Skim Pembiayaan atas Talian Terengganu (SPINT) di bawah Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) bagi membantu usahawan muda melakukan pembangunan digital serta perniagaan *online*. Dana Usahawan Terengganu (DUTE), Skim pembiayaan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri ini adalah untuk membantu belia memulakan atau

mengembangkan perniagaan, skim ini menyediakan modal permulaan secara tanpa riba dengan nilai bantuan antara RM1,000 hingga RM5,000 seorang bergantung kepada kelayakan dan peruntukan keseluruhan sejumlah 1.6 juta untuk belia. Seterusnya, skim pinjaman pembiayaan motosikal Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM800,000 bagi melaksanakan skim pinjaman pembiayaan motosikal yang diperkenalkan khusus untuk membantu golongan belia memperoleh pengangkutan bagi menjana pendapatan.

U-BEST, Usahawan Belia Sejahtera ialah program anjuran Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu untuk membantu belia Terengganu membangunkan perniagaan mereka program ini menawarkan bantuan dan bimbingan kepada usahawan muda sehingga kini 4 Siri telah selesai, seramai 155 orang dan Siri Kelima dalam proses bilangan pekerja daripada 155 pengusaha iaitu seramai 294 orang nilai jualan setahun RM14,095,157.57. Kerjasama beberapa agensi keusahawanan negeri dan persekutuan di mana kita telah menganjurkan sebanyak 31 kursus dengan jumlah penyertaan seramai 2,643 usahawan termasuk kursus yang berkaitan dengan perniagaan digital. Seterusnya, memperkukuh peranan Urusetia Pembangunan Usahawan Terengganu (PEUTER), sehingga Oktober 2025 sebanyak 115 latihan keusahawanan berjaya dilaksanakan dengan jumlah penyertaan seramai 5,235 usahawan antara tajuk utama yang diberi keutamaan pada tahun ini dan tahun hadapan ialah berkait dengan perniagaan digital iaitu merujuk kepada aktiviti ekonomi yang berlandaskan penggunaan teknologi digital seperti penggunaan AI dalam perniagaan dan perniagaan dalam talian. Seterusnya, studio bergerak dan studio *podcast* khusus untuk usahawan Terengganu mempelajari teknik perniagaan digital termasuk promosi produk atas talian YPU juga sedang membuat kajian bagi mengadakan kerjasama dengan *platform* e-dagang terkemuka.

YANG BERHORMAT IR. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mohon mencelah. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Alur Limbat. Kebanyakan program-program berpusat di Kuala Terengganu, justeru, terutama sekali *lah* usahawan-usahawan muda khususnya yang berada di selatan negeri sedikit kesukaran untuk mereka hadir adakah kerajaan bercadang untuk juga melaksanakan atau menganjurkan program-program tersebut di selatan Terengganu?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ok, terima kasih kepada Kemasik. Sebenarnya, kita telah menubuhkan satu majlis keusahawan peringkat daerah dan *insya-Allah*, kita akan selaraskan melalui majlis tersebut dan kita akan *decentralized* dengan izin, di setiap daerah untuk aktiviti bukan saja diadakan di Kuala Terengganu ataupun di YPU. Ok, selesai.

Sedikit lagi, Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Berhormat Seberang Takir bagi menjawab kepada soalan Yang Berhormat Seberang Takir berkaitan kadar pengangguran Terengganu berdasarkan *pocket* statistik Negeri Terengganu 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengikut statistik utama siswazah iaitu pada tahun 2023 jumlah siswazah adalah seramai 167.72022158 ribu dengan jumlah yang telah bekerja seramai 123.5 ribu bagi tahun 2023. Di samping itu juga, jumlah siswazah yang menganggur pada tahun 2023 seramai 5 ribu. Oleh itu, kadar pengangguran siswazah dari di Terengganu menurun kepada 3.9% pada tahun 2023. Pada tahun 2022, 4.7%. Kadar pengangguran di Terengganu secara umumnya menurun kepada 3.1% pada tahun 2024 manakala pada tahun 2023, 4.6%.

Sebagai rumusannya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan motto Belanjawan 2026 "*Memacu Potensi Melonjak Prestasi*", Portfolio Keusahawanan Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna akan terus digerakkan secara inklusif dan berkesan. Kita percaya bahawa apabila potensi rakyat dipacu dengan sokongan strategik, prestasi ekonomi negeri akan melonjak ke tahap yang lebih tinggi. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas segala pandangan, sokongan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Sama-sama, marilah kita menjayakan agenda memperkasa rakyat, memajukan ekonomi dan memastikan kesejahteraan pengguna terus terpelihara. Akhir kata, Alur Limbat mohon menyokong Belanjawan 2026 dan Rang Enakmen Perbekalan 2026 yang telah dikemukakan pada sesi ini. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Alur Limbat, ingat nak cakap pendek *je* 18 minit juga, sila seterusnya Yang Berhormat Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi, Yang Dihormati para pegawai, kakitangan Kerajaan Negeri, rakan-rakan media, semua tetamu dan pemerhati.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, kerana telah membentangkan Belanjawan 2026 dengan bertemakan "*Memacu Potensi Melonjak Prestasi*" yang memfokuskan pembangunan Negeri Terengganu secara menyeluruh. Satu pantun untuk Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar

"Mentari pagi menyinari bumi,
Bajet disusun memacu potensi,
Terima kasih MB yang sentiasa berbakti,
Semangat membara melonjak prestasi"

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan saya untuk memberikan sedikit gambaran berkaitan portfolio saya untuk tahun 2025 sebagai rekod dalam Dewan Yang Mulia ini di penghujung tahun. Ini kerana tidak ada sebarang sentuhan langsung daripada mana-mana Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap portfolio Pembangunan Belia, Sukan dan NGO sehingga saya cukup mengantuk dalam Dewan pada kali ini. Justeru, izinkan saya merekodkan beberapa prestasi semasa tahun 2025 untuk perhatian Dewan. Pada tahun ini, Negeri Terengganu telah mencipta pelbagai kejayaan di persada sukan. Pelbagai kejayaan sukan telah dicapai oleh atlet-atlet Negeri Terengganu yang tidak pernah berhenti untuk memajukan bidang sukan di Negeri Terengganu Darul Iman.

Sehubungan dengan itu, setinggi-tinggi tahniah kepada semua pasukan sukan Negeri Terengganu atas kejayaan yang telah ditempa sepanjang tahun 2025 ini. Yang pertama khas untuk pasukan Hoki Terengganu, berjaya menyapu

bersih empat piala sepanjang musim ini iaitu Juara Piala Sumbangsih MHL 2025, Juara Piala Liga Hoki Malaysia Premier 2025, juga merekodkan tanpa kalah, Juara Piala TNB 2025, dan Juara Piala Tun Abdul Razak 2025. Saya merakamkan ucapan terima kasih telah direkodkan di dalam Dewan ini dan juga tahniah kepada pasukan hoki Terengganu. Untuk basikal, melalui Terengganu Cycling Team (TSG) setakat November 2025, TSG telah menyertai 42 perlumbaan berbanding pada tahun 2024 iaitu sebanyak 33 perlumbaan yang diadakan seluruh dunia, seperti UAE, Arab Saudi, Turki, Oman, Afrika Selatan, Thailand, Taiwan, Perancis, China, Jepun, Korea Selatan, Sepanyol dan Malaysia. Alhamdulillah, TSG telah mendapat pelbagai kejayaan di setiap penyertaan.

Setakat hari ini untuk tahun 2025, TSG berada pada kedudukan 37 daripada 206 pasukan di peringkat dunia, kedudukan ketiga daripada 52 pasukan di peringkat Asia, dan kedudukan kelima daripada 171 pasukan untuk pasukan Benua UCI. Dalam suasana kewangan yang sangat terhad dan terhimpit, kami tidak menafikan ada sebahagian pasukan sukan belum dapat berada di landasan yang tepat. *Insyah-Allah*, walaupun serba kekurangan, ia akan terus dipertingkatkan sebaiknya. Terengganu sinonim dalam melahirkan atlet-atlet sukan yang berbakat. Kita dikenali sebagai antara negeri yang membekalkan atlet kepada negara dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa. Setiap tahun, pasti ada atlet yang akan menjulang nama Malaysia di persada dunia.

Antaranya, saya rekodkan dalam dewan ini, seperti Qabil Irfan Azlan yang merupakan juara keseluruhan ESBK *Talent* 2025. Pencapaian terbesar beliau pada tahun 2025 adalah muncul sebagai juara keseluruhan kategori ESBK *Talent* dalam kejuaraan *Superbike* Sepanyol. Beliau mengesahkan gelaran ini lebih awal, walaupun masih berbaki satu pusingan perlumbaan. Dominasi perlumbaan di Eropah, Qabil Irfan Azlan mempamerkan dominasi yang luar biasa dengan meraih beberapa kemenangan perlumbaan termasuk dua kemenangan berturut-turut di Litar Estoril, Portugal yang mengunci gelaran juaranya. Qabil Irfan Azlan mengekalkan rekod sempurna dengan 8 kemenangan berturut-turut untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan FIM Mini GP Malaysia 190cc pada Ogos 2025. *Alhamdulillah*, menghargai apa yang telah disumbangkan oleh Qabil Irfan Azlan. Beliau telah dianugerahkan sebagai Tokoh Belia Hebat 2025 Sempena Karnival Hebat 2.0 tempoh hari.

Yang kedua, Hakim Danish tempat ketiga keseluruhan Red Bull Rookies Cup, pencapaian terbaik oleh pelumba Malaysia dalam sejarah siri tersebut. Hakim Danish meraih kemenangan pertamanya musim ini di Litar Motorland Aragon, di mana beliau memenangi perlumbaan dua setelah mempamerkan prestasi yang memberangsangkan. Memulakan kempen FIM Junior GP World Championship dengan cemerlang meraih podium pertamanya, tempat kedua musim ini di Estoril, Portugal. Dalam penampilan *wildcard* di Grand Prix Portugal November 2025, Hakim Danish berjaya menamatkan perlumbaan di kedudukan ke-12, mengutip empat mata pertamanya dalam kejuaraan dunia Moto3. Beliau turut membuat penampilan sulung Moto3 di hadapan penonton tempatan pada Grand Prix Malaysia 2025 di Litar Antarabangsa Sepang. Dinobatkan sempena Hari Belia Negara peringkat Terengganu di bawah kategori pencapaian cemerlang Belia Terengganu Sukan Permotoran di bawah Jabatan Belia dan Sukan Terengganu.

Yang ketiga, Mohamad Armin Zahryl seorang atlet kebangsaan Malaysia yang berasal dari Negeri Terengganu mewakili Majlis Sukan Negeri dalam Kejohanan Domestik di Malaysia, termasuk Sukan Malaysia SUKMA. Beliau memenangi pingat emas Sarawak tempoh hari. Pencapaian antarabangsa Mohamad Armin Zahryl tertumpu kepada penyertaannya dalam Kejohanan Olahraga Asia Ke-26 yang berlangsung pada Mei 2025 di Gumi, Korea Selatan dan telah mencatatkan rekod peribadi 13.85 saat yang melayakkan beliau secara rasmi mewakili Malaysia di Kejohanan Sukan SEA Thailand. Untuk sukan SEA di penghujung tahun ini di Thailand, seramai 59 orang atlet Terengganu *insya-Allah* akan mewakili negara bagi memperagakan aksi terbaik menjulang nama Malaysia di Sukan SEA 2025.

Tour Gateh D'Tranung merupakan program berbasikal yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui kelolaan Majlis Sukan Negeri. Ia merupakan sukan identiti negeri yang telah berlangsung sejak 2022. Kini telah memasuki edisi keempat dan telahpun selesai penganjurannya pada awal bulan ini. Edisi keempat baru-baru ini terdapat 24 pasukan yang telah menyertai. Terdiri daripada gabungan pasukan profesional tempatan, pasukan kelab dan penyertaan antarabangsa dari Singapura, Indonesia, Thailand, Taiwan, Australia, Belanda dan United Kingdom. Malah sebenarnya hasrat beberapa pasukan luar negara masih diterima untuk mereka menyertai oleh pihak urus setia. Walau bagaimanapun penganjuran kejohanan berbasikal ini dihadkan dengan jumlah tertentu. Kita terpaksa menolak hasrat beberapa pasukan luar

negara yang berhasrat untuk menyertai. Tour Gateh D'Tranung 2025 kali ini menampilkan 8 peringkat di seluruh 8 daerah Negeri Terengganu berbanding edisi ketiga tahun lepas. Apa yang memberangsangkan? Sambutan luar biasa oleh peminat-peminat lumba basikal tidak kira yang berada di sepanjang perjalanan dan juga di atas talian, menyambut baik serta memberi sokongan yang tinggi kepada pelumba, sekaligus terhadap penganjuran kejohanan. Malah tidak keterlaluan dinyatakan Tour Gateh D'Tranung berada pada tahap yang kedua selepas *Le Tour de Langkawi*. *Alhamdulillah* Tour Gateh D'Tranung mencapai sasaran portfolio untuk menonjolkan Negeri Terengganu sebagai *Land of Cyclists*.

Majlis Sukan Negeri juga telah menghidupkan Festival Sukan Pantai yang diadakan 8 hingga 11 Oktober di Pantai Teluk Ketapang tempoh hari. Seramai 2,215 orang peserta telah menyertai acara-acara dalam festival ini, 10 acara telah dianjurkan dan dipertandingkan. Ia telah menerima sambutan termasuk dari peserta Thailand, Singapura dan Indonesia dalam penganjuran pada kali ini. Kita juga tidak lupa peranan belia dan beliawanis Terengganu, Karnival Himpunan Belia Terengganu telah diadakan 24 hingga 26 Oktober di Kompleks Sukan Negeri Terengganu. Fokus utama adalah untuk libatkan belia dan belia wanis bersama Kerajaan Negeri Terengganu. Acara yang diatur melibatkan elemen kerohanian, pembangunan diri, keusahawanan dan kemanusiaan selain dalam bentuk santai dan juga hiburan. *Alhamdulillah* elemen keagamaan dan kerohanian, kemahiran digital AI untuk belia, pembangunan diri, termasuk dalam pembangunan nilai kemanusiaan telah dibangunkan dalam karnival ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, serta semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri juga tidak melupakan jasa Dato' Azizul Hasni Awang, nama yang tidak asing dalam negeri dan seluruh Malaysia, anak Terengganu yang berasal dari Dungun. Istimewa buat Dato' Azizul Hasni Awang, pihak Kerajaan Negeri Terengganu telah bersetuju menzahirkan tanda terima kasih kepada Dato' Azizul Hasni dengan penajaan satu dokumentari khas, yang saya tidak isytiharkan lagi namanya, yang akan disiarkan kepada masyarakat umum selepas selesai semua dokumentari ini. Ia juga sebagai satu usaha untuk memberikan motivasi buat atlet-atlet berbasikal dan sukan yang lain di Terengganu agar terus bangkit.

Hasil dari penajaan ini, Kerajaan Negeri akan mendapat kelebihan dari segi penjenamaan dan promosi. Malah apa yang lebih penting adalah usaha

Kerajaan Terengganu dalam menghargai usaha dan jasa atlet negeri yang mengharumkan nama negara Malaysia, khususnya Negeri Terengganu. Dalam usaha pemeraksanaan Terengganu sebagai jolokan *The Land of Cyclists*, kita telah berusaha bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menjayakan aktiviti-aktiviti berbasikal di Negeri Terengganu. *Alhamdulillah*, *Le Tour de Langkawi* yang berlangsung pada 1 Oktober 2025 memilih permulaan di Kuala Terengganu dan berakhir di Kemaman. Kita lanjutkan dengan Tour Gateh D'Tranung kemudian kita juga menganjurkan Terengganu *Pushbike Cup*, *TSG Shimano Fellowship Ride 2025* dan juga yang terbaharu *Lingai Jamboree Challenge 2025*.

Pada masa yang akan datang pada bulan ini, PDRM *Terengganu Monsoon Ride and Run 2025*, pada bulan Disember, *International Golden Monsoon Ride and Run 2025*. *Fun Ride* yang dianjurkan pelbagai tempat, kita juga menjadi tuan rumah untuk *ASEAN Fun Ride Cycling Terengganu 2025*. Dengan adanya program-program sebegini, ia secara langsung memberikan kesan positif terhadap ekonomi setempat, dengan kehadiran peserta yang memerlukan penempatan dan perbelanjaan sepanjang berada di Negeri Terengganu. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, *Insyallah* tahun 2026 akan datang, kita akan membangunkan terus program-program yang berteraskan belia, sukan dan NGO yang melibatkan semua pihak. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya, tidak dilupakan para pegawai kanan, pegawai-pegawai dan semua lapisan kakitangan yang bersatu hati, seia sekata dalam membangunkan negeri ini dalam suasana yang serba mencabar pada hari ini. Saya nukilkan penutup ucapan ini dengan beberapa pantun untuk semua.

Pelita Purnama Di Malam Sunyi
Menerangi Jalan Penuh Bererti
Terima Kasih Buat Semua Pegawai Berdedikasi
Bekerja Gigih Demi Rakyat Dan Negeri

Daun Melati Harum Mewangi
Tersimpan Rapi Penuh Erti
Kaki Tangan Setia Tiada Henti
Terengganu Bahagia Jadi Saksi

Menyemai Harapan Penuh Daya
Terima Kasih Yang Amat Berhormat MB Yang Sentiasa Mesra
Belia Dan Sukan Semangat Membara
Terengganu Maju Berkat Sejahtera.

Sekian

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقِ وَالْهَدٰیةِ وَ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Tepoh Mohon Menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima Kasih Pada Yang Berhormat Tepoh. Terima Kasih kepada semua Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat Kota Putera, Yang Berhormat Chukai, Yang Berhormat Alur Limbat, Yang Berhormat Tepoh, yang sempat membuat penggulungan pada pagi ini. Saya mohon maaf kerana tidak dapat memberikan masa yang lebih panjang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO untuk buat penggulungan yang sudah tentu dalam mempernyatakan kegemilangan, kecemerlangan dan kehebatan Kerajaan Negeri dan menjawab semua persoalan-persoalan yang dikemukakan, khususnya Yang Berhormat Kota Putera berkait dengan masalah yang banyak yang ditimbulkan hanya sempat mengulas dalam tempoh 30 minit.

Insya-Allah apa-apa persoalan seterusnya boleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan bertanya di luar *puloklah*. *Insya-Allah* kita akan sambung penggulungan kita pada petang ini pukul 2.20. Saya cadang untuk kita berhenti awal kerana Zohor pun awal bersiap untuk Zohor dan seterusnya berehat dan 2.20 kita akan mulakan dan kita akan sambung penggulungan yang seterusnya. *Insya-Allah*. Saya nak merakamkan jutaan terima kasih terhadap kesediaan Pemerhati-pemerhati daripada DUN Jabi seramai 30 orang, SEPAKAT daripada Dewan Muslimat PAS Terengganu, daripada Telemung, daripada Langkap dan khusus kita beri tepukan kepada anak-anak kita daripada Sekolah Rendah Islam Darul Iman Kota Putera, seramai 55 Orang dan juga Maahad Tahfiz Quran Terengganu yang bersedia untuk bersama-sama dengan kita ucap terima kasih kepada guru-guru dan anak-anak sekalian.

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ تَعَالٰی وَبَرَکَاتُهُ

Kita sambung pada pukul 2.20 untuk perhatian semua.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.50 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT TIMBALAN DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, muslim muslimat sekalian. Mesyuarat disambung semula dengan penggulungan daripada pihak Kerajaan. Seterusnya saya mempersilakan Wakil Wakaf Mempelam untuk membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, di atas kesempatan untuk membuat penggulungan pada tengah hari, pada petang ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, rakan-rakan media, pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian.

Pertama, syukur pada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di atas kesempatan dan peluang dan ruang pada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam penggulungan Rang Enakmen Perbekalan Tahun 2026 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, telahpun membentangkan suatu Bajet Negeri Terengganu 2026. Berdasarkan matlamat jangka sederhana panjang dengan peruntukan sebanyak RM1.938 bilion untuk perbelanjaan mengurus termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Manakala, hasil yang dianggarkan sebanyak RM1.998 bilion yang akan menjadi Bajet 2026 *surplus* dengan izin sebanyak 3%. Belanjawan 2026 bertemakan "Memacu Potensi Melonjak Prestasi" memfokuskan kepada semua entiti Kerajaan Negeri dalam bergerak lebih pantas dan dinamik, dalam mengembangkan keupayaan bersama.

Seterusnya, meraih pencapaian yang lebih memberangsangkan dan kesejahteraan rakyat yang diutamakan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Belanjawan Tahun Terengganu 2026 menggariskan keutamaan Negeri melalui 3 fokus. Iaitu yang pertama, memperkemas tadbir urus Kerajaan bagi meningkatkan keberhasilan. Fokus yang kedua, menstrukturkan daya tahan ekonomi bagi memacu pertumbuhan dan fokus yang ketiga, melestarikan keperluan sosial bagi menjamin kesejahteraan inklusif.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan peranan Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri akan memastikan Ahli-ahli Majlis dilatih dan dibimbing secara berterusan melalui Program Peningkatan Kapasiti dan Kepimpinan Tempatan kerana mereka bukan sahaja berperanan dalam membuat keputusan dasar tetapi juga sebagai ejen perubahan sosial di komuniti masing-masing. Ahli-ahli Majlis yang berpengetahuan berintegriti dan dekat dengan rakyat akan menjadi pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan juga responsif. Ini adalah berkaitan dengan PBT yang merupakan aspek yang cukup penting di dalam Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, selain daripada itu, bagi mengurangkan beban kawal selia, Kerajaan Negeri akan menilai semua proses dan peraturan yang membebankan terutamanya dalam urusan di peringkat PBT. Pendekatan ke arah *less regulation, more facilitation* dengan izin akan diterapkan. Agar PBT menjadi pemudah cara kepada pembangunan. Penyelarasan perkhidmatan dan prosedur antara semua PBT di seluruh negeri turut diberi perhatian serius dan kita mahu setiap PBT tanpa mengira taraf perbandaran mempunyai standard perkhidmatan yang seragam, cekap dan mesra rakyat. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan memperkukuh *mekanisme* penyelarasan teknikal perkongsian data serta memperkenalkan garis panduan Standard Operasi yang seragam di seluruh negeri.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, bagi terus memperkukuhkan Perkhidmatan Bandaran PBT, Terengganu kini antara negeri yang terawal yang berjaya menyiapkan Pelan Tindakan Bandar Pintar bagi kesemua tujuh PBT di Negeri Terengganu. Tahniah diucapkan pada Majlis Perbandaran Dungun (MPD) dan Majlis Daerah Marang (MDM) atas kejayaan menerima penarafan *Smart*

City Early Adopter tahun 2025 iaitu lah pada tahun ini. Pencapaian ini menzahirkan iltizam dan komitmen kesungguhan berterusan Kerajaan Negeri bersama-sama PBT serta komuniti dalam menggerakkan agenda Bandar Pintar dengan pendekatan yang lebih bersepadu berpaksikan rakyat dan selaras dengan aspirasi *Smart Terengganu 2040*. *Insyallah*. Hulu Terengganu, Besut dan Setiu yang juga telah pun menghantar pelan tindakan masing-masing, juga bakal menerima *Smart City Early Adopter* pada tahun hadapan *insya-Allah*. Selain daripada itu, PBT sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan dan pembangunan yang terbaik kepada komuniti. Perkara ini dapat dilihat melalui penilaian jaringan penunjuk pembangunan mampan bandar luar bandar *Malaysia Murni Nets* tahun 2025 di mana kesemua PBT Negeri Terengganu mencapai indeks status mampan dengan pencapaian markah 90% ke atas. Tahniah diucapkan pada semua PBT Negeri Terengganu. Dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan PBT, PBT sentiasa membuat inovasi terhadap perkhidmatan yang digunakan. Yang terbaru, tahniah diucapkan kepada Majlis Perbandaran Dungun (MPD) kerana berjaya meraih Anugerah Emas dalam *International Convention on Quality Control Circus 2025* dengan izin edisi Jubli Emas ke-50 yang berlangsung di *Taipei International Convention Center Taiwan (TICC)* baru-baru ini. Semoga kejayaan ini akan dapat menjadi pemangkin dan semangat kepada semua PBT, agar sentiasa memperkasakan perkhidmatan yang diberikan melalui inovasi-inovasi yang bakal memberikan kemudahan kepada rakyat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri juga telah menyatakan pendirian secara rasmi untuk mengguna pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pemeriksaan Awam 2007 ataupun Akta 672 kepada Kerajaan Persekutuan pada Mei 2025 yang lalu. Sebelum pemakaian Akta ini berkuatkuasa, beberapa proses perlu dilalui yang melibatkan *due diligence* kos dan skop kontrak Pemeriksaan Awam dan Kutipan Sisa Pepejal sedia ada, termasuk keperluan sumber manusia. Proses ini akan disegerakan sebaik sahaja Kabinet meluluskan kertas dasar pemakaian Akta 672 di Terengganu yang akan dikemukakan oleh KPKT *insya-Allah* selewat-lewatnya pada penghujung tahun ini. Pemakaian Akta 672 ini dijangka *insya-Allah* akan meningkatkan kualiti pengurusan kebersihan dan Kutipan Sisa Pepejal di Negeri ini demi memastikan tahap kebersihan dan keceriaan di negeri Terengganu sentiasa berada pada tahap terbaik untuk kesejahteraan dan keselesaan rakyat negeri. Pemakaian Akta 672 ini juga akan meringankan beban Kewangan Kerajaan Negeri dalam menampung kos operasi kebersihan yang sentiasa meningkat saban tahun. Di

samping itu, peningkatan ekonomi rakyat juga turut berlaku apabila pemakaian Akta 672 ini akan menambahkan peluang pekerjaan melalui penambahbaikan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal yang sedia ada.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, bagi merancakkan pembangunan dan perumahan, Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh kerjasama awam swasta memperbaharui dasar dan prosedur serta menggalakkan permintaan dalam pasaran pembangunan perumahan. Kerajaan Negeri telahpun memperkenalkan dasar pembangunan rumah mampu milik secara penswastaan Negeri Terengganu pada 27 Ogos 2025 yang lalu. Sebagai kesinambungan kepada dasar terdahulu bagi memastikan akses kepada perumahan yang berkualiti, mampan dan inklusif dapat dinikmati oleh seluruh rakyat negeri. Salah satu penambahbaikan utama dasar ini ialah pelaksanaan *Element Green Lane* dengan izin iaitu keutamaan yang diberikan kepada permohonan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Pembangunan di bawah Jabatan Pusat Setempat OSC bagi projek-projek rumah mampu milik yang memenuhi kriteria tertentu. Langkah ini bukan sahaja mempercepatkan proses kelulusan dan penyelaksanaan projek malah memperkukuh keberkesanan penyampaian perkhidmatan di peringkat pihak berkuasa tempatan serta meningkatkan keyakinan pelabur dan pemaju kepada ekosistem perumahan negeri.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah menyebut bahawa sebanyak 3,125 unit rumah disiapkan sejak tahun 2018, 9,134 unit rumah dalam pembinaan dan 3,438 unit rumah dalam perancangan. Oleh itu, saya mengambil peluang di sini dengan mengumumkan, *insya-Allah* pada tahun 2026 sebanyak 966 unit di seluruh Negeri Terengganu akan disiapkan, melibatkan pembangunan di Marang, Kuala Nerus, Setiu, Kuala Terengganu dan juga di Besut.

Belanjawan Negeri Terengganu 2026 juga turut menyentuh aspek kesihatan bagi menjamin produktiviti dan kualiti hidup. Berdasarkan tinjauan kesihatan dan mobiliti kebangsaan tahun 2023 telah menunjukkan *trend* penyakit yang sangat membimbangkan. Hampir seorang daripada enam orang dewasa di Malaysia menghidap diabetes. Lebih daripada tiga daripada sepuluh orang dewasa mengalami tekanan darah tinggi dan lebih separuh rakyat Malaysia mempunyai berat badan yang berlebihan atau obes dan sekitar 20% orang dewasa masih merokok. Perkara ini adalah berpunca daripada gaya hidup yang tidak aktif, kurang pengambilan sayur dan buah serta kurangnya pengambilan

air kosong. Bekang antara makanan sihat *ye*. [*Sambil ketawa*]. Obesiti akan meningkatkan risiko untuk penyakit diabetes, darah tinggi, strok dan pelbagai penyakit tidak berjangkit yang lain. Angka-angka yang dipaparkan sebelum daripada ini memberikan gambaran yang jelas bahawa penyakit tidak berjangkit bukan lagi isu individu tetapi ia adalah merupakan isu masyarakat.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, pelbagai isu telah pun dibangkitkan ketika sesi perbahasan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Oleh itu izinkan saya menjawab serba sedikit isu-isu yang telah pun dibangkitkan itu. Yang pertamanya, ADUN Bandar yang membangkitkan tentang isu Pasar Chabang 3. Cadangan untuk dijadikan juga tarikan pelancong. Untuk maklumat ADUN Bandar, berkenaan dengan jalan yang dikatakan sukar untuk dimasuki oleh kenderaan-kenderaan besar. Untuk makluman Yang Berhormat Bandar, reka bentuk jalan sedia ada tidak dioptimumkan untuk menampung pergerakan kenderaan pelancongan bersaiz besar seperti bas. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui MBKT akan mempertimbangkan dan membuat kajian seperti berikut -:

1. Kajian semula hierarki jalan dan akses utama. Adakah laluan yang sedia ada sesuai untuk kenderaan berat tanpa menjejaskan keselamatan pengguna lain serta keselesaan peniaga dan juga pengunjung.
2. Cadangan naik taraf atau pelebaran laluan masuk agar bas pelancong juga dapat masuk terus ke kawasan pasar tanpa mengganggu aliran trafik setempat.
3. Penyediaan zon khas atau hentian bas pelancong seperti *drop-off point* dengan izin yang berdekatan dengan pasar bagi menggalakkan kemasukan pelancong tanpa menjejaskan operasi pasar dan akhir-akhir ini Pasar Chabang 3 juga, telah pun beroperasi sehingga jam 10 ataupun 11 malam.

Perancangan bersepadu dengan agensi dan pihak MBKT supaya Pasar Chabang 3 dapat dipromosikan juga sebagai salah satu daripada destinasi pelancongan tempatan dengan sokongan infrastruktur yang sesuai.

Seterusnya, ADUN Pengkalan Berangan juga menyentuh tentang isu Hospital Marang. Untuk maklumat Yang Berhormat, pembinaan Hospital Marang berada dalam perancangan jangka masa panjang. Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dalam RMK-14 RP 5. Lima tahun lagilah, sebagai salah satu inisiatif

strategik bagi meningkatkan kapasiti sistem perkhidmatan perubatan di Negeri Terengganu dan sememangnya Hospital Marang ini sangat penting sebenarnya dan perlu diberikan keutamaan kerana ia juga adalah merupakan di antara alternatif ataupun penyelesaian kepada masalah kesesakan yang berlaku di Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu sekarang ini. Hospital Marang merupakan antara projek pembangunan yang perlu diberikan keutamaan dalam perancangan fasiliti kesihatan di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu dan keutamaan ini berpaksikan kepada keperluan yang perlu diberi perhatian untuk mengurangkan isu kepadatan pesakit dan kesesakan perkhidmatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah seperti mana yang saya nyatakan sebentar tadi.

Yang seterusnya, ADUN Buluh Gading. ADUN Buluh Gading menyentuh tentang projek Program Perumahan Residensi Rakyat ataupun PRR Jeram, Kuala Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun meluluskan Program Residensi Rakyat Jeram, Kuala Terengganu dalam Perancangan Malaysia ke-12 iaitu status semasa di mana pihak KPKT sedang dalam proses penilaian *tender* bagi tujuan lantikan kontraktor. Iklan pra-kelayakan kontraktor telah pun dibuat pada 28 Ogos yang lalu. Taklimat tender kepada kontraktor yang berjaya akan dibuat melalui tapisan pra-kelayakan yang akan dibuat pada minggu keempat di bulan November iaitu di akhir bulan ini. Surat setuju terima SST pada kontraktor yang berjaya dijangka pada bulan Mei 2026 dan pihak KPKT memaklumkan kerja-kerja ditapak dijangka akan dilakukan oleh pemaju pada bulan Mei 2026. Program (PRR) Jeram, Kuala Terengganu, komponen pembangunan yang melibatkan 150 unit rumah pangsa yang berkeluasan 750 kaki persegi termasuk 2 unit untuk OKU, dewan komuniti, kedai dan gerai, lanskap dan kawasan lapang dan pelbagai lagi yang melengkapkan Program PRR seperti mana yang model yang berlaku di PRR di Bukit Nenas.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ADUN Jertih dan juga ADUN Ladang juga menyentuh tentang menyuarakan kebimbangan tentang isu-isu yang berkaitan dengan hiburan dan yang seumpama dengannya sama ada dalam persembahan-persembahan konsert yang berlaku dalam Negeri Terengganu, begitulah juga dengan pusat-pusat karaoke, keluarga dan sebagainya yang ada di Terengganu dan dikaitkan dengan kebimbangan berkenaan dengan wabak ataupun isu sosial dan sebagainya. *Insyaa-Allah* portfolio Kerajaan Tempatan bersama-sama dengan portfolio Pelaksanaan Syariah telah pun bekerjasama dalam beberapa mesyuarat sebelum daripada ini untuk memperketatkan lagi

beberapa syarat-syarat dan juga beberapa perkara yang perlu dipatuhi oleh setiap mereka yang diberi lesen untuk menganjurkan sama ada persembahan termasuklah kedai-kedai karaoke keluarga dan sebagainya.

Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh mereka dan sekiranya syarat-syarat itu tidak dipatuhi, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan dalam kadar yang seberapa segera untuk menghentikan persembahan-persembahan ataupun penganjuran-penganjuran yang diadakan bila mana berlawanan dengan syarat yang diberikan dan *insya-Allah* syarat-syarat ini akan menjadi keutamaan kepada pihak PBT untuk ditekankan kepada pelesen-pelesen yang memohon lesen untuk menganjurkan apa sahaja perkara yang berkaitan dengan hiburan dan sebagainya lagi.

ADUN Ladang juga menyebut tentang isu pelancongan, akan disentuh oleh sahabat saya, cuma saya memang saya maksudkan sungguh tu bila Yang Berhormat sebut Jalan Bukit Besar tu, Jalan Pasir Panjang tu dikaitkan dengan Nasi Lemak. Nasi Lemak ni saya pun, adakah Nasi Lemak ini juga ada kaitan dengan fenomena penyakit-penyakit yang ada sekarang ini ataupun tidak? Yang itu kita perlu kaji juga lah. Tapi satu lagi makanan Yang Berhormat yang cukup, yang cukup menarik ialah bekang ye, Yang Berhormat ye. Bekang ini memang tempat dia di Bukit Besar, di Jalan Pasir Panjang dan Bekang di situ adalah Bekang yang tersedap di dunia untuk makluman Yang Berhormat. Saya boleh sahkan, ha begitu. Jadi sangat sayang mereka-mereka yang tidak mengetahui tentang maklumat ini. Jadi boleh diketengahkan dan di DUN Ladang sebenarnya *spesial* Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Bukan sahaja DUN Ladang ini mempunyai bekang yang tersedap di dunia, dia juga mempunyai satu lagi makanan tradisional orang Terengganu. Loklik. Loklik tersedap di dunia juga berasal di Ladang juga. *Haaa*, di Ladang. Jadi dua yang bertaraf dunia berada di DUN Ladang. Boleh diketengahkan oleh pelancongan, *insya-Allah*.

Seterusnya, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ADUN Sura membangkitkan tentang isu perumahan rakyat di kawasan Sura. Pada 19 Oktober yang lalu telah diadakan Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Rumah Mampu Milik yang bercampur di Bukit Tebuk, Dungun Terengganu. Status semasa bagi pembangunan projek ini adalah, pemaju telah pun melakukan kerja-kerja awalan di tapak, iaitulah *clearing site* dan *earthworks* dan kerja-kerja tanah di tapak projek.

Yang seterusnya yang kedua, ADUN Sura juga menyentuh tentang Pasar Besar Dungun, *ya* Pasar Besar Dungun. Untuk makluman Pasar Besar Dungun ini telah dibina pada tahun 1980. Lama dah. Pasar Besar Dungun ini mampu menempatkan keseluruhan 375 orang yang terdiri daripada 239 peniaga bangku dan 136 ruang niaga bilik berkunci. Ada tiga kekosongan di ruang niaga berkunci dan akan dipertimbangkan permohonannya oleh Majlis Perbandaran Dungun. *Insya-Allah*, Majlis Perbandaran Dungun dan Unit Perancangan Ekonomi (UPEN) akan meneliti dengan terperinci senarai projek keutamaan negeri untuk diangkat ke RMK. Dan saya juga sebenarnya melihat bahawa Pasar Dungun ini adalah antara pasar yang boleh diberikan keutamaan untuk ditambah baik supaya menjadi pasar yang jauh lebih ceria dan juga pasar yang orang kata yang boleh juga menjadi ikon pelancongan di Negeri Terengganu, terutamanya di kawasan ataupun di daerah Dungun.

Seterusnya, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, *juga oh silap eh*, ADUN Seberang Takir juga menyentuh tentang pengenaan cukai taksiran secara bersasar berkenaan dengan cukai pintu rumah ni. ADUN Seberang Takir ada menyebut tentang ini dan dia juga menyentuh mengaitkan dengan untuk mengikuti satu contoh yang dilakukan. Dan saya suka menyatakan bahawa berkenaan dengan cukai pintu ini, yang pertama sekali ini adalah merupakan diantara janji yang telahpun dijanjikan oleh kerajaan yang ada sekarang ini dan kita berpegang dengan apa yang telah disabdakan oleh Baginda Nabi ﷺ.

الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ

"Seorang muslim itu terikat dengan janji-janji yang telahpun dijanjikan."

Jadi kita dah berjanji, kita tunaikan janji dan kita tidak akan mencontohi sesiapaupun yang tidak menunaikan janji walau siapapun mereka. *Dok* kira siapalah kalau dia jenis tak tunai janji kita tidak akan ikut. Kita ikut *hok* comel-comel *je*. *Hok* buruk-buruk tu kita buang jauh ke Laut Cina Selatan. Pun begitu, untuk isu-isu berkaitan dengan cukai taksiran secara bersasar. Ini seperti yang juga telah saya nyatakan pada sidang yang lepas. Kerajaan melakukan kajian bagaimana mahu dikenakan kepada secara bersasar. Secara bersasar itu macam mana? Kategori yang macam mana? Melibatkan rakyat yang seperti apa? Pendapatan bagaimana dan sebagainya? Rumah yang macam mana? Jadi itu boleh dilakukan kajian. Namun, untuk asasnya kita tetap berpegang dengan janji yang telahpun kita janji sebelum daripada 2018 lagi *Insya-Allah*.

Berkenaan dengan cas penginapan dalam memastikan kebanjiran pelancong di Negeri Terengganu memberikan manfaat yang optimum kepada rakyat negeri, Kerajaan Negeri bercadang memperkenalkan cas penginapan di premis penginapan di Negeri Terengganu supaya hasil yang bakal diperolehi boleh digunakan untuk menampung kos penyelenggaraan atau naik taraf industri pelancongan dan kos penganjuran program pelancongan bagi memastikan kesinambungan kebanjiran pelancong di Negeri Terengganu. Selain memastikan kemandirian, sektor perhotelan yang akan berterusan mencipta peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri ini. Kehadiran pelancong ini akan merangsang aliran tunai ke negeri ini bagi merancakkan kegiatan ekonomi rakyat. Pada masa sekarang, Kerajaan Negeri masih dalam proses meneliti enakmen yang berkaitan sebelum pengenaan cas ini boleh dikuatkuasakan tanpa menyebabkan sebarang implikasi perundangan kepada Kerajaan Negeri. Pengenaan cas ini bukanlah perkara baru memandangkan cas seumpamanya telah dikenakan oleh penginap premis penginapan di Perak, Melaka dan juga di Pahang.

Seterusnya, sahabat saya ADUN Telemong telah membangkitkan isu perumahan di Telemong. Suka saya nyatakan bahawa satu cadangan tapak RMM bagi kawasan Hulu Telemong yang telahpun diangkat oleh Pejabat Daerah Tanah Hulu Terengganu iaitulah di Kampung Teris yang melibatkan tanah yang keluasan 5.5 hektar yang melibatkan pembinaan sebanyak 100 unit di bawah PPK ataupun Projek Pemajuan Kawasan di bawah Kementerian Desa dan juga Wilayah. *Insyah-Allah*, pihak Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah akan membuat lawatan tapak pada 24 November 2025 ini bagi membuat penilaian kebolehsanaan projek. Mungkin Yang Berhormat boleh ikut serta sediakan ikan baung sedap-sedap sikit mana tahu boleh menarik perhatian mereka. *Insyah-Allah*.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, boleh saya tanya sikit?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila-sila.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Wakil Kerajaan duduk beri laluan, sila.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Saya nak tanya soalan mudah je. Gigi sakit baik *dok gi?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Baik doh Yang Berhormat, *alhamdulillah sari jer ..*

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Baik *doh alhamdulillah* terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ingat ke nok tanya. Gigi baik doh. Doktor kata 3 hari tapi saya kata sari *sudoh dohla hari ni boleh makan doh*. Seterusnya, ADUN Air Putih juga membangkitkan isu berkenaan dengan isu rumah mampu milik. Kerajaan Negeri telahpun menerima satu cadangan daripada pihak ADUN Air Putih berkenaan dengan satu tapak tanah yang sesuai untuk dibuat projek perumahan dan surat itu atau kawasan itu baru sahaja disampaikan oleh beliau kepada saya dan *Insyallah*, saya akan majukan kepada pihak SUK Perumahan untuk kita buat kajian tentang kebolehsanaan projek di tapak berkenaan. Sementara itu data pembangunan perumahan yang sedia ada adalah seperti yang berikut iaitulah Projek Pemajuan Kawasan PPK Air Putih Kemaman juga di bawah Agensi Kementerian Desa Dan Wilayah melalui KETENGAH yang berkeluasan 41.24 ekar yang melibatkan 200 unit yang sedang dalam pelaksanaan sekarang ini dan saya rasa tak lama dah nak siap ni sebab status masa ini adalah sebanyak 94.31%. *Haaa dok banyak doh*.

Seterusnya, ADUN Batu Rakit menyebut tentang juga isu perumahan di kawasan beliau khususnya di kawasan Kuala Nerus dan untuk maklumat Yang Berhormat Projek Residensi Rakyat PRR Pecah Rotan Kuala Nerus yang melibatkan tanah seluas 14.98 ekar yang juga melibatkan RMMA 150 unit baru diangkat untuk RMK yang ke-13, kita doakan agar projek ini dipermudahkan untuk diterima untuk pelaksanaan di kawasan Kuala Nerus.

ADUN Batu Rakit juga menyentuh tentang pelaksanaan kad sejahtera atas dasar keprihatinan terhadap kebajikan dan kesihatan rakyat. Kerajaan Negeri tetap komited meneruskan pelaksanaan Program Kad Sejahtera Fasa yang ke-5

bagi memastikan kesinambungan program ini, pihak MAIDAM telah menyalurkan RM500 ribu bagi tempoh 6 bulan dan pihak Kerajaan Negeri akan menampung RM500 ribu lagi untuk keperluan tuntutan dan pengurusan program dengan jumlah peruntukan keseluruhan adalah sebanyak RM1 juta ringgit daripada jumlah tersebut, seramai 4,224 penerima telah disaring dan dipilih untuk menikmati faedah perubatan bernilai RM200 ringgit seorang dalam tempoh 6 bulan bermula 1 Oktober 2025 hingga 31 Mac 2026 dan kemudiannya disambung RM200 ringgit lagi dalam tempoh 6 bulan selepas daripada itu. Proses saringan penerima bagi Program Kad Sejahtera Fasa 5 ini dilaksanakan berdasarkan dengan senarai nama asnaf yang telah berdaftar dengan MAIDAM bagi memastikan faedah program ini benar-benar disalurkan kepada golongan yang layak dan memerlukan dan untuk makluman Dewan, setakat pelaksanaan Fasa 1, 2, 3 dan 4, ianya telah memberi manfaat kepada seramai 75,620 orang pesakit yang melibatkan amaun berjumlah RM15,852,622.41. *Alhamdulillah.*

Seterusnya, ADUN Hulu Besut juga membangkitkan tentang isu perumahan berkenaan dengan status terkini Projek Perumahan Penswastaaan Pasir Akar, Besut. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak pemaju masih menjalankan kerja-kerja pembinaan bangunan dan infrastruktur dan status kemajuan projek adalah 27% dan penawaran unit rumah adalah RMM Jenis A sebanyak 68 unit dan Jenis B sebanyak 280 unit. Ketika ini, pihak pemaju di dalam proses menguruskan proses pembiayaan daripada pihak bank bagi pembeli-pembeli yang layak. Selain daripada itu, bagi melancarkan proses pembiayaan daripada bank-bank komersial, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan pihak syarikat jaminan kredit perumahan *iaitulah* sebuah anak syarikat di bawah Kementerian Kewangan Malaysia terutamanya daripada aspek penyediaan jaminan kepada pembiayaan bagi pembeli yang tidak mempunyai dokumen-dokumen sokongan seperti slip gaji, sijil SSM dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

ADUN Hulu Besut juga menyuarakan tentang isu lima buah keluarga yang tinggal dalam satu rumah yang kebetulan ketika menghadiri satu program di Hulu Besut, saya telah dibawa untuk juga melihat keadaan rumah dan juga keluarga tersebut dan memang saya dapati rumah tersebut berada dalam keadaan yang begitu uzur. Bagaimana sebuah rumah yang sangat kecil didiami oleh lima keluarga yang melibatkan lebih daripada 17 orang individu yang sudah tentu sebuah rumah yang cukup tidak sesuai dan saya telah menyatakan komitmen kerajaan untuk membantu dan *alhamdulillah, bilamana* saya minta pihak Pejabat Majlis Daerah Besut untuk membuat penilaian tentang banyak

mana kos yang diperlukan dan mereka telah pun menghantar surat berkenaan dengan kos yang diperlukan beberapa hari yang lepas dan saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan juga Yang Berbahagia Dato' Pengarah UPEN dan *alhamdulillah*, perkara itu telah pun diselesaikan. Baru tadi saya dapat maklumat daripada DO, daripada Pengarah UPEN dan juga daripada Pegawai Kewangan Negeri yang menyatakan perkara itu. Permohonan itu telah lulus dan *insya-Allah* sebelum masuk 2026, rumah itu akan siap, *insya-Allah* dan boleh diduduki oleh keluarga berkenaan.

Seterusnya yang terakhir *doh ni*, ADUN Bukit Tunggul menyentuh tentang isu elaun Ahli Majlis PBT. Kerajaan Negeri, *insya-Allah* akan memastikan elaun Ahli Majlis ditambah baik memandangkan kali terakhir kadar elaun ini diperbaharui adalah pada 2015. *Insya-Allah* kita mengharapkan agar sebelum berakhirnya tahun ini, ada berita gembira untuk Ahli-ahli Majlis PBT.

Berkenaan dengan isu bot rentas sempadan membawa pelancong menaiki bot daripada jeti Tok Bali, Kelantan ke Pulau Perhentian, perbincangan antara Pejabat Setiausaha Kerajaan (Bahagian Kerajaan Tempatan), Majlis Daerah Besut dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah pun dibuat pada Oktober yang lepas dalam mengenal pasti mekanisma terbaik dalam menangani ataupun mengatasi isu pelancong dari Tok Bali ke Pulau Perhentian di bawah Akta Perkapalan Saudagar 1952. Isu ini dipandang serius oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tiada ketirisan hasil berlaku terutamanya melibatkan cas jeti yang sepatutnya menjadi hasil Majlis Daerah Besut dalam memastikan kos kebersihan dan penyelenggaraan di Pulau Perhentian boleh ditampung.

Seterusnya, akhirnya Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kita bukan sahaja menguruskan sumber tetapi mengurus masa depan. Kita bukan sekadar melakar angka di atas kertas tetapi menulis sejarah kemajuan di negeri ini. Sejarah yang akan dikenang sebagai era keemasan kebangkitan Terengganu dalam dekad baharu pembangunan negeri ini. "Memacu Potensi, Melonjak Prestasi, Mendepani Urbanisasi, Melestarikan Komuniti" akan menjadi slogan utama portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan dalam memacu pembangunan di Negeri Terengganu ke arah "Maju, Berkat dan Sejahtera". Wakaf Mempelam mohon menyokong Belanjawan 2025. Sekian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam yang telah membuat penggulungan dengan panjang lebar, seterusnya saya persilakan Wakil Yang Berhormat Batu Buruk.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan agensi, para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri, semua tetamu, petugas media dan pemerhati yang dirahmati Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sekalian. Saya mulakan ucapan pada petang yang berbahagia ini dengan memetik firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا

"Dan sesiapa yang berpaling, ingkar dari ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit."

(*Surah Taha Ayat 124*)

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat bersama-sama berada di Dewan Yang Mulia ini. Setelah kita mendengar Ucapan Belanjawan yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan sekarang ini kita tiba pada sesi penggulungan yang telah disempurnakan oleh sebahagian rakan-rakan Ahli-ahli MMKN sebelum daripada saya.

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang ini dan sebagaimana rakan-rakan sebelum daripada saya, ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Seri

Ir. Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar, Menteri Besar Negeri Terengganu serta seluruh pasukan yang telah bekerja keras menyediakan Belanjawan Negeri Terengganu 2026 yang begitu menyeluruh, realistik dan berpaksikan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri yang kita cintai ini. Belanjawan pada tahun ini bertemakan “Memacu Potensi, Melonjak Prestasi”. Belanjawan kali ini menumpukan kepada tiga fokus utama:-

Pertama: Memperkemas Tadbir Urus Kerajaan bagi meningkatkan keberhasilan dengan sistem pentadbiran yang cekap, telus dan berintegriti.

Kedua: Menstruktur Daya Tahan Ekonomi untuk memacu pertumbuhan melalui pengukuhan sektor strategik seperti pertanian, industri halal, pelancongan islamik dan pembangunan belia.

Ketiga: Melestarikan Keperluan Sosial untuk kesejahteraan inklusif dengan menekankan keseimbangan rohani, moral dan sosial masyarakat termasuk pemerkasaan syariah dan gerakan dakwah yang memperkukuh jati diri *ummah*.

Keseluruhan fokus ini sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri “Maju, Berkat dan Sejahtera”. Saban tahun, Ucapan Belanjawan adalah satu ucapan yang ditunggu-tunggukan oleh rakyat kerana ia adalah dasar dan polisi kepada Kerajaan Negeri khususnya untuk menempuhi tahun yang berikutnya sama ada dalam perkara yang berkait dengan agama, dakwah, pelancongan, pelaburan, pendidikan, dan lain-lain lagi. Dalam konteks Portfolio Penerangan Dakwah dan Pemerkasaan Syariah menekankan bahawa kemajuan negeri tidak diukur semata-mata melalui pembangunan fizikal tetapi juga melalui pembinaan akhlak, moral, dan kesejahteraan spiritual rakyat. Dalam konteks ini, beberapa inisiatif utama yang terkandung dalam ucapan Belanjawan 2026 amat bertepatan bagi memastikan Terengganu bukan sahaja maju tetapi akan terus mengekalkan kedudukan Terengganu sebagai negeri paling bahagia di negara ini melalui keseimbangan dunia, melalui keseimbangan hidup duniawi dan ukhrawi.

Saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyebut berkenaan dengan Terengganu dinobatkan sebagai sebuah negeri yang paling bahagia. *Alhamdulillah*, kita bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* dengan nikmat tersebut. Namun begitu, kita tidak boleh *sedak* duduk. Kita mestilah

sentiasa bermuhasabah kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Kita juga mestilah menjadi contoh dan teladan. *Alhamdulillah*, dalam konteks negara kita di atas semangat dan prinsip Islam yang sentiasa menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri. Itulah rahsia sebenar Terengganu dinobatkan sebagai sebuah negeri yang paling bahagia, bukan sahaja diukur dari sudut kemajuan pembangunan fizikal tetapi juga diukur dari sudut rohani program-program keagamaan, rohani dan seumpamanya termasuklah juga pembinaan keluarga, masyarakat secara umumnya.

Inisiatif seperti Kempen Kesedaran Jenayah Sivil dan Syariah akan memberi kefahaman kepada rakyat mengenai undang-undang serta tanggungjawab mereka agar masyarakat lebih peka terhadap hukum dan terhindar daripada perkara yang membawa mudarat. Selain itu, penggubalan Enakmen Berkait Kesalahan Jenayah Syariah Dalam Talian yang dipertingkatkan juga akan membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara efektif. Di samping itu, penubuhan yang Jawatankuasa Pematuhan Garis Panduan Syariah Negeri Terengganu akan memastikan setiap aktiviti, program dan Dasar Kerajaan Negeri selaras dengan prinsip syariah dan nilai Islam bagi membina masyarakat yang berdisiplin, berakhlak mulia dan sejahtera. Kesemua usaha ini dijalankan secara bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan yang terlibat.

Tadi *alhamdulillah*, Yang Berhormat Wakaf Mempelam telah menyentuh sedikit sebanyak berkaitan dengan kerjasama ataupun libat urus antara kedua-dua Portfolio ini bagi kita memastikan agenda syiar Islam dilaksanakan dengan sebaik mungkin di Negeri Terengganu ini. Bukan sahaja di bawah Portfolio yang berkaitan dengan agama, bahkan juga di bawah Portfolio yang berkaitan dengan PBT khususnya yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan seumpamanya. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua...

YANG BERHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):
Minta penjelasan sikit Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):
Terima Kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Apabila disebut tentang kerjasama dengan PBT tadi kita difahamkan ada sebahagian daripada fatwa-fatwa yang belum diwartakan yang menyebabkan sebahagian perkara tersebut

PBT tidak boleh ambil tindakan. Jadi mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima Kasih.

YANG BERTHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima Kasih Yang Berhormat Bukit Tinggi. Itu di antara *item* yang menjadi keutamaan kita untuk diselaraskan kerana apa yang berlaku sebagai satu contoh, kita Kerajaan Negeri telah mengeluarkan garis panduan. Garis panduan ini orang nak ikut, orang tak nak ikut, tak ada masalah. Jadi untuk memastikan garis panduan itu mempunyai kuasa, maka perlu ada di sana punca kuasa. Antaranya ialah fatwa-fatwa hendaklah diwartakan terlebih dahulu kemudian seterusnya akan diambil proses yang berikutnya. *Insyallah* kita akan bergerak selangkah demi selangkah demi memperkasakan kehidupan bersyariah di Negeri Terengganu ini mengikut landasan Islam dan bersama-sama dengan Portfolio-portfolio yang lain untuk diperkasakan dengan mengikut lunas undang-undang dalam negeri dan negara kita.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh beberapa isu dan juga persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sebahagiannya telah dijawab oleh rakan-rakan daripada Ahli-ahli MMKN sebelum daripada saya khususnya yang berkait dengan infrastruktur yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Cukai yang berkait dengan PBT juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam sebentar tadi.

Seterusnya ialah saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat ADUN Ladang atas pandangan dan cadangan yang dikemukakan mengenai aktiviti hiburan di Negeri Terengganu. Memang aktiviti hiburan ini adalah satu aktiviti yang orang suka sebab apa? Sebab hiburan ini adalah satu fitrah. Allah *Taala* jadikan manusia ini mempunyai fitrah-fitrah semula jadi. Kalau ikan fitrahnya dalam air, lembu fitrahnya atas darat, manusia ini ada fitrah-fitrah yang Allah *Ta'ala* kurniakan. Oleh kerana itulah agama Islam yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* ke atas Nabi kita Muhammad ﷺ salah satu ciri utamanya, ia adalah satu agama fitrah, agama yang sesuai dengan fitrah semula jadi manusia. Justeru berkait dengan hiburan ini ia adalah satu fitrah yang manusia suka kerana itulah Islam tidak menghalang hiburan tetapi Islam memandu manusia bagaimana cara untuk berhibur mengikut lunas-lunas syara' dan supaya ianya tidak lari daripada fitrah kejadian manusia kerana itulah kita sentiasa berhati-hati kerana pihak-pihak di luar sana sentiasa memandangi kita di Negeri Terengganu ini. Silap sikit saja mereka akan hentam kita khususnya

mereka nak memberi satu persepsi, membawa satu naratif bahawa Negeri Terengganu ini ditadbir oleh sebuah kerajaan, yang diurus oleh sebuah parti yang ekstrim, yang melampau, berkait dengan hiburan ini semua benda tak boleh belaka. Jadi kita tidak begitu kerana itulah sebagai sebuah Kerajaan Negeri...

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Timbalan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Batu Buruk beri laluan ye.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih Batu Buruk. Berkaitan dengan hiburan sesuai dengan slogan kita Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera, bahkan disebut tadi dalam Islam ada hiburan tuan-tuan sekalian sebagaimana kita ada Surah As-Syu'ara, penghibur, penyair yang diturunkan kerana kisah Al-Nadr bin Al-Harith seorang penghibur jahiliah di Mekah yang berlawan dengan penghibur Islam, Hassan bin Thabib. Jadi merujuk pada isu-isu hiburan di negeri kita, kita ada enakmen kalau hiburan. Tetapi saya rasa perlu diperketatkan dan dibuat kajian. Apakah bentuk hiburan yang patuh syariah, yang tak patuh syariah. Baru ini saya menonton satu filem yang ditaja saya lihat ada dalam belakang tu, ada ditaja oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Tiga Hajat yang dilakonkan oleh ramai pelakon-pelakon Terengganu termasuk Pengarah pun daripada Terengganu, apabila saya mendengar lagu diulang-ulang lagu Ulek Mayang, di mana Timbalan Yang di-Pertua, lagu Ulek Mayang ini ada kaitan dengan budaya animisme orang-orang Terengganu zaman dahulu daripada Pesta Puja Pantai. Saya harap apabila kita nak taja sesuatu filem, pastikan ada jawatankuasa untuk menilai skrip. Bentuk satu jawatankuasa menilai skrip supaya tak bercanggah dengan hasrat dan dasar kita Maju Berkat Sejahtera termasuk saya dah ulang tentang penganjuran carnival *food carnival*, festival makanan tapi diselitkan dengan konsert-konsert, mereka berselindung di sebalik *food carnival*, karnival makanan datang *band-band* daripada luar tuan-tuan sekalian, saya lihat betapa jadi subur balik budaya hedonisme di negeri kita sedangkan kita sangat sayang pada anak-anak muda yang kita yakin bagaimana anak muda kita ini lah yang akan bersumber tenaga yang penting di tanah air kita. Jadi saya mohon kepada pihak Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah Negeri untuk duduk berkolaborasi dengan EXCO Pelancongan ataupun Kijal untuk bincang tentang

pengkajian balik, *revisi* dengan izin Enakmen Kawalan Hiburan Negeri Terengganu.

والله أعلم

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: sila YB Kerajaan untuk bagi respon.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jertih yang memberikan cadangan saya kira bukannya soalan boleh masukkan dalam ucapan saya dan memang sebelah Jertih ni banyak hiburan-hiburan dikir baratnya macam-macam jadi *insya-Allah* kita sama-sama memastikan masyarakat kita khususnya anak muda kita boleh berhibur tetapi tidak melampau. Kita tidak mahu jadi seperti masyarakat barat yang menjadikan hiburan sebagai matlamat dalam kehidupan mereka. Hiburan ni bukannya matlamat dalam kehidupan kita. Hiburan ni adalah satu alat sahaja oleh kerana itulah kita akan sentiasa memberi perhatian dalam konteks ini *insya-Allah* dan itulah dalam konteks ini Portfolio Penerangan Dakwah dan Pemerkasaan Syariah dengan kerjasama Portfolio Kerajaan Tempatan akan mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap semua aktiviti hiburan bagi memastikan setiap penganjuran program selaras dengan prinsip syariah dan mengangkat sensitiviti masyarakat sejajar dengan tema "Indahnya Hidup Bersyariah" di mana kehidupan seharian rakyat dapat dirasai penuh keberkatan aman serta memenuhi tuntutan agama.

Seterusnya Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ADUN Bandar juga bertanya satu soalan berkaitan dengan usaha untuk menyatupadukan pelbagai fahaman dan aliran dalam kalangan masyarakat Islam di Negeri ini, ini samalah juga seperti hiburan tadi berkaitan dengan perselisihan perbezaan pandangan ia adalah satu fitrah kepada manusia kerana itulah Islam meraikan perbezaan pandangan dan Islam melarang kita untuk berpecah dalam perkara prinsip dan dasar. Dalam perkara prinsip dan dasar kita mestilah bersatu padu. Adapun dalam masalah *al furuk* kita mestilah berlapang dada. Itulah konsep yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri. Kita memahami bahawa di luar sana pelbagai pandangan yang berlaku dalam masyarakat dalam konteks berkait dengan institusi pengajian sebagai contoh. Ada yang institusi pondok, cara pondoknya. Ada yang institusi moden, cara modennya. Ada yang belajar di Timur Tengah, ada yang belajar di Tanah Melayu, jadi kita nak raikan semua ini

dan kita tidak mahu menjadikan perkara-perkara *furuk* menjadi perbalahan dalam masyarakat sehingga melupakan perkara-perkara dasar dan prinsip dalam negara kita. Sepatutnya kita umat Islam mestilah bersatu padu khususnya dalam isu-isu berkait dengan ketuanan Islam, ketuanan Melayu dalam negara kita berkait dengan isu-isu sejagat umat Islam seperti isu pembebasan Baitul Maqdis dan lain-lain lagi.

Alhamdulillah baru-baru ini kita telah berjaya menganjurkan satu program iaitu Program Maulid Akbar Terengganu Berselawat Untukmu Baitul Maqdis. Kita berjaya menyatukan semua aliran pemikiran berada di bawah satu bumbung untuk bersama-sama kita bersatu dalam isu yang menjadi dasar dan prinsip umat Islam ini.

Seterusnya Yang Berhormat ADUN Jertih dan juga Yang Berhormat ADUN Permaisuri menimbulkan isu dadah dalam Negeri Terengganu kita ini. Memang isu ini adalah satu isu yang besar, isu yang utama, isu yang bukan sahaja menjadi masalah kepada Negeri Terengganu kita, negara kita, bahkan menjadi masalah kepada dunia secara umumnya. Kalau kita tengok di negara-negara di sebelah Amerika Selatan sebagai contoh, kerajaan terpaksa mengerahkan tentera bukan lagi polis, dalam kaedah undang-undang antarabangsa pada hari ini kerahan tentera apabila musuh luar datang, nak beritahunya, dahsyatnya keadaan di luar sana tapi di negara kita *alhamdulillah* masih lagi terkawal dan kita mengakui bahawa Negeri Terengganu kita sebagaimana yang dikeluarkan datanya masih lagi negeri antara yang tertinggi jumlah mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah ini. Yang pertama Kelantan, yang kedua Terengganu, yang ketiga Perlis, yang keempat Kedah, semuanya negeri SD4. Apa yang berlaku kita perlu lihat secara positif, memang ianya menyedihkan kita tetapi kita mestilah melihat secara positif bagaimana cara untuk menyelesaikannya kerana masalah dadah ini adalah masalah yang melibatkan semua pihak. Maka kita mestilah melihat secara positif bagaimana untuk menyelesaikannya. Kerjasama di semua peringkat bukan sahaja daripada Agensi-Agensi Kerajaan termasuklah sektor swasta dan setiap lapisan dalam masyarakat mestilah memainkan peranan ini.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Tindakan Membanteras Dadah Terengganu (MTMD) yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dengan kerjasama erat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), PDRM, Jabatan Pendidikan Negeri serta Persatuan Mencegah Dadah

(PEMADAM) Terengganu akan memperhebatkan lagi pelaksanaan program pencegahan dadah di seluruh negeri pada tahun hadapan. Program-program ini bukan sahaja menekankan aspek penguatkuasaan, tetapi juga pendidikan, kesedaran dan pembangunan sahsiah anak muda supaya mereka lebih matang dan berdaya tahan terhadap tekanan sosial serta menjauhi gejala negatif.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, seterusnya ialah saya ingin mengambil peluang ini sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah membentangkan Pembentangan Bajet 2026 kepada kita. Sebuah pembentangan yang komprehensif, yang merangkumi semua aspek fizikal dan juga rohani dan juga selari dengan tema Parti Islam Malaysia (PAS) iaitu kembali kepada penyelesaian Islam. Inilah intipati dan roh kepada Belanjawan ini supaya kita semua kembali kepada penyelesaian Islam. Penyelesaian Islam bukan sahaja dalam aspek dakwah, dalam aspek perundangan, dalam aspek pendidikan bahkan juga dalam aspek ekonomi, pelaburan, kebajikan, dalam aspek memberikan keutamaan kepada agenda-agenda kerajaan dalam membantu dan memberikan kebajikan kepada rakyat. Inilah satu pendekatan yang kita tekankan apabila kita melihat pada hari ini semua pendekatan-pendekatan lain tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah. Demokrasinya, sosialisnya, kapitalisnya, liberalismanya, pluralismanya dan lain-lain lagi. Semuanya tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam masyarakat. Maka sudah tiba untuk kita kembali kepada penyelesaian Islam, *insya-Allah* apa yang kita laksanakan di Terengganu ini akan menjadi satu noktah untuk kita menjadi teladan dan pedoman supaya kita membimbing rakyat kita supaya kembali kepada penyelesaian Islam berteraskan kepada Al-Quran Al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Seterusnya sebagai penutup, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan penghargaan kepada seluruh, Yang Berhormat Dato' SUK, Yang Berhormat Dato' PKN dan seluruh jabatan dan agensi yang berada di luar portfolio, di atas kerjasama dan dedikasi dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Seterusnya, marilah bersama-sama kita bergerak seiring dalam usaha memacu potensi dan melonjak prestasi Terengganu. Kita tidak boleh berpaling ke belakang lagi. Kita perlu sama-sama berganding bahu bagi memastikan negeri kita ini terus Maju, Berkat dan Sejahtera. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Wakil Batu Buruk mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Batu Buruk. Seterusnya, saya persilakan Wakil Jabi untuk membuat penggulungan. Silakan.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai, pemerhati dan semua yang mengikuti sidang Dewan Undangan Negeri. Jabi juga merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas pembentangan Belanjawan Terengganu 2026 yang lengkap dan mencakupi semua aspek keperluan rakyat. Saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Anggota Pasukan Besar Keluarga Pertanian Terengganu di atas segala sumbangan, jasa, bakti sehingga kita berjaya meletakkan sektor pertanian pada satu graf positif, menyumbang sejumlah angka kepada KDNK Negeri dan kita sangat yakin bahawa sasaran kita untuk menyumbang purata sekitar 8% kepada KDNK Negeri menjelang 2030 adalah realistik berdasarkan kepada data dan justifikasi semasa.

Timbalan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang membahaskan ucapan Belanjawan sebahagian besarnya menyentuh sektor pertanian dalam isu tanah FELDA dan saya juga akan memfokuskan penggulungan pertanian ini kepada satu isu sahaja, isu FELDA. Kita di Terengganu ini telah menganugerahkan seluas 51,434 hektar tanah kepada FELDA. 38,000 hektar lebih dimasukkan peneroka, yang membentuk 21 tanah rancangan FELDA di seluruh negeri. Hampir 15,000 hektar dijadikan ladang komersial bermakna tidak dimasukkan peneroka dan baki 2,000 hektar lebih tidak dibangunkan. Yang menjadi isu yang kita bincangkan bersama ialah tanah yang berkeluasan hampir 15,000 hektar yang telah dibangunkan oleh FELDA sebagai ladang komersial sejak daripada 1985 lagi, mencecah sekitar 40 tahun, terdapat di empat daerah di seluruh Negeri Terengganu. Di Setiu, kita ada tiga, Ladang Setiu 1 seluas 1,742 hektar, Setiu 2 1,308 hektar, Setiu 3 671 hektar. Ini kawasan saya.

Di Daerah Marang, kita ada 2 ladang. Rantau Abang 1 1,689 hektar. Rantau Abang 2, 1,568 hektar dan kita ada satu ladang yang bersempadan Marang

dengan Dungun, Ladang Chador 1, 2,912 hektar. Di Dungun kita ada Ladang Semaring, 1,600 hektar lebih. Di Kemaman kita ada dua, Ladang Chador 3, 1,900 hektar lebih. Ladang Neram Tiga, 613 hektar dan satu lagi, Kertih 7, 700 hektar lebih. Sejak daripada tahun 1985 sehingga detik masa dan tarikh sekarang ini, pukul 3.35 petang, dua belas hari bulan, tanah seluas 15,000 hektar ini masih lagi tanah milik negeri yang sah kerana isu pemilikan tanah yang belum selesai. Bila isu pemilikan tanah ini belum selesai bermakna FELDA belum lagi bayar kepada negeri. Yang pertama, premium dan yang kedua, cukai tanah belum dijelaskan. Kenapa pemilikan tanah ini terhalang kerana ada isu yang tidak selesai dan tidak ada persepakatan di antara Kerajaan Negeri dan FELDA. Dalam perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan FELDA, status pemilikan tanah ini boleh diselesaikan seandainya FELDA menunaikan salah satu daripada tiga. Yang pertama, masukkan peneroka. Yang kedua, menyumbang kepada program basmi kemiskinan. Ada 3,700 ketua isi rumah miskin di seluruh negeri dan FELDA mesti menyumbang RM1,000 sebulan kepada setiap ketua isi rumah melalui Kerajaan Negeri dan yang ketiga, perkongsian keuntungan, *profit sharing* dengan izin. MMKN pada bulan sembilan 2024 telah memutuskan, Kerajaan Negeri menuntut *profit sharing* pada kadar 30% *gross profit*. Sejak saya diamanahkan bersama dengan rakan-rakan dalam pasukan, daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Perbendaharaan Negeri, Pengarah UPEN dan lain-lain anggota *team* untuk menguruskan isu ini. Daripada 2018 lagi, kita telah menghantar enam pucuk surat kepada FELDA, mengajak mereka untuk duduk semeja, bagi kita mencari satu jalan penyelesaian. Daripada enam pucuk surat itu, FELDA hanya balas sekali saja, balas dengan menyatakan, mereka tidak bersedia untuk membayar perkongsian keuntungan kerana FELDA berhadapan dengan masalah kewangan dan mereka menuntut supaya Kerajaan Negeri menyelesaikan urusan pemilikan tanah. Agak pelik apabila FELDA menyatakan mereka mempunyai masalah kewangan. Sebab dalam Malaysia ini, bukan hanya FELDA yang tanam sawit, kita ada juga anak syarikat Kerajaan Negeri yang boleh kita tengok penanda aras pada penghasilan pada setiap jumlah hektar sawit yang ditanam. Kita ada TDM, kita ada Ladang Rakyat, orang kampung yang tanah sawit di Amerika pun dapat untung. Macam mana FELDA yang menduduki hampir 15,000 hektar tanah negeri, mereka menyatakan mereka berhadapan dengan masalah kewangan dan tidak bersedia untuk membayar perkongsian keuntungan, kemudian memaksa Kerajaan Negeri supaya menyelesaikan status pemilikan tanah. Dan tentu sekali berdasarkan kepada keputusan MMKN, kita tidak boleh selesaikan pemilikan

tanah selagi salah satu daripada tiga syarat tidak dipenuhi. Kita sudah tidak bincang soal nak masukkan peneroka sebab sejak dari tahun 1996, FELDA telah menghentikan program masukkan peneroka dalam ladang. Program Membasmi Kemiskinan juga kita tidak bincang, yang kita nak bincang sekarang ialah *profit sharing*. Dan Kerajaan Negeri bertegas kita nak pada kadar *gross profit*. *Gross profit* dengan makna hasil tolak kos operasi. Ambil 30% daripada itu ialah bahagian negeri dan baki 70% ialah bahagian FELDA. Perbincangan kita dengan pihak FELCRA 70-30 terbalik 70 negeri 30 FELCRA. Dengan FELDA kita hanya menuntut 30-70 untuk bahagian negeri. Sehingga pada bulan April 2024, kita berjaya mengajak mereka ke meja mesyuarat untuk membincangkan. Sekali lagi, mereka mengulangi desakkan supaya diselesaikan urusan pemilikan tanah dan FELDA tidak bersedia untuk bayar perkongsian keuntungan. Saya tegaskan, tanpa diselesaikan perkongsian keuntungan, maka Kerajaan Negeri tidak akan selesaikan pemilikan tanah. Kita nak pada kadar *gross* dan ada persetujuan lisan dalam mesyuarat pada bulan empat 2024, FELDA mesti balik bincang dengan Lembaga Pengarah. Kerajaan Negeri menawarkan 30% tapi kita masih ada ruang untuk perbincangan. Berapa FELDA nak beri tawaran balas dan kita boleh bincang untuk ambil persepakatan bersama. Itulah komitmen mereka kami akan balik bentangkan kepada Lembaga Pengarah dan beri maklum balas kepada Kerajaan Negeri. Yang ada dalam perbincangan itu, pengurusan tertinggi FELDA, diwakili oleh Timbalan Pengurus Besar, Ketua Jabatan Tanah, Ketua Jabatan Kewangan, Ketua Jabatan Undang-Undang. Mereka berada pada pihak yang boleh buat keputusan. Selepas daripada itu, perhubungan demi perhubungan sehinggalah kita jumpa kali yang keseterusnya, pada 1hb 10 tahun 2025.

Sekitar setahun enam bulan. Selepas itu, dalam mesyuarat FELDA masih lagi mengulangi, mereka tak nak bayar. Padahal janji dan komitmen mereka kepada Kerajaan Negeri nak balik, *tablekan* kepada Lembaga Pengarah untuk tentukan kadar. Balik-balik, tak nak bayar dan kita tegaskan kita tak akan keluarkan. Dan saya masih ingat dalam mesyuarat di Menara FELDA, team kami diwakili oleh selain daripada EXCO Pertanian, Pengarah UPEN, Pengarah PTG, Pejabat Penasihat Undang-Undang dalam mengalu-alukan kedatangan kami, pihak FELDA kata selamat datang ke Menara FELDA yang tersergam indah di tengah kota, saya kata, menara tersergam indah kalau hutang orang tak bayar, tak seronok juga. Kita hanya nak satu angka saya ulangi balik tawaran negeri kita tawarkan 30%. Berapa yang FELDA nak buat tawaran balas? Macam orang pusing dekat satu *roundabout* tak tahu nak keluar mana. Pusing *roundabout*

Batu Enam nak kata nak pergi Manir pun tak tahu, nak balik ke Besut pun *dok*, nak naik jambatan balik pun *dok*, nak pergi Gong Badak pun *dok*. Pusing tempat *tuler*, tidak ada keputusan sehingga dijanjikan, kita akan buat satu lagi mesyuarat *working ccommunity* pada 14hb Oktober baru-baru ni.

Dalam mesyuarat *working ccommunity* dua minggu selepas daripada tu, sepatutnya mereka sudah berjaya mengemukakan satu angka tawaran pada perkongsian keuntungan, tapi masih lagi berulang perkara yang sama. Pusing-pusing dekat *roundabout* tak tahu nak pergi ke mana. Dan kita tegaskan dalam mesyuarat itu, kita tidak mampu pergi lebih jauh lagi ruang tolak ansur sebab tempoh 40 tahun telah berlalu. Dan saya bagi tempoh kepada pihak pengurusan FELDA dalam mesyuarat 30 hari. FELDA minta tempoh 60 hari baik kita ambil jalan tengah 40 hari, yang bakal berakhir pada 29hb November yang akan datang. Selepas daripada mesyuarat 14 hari bulan kita telah buat keputusan kalau FELDA tidak bersedia dengan angka, kalau sekadar nak panggil bincang pusing-pusing tempat sama, angka yang kita minta mereka tak mampu nak kemukakan kita tidak akan bermesyuarat lagi, kerana mesyuarat itu tidak memberikan sebarang makna.

Dan sehingga detik waktu dan masa ini FELDA masih gagal memberikan sebarang respon. 10hb, dua hari lepas melihat kepada reaksi yang sangat negatif daripada pihak pengurusan FELDA, saya telah mempengerusikan satu mesyuarat penyelarasan penguatkuasaan yang dihadiri oleh PTG, Penasihat Undang-Undang Negeri, UPEN, Pejabat Perbendaharaan Negeri, termasuk juga PDRM untuk kita selaraskan tindakan penguatkuasaan. Apa tindakan penguatkuasaan yang akan kita buat? Tepat pada pagi 29hb November, jika tiada sebarang respon dan maklum balas daripada FELDA, kita akan mendapatkan mandat daripada MMKN untuk kita keluarkan notis 425 Kanun Tanah Negara.

Notis 425 Kanun Tanah Negara ialah Notis pencerobohan tanah kerajaan. Semua 10 ladang secara serentak pada pagi 29hb November, sebagaimana tempoh masa dan tarikh yang dipersetujui bersama bukan daripada kita, tapi dipersetujui bersama. Dan kita akan *proceed* tindakan saman sivil untuk menuntut semua ganti rugi yang negeri telah tanggung dalam tempoh sekitar 40 tahun. FELDA ada bayar sejumlah bayaran pada tahun 2011. Bayaran dalam bentuk *one side agreement* yang kita tidak pernah bersetuju. Contohnya mereka bayar setahun *profit sharing, net profit sharing* bukan *gross profit*

sharing. Angka itu kita tidak pernah bersetuju dan mereka bayar sejumlah bayaran yang mereka istilahkan sebagai premium tanah. Macam mana mereka bayar premium tanah sedangkan FELDA tidak pernah mengemukakan jadual satu pun kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri tidak pernah mengeluarkan Jadual 5A pun kepada FELDA. Kadar yang mereka bayar ialah 1,200 per ekar. Mengikut peraturan kita, tanah Terengganu sebagaimana yang diputuskan oleh Mesyuarat (MMKN) kadar premium bagi tanah yang dibangunkan dengan ladang komersial ialah 50% daripada penilaian. Bukan 1,200 per ekar. Berapa penilaian dia? ini pejabat penilai akan nilai.

Secara kasarnya, apa yang FELDA terhutang dengan kita ialah premium tanah, cukai tanah dan juga perkongsian keuntungan. Cukai tanah telah diputuskan dalam Mesyuarat (MMKN) pada bulan 9, 2024, 50 per hektar. PTG dah buat kira-kira secara kasar tunggukkan kira-kira lebih RM26 juta dan denda lebih RM10 juta baru cukai. Premium tanah anggaran kasar, campur dengan perkongsian keuntungan, mengikut kira-kira yang dibuat oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri secara kasar kita perlu dibayar oleh FELDA atau dengan istilah lain, FELDA terhutang dengan kita hampir RM600 juta ringgit. Bukan satu jumlah yang kecil dan kita tahu isu ini isu besar. Sebab sebenarnya ladang yang dibangunkan oleh FELDA sebagai ladang komersial di seluruh negara luasnya lebih 300 ribu hektar yang Terengganu hanyalah 15,000 hektar sahaja.

Banyak lagi ladang-ladang di negeri lain yang kita yakin sedang berhadapan dengan situasi yang sama dan kita juga telah menerima beberapa isyarat daripada negeri-negeri lain minta Terengganu bantu mereka untuk buat tuntutan yang sama. Bermakna Terengganu sedang menerajui satu usaha untuk mengembalikan hak rakyat bukan hanya hak rakyat Terengganu malah hak rakyat di negeri-negeri lain juga.

Dan kita sangat yakin dengan segala fakta dan data yang kita ada, Undang-Undang berada bersama dengan kita, kita tidak akan mundur lagi ke belakang, tarikh 29hb November ini akan berlaku satu perkara besar yang *insya-Allah* akan membuka mata banyak pihak andai kata proses penyitaan ini terpaksa dilakukan, ia bukan salah Kerajaan Negeri dan ia sama sekali bukan satu tindakan mengejut kerana kita sudah maklumkan sejelas-jelasnya isu ini kepada pihak pengurusan FELDA dalam mesyuarat dan kita maklumkan juga dalam beberapa *posting* media sosial, dan kita urus persepsi dengan cara yang baik. Diantaranya persepsi cuba menggambarkan kita nak ganggu peneroka. Kita *dah*

panggil JPKK kawasan tanah rancangan FELDA, memahamkan mereka bahawa apa yang Kerajaan Negeri sedang perjuangkan sekarang ialah bukan tanah rancangan yang ada peneroka. Ini tanah rancangan FELDA yang dibangunkan sebagai ladang komersial sejak daripada tahun 1985, kemudian 2012 mereka serahkan kepada FGV. Dan lebih tragis lagi bila FGV disenaraikan di Bursa Malaysia, FGV menyenaraikan tanah kita seluas hampir 15 ribu hektar sebagai aset mereka di Bursa. Bermakna mereka telah membuat pengisytiharan palsu kepada Bursa. Itu adalah tanah kita, bukan tanah FELDA. Jadi perkara-perkara ini kita ada fakta dan data yang kukuh dan *insya-Allah* saya mohon doa daripada semua Ahli Dewan, semua pegawai-pegawai kerajaan dan saya sangat berterima kasih kepada pasukan kami yang bekerja dengan bertungkus-lumus demi untuk mengembalikan hak rakyat Negeri Terengganu, *insya-Allah*. Isu-isu lain *dah* banyak dijawab dalam sesi soalan lisan. Penggulungan saya, saya fokus kepada isu FELDA sahaja. Sekali lagi, terima kasih dan saya juga mohon menyokong Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Dato' boleh penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Sila, sila.

YANG BERHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Sedikit penjelasan, sebab kita dengar tadi dengan penuh kehairanan betapa tanah Kerajaan Negeri seluas 37,000 ekar, 15,000 hektar. Kalau sebut 15,000 orang *dok* berasa banyak, sebut 37,000 ekar tanah Kerajaan Negeri telah diceroboh oleh FELDA. Jadi adakah FELDA pernah buat sebarang permohonan tanah atas keluasan 37,000 ekar itu? Minta penjelasan dan kalau tidak ada permohonan, memang terang-terang melanggar Kanun Tanah Negara, pencerobohan tanah kerajaan, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Sebagaimana yang saya nyatakan dalam mukadimah tadi, Bukit Tunggal, Kerajaan Negeri mengurniakan tanah kepada FELDA 51,434 hektar. 38,000 hektar lebih dimasukkan peneroka. Hampir 15,000 hektar tidak dimasukkan peneroka. Yang dimasukkan peneroka, makna hak milik itu diberi kepada penerokalah. Yang tidak dimasukkan peneroka, sepatutnya hak milik itu diberikan kepada FELDA

tetapi kenapa pemberian hak milik itu tidak selesai, kerana ada isu yang tidak selesai dan isu inilah, isu *profit sharing* yang saya sebutkan tadi, terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jabi. Panjang lebar tentang tanah FELDA itu, tanah kita yang diguna pakai oleh FELDA tadi. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, macam petang semalam saya cadang untuk teruskan pembahasan ataupun penggulungan oleh pihak kerajaan tanpa rehat. Jadi mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun pegawai-pegawai kerajaan, pemerhati yang nak segarkan diri ataupun perlu ke bilik air dan sebagainya, bolehlah berbuat demikian macam saya sebut semalam, tapi tidak dengan cara beramai-ramai kerana saya harap kita dapat habiskan penggulungan oleh pihak kerajaan pada petang ini dan esok mungkin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sahaja yang akan buat penggulungan jika kita sempat tamatkan pada petang ini. Seterusnya saya silakan Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
 سلام سجهترا
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang Di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang terhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang berusaha ketua-ketua jabatan dan agensi, yang dihormati para pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Dan Persekutuan, petugas-petugas media, semua tetamu pemerhati, hadirin yang dihormati Allah sekalian.

Terima kasih sekali lagi Dato' Yang di-Pertua, saya mewakili Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Negeri Terengganu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Dato' Seri Ir Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar atas pembentangan Belanjawan 2026 di Negeri Terengganu ini pada 10 November yang lalu. Belanjawan 2026 memberi penekanan khusus kepada portfolio Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim di bawah fokus dua iaitu menstruktur daya tahan ekonomi bagi memacu pertumbuhan untuk menjadikan pelancongan sebagai sektor pemangkin

ekonomi utama negeri. Justeru itu, sektor ini wajar diberi perhatian serius dalam usaha mempelbagaikan sumber pendapatan negeri serta memperkukuhkan ekonomi rakyat. Antara strategi utama dalam Belanjawan 2026 yang menyokong pemerkasaan industri pelancongan ialah pengenalan cas penginapan dan sokongan pematuhan Akta cukai pelancongan. Pelaksanaan program dan aktiviti tahunan terutamanya Tahun Melawat Malaysia 2026 untuk menarik pelancong asing. Yang ketiga, penganjuran acara bertaraf antarabangsa seperti *Sultan Mizan International Photography Award* dengan izin, Ijtimak Antarabangsa Perpaduan Ummah dan Himpunan Melayu Nusantara, International Swimathon Marang, International Bike Week dan lain-lain lagi. Penubuhan Sekretariat Tahun Melawat Terengganu 2027, pemerkasaan penjenamaan dan promosi pelancongan dan yang akhir sekali pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan infrastruktur serta kemudahan awam di kawasan pelancongan. Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, Kerajaan Negeri telah merangka pelbagai strategi bagi memperkukuhkan daya saing sektor pelancongan Terengganu.

Antara langkah utama yang digariskan termasuk peningkatan infrastruktur pelancongan, penaiktaraf kemudahan awam seperti pantai, jeti, laluan pejalan kaki, tandas dan sistem pengangkutan yang menjamin keselesaan pelancong dan menaikkan imej Negeri Terengganu Darul Iman. Yang kedua, pengukuhan produk pelancongan baru. Lima kluster pelancongan utama iaitu Kuala Terengganu, pulau dan pantai, Kenyir Geopark, seni budaya dan warisan dan alam semula jadi akan terus diperkukuhkan sebagai pemacu pertumbuhan pelancongan negeri. Yang ketiga, program pembangunan kapasiti pengusaha tempatan, golongan pengusaha kecil seperti pemilik *homestay*, dengan izin, pengendali bot, pemandu pelancong dan usahawan kraftangan akan diberi latihan, geran sokongan dan bantuan pemasaran digital. Yang keempat, promosi digital dan pemasaran antarabangsa. Promosi pelancongan akan diperkukuhkan melalui platform digital, media sosial dan kerjasama dengan agensi tempatan serta antarabangsa. Sebuah portal promosi, *insya-Allah* daripada pelancongan akan dilancarkan dalam masa terdekat. Yang akhir sekali kelestarian alam sekitar dan komuniti. Pembangunan pelancongan akan berteraskan prinsip eco-pelancongan bagi memelihara alam sekitar dan melibatkan komuniti setempat.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi tahun Tahun Melawat Malaysia 2026, Negara menyasarkan 47 juta pelawat dengan pendapatan

pelancongan sebanyak RM329 bilion ringgit. Penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2026 akan menjadi landasan strategik ke arah kejayaan Tahun Melawat Terengganu 2027 dengan memanfaatkan momentum dan semangat kempen nasional tersebut. Kerajaan Negeri amat menghargai dan mengiktiraf sumbangan besar pihak swasta dalam memacu sektor pelancongan Negeri Terengganu. Penglibatan aktif pengusaha-pengusaha swasta ini telah banyak membantu memperkayakan produk dan pengalaman pelancongan di negeri ini sekaligus menjadi pelengkap kepada usaha kerajaan dalam merencanakan industri pelancongan.

Kerajaan Negeri sentiasa membuka ruang kerjasama dan penyelarasan bersama pihak swasta melalui pelbagai sesi libat urus bagi memastikan promosi, pembangunan dan penyediaan kemudahan pelancongan dapat dilaksanakan secara lebih tersusun. Jawatankuasa ini menyokong sepenuhnya pelaksanaan Tahun Melawat Terengganu 2027, serta penubuhan Sekretariat Tahun Melawat Terengganu 2027 melibatkan pihak swasta. Penggiat industri, wakil komuniti dan pelbagai agensi berkaitan yang akan menjadi nadi utama dalam pemerkasaan strategi, koordinasi program dan promosi pelancongan negeri bagi memastikan kejayaan Tahun Melawat Terengganu 2027. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu sedang dalam fasa memuktamadkan Kalendar Acara Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Terengganu Tahun 2026 yang dijadualkan akan dilancarkan pada Tahun 2025.

Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas Soalan Bertulis dan Lisan yang telah dikemukakan sepanjang sesi Persidangan ini. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 12 Ahli Yang Berhormat yang telah membahas perkara dan isu di bawah tanggungjawab jawatankuasa ini semasa sesi Perbahasan Belanjawan 2026. Justeru itu, bagi menjawab dan mengulas perkara yang dibangkit, saya akan memperincikan isu-isu utama mengikut topik bagi menjimatkan masa *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua, yang pertama, Pelancongan Mesra Syariah dan kawalan terhadap aktiviti hiburan di Negeri Terengganu. Ada beberapa sahabat kita telah memberi penjelasan, cuma di sini saya ingin menambah sedikit untuk pengetahuan Dewan Yang Mulia. Terima kasih, saya ucapkan kepada Yang Berhormat ADUN Jertih, Yang Berhormat ADUN Ladang, dan Yang Berhormat

ADUN Sura atas keprihatinan serta cadangan yang amat bernas berkaitan usaha memperkukuhkan pelancongan Islam dan pelancongan patuh syariah di Negeri Terengganu.

Menjawab soalan ADUN Sura, Kerajaan Negeri amat komited membangunkan lebih banyak premis pelancongan mesra keluarga dan patuh syariah di seluruh negeri. Kita ingin pastikan bahawa pelancong dapat menikmati keindahan Terengganu tanpa menjejaskan nilai Islam dan kekeluargaan. Terkini, sebanyak 13 buah hotel di Terengganu telah mendapat pengiktirafan halal JAKIM merangkumi Daerah Kuala Terengganu, Marang, Setiu, Besut, Dungun dan Kemaman. Di samping itu, Paya Bunga Hotel turut menerima pengiktirafan sebagai Resort Halal terbaik semasa Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Negeri Terengganu 1447, 2025 Masihi. Di samping memperolehi *Islamic Quality for Hotel* dengan izin daripada Universal Crescent Standard Center (UCSC) dengan izin dan kini sedang memohon *Muslim Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition* dengan izin di bawah selian *Islamic Tourism Center* (ITC) dengan izin.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, menyedari kekurangan kemudahan penginapan pada musim puncak, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan pembangunan hotel baru di lokasi-lokasi strategik. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri menyeru agar jabatan dan agensi berkaitan memainkan peranan yang penting sebagai pemudah cara bagi melancarkan proses permohonan pembangunan hotel berskala sederhana oleh para pelabur. Banyak hotel yang datang memohon dengan Pelancongan dan pihak Pelancongan boleh dikatakan 90% meluluskan hotel bajet kelas ketiga. Akan tetapi apabila turun di bawah agensi-agensi yang terlibat kadangkala melambat-lambatkan permohonan. Jadi saya nak nasihatkan, nak berkongsi Dewan Yang Mulia supaya kita semua bekerjasama untuk memastikan hotel-hotel bajet berada dan tumbuh sebagai cendawan di Negeri Terengganu. Hotel-hotel besar, hotel-hotel *five star*, hotel-hotel tujuh *star* tak ada di Terengganu ini, jadi kita beri peluang kepada mereka yang nak niaga, jadi kita minta kepada jabatan-jabatan yang menilai supaya mempermudah dan memperluaskan lagi untuk mendirikan hotel-hotel bajet di Negeri Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua, merujuk teguran Yang Berhormat ADUN Jertih, dan Yang Berhormat ADUN Ladang, berhubung dengan aktiviti hiburan yang dipantau dan dikawal sudah dijawab, saya nak tambah sikitlah, berkaitan

dengan aktiviti hiburan. Aktiviti hiburan melalui Kerajaan Negeri, melalui Portfolio Pelancongan sebenarnya kita sangat berpuas hati. Kita libatkan semua agensi-agensi dakwah, agensi-agensi agama termasuk MAIDAM, termasuk Jabatan Agama, termasuk Unit Portfolio DUAT, kita buat jawatankuasa kecil tapi jawatankuasa dalaman sahaja untuk menilai sama ada hiburan ataupun filem, kelulusan melalui kita. Sebagai contoh Ulek Mayang. Ulek Mayang senikata hujung sekali, yang menampakkan pemujaan, kita buang. Cuma yang tinggal melodi dan melodi ini kita dah tanya dah bincang dan boleh diperbunyikan dan boleh diperdengarkan dan kita *insya-Allah* akan memperkemas lagi sebab kita, Jabatan Pelancongan memberi arahan kepada muzium untuk memuziumkan Ulek Mayang. Kalau sekiranya Ulek Mayang tidak boleh dimuziumkan maka budaya Terengganu akan hilang. Kalau nak tambah nilai nak ubah suai, *insya-Allah*, kita boleh bincang. Jadi pada saya, yang tidak patuh, yang langgar Syariah *Compliance* Negeri Terengganu, kadangkalanya tidak melalui Jabatan Pelancongan. Jadi untuk pengetahuan Dewan Yang Mulia

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Kijal, saya nak sentuh sedikitlah, saya minta izin Yang di-Pertua. Terima kasih. Sebut dengan Ulek Mayang kita pun sudah kurang dengan hiburan wayang kulit dan sebagainya tapi kita tahu dulu di Pulau Jawa dulu ada wayang kulit yang dimainkan oleh Kumpulan Wali Songo yang berdakwah melalui wayang kulit tapi hari ini kita tengok wayang kulit semata-mata hiburan. Baru-baru ini di kawasan saya, kita menjemput satu pasukan wayang kulit daripada Thailand, Yatim Wayang Kulit. Kita jemput Yatim Wayang Kulit ini berdakwah, contohnya dia menyebut dalam wayang kulitnya dia menyebut:

الأصل في كل معصية وشهوة وغفلة الرضا عن النفس

dengan izin Timbalan Yang di-Pertua, asal segala maksiat, syahwat, lalai daripada Allah Ta'ala itu kerana berpunca daripada nafsu katanya. Itu dalam wayang kulit. Saya rasa banyak kita boleh promosikan wayang-wayang kulit ini yang dimainkan oleh orang-orang yang tahu tentang hukum syarak ini.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Jadi penjelasannya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Saya minta benda ini dibawa kepada cadangan dan minta ulasan daripada Yang Berhormat Kijal, terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Permaisuri, silakan Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih, Permaisuri, itu cadangan yang baik. Dia sebenarnya banyak pertunjukan Wayang Kulit, Dikir Barat, sebenarnya tidak melalui Jabatan Pelancongan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya nak jelaskan pada Dewan yang mulia, kalau melalui Jabatan Pelancongan persembahan tersebut akan patuh syariah *hok bocor tu*, kadang-kadang dia pergi *takdok* permit pun *takdok* permit, tapi kita dah bincang dengan PBT siapa yang melanggar SOP kita saman maksimal dan 2-3 saman maksimal *doh* saya dengar, berapa? 25 ribu. Jadi kalau itulah, yang mereka mahu maka bandaraya akan dapat *pitis banyak ah* Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, jadi baru ini *dengor* kata ada satu *pulok*, kumpulan permotoran kena saman *pasal* buat pertunjukkan tanpa persetujuan kita. Banyak berlaku *gitu*, dia selit celah-celah pertunjukkan tu, celah-celah *event* dia selit apa nama ni, persembahan-persembahan yang tidak melibatkan pelancongan. Jadi saya sebenarnya ambil contoh Cat Stevens, Cat Stevens ni penyanyi *rock* Amerika masa tu dia *kapir*.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Amerika ke British?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Doh kalu, kalau Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua boleh kenal UK, kita kata UK *lah*. Saya rasa *oklah*, dua-dua *tu lah*, tapi penyanyi orang putih *kapir* Christian tapi dia masuk Islam, nama dia Yusuf Islam. Yusuf Islam dan dia kekalkan melodi tapi dia tukar dia *pinda* seni kata maka lagu dia masih lagi kita boleh dengar dengan unsur-unsur dakwah masa dan banyak lagi *lah* di negara kita ni. Jadi pada saya dengan Jabatan Pelancongan ni akan berusaha secara bersungguh-sungguh. Dua *je* kita ada budaya kita setakat ni satu Ulek Mayang, satu Rodat, jadi Rodat *dok jumpe* punca lagi tengah bincang lagi. Rodat sebenarnya katanya Rodat ni, seni kata dia, marhaban. Marhaban, jadi kita tengah bincang lagi kita minta muzium pergi jauh lagi untuk kita nak tengok supaya Rodat ni, kita boleh dipertontonkan. Masalah tari menari kita dah had dah wanita bawah pada 12 tahun. *Itu kemah* cuma kena tengok seni kata takut ada unsur-unsur yang pelik-pelik. Jadi Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya pun berminat dengan masalah gejala dadah ini terbabit dengan pelancongan.

Masalah dadah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jertih, disambut oleh Yang Berhormat Permaisuri dan sudah dijawab. Cuma saya nak tambah sikit je, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua kalau boleh kita hentikan dulu hisap rokok daripada Yang Berhormat *boleh dok?* makna rokok ni kita kena berhenti.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Berapa orang Yang Berhormat *ork* hisap *rokok ow?* saya pun *dok* tahu.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): *Dok tahulah* kalau ada Yang Berhormat hisap rokok ni, kita berhenti *luu*. Kepimpinan melalui tauladan. Boleh *dok wak gitu? Rolling gitu* Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua? Vape haram *doh*. Rokok saya, *takboh katah* haram, tapi *tok berhenti gok ork ork kuat isap rokok tu*.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Vape tu saya rasa haram dari segi penjualan, rokok *takdok* lagi *dok* dalam undang-undang. *haa*, fatwa saya *dok* tahu, kena cek balik.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): *Dok eh*, boleh *ah tu* berhenti *ow*. ADUN Permaisuri boleh berhenti *dok?*

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: *Ork isap rokok kate dok kene ke dia*.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua *jadilah ork tu*, cuma saya nak beritahu je lah sepatutnya kita kena contoh *lah*. Kita bercakap kita kena beri contoh kepada masyarakat dan dalam pada masa yang sama, portfolio saya juga sangat bersetuju dengan wujudkan satu cadangan Pelan Tindakan Pelancongan Mesra Syariah Negeri Terengganu sebagai satu inisiatif baru yang menjadikan nilai tambah kepada garis panduan hiburan kebudayaan, pelancongan dan sukan *sport tourism* ni terbabit juga dengan pelancongan ni yang sedang diguna pakai sekarang jadi kita tambah nilai, kita sangat bersetuju dan selepas pada ni, kita akan duduk berbincang dengan Unit Dakwah dengan Unit PBT dan mungkin dengan Alur Limbat kita pun akan berbincang juga supaya kita wujudkan satu lagi satu lagi jawatankuasa untuk pastikan patuh syariah mesra muslim ni dapat dilaksanakan sebaik mungkin di Negeri Terengganu dan dalam masa yang sama, ada beberapa Yang Berhormat yang memberi contoh dan teladan kepada

pelancong luar dalam program. Contoh baru-baru ni di Kijal, kita anjurkan *Ladies Fun Walk*, patuh syariah *tok* boleh berlari, wanita muda *tok* boleh berlari hanya berjalan kaki sahaja. Peserta dia, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua hampir dua ribu orang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Bakpe dokleh berlari? Boleh berlari dalam Islam.*

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: *Bakpe dokleh berlari tu?*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): *Dokleh berlari takut kocok ke guane tu dok tahulah.*

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: *horrr, jadi patuh dok patuh tu duk situ, Saya pun dok faham.*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): *Horrr, ye kate dokleh berlari, saya kata bagus jugok dokleh berlari, tapi nok kabonya, peserta dia dua ribu, lepas tu Paka pulok ikut, Beach, Brisk Walk Paka ikut, punggg, mencecah lebih daripada 1,500 family berjalan, ini nak beri contoh kepada orang luar saya dengar ni Ladang pulak, Ladang nak buat brisk walk.*

YANG BERTHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang): *YB, dia sebab walk memang tak boleh berlari kena jalan sahaja*

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: *sebab walk, betul doh.*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): *Berlari dia panggil DNF.*

YANG BERTHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang): *Horrr, sebab walk je.*

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): *Lepas tu saya dengar cerita pulak ni. Kujuh pulok, kujuh, kujuh ni walk jugok tapi angin kuat hujang ni dok tahu walk tengah hujang ke? Nok bagitahunya ada Yang Berhormat-berhormat kita ni yang cuba memberi membuat satu image baru pada Negeri Terengganu dan berjaya bukan setakat orang tempatan yang ikut orang luar pun ada mari register awal lagi, register. Jadi saya rasa tu satu*

contoh yang sangat baik kepada kita untuk pelancong-pelancong asing untuk mari ke Negeri Terengganu, tu satu.

Yang kedua, kita yang terakhir, yang terakhir CBT untuk tahun ni yang ke-29 iaitu CBT Kampung Tebakang dalam tu *complete* madrasah ada dia ada ATV, aktiviti ada, tanam kelapa ada madrasah yang boleh lahirkan hafiz dengan hafizah selama setahun setengah je. Peserta dia daripada seluruh nusantara daripada Thailand, Selatan Thai sehingga ke Indonesia. Kita angkat dia sebagai pelancongan patuh syariah dan kita letak dia di bawah CBT *Community Based Tourism* dan kita bantu dia, ni satu lagi ni. *insya-Allah* tahun depan Kampung Ilmu Pusat TafaquhFi Din Tok Syeikh Duyung. Nampak berminat dengan CBT dan kita akan cuba angkat untuk dijadikan *Community Based Tourism*. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua satu lagi Pelancongan Gastronomi. *Ork* ni YB Ladang. Tadi YB Wakaf Pelam dah beritahu dah, tapi saya nak sambung sikit dan kita amat menghargai. Sebenarnya untuk mempromosikan lagi makanan-makanan yang ada di Negeri Terengganu dan cadangan tu memang selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri bagi kita untuk memperluaskan lagi makanan Terengganu ni kena banyak berpuluh-puluh, cuma ada beberapa sahaja yang popular dan kita cadangkan supaya *Nasi Lemok Warisan Pasir Panjang* kita jenama terus. *Nasi Lemok Warisan Pasir Panjang* dan kita akan pergi melawat tempat tu dan kita kena bawa sekali Wakaf Pelam sebab dia PBT dan jangan lupa *Bekang* yang disebut tadi, kena ada *Bekang* ni satu produk yang perlu kita popularkan.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Permaisuri, nok menceloh boleh?

YANG BERHORMAT MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Satu lagi, Yang Berhormat Kijal, dengan izin.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Isu rokok ke isu *mende*?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya

YANG BERHORMAT MOHD YUSOP BIN MAJID (Wakil Permaisuri): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, *hok ni, hok* pemakanan ni berlaga angin sikit. Berlaga angin, pasal orang kita kadang-kadang sanggup pergi

Golok, seberang sungai cop *passport* kerana nak pergi makan. Hok Hatyai *toksoh kirelah*, Hatyai, Narathiwat, jauh kerana dia kata nak pergi makan sedap di Thailand. Begitu juga pergi ke luar negara pun cari nak makan *je*. Tapi makanan dekat kita ni tak sedap ke *guana*? Saya pun tak berapa nak faham juga ni. Sebab tu saya sokong *ni* nasi lemak kita *create* supaya rakyat Terengganu perbanyakkan lagi. Kulinari belajar kulinari dan sebagainya itu supaya makanan tempat kita *ni* sedap-sedap biar orang Thailand nak mari *makang hok* kita. Baru ni celup tepung daripada Pasir Mas datang ke Penarik kerana nak makan celup tepung, ikan celup tepunglah sotong, udang. Jadi kita kena perbanyakkan lagi bagi semangat ke saya cadang macam *tu* kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan tu dan masukkan dalam ucapan saya, cadangan yang bagus.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kita pergi tajuk lain pula *deh*. Konflik gajah di Bukit Besi jika, isu gajah menjadi topik utama di Telemong, kini dia bertukar berpindah ke Bukit Besi. Telemong *dok* cakap *dah* pasal gajah, nampak sejuk *dah* gajah tu. Jadi saya ucap banyak terima kasih Kepada Yang Berhormat Bukit Besi kerana membangkitkan dalam Dewan Yang Mulia untuk kita sama-sama kita selesaikan. Contoh teladan *dah* ada Basong, Telemong dan kita yang pertama sekali kita maklumkan dulu kepada Perhilitan Negeri dan saya difahamkan Perhilitan Negeri *dah* buat pemantauan dan kawalan secara berterusan. Kalau sekiranya tak berjaya, kita masuk fasa kedua kita tangkap dan kita pindah. Dan kalau tak berjaya juga, tak berjaya juga barulah kita *discuss molek-molek* dengan orang Bukit Besi supaya kita wujudkan Bukit Besi Ranger sepertimana Basong Ranger tetapi pesertanya ialah komuniti setempat. Maksudnya Yang Berhormat kena terlibat sebagai Penasihat, Tuan DO dan semua agensi-agensi Kerajaan dan juga JPCK orang kampung yang terlibat untuk memastikan kawasan tersebut sepertimana yang dah dibuktikan di Telemong. Betul tak *tu* Telemong?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemong): Terima kasih, betul Yang Berhormat Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Dan kita ada sedikit peruntukan *EFT* untuk kita belanjakan untuk memastikan program tersebut akan dilaksanakan sebaik mungkin pada pada tahun hadapan. Dan kalau ngamuk juga lagi *bekeng* lagi *ni* kita akan cari jalan untuk pemasangan Sistem Pagar Elektrik Gajah Komuniti dipanggil *Speg-Com* pun *dah* diadakan di Telemong. Dan berjaya setakat *ni* dan *insya-Allah* kita akan bincang untuk tahun depan *ni* di Bukit Besi pula. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dan seterusnya Jeti Bot Penambang *hok ni* Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua sendiri tanya *ni*, jawab *dok*?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila, boleh?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Kita ambil maklum daripada Yang Berhormat Seberang Takir dan kita pertimbang untuk keperluan penambahbaikan infrastruktur pelancongan dari masa ke semasa termasuklah jeti tersebut, banyak lagi untuk kita nak jadikan Bandaraya Kuala Terengganu *ni* bandaraya betul-betul persisir air. Dan dalam masa yang sama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) mempunyai perancangan untuk membangunkan Payang *Central* yang terletak berhampiran dengan kedai Payang Pasar dan projek ini bakal menempatkan sebuah jeti utama yang berfungsi sebagai hub perkhidmatan bot pelancong melalui laluan pulau-pulau peranginan seperti Pulau Redang, Pulau Lang Tengah dan juga Pulau Bidong.

Dan *insya-Allah* pelaksanaan projek ini selesai Payang Central dijangka akan menjadi jeti utama bagi daerah Kuala Terengganu sekaligus membolehkan penyelarasan penggunaan jeti-jeti sedia ada demi memastikan pengurusan Pelancongan Marin yang lebih tersusun selamat dan efisien. Bagi memperkukuhkan daya tarikan Pasar Kedai Payang sebagai destinasi pelancongan berimpak tinggi, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan Terengganu *Nightlife* dengan izin. *Nightlife* Terengganu *ni* tak samalah dengan *Nightlife* tempat lain *ni*. *Nightlife* Terengganu *ni* dengan cara kita bukan *takdok lah* pesta mabuk-mabuk *takdok* di Terengganu *ni*. *Nightlife* Terengganu *ni* akan membabitkan Pasar Kedai Payang, akan membabitkan *River Cruise*, akan membabitkan *Payang Walk*, akan membabitkan Pulau Warisan, akan dicahayakan dan diperluaskan perniagaan sehingga ke malam.

Cuma sekarang *ni* kita tengah bincang dengan pengusaha-pengusaha, pengusaha Pasar Payang masih lagi tak berapa nak setuju untuk malam pasal dia kata letih, bukan kerana tak laku kerana terlampau laku, jadi dia kata letih nak niaga malam. Kita tengah pujuk lagi ni, kita bagi dia beberapa cara untuk memastikan Pasar Payang dapat diniagakan sehingga ke pukul 10-11 malam, 2 hari *je* seminggu tapi tak berjaya lagi. Bot *dah* berjaya *dah* cuma bot kena *upgrade* dari segi alat-alat keselamatan. Jadi sikit masa lagi *insya-Allah* saya yakin tahun 2026 kita akan jadikan Bandar Raya Terengganu dan kita angkat dia sikit untuk program-program malam *ni* supaya dapat dihadiri oleh pelancong-pelancong asing untuk melihat apa dia Bandaraya, Bandar Kuala Terengganu, Bandar Pesisir Air.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada ADUN Bandar, Yang Berhormat ADUN Kemasik, Yang Berhormat ADUN Bukit Besi, Yang Berhormat ADUN Telemong, Yang Berhormat ADUN Batu Rakit, Yang Berhormat ADUN Hulu Besut, dan Yang Berhormat ADUN Kuala Berang, yang prihatin terhadap pemeraksanaan promosi dan produk pelancongan Negeri Terengganu, *insya-Allah* setiap pandangan, cadangan dan teguran akan diteliti sewajarnya oleh pihak Kerajaan Negeri. Bagi memperkukuhkan pelancongan sektor pelancongan negeri, Kerajaan Negeri terus menumpukan usaha dalam pembinaan, pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur serta kemudahan awam di kawasan pelancongan utama seluruh Negeri Terengganu.

Untuk tahun 2025, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sejumlah RM13.7 juta telah diperuntukkan melalui pelbagai Kementerian, Agensi Negeri dan juga Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, RM7.41 juta melalui Kementerian Pelancongan, terima kasih Seni dan Budaya telah digunakan untuk projek pemuliharaan ubah suai dan naik taraf termasuk pembaikan laluan pejalan kaki di Pulau Kapas, Pentas Budaya di Pantai Kelulut, Marang naik taraf kemudahan eko pelancongan di Taman Eko Rimba, Lata Belatang dan Gunung Tebu, pemuliharaan Memorial Batu Bersurat serta naik taraf masjid dan bangunan Kraftangan Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Kuala Besut, setakat September 2025, jumlah kehadiran pelancong Ke Pulau Perhentian direkodkan oleh Jabatan Pelancongan sebanyak 142,457 orang yang terdiri daripada pelancong domestik seramai 60,000, pelancong domestik 82,094 orang dan pelancong internasional, pelancong antarabangsa 60,363 orang. Itu perangkaan hak yang kita buat

yang tidak boleh disahkan lagi oleh DOSM. DOSM dia lebih daripada kita, kita kata tahun 2024 kehadiran pelancong 8.5 juta dia kata 14.5 juta jadi kita *dok* ikut, kita konservatif sikit kita ikut *hok* kita *jelah*. Jadi oleh sebab itu, oleh karena 14.5 juta tersebut kita juga ditarif sebagai negeri paling bahagia ramai dia kata tapi kita pakai 7.8 juta.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, fasiliti pelancongan di Pulau Peranginan juga turut diberi perhatian khusus. Sehubungan dengan itu, sebanyak RM4 juta diperuntukkan untuk membaik pulih jeti di Pulau Redang dan Pulau Perhentian manakala RM2.33 juta melalui Unit Perancang Ekonom (UPEN) Terengganu telah digunakan untuk penambahbaikan fasiliti pelancongan yang terkesan akibat bencana alam. Kerajaan Negeri akan terus memastikan setiap peruntukan dimanfaatkan secara berkesan bagi memastikan sektor pelancongan Terengganu kekal mampan, berdaya saing, dan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri kita supaya destinasi pelancongan Terengganu ini adalah destinasi wajib singgah kepada pelancong luar dan juga antarabangsa. Dan selain daripada itu, pelancongan sukan, *export tourism* termasuk sukan permotoran yang kini semakin mendapat tumpuan sebagai antara tarikan baru di Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan sedang meneliti dan menyusun jadual, *banyak* sangat *event-event* permotoran di Terengganu ini kita kena susun supaya tidak *bertindan* bertindih sebulan beberapa kali, kita susun dengan *molek*, walaupun ada di luar sana bercakap ada satu kumpulan bercakap dia mengkritik, mengherdik geng-geng RXZ member ini, mari ramai Terengganu ini macam-macam perbuatan, dia kata macam-macam, tapi Kerajaan Negeri Terengganu menyantuni, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua menyantuni siapa sahaja yang nak mari Terengganu. Permotoran RXZ member baru-baru ini lebih 150,000 orang hadir ke Terengganu. Bukan setakat kerajaan saja yang jaga, orang kampung, masjid, surau pun jaga. Ada masjid itu sembelih lembu, masjid di Kuala Nerus sembelih lembu beri makan kepada anak-anak atau pemandu-pemandu RXZ member *hok* yang mari beberapa hari di Terengganu. Orang marah biar dia marahlah, kita jaga. Banyak lagi permotoran di Terengganu ada *Big Bike*, *International Big Bike*, kita ada *YSuku event*, macam-macam. Walaupun macam manapun kita jaga, kerana kehadiran mereka adalah merupakan satu limpahan ekonomi kepada rakyat Negeri Terengganu. Walaupun negeri kita *dok PITiH* banyak, tetapi rakyat kita meniaga tak pernah tutup sampai ke cerah.

Orang-orang beri jolokan ke Negeri Terengganu ni, negeri dok *relax*, jadi kita terima belaka dan kita santuni sesiapa sahaja untuk hadir ke Terengganu dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Jadinya kalau Yang Berhormat Tepoh kata sukan berbasikal ini dikenali sebagai dengan jenama *Land of Cyclist*.

Maka sukan permotoran pula akan diketengahkan dengan nama *Land of Motorsport*, dengan izin dan sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri berhasrat untuk mencalonkan dua pelumba muda motosikal yang disebut panjang *lebor* Hakim Danish dan Qabil Irfan. Anak jati Terengganu dah diulas oleh ADUN Tepoh, kehebatan dia memang hebat. Oleh sebab itu, kita menyambut baik dan kita angkat dia sebagai Ikon Paelancongan Negeri Terengganu pada tahun 2026, dan kita akan *sign* kontrak dengan dia. Kita tunggu mak ayah dia balik daripada luar negara untuk kita berbincang. *Insyah-Allah* mudah-mudahan kita akan mereka akan berjaya dan kita akan martabatkan anak-anak muda yang minat dalam motosikal ini untuk terus maju ke depan sehingga kepada motor GP. Sekarang ini dia main motor kecil lagi, Motor GP akan masuk next 2 *years insyiah-Allah*.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebagai penutup, Kerajaan Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, atas peruntukkan yang telah diluluskan bagi pembangunan sektor pelancongan Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu dan agensi berkaitan akan terus memperkukuhkan kerjasama strategik dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta agensi Persekutuan yang lain bagi memastikan strategi pelancongan negeri sentiasa seiring dengan dasar pelancongan negara.

Selain daripada itu, pengiktirafan Terengganu sebagai negeri paling bahagia oleh Jabatan Perangkaan Negara Malaysia (DOSM) pada tahun 2024 mencerminkan keseimbangan hidup rakyat berlandaskan agama, kekeluargaan dan keharmonian sosial. Aspirasi hidup bersyariat menjadi teras pembangunan negeri yang menjadikan kesejahteraan rohani dan sosial, sebahagian daripada pengalaman pelancong yang datang merasai budaya, alam dan keramahan rakyat. Sektor pelancongan ini bukan sekadar industri rekreasi semata-mata, tetapi ia adalah nadi ekonomi rakyat.

Dengan pencapaian cemerlang tahun ini dan perancangan yang jelas untuk tahun hadapan saya yakin dan percaya Terengganu berpotensi besar menjadi antara negeri pelancongan terunggul di Malaysia *insya-Allah*. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas perhatian dan sokongan berterusan terhadap usaha martabatkan sektor pelancongan, kebudayaan, alam sekitar dan perubahan iklim Negeri Terengganu. Segala pandangan yang tidak sempat dibincangkan *insya-Allah* kita akan jawab di luar sana. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua, kepada Dato' SUK.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah sedikit boleh?

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Boleh sila.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Memang saya *sengeleng* tunggu akhir masa penutup untuk saya mencelah berkaitan dengan yang disebut oleh Yang Berhormat Kijal tadi berkaitan dengan persembahan anak-anak, persembahan tarian yang berumur bawah 12 tahun. Saya pernah sebut pada sidang lepas saya tidak berapa setuju dan tidak setuju sebenarnya, bila disebut tarian untuk anak-anak dibenarkan untuk bawah 12 tahun. Apa yang saya nak betulkan di sini sebaiknya yang kita membenarkan anak-anak kita buat persembahan tarian itu adalah anak-anak yang belum baligh, umur yang belum baligh 9 tahun, 10 tahun, 11 tahun sekarang ini ramai mana yang dah baligh. Jadi saya tegaskan sekali lagi kali ini supaya bekerjasama dengan Yang Berhormat Batu Buruk untuk kita nak buat satu garis panduan hiburan dan persembahan menitikberatkan umur kanak-kanak yang boleh dibenarkan buat persembahan secara terbuka ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya Wakil Kijal. Maknanya umur 12 tahun itu biasanya umum adalah beza umur antara budak puan baligh tapi kata Wakil Ladang tadi, *hok* 9 tahun pun ada baligh dah orang puan *lening*, 10 tahun pun ada jadi 11 tahun pun ada, jadi 12 tahun kadang-kadang masuk *hok* baligh *doh ni*, jadi dia minta supaya wakil kerajaan tengok semula. Saya sila, silakan Wakil Kerajaan untuk beri maklum balas.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Terima kasih Yang Berhormat Ladang, saya ni bukan *background* pendakwah. Saya tengok *alikh* kiri, saya tengok *alikh* kanan, jadi dia kena jawab. Saya rasa saya dari

pihak Jabatan Pelancongan, kita dah ikut SOP yang ditetapkan SOP yang ditetapkan *gitu*, setakat ni *gitu* maknanya kalau nak murnikan lagi, kita kena bincang *pm* tepilah kita bincang lain, *molek-molek* dan saya bersetuju, saya tidak ada masalah.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: *Pm* tepi ke wakil tepi?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Wakil tepilah. *Pm* tepi ni Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ni *personal message* kita berbincang, kita wujudkan satu jawatan kuasa, yang seperti mana yang saya sebutkan tadi tu ada jawatan kuasa tambahan tu kita bincang molek-molek supaya memang, kita nak Negeri Terengganu ni, lain daripada yang lain dari segi pematuhan syariah, itu kita nak daripada, itu pasti pasal apa? kerana pematuhan syariah mesra muslimlah 14.5 juta kata (DOSM) hadir ke Terengganu, tu 14.5 juta jadi kita tak perlu takut nak cakap dalam bab ni. Bab patuh syariah mesra muslim kerana bukan islam ni, kita *dok* perlu takut dan saya dari pihak portfolio pelancongan dan kebudayaan, sentiasa menerima apa saja pandangan untuk memastikan ke Negeri Terengganu lain daripada yang lain itu sahaja. Jadi saya rasa itulah sahaja, saya nak ucap terima kasih kepada Dato' SUK, Dato' LA, yang banyak membantu saya, Dato' PKN, cakap hari ini lulus selalu, dan semua yang terlibat, yang menyediakan jawapan saya, dan semua kepada yang di atas sana, yang di sebelah sana, ucap banyak terima kasih mudah-mudahan kita semua, sentiasa dalam barakah Allah *Subhanahu Wa Taala* dan mudah-mudahan negeri kita dijaga oleh Allah *Subhanahu Wa Taala*. *Insyallah* tahun depan ni, kita fokus kepada bersih, Negeri Terengganu bersih, maka Allah akan kasih.

والله أعلم
وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Wakil Kijal yang baru sahaja membuat penggulungan. Saya juga nak ucap terima kasih kepada semua Wakil-Wakil daripada pihak Kerajaan yang telah berjaya membuat penggulungan pada petang ini, dan pagi tadi lagi.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, serta pegawai-pegawai dan pemerhati sekalian. Petang semalam, kita berhenti hampir-hampir jam 5 petang tanpa rehat, jadi pada hari ini saya memutuskan untuk kita tangguhkan lebih awal memandangkan sebahagian besar Wakil-Wakil Kerajaan telah buat penggulungan dan hanya tinggal seorang lagi kelihatan saya Wakil Paka dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, jadi *insya-Allah* ada ruang esok sebelum daripada agenda-agenda yang lain, maka dengan itu saya dengan ini tangguhkan sementara Dewan ini ke esok hari 13 November 2025 pukul 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita bacakan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-'Asr bagi mendapat keberkatan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.45 PETANG

PERSIDANGAN
PADA HARI KHAMIS,
13 NOVEMBER 2025

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Mohd Nor bin Hamzah, D.P.M.T.
WAKIL BUKIT PAYONG

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, S.S.M.Z.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, D.P.S.M., B.C.M., P.J.K.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Dr. Azman bin Ibrahim, D.P.M.T., A.M.Z.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, A.M.T.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Dato' Haji Wan Sukairi bin Wan Abdullah, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim, S.M.T.
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Dato' Ariffin bin Deraman, D.P.M.T., S.M.Z.
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Dr. Riduan bin Mohamad Nor, P.J.K.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh, S.M.Z., P.J.K.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim, A.M.T.
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed, A.M.T.
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Haji Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md Noor
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong A.M.T.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Khazan bin Che Mat, A.M.Z.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Mohd Yusop bin Majid, S.M.Z.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Mohd Husaimi bin Hussin, A.M.N., B.C.M., P.J.K.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Mohd Fadhli Rahmi bin Zulkifli
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Mohd Shafizi bin Ismail, P.J.K.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Azmi bin Maarof, P.J.K.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Hafiz bin Adam
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Mohd Zawawi bin Ismail, A.M.N., P.J.K.
WAKIL TELEMUNG

Yang Berhormat Yang Berhormat LSr. Haji Zaharudin bin Zahid
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Haji Azbi bin Salleh, P.J.K.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Ghazali bin Sulaiman, P.J.K.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Tengku Md Fauzi
WAKIL SURA

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim, A.M.T
WAKIL AJIL

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Nara Setia
Dato' Zulkifli bin Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Mohd Nawawi bin Ismail

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham, D.P.M.T., A.M.Z., P.J.K.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Zuwislan bin Awang, P.J.K

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan persidangan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca ummul Al-Quran. Al-Fatihah.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil, seterusnya para pemerhati sekalian. Mesyuarat disambung semula bagi sesi pagi ini diteruskan dengan soalan-soalan lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-Soalan Lisan pada hari ini 13 November 2025:

1. Yang Berhormat Wakil Pemaisuri
2. Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
3. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
4. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
5. Yang Berhormat Wakil Langkap
6. Yang Berhormat Wakil Air Putih
7. Yang Berhormat Wakil Telemung

8. Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggai
9. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
10. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
11. Yang Berhormat Wakil Sura
12. Yang Berhormat Wakil Bandar
13. Yang Berhormat Wakil Jertih
14. Yang Berhormat Wakil Kuala Berang
15. Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
16. Yang Berhormat Wakil Kemasik
17. Yang Berhormat Wakil Ladang
18. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
19. Yang Berhormat Wakil Manir
20. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir

Meneruskan Persidangan kita pada pagi ini, saya mempersilakan Wakil Rantau Abang untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang):

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Wakil Rantau Abang, soalan No. 3-

Apakah usaha yang sentiasa dan akan dijalankan bagi meningkatkan kefahaman rakyat Terengganu dalam pelaksanaan syariah Islamiah di bumi Terengganu?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya. Wakil Batu Buruk.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan MMKN dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Wakil Rantau Abang yang mengemukakan soalan sebagaimana yang tertera. Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan kefahaman rakyat Terengganu dalam pelaksanaan syariah di negeri ini. Antaranya ialah yang pertama, Dialog Pelaksanaan Syariah bersama JPKK, Jawatankuasa Masjid dan Imam Bilal di daerah-daerah bagi menerangkan tanggungjawab melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar di Terengganu. Yang kedua, pemasangan billboard di Negeri Terengganu melibatkan penerangan kesalahan jenayah syariah. Yang ketiga, program kesedaran bersama mahasiswa dan pelajar sekolah menengah. Yang keempat, penganjuran Program Indahya Hidup Bersyariah di peringkat daerah. Yang kelima, kempen melalui *Street* Dakwah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI (Wakil Rantau Abang): Untuk soalan tambahan, dengan kemajuan media sosial yang ada pada hari ini, apakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk berkolaborasi dengan ikon anak muda ataupun berpengaruh Terengganu khususnya untuk menarik minat dan menanam kefahaman syariah di kalangan anak muda negeri ini?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih, Yang Berhormat Rantau Abang. Berkait dengan soalan yang ditimbulkan tadi, ya, kita di peringkat portfolio, kita melihat pelbagai pendekatan dan cara untuk kita mendekati anak muda, khususnya dalam konteks hari ini, perkembangan media sosial. Justeru pelbagai program kita telah anjurkan untuk kita *engage* dengan *influencer-influencer* anak muda termasuk pertemuan secara berkala yang terbarunya ialah kita adakan satu pertemuan yang dianjurkan oleh UPDI dengan Dai Sejuta Ummah, Ustaz Azhar Idrus bersama-sama dengan *influencer-influencer* tersebut. *Insya-Allah* kita

akan terus memperkasakan *engagement* kita dengan anak muda dalam pelbagai cara dan kaedah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Kerajaan. Soalan seterusnya daripada Wakil ADUN Langkap tetapi memandangkan Wakil Kerajaan yang ditujukan soalan kepadanya tidak hadir maka saya nak melangkah kepada soalan berikutnya. Soalan Wakil Langkap akan dijawab secara bertulis. Seterusnya saya persilakan Wakil Air Putih untuk mengemukakan soalan. Minta maaf ya, Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sama-sama.

YANG BERHORMAT MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan No. 2-

Apakah usaha Kerajaan untuk memperkasa peranan JPKK agar lebih berkesan dalam memberi maklumat dan merealisasikan dasar kerajaan serta pelaksanaan program komuniti?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Dipersilakan Wakil Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Air Putih. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Soalan sebagaimana yang tertera. Kerajaan Negeri Terengganu melalui Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera (I-MITS) mengorak langkah awal dalam memperkasakan peranan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di seluruh 32 DUN dalam Negeri Terengganu dengan menjadikan JPKK sebagai salah satu daripada 10 sasaran yang ditekankan dalam pembentukan Modul Itqan Insani. JPKK menjadi golongan sasaran

pertama yang disentuh dalam usaha untuk merealisasikan pembudayaan Modul Itqan Insani dalam kalangan rakyat Negeri Terengganu.

Sejak tahun 2018 usaha memperkenalkan peranan JPKK telah diadakan melalui kursus-kursus Itqan Insani. Selepas kursus ini diadakan, pelbagai kursus dan program selingan turut dianjurkan oleh pihak pejabat daerah masing-masing. Terkini, dapat dilihat lebih banyak usaha kerajaan untuk memperkasakan peranan JPKK agar lebih berkesan dalam menyampaikan maklumat, merealisasikan dasar kerajaan serta melaksanakan program-program komuniti. Peranan ini semakin diperkukuh melalui penglibatan semua DUN yang telah mula mengambil inisiatif memperkasakan JPKK dengan sokongan Pejabat Khidmat Masyarakat, I-MITS, DUN, serta agensi-agensi kerajaan yang beroperasi di kawasan masing-masing. Setelah berakhir kursus JPKK kendalian I-MITS yang berasaskan Modul Itqan Insani dapat dilihat semua DUN mula mengambil langkah proaktif dengan mengadakan sendiri kursus atau seminar dalam memperkasakan kursus JPKK di DUN masing-masing tanpa menunggu jemputan ataupun program daripada agensi luar. Setakat ini 15 buah DUN yang telah berjaya mengadakan kursus program penatapan untuk JPKK di bawah seliaan DUN masing-masing. Terima kasih.

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Cukai. Ada soalan tambahan?

YANG BERTIMBALAN MOHD HAFIZ BIN ADAM (Wakil Air Putih): Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan yang diberikan. Soalan tambahan saya, apakah langkah dan peranan utama yang akan dimainkan oleh JPKK dalam menghadapi Monsun Timur Laut 2025 -2026 yang kita jangkakan bermula daripada hari ini sehingga Mac 2026. Terima kasih.

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Cukai.

YANG BERTIMBALAN HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Air Putih. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan agensi-agensi berkaitan telah mengarahkan semua JPKK di seluruh Terengganu untuk berada dalam tahap kesiapsiagaan penuh bagi menghadapi monsun timur laut yang dijangka bermula pada hari ini. Dalam konteks ini, JPKK memainkan peranan penting sebagai barisan hadapan di peringkat komuniti bagi membantu memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan penduduk kampung sentiasa

terpelihara sepanjang musim banjir. Antara peranan utama JPKK dalam menghadapi monsun adalah seperti berikut:

1. Menyalurkan maklumat awal berkaitan amaran cuaca dan banjir kepada penduduk melalui pelbagai saluran komunikasi.
2. Memantau kawasan mudah banjir, tanah runtuh dan hakisan sungai serta melaporkan kepada pihak berkuasa daerah untuk tindakan segera.
3. Membantu menyenaraikan dan memindahkan penduduk berisiko tinggi ke pusat pemindahan sementara (PPS) dengan teratur.
4. Menyelaras penyimpanan dan pengagihan bantuan asas seperti makanan dan keperluan harian kepada mangsa banjir.
5. Mengetuai aktiviti pembersihan rumah dan kemudahan awam selepas banjir bagi mempercepatkan proses pemulihan.
6. Mengumpul dan menyerahkan data kerosakan harta benda serta infrastruktur kampung kepada Pejabat Daerah untuk tindakan lanjut.
7. Berperanan sebagai penghubung utama antara penduduk dan Agensi Kerajaan dalam pelaksanaan langkah kesiapsiagaan dan bantuan bencana.

Secara keseluruhannya, peranan JPKK semasa musim monsun amatlah penting sebagai mata dan telinga Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi, bagi memastikan semua tindakan kesiapsiagaan, tindak balas kecemasan dan pemulihan pasca bencana dapat dilaksanakan dengan pantas, tersusun dan berkesan demi keselamatan rakyat Terengganu. Terima Kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Kerajaan. Seterusnya, saya persilakan Wakil Telemung untuk mengemukakan soalan. Sila. Harap-harap tidak berkaitan dengan gajah.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Apa dia Timbalan Yang di-Pertua? *Tok dengor*.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Saya rasa *tak dok soalan gajah doh* sebab dalam perbahasan tu gajah *gi Dungun doh kemarin*. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua.

اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, semua hadirin.

Terjun paya cari batu
Soalan saya nombor satu

YAB Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Pembangunan Projek Solar Terapung Hidro Hibrid dan Hub Hidrogen Hijau di Stesen Janakuasa Sultan Mahmud Tasik Kenyir pada Julai 2025 yang lalu. Sila nyatakan status perkembangan pembangunan perkara ini sehingga kini?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Kerajaan, Wakil daripada Kota Putera. Ini hal tenaga baru solar dan sebagainya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Telemung. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Soalan berkisar berkenaan dengan status perkembangan pembangunan Projek Solar Terapung Hidro Hibrid dan Hub Hidrogen Hijau yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pembangunan projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tiga fasa, yang melibatkan integrasi antara tenaga solar dan tenaga hidro bagi mewujudkan sistem penjanaan tenaga yang lebih stabil, efisien dan mesra alam. Pada masa ini, proses penilaian terhadap bidaan kontrak sedang dijalankan bagi pelaksanaan fasa satu projek ini. Kerajaan Negeri melalui agensi pelaksana sedang meneliti cadangan daripada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam pembangunan tenaga solar terapung berskala besar.

Fasa pertama ini dijangka akan menjana kapasiti tenaga sebanyak 500 MW yang akan disambungkan ke Grid Nasional bagi menyokong keperluan tenaga negeri serta meningkatkan sumbangan tenaga boleh diperbaharui. Pelaksanaan

kontrak dijangka akan ditawarkan kepada kontraktor yang layak pada suku kedua tahun 2026 dan seterusnya memulakan fasa pembinaan serta pemasangan sistem solar terapung di beberapa zon strategik di Tasik Kenyir. Projek ini juga dijangka akan menjana peluang pekerjaan dan bidang kejuruteraan tenaga dan penyelenggaraan teknologi hijau.

Fasa kedua pula, akan melibatkan pembangunan Hub Hidrogen Hijau yang merupakan salah satu komponen utama dalam membentuk ekosistem tenaga hijau bersepadu di Tasik Kenyir. Ketika ini pihak Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) sedang menjalankan kajian komprehensif serta perancangan awal berhubung dengan cadangan pembinaan kilang hidrogen hijau di kawasan tersebut. Hub ini dijangka menjadi platform penting bagi penghasilan hidrogen hijau berasaskan tenaga solar dan hidro yang boleh digunakan untuk keperluan domestik serta dieksport ke pasaran antarabangsa, sejajar dengan hala tuju Malaysia ke arah neutral karbon menjelang 2050.

Fasa tiga projek ini pula dalam peringkat kajian dan perancangan. Ia dijangka akan melibatkan penambahan kapasiti penjanaan tenaga solar sehingga 1,000 MW ataupun 1 GW. Fasa ini akan memperkukuhkan lagi kedudukan Tasik Kenyir sebagai hub tenaga boleh diperbaharui terbesar di Pantai Timur serta mengintegrasikan sistem solar terapung dengan infrastruktur hidro sedia ada bagi meningkatkan kestabilan tenaga, mengoptimumkan penggunaan sumber air dan mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan Telemung?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya nak lanjutkan apa yang telah, semalam dijawab oleh Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar berkaitan dengan perkara inilah, cuma saya nak sambung hari ni, oleh kerana sidang Dewan kita pun akan datangnya bulan 4 atau bulan 5 jadi saya nak ulas baliklah tentang perkara ini yang berkaitan, di mana sebagaimana yang kita tahulah, pembinaan solar terapung ini akan memberi satu hasil yang sangat besar kepada Terengganu dan dijangka yang sebenarnya yang ditahu oleh Kerajaan dalam RM100 juta lebih setahun, hasil. Kemudian yang kedua kita juga di Telemung ini. Telemung ni.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat kelmarin ni.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Saya *nok kabo dulu*, soalan saya *beri arr kekgi*. *Nok kabonye* hasil.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Kita ringkaskan soalan.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Telemung sumbang RM100 juta lebih untuk ini saja, solar terapung. Yang kedua, royalti air Empangan Kenyir. Orang lain *takdok* ni, kita ada. Lebih kurang dalam, hampir RM30 juta setahun. So, RM30 juta. Lepas tu *dok* masuk lagi REE. Ni *coming soon* ni dengar izin, Yang di-Pertua. Balok, KETENGAH ke....

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Okey, kita faham dah tu. Kesimpulan dari soalan tu. Saya rasa sebahagian telah dijawab oleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): *Gini*, saya nak bawa daripada rakyat Telemung kepada saya *ni* suruh sampai kepada Kerajaan. Kita *kekgi* menyumbang separuh hasil negeri ni daripada Telemung yang akan beri hasil *ni* kepada Kerajaan Terengganu.

Jadi kita haraplah, kita taknak pengalaman lepas, rakyat Telemung *tok* undi Kerajaan dulu kerana Kerajaan dulu *dok beri* kepada Telemung. Jadi sebab *tu* Telemung dia tukar Kerajaan *ni*. Dia bukan *maroh* ke Wakil Rakyat, dia *maroh* kepada Kerajaan. Kerajaan *dokwi*, Wakil Rakyat *mitok doh* tapi Kerajaan *dok beri*, jadi *maroh* ke Kerajaan.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Soalannya. Soalannya.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Jadi soalannya ialah, saya, *dok* habis lagi ni Yang di-Pertua *nok kabo* ni.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: *Hok* tahu doh tu, tu telah diulang-ulang ni. Saya ingat kalau soalan yang berulang pun akan ditolak dalam Dewan biasanya.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Jadi saya, saya nak nyatakan bahawa apakah, soalan saya apakah kesan langsung dan tidak langsung kepada rakyat tempatan, rakyat saya khusus Telemung daripada perkara inilah? Kita taknak perkara lepas berulang, dengan Tasik Kenyir. Kita korban beratus ribu hektar.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Boleh Wakil Kerajaan jawab ni, ada kesan negatif tak daripada projek-projek solar hidrogen ni?

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Tak habis lagi ni.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Kerajaan dah bersedia nak jawab atau yang berkaitan dengan hasil daripada daerah, kemudian diminta dikembalikan daerah.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Kita haraplah Kerajaan juga melihat perkara ini supaya tidak berlaku.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Kita minta Wakil Kerajaan jawab. Terima kasih Wakil Telemung. Sila Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Wakil Telemung. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, pertamanya soalan itu dah dijawab *direct* dah daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk mempertimbangkan permohonan pembangunan di Telemung. Dan kalau bagi sayalah, senarai dulu *gapo nok, pahtu* kita timbangkan. Timbalan Yang di-Pertua, selepas daripada Telemung sebut semalam, habis Yang Berhormat-Yang Berhormat *ni* mari jumpa kita, tunjuk apa hasil dalam DUN masing-masing dan nak minta *direct* apa *ni* sumbangan daripada Kerajaan. *Erm*, bagi..

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, Paka proses gas *doh* Paka. Kita *dok wi doh* gas *kekgi*. [ketawa] DP 56 tu Paka. [ketawa]

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Dato' Yang di-Pertua, di Paka ke Kemasik ke di Cukai ke, dia dapat *doh*. Kita *dok* iri *hok tu*.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila, sila *ni*. *Takdok* orang yang puas hati dengan apa yang ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Gini Telemung, jawapan

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: dihasilkan di daerah masing-masing. Sila Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Jawapan yang saya boleh *ni*, macam Paka, Kemasik semua dia dapat. Dia tak minta pun, benda *tu* datang dengan sendirinya. Jadi, inilah kesan limpahan ekonomi apabila pembangunan tu berlangsung berlaku di kawasan masing-masing. Tak *yah* minta pun *insya-Allah*, kita sebut dah dalam jawapan kita akan ada limpahan ekonomi dari segi pendapatan kerja pada rakyat setempat.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Peluang pekerjaan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Hok ni* akan dapat *ni* ke Telemung nanti. *Pahtu* akan ada hiliran-hiliran lain bila orang ramai nak kedai makan, nak kedai runcit, yang *ni* akan dapat limpahan ekonomi terus kepada penduduk setempat, *insya-Allah*. Doa panjang umur, murah rezeki, jumpa *tu*, *insya-Allah*.

والله أعلم

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Okay, Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Terima kasih Yang di-Pertua. Saya ambil janji daripada Wakil Kota Putera tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Pertama, senaraikan apa benda yang Telemung rasa dia perlu dapat, layak dapat daripada Kerajaan kerana hasil kononnya yang datang daripada DUN Telemung, kawasan DUN Telemung. Yang selebihnya, Kerajaan dah jelaskan. Ada kelebihan yang Telemung terima, peluang pekerjaan, limpahan ekonomi dan sebagainya. Saya seterusnya nak mempersilakan Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Soalan tambahan satu lagi, boleh?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Cukuplah dulu, saya ingat dah panjang tadi *tu*. Tengok soalan daripada Bukit Tunggal dulu. Sila, Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Soalan saya nombor dua-

Apakah status sehingga Oktober 2025 kemajuan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tepuh-Banggol Air Lilih, khasnya di kawasan Kampung Pengkalan Arang, Bukit Tunggal yang telah selesai pengambilan balik tanah?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila Wakil daripada Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Bukit Tunggal. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, soalan sebagaimana yang tertera. Sehingga 15 Oktober 2025, kemajuan fizikal Projek Rancangan

Tempatan Banjir Sungai Tepuh dan Banggol Air Lilih, Kuala Nerus adalah 18.25% berbanding jadual 17.92% iaitu kehadapan 0.33%. Kerja-kerja reka bentuk telah siap sepenuhnya bagi kawasan Kampung Pengkalan Arang dan kerja-kerja fizikal sedang mula dilaksanakan di kawasan yang berkenaan. Manakala kawasan lain masih di peringkat penyediaan reka bentuk dan proses pengambilan tanah masih dilaksanakan sebelum kerja-kerja fizikal dapat dilaksanakan sepenuhnya di tapak. Bagi kawasan Kampung Pengkalan Arang Bukit Tunggal, pengambilan balik tanah telah diselesaikan lebih awal pada tahun 2020 melibatkan sembilan lot tanah dengan kos keseluruhan RM2.32 juta menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Proses kelulusan Seksyen 8 sedang dimuktamadkan oleh Pejabat Tanah Daerah dengan kerjasama JPS. Penyelarasan teknikal sedang dilaksanakan bersama agensi utiliti seperti TNB dan Telekom Malaysia. Kerja fizikal utama dijangka dimulakan secara berperingkat pada suku pertama tahun 2026 tertakluk kepada kelulusan pengambilan tanah. Terima kasih.

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan? Saya ingat satu sudahlah *deh*.

YANG BERTIMBALAN LSR. HAJI ZAHARUDIN BIN ZAHID (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Bertimbalan Yang di-Pertua. Baru-baru ini, semasa pembentangan RMK-13 oleh Yang Amat Bertimbalan Perdana Menteri telah memasukkan apa *ni* Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buaya dalam RMK-13 iaitu sambungan daripada Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tepuh-Banggol Air Lilih *ni* yang kita bincang sekarang di mana Tebatan Banjir Sungai Buaya merupakan segmen yang hujung yang paling kritikal yang akan menyempurnakan Projek Tebatan Banjir Sungai Tepuh-Banggol Air Lilih. Jadi soalan saya, apakah dengan peruntukan sebanyak RM200 juta ini hampir RM200 juta untuk Tebatan Banjir Sungai Tepuh-Banggol Air Lilih ini, bilakah agaknya Seksyen 8 akan diselesaikan? Sebab tadi apa Yang Bertimbalan EXCO ada sebut anggaran untuk mulakan kerja sebab kerja-kerja tidak akan dapat dimulakan sehingga selesai sehingga Seksyen 8 diwartakan. Jadi, bilakah anggaran sebab dia akan menyebabkan apa *ni bottleneck* nanti untuk Projek Sungai Buaya nanti. Terima kasih.

YANG BERTIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila, Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Ya, terima kasih Bukit Tunggal. Terdapat beberapa halangan utama yang dijangka dihadapi bagi pelaksanaan projek ini ialah kerja pengalihan utiliti sedia ada. Proses ini memerlukan penyelarasan rapi antara pelbagai agensi utiliti seperti TNB, SATU dan Telekom Malaysia. Perbezaan keutamaan jadual kerja serta prosedur dalaman setiap agensi utiliti sering menjadi faktor yang menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan di tapak. Bagi mengatasi perkara ini, mesyuarat penyelesaian teknikal bersama agensi utiliti berkaitan akan diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan komunikasi dan keputusan dapat dibuat dengan cepat serta berkesan.

Sementara itu, anggaran tarikh pewartaan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 masih tertakluk kepada proses di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Pada masa ini, pihak kontraktor sedang dalam proses melengkapkan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan oleh PTG sebelum tindakan selanjutnya dapat dilaksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya, saya persilakan Wakil Bukit Besi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Bukit Besi soalan nombor 2. *Insyaa-Allah*.

Sejauh mana komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkasa pelaksanaan hukum-hukum Islam termasuk Hudud secara berperingkat dan apakah bentuk persiapan dari segi kefahaman masyarakat, sistem sokongan, undang-undang dan kerjasama dengan pihak?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila, Wakil daripada Batu Buruk.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Besi yang mengemukakan soalan sebagaimana yang tertera. Jawapannya ialah memaksimumkan peruntukan yang diberikan kepada bidang kuasa negeri dalam menjatuhkan hukuman dalam kesalahan jenayah syariah selaras dengan Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1965. Yang kedua, satu pindaan terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 telah dibuat pindaan iaitu pindaan 2022 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024. Pindaan ini melibatkan 60% hukuman yang dipinda kepada hukuman maksimum. Dengan pindaan ini, sekurang-kurangnya rakyat dapat memahami konsep undang-undang syariah sebelum dilaksanakan hukuman hudud. Yang ketiga, pelaksanaan hukuman sebat di luar penjara. Pada tahun 2018, bagi kesalahan musahaqah dan bagi kesalahan khalwat berulang pada tahun 2024 juga merupakan suatu langkah dalam memperkasa pelaksanaan hukum-hukum Islam termasuk hudud secara berperingkat dan sebagai persiapan kefahaman masyarakat. Dalam pelaksanaan hukuman tersebut juga, agensi pelaksana mendapat kerjasama yang baik dari semua pihak. Yang keempat, selain itu Kerajaan Negeri Terengganu juga sedang dalam usaha menyemak dan menambah baik garis panduan hiburan, persembahan kebudayaan dan sukan Negeri Terengganu yang telah dilancarkan pada tahun 2020 bagi memastikan aktiviti yang dijalankan mengikut syariat Islam atau patuh syariah. Yang kelima, antara bentuk persiapan dari segi kefahaman masyarakat pula, Kerajaan Negeri Terengganu melalui hasil kerjasama Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Agama Daerah Kuala Terengganu telah melaksanakan kempen pencegahan penguatkuasaan syariah di pusat beli-belah, pemasangan papan tanda di tempat awam sekitar bandar Kuala Terengganu. Kempen ini bertujuan mendidik masyarakat memahami undang-undang Islam secara lebih mendalam. Contohnya, kesalahan-kesalahan yang terkandung di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001. Yang keenam, kempen "Indahnya Hidup Bersyariat" yang diangkat oleh Kerajaan Negeri Terengganu juga merupakan salah satu daripada proses pendidikan dan kempen yang dijalankan dalam memugarkan lagi pemerksaan syariah di

Negeri Terengganu dan yang terakhir, Kerajaan Negeri Terengganu juga dalam usaha menaik taraf mahkamah syariah. Menambah lapisan mahkamah, latihan pegawai dan sumber manusia untuk menyokong penguatkuasaan syariah yang lebih luas dan menyeluruh. Ini penting kerana selari dengan komitmen kerajaan dalam memartabatkan syiar Islam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN SULAIMAN (Wakil Bukit Besi): Ada satu. Terima kasih atas jawapan yang telah diberikan. Soalan tambahan. 2024 dulu kita *dah* ada sebatan di luar penjara. Soalan saya, berhubung dengan sebatan tersebut juga. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah lagi untuk biar lebih kefahaman kepada masyarakat, biar masyarakat lebih sedar dan faham tentang hukuman sebat di luar penjara ini.

والله أعلم

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Kerajaan. Sebab sekali *je* baru *dok*? Maksudnya, jadi ada lagi ke *dok* dan *lagu mana* perancangan kerajaan. Sila.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Bukit Besi di atas keperihatinan tentang isu-isu yang berkait dengan pemerkasaan syariah. *Insyaa-Allah* kita sentiasa berusaha untuk memperkasakan dalam konteks tersebut. Antaranya ialah beberapa langkah yang kita ambil, pihak MAIDAM sendiri telah mengambil langkah proaktif denganewartakan tempat pelaksanaan hukuman sebat syariah di luar penjara sebagai tempat yang sah dan teratur bagi tujuan pelaksanaan hukuman menurut peruntukan undang-undang syariah. Pewartaan ini membolehkan pelaksanaan hukuman sebat dijalankan secara terbuka dan boleh disaksikan oleh orang awam selaras dengan prinsip pendidikan dan penghayatan hukum Islam yang bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keadilan dan hikmah di sebalik pelaksanaan hukum tersebut.

Jadi dalam konteks ini, ini antara langkah-langkah yang kita ambil dalam hukuman yang kita laksanakan yang lepas di luar mahkamah kita laksanakan di masjid di mana pihak MAIDAM sendiri telahewartakan beberapa buah masjid untuk pelaksanaan jika sekiranya ada kes-kes lain selepas daripada ini.

Begitu juga kita dalam usaha untuk mewartakan juga tempat-tempat awam yang lain seperti kawasan rekreasi dan seumpamanya tempat orang awam berkumpul kerana itu penting. Jika sekiranya hukuman ini dilaksanakan di dalam penjara, hanya pihak yang tertentu sahaja yang melihat. Bila kita laksanakan di luar penjara, maka itu memberi satu kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat bahawa beza antara hukum sebat sivil dengan hukum sebat mengikut syariat Islam yang lebih adil dan tidak menyeksa. Kita kalau boleh, *tak nak* adalah kesalahan-kesalahan ini. Lagi kurang kesalahan, lagi baik kerana falsafah undang-undang jenayah Islam ini adalah mendidik. Jika sekiranya lagi kurang, itu lagi baik. Menunjukkan keberkesanan daripada undang-undang yang telah kita luluskan dan telah kita laksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya saya persilakan Wakil Sura.

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Soalan Sura, soalan saya nombor 3 –

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Terengganu sebagai hub pengumpulan dan pengeksporthasil pertanian serta penternakan bagi meningkatkan nilai ekonomi negeri?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Dipersilakan Wakil Jabi untuk mengemukakan jawapan.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih Wakil Sura. Memang kita akui di antara keterbatasan sektor pertanian Terengganu ialah kita tidak mempunyai *exit and entry point* dengan izin, pintu keluar dan pintu masuk untuk eksport produk kita ke pasaran antarabangsa. Sebenarnya produk pertanian Terengganu memang memasuki pasaran eksport. Antaranya nanas MD2, melon manis Terengganu, tembikai malah hasil laut kita daripada pendaratan ikan merin memang mendapat sambutan yang lebih baik daripada hasil laut yang ditangkap di perairan pantai barat khususnya di Selat Melaka kerana perairan Terengganu ini dikira *open sea*, laut yang tidak tercemar. Kerana itu, ikan kita menjadi pilihan. Tetapi yang menjadi keterbatasan kita ialah ketiadaan *exit point*. Inilah di antara punca KDNK pertanian Terengganu agak rendah kerana apabila produk ini dieksport melalui pintu keluar yang berada di negeri lain, maka KDNK dapatlah kepada negeri tersebut. Kalau keluar ikut KLIA dapatlah kepada negeri di mana KLIA berada. Kalau keluar melalui Tambak Johor, dapatlah KDNK kepada negeri di mana Tambak Johor berada.

Kita sebenarnya adalah negeri pengeluar dan menuju ke hadapan. Kita melihat adalah satu keperluan yang sangat penting untuk isu besar ini diatasi secara berperingkat khususnya apabila beberapa projek pelaburan mega dalam sektor pertanian seperti McCormick mula mengeluarkan hasil dan hasil ini adalah hasil untuk pasaran eksport. Sekarang ini TADC sudah mempunyai pusat pengumpulan hasil tani di D.C. di Telaga Papan, Setiu yang beroperasi sebagai hub logistik dan pengumpulan juga sebagai hub pemprosesan yang menghasilkan produk yang berkualiti dan memenuhi piawaian. Dalam masa yang sama, TADC sebagai GLC negeri yang bertanggungjawab dalam sektor pertanian mempunyai satu perancangan besar.

Sejumlah peruntukan telah dipohon dalam Rancangan Malaysia ke-13 bagi tahun 2026 untuk ditubuhkan sebuah pusat fasiliti agro hijau bersepadu dengan izin *integrated green agro facilities* dengan jumlah permohonan dianggarkan sekitar RM93 juta dan pusat ini akan dibangunkan di kawasan perindustrian Teluk Kalong, di Kemaman yang merangkumi yang pertama, pusat transit dan kuarantin untuk haiwan ternakan. Yang kedua, pusat pengumpulan dan

pembungkusan hasil tani. Yang ketiga, gudang penyimpanan untuk input pertanian. Yang keempat, bangunan penyimpanan untuk produk sejuk beku. Yang kelima, bangunan operasi dan pemeriksaan dan seterusnya sistem integrasi solar. Jadi inilah di antara perancangan besar kita, bagaimana supaya produk-produk hasil pertanian daripada negeri kita dikumpulkan dalam satu hub logistik yang sistematik dan moden serta memenuhi piawaian untuk kita menghasilkan produk yang bermutu dan seterusnya memasuki pasaran eksport di peringkat antarabangsa.

Kita ada bincang dengan pihak DOSM, pihak Jabatan Perangkaan Malaysia dan mereka bersedia untuk membuat penambahbaikan supaya dari segi KDNK sesuatu produk itu dilihat daripada mana origin, daripada mana asalnya, bukan dilihat daripada mana tempat dia keluar sahaja. Kalau begitu, ia akan jadi satu gambaran yang agak tidak adil. Sebagaimana isu yang biasa kita dengar, produk daripada Hi-Tech Kulim dieksporth melalui Pelabuhan Pulau Pinang, maka hasil daripada Negeri Kedah, dapatlah KDNK-nya kepada Negeri Pulau Pinang. Ini situasi yang ada sekarang ini. Terima kasih

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan daripada Sura?

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Ada satu soalan tambahan Yang Berhormat EXCO Jabi. Disebut tentang pembinaan hub logistik di Teluk Kalong. Kalau ikutkan apabila Stesen ECRL siap nanti, di Dungun juga akan ada satu gudang dikhususkan untuk logistik. Jadi saya ingin bertanya kepada Jabi, adakah Kerajaan Negeri ataupun bahagian pertanian dan penternakan bersedia untuk menjadikan Dungun salah satu daripada hub logistik untuk eksport dan kumpulkan hasil pertanian dan perikanan Terengganu ke luar negeri?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila, Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Sura. Bukan hanya setakat Dungun, malah TOD-TOD yang ada di stesen-stesen lain akan dilihat dari segi potensi dan manfaat untuk kita integrasikan dan pertanian di antara elemen penting hasil daripada negeri kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Kerajaan. Saya ingat kita mungkin sempat beberapa soalan lagi. Saya kembali ikut pusingan ye, kepada Wakil Bandar untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Hari ini giliran nombor tiga pulak Yang Berhormat.

Apakah usaha terkini Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan gerak kerja dakwah di peringkat daerah dan DUN khususnya kepada golongan belia?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Giliran nombor tiga.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Dipersilakan. Soalan nombor tiga *dok?* Okey. Dipersilakan Wakil daripada Batu Buruk.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bandar yang mengemukakan Soalan yang ketiga.

Jawapannya ialah Kerajaan Negeri Terengganu melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Akademi Didik Ulama Amilin Terengganu (DUAT) dan Yayasan Islam Terengganu (YIT) terus memperkukuh gerakan dakwah di setiap daerah dan DUN dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif terkini yang lebih tersusun. Antara usaha utama ialah dengan menempatkan seorang pegawai Akademi Didik Ulama Amilin Terengganu (DUAT) di setiap DUN bagi mengkaji pendekatan dakwah yang sesuai dengan keperluan setempat, khususnya dalam mendekati golongan belia. Mereka berperanan menyelaras aktiviti dakwah, menghubungkan masjid, pondok dan institusi pengajian agama di kawasan masing-masing agar mesej dakwah lebih menyeluruh dan berimpak tinggi. Langkah ini bukan sahaja memastikan kesinambungan aktiviti keagamaan di peringkat akar umbi, malah memberi ruang kepada belia untuk terlibat secara

langsung sebagai penggerak dan sukarelawan dakwah. Selain itu, JHEAT juga melaksanakan Kursus Pra-Perkahwinan kepada golongan belia yang akan mendirikan rumah tangga. Semua Pejabat Agama Daerah mengadakan kursus ini secara berjadual dan hampir setiap minggu bergantung kepada bilangan peserta. Tujuannya memberi ilmu asas perkahwinan. Yang kedua, mempersiapkan emosi dan mental pasangan muda. Yang ketiga, mengurangkan masalah sosial dan perceraian. Yang kelima, memastikan perkahwinan dilakukan menurut syariah. Seterusnya JHEAT dengan kerjasama MAIDAM menubuhkan kelas pengajian agama yang dinamakan kelas (SPAIT) atau Sijil Pengajian Agama Islam Terengganu. Fokus kepada golongan belia yang berusia 25 dan ke atas. Kini terdapat 47 buah kelas di masjid-masjid di Terengganu yang sebahagian besarnya juga melibatkan golongan belia. Program lain yang turut dilaksanakan oleh agensi seperti Yayasan Islam Terengganu adalah seperti kelas Al-Quran, Program Kemasyarakatan, sukarelawan dan Program Rekreasi Anak Muda. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat EXCO iaitu adakah di sana disediakan apa-apa sokongan atau peruntukan kepada setiap DUN di dalam melaksanakan aktiviti dakwah, kerana kita tahu bahawa aktiviti dakwah ini dia kena turun kepada masyarakat dan biasanya DUN yang akan melaksanakannya, adakah di sana ada sokongan atau peruntukan yang disediakan kepada pihak DUN? Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Terima kasih Yang Berhormat Bandar. Setakat ini kita menggunakan pelbagai cara dan kaedah. Antaranya ialah pemerksaan jabatan dan agensi yang sedia ada di samping unit-unit tubuh khususnya I-MITS dan DUAT termasuk juga UBSNT. Sebagai contoh, unit DUAT yang berada di bawah Portfolio ini kita mengadakan pelbagai program. Antara program yang kita laksanakan yang terbaru ialah kita menganjurkan satu kursus untuk mengeluarkan DUAT dalam Ilmu Faraid yang mana kita bekerjasama dengan Persatuan DUAT Faraid Malaysia dan *Alhamdulillah* dalam kursus yang kita

adakan kita telah berjaya mengeluarkan seramai 102 orang DUAT di setiap DUN. Sekurang-kurangnya boleh membantu jabatan yang berkewajiban untuk menyelesaikan isu-isu yang berkait dengan pembahagian harta pusaka dan lain-lain lagi dan di samping itu kita akan meluaskan lagi dalam skop-skop yang lain. Antaranya ialah DUAT dalam Ilmu Falak dan juga sudah tentu berkait dengan *engagement* dengan anak muda dalam media sosial sebagaimana yang telah saya jawab soalan daripada Rantau Abang sebentar tadi. Di samping itu kita membantu dengan program-program yang kita turun ke peringkat DUN-DUN melalui platform Karnival Indahnya Hidup Bersyariah. Ini adalah bertujuan untuk kita meningkatkan lagi program-program dakwah di semua peringkat supaya ianya sampai ke bawah supaya kita boleh *engage* dengan setiap lapisan dan segmen dalam masyarakat kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Saya nak bagi soalan yang terakhir.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Saya nak mencadang kepada pihak Kerajaan terutama daripada Yang Berhormat EXCO, pegawai-pegawai yang dihantar kepada setiap DUN ini, mereka tidak ada sebarang peruntukan dan memang mereka akan menggunakan peruntukan kita lah di pusat khidmat. Saya ingin mencadangkan kalau sekiranya boleh disediakan sedikit peruntukan untuk mereka, masuk *kok* pejabat daerah tak apa. Sekurang-kurangnya mereka ada sikit semangat untuk buat kerja dengan ada sedikit peruntukan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya, sila Wakil Kerajaan. Ringkas je tu.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): *Insyah-Allah* kita akan kaji dan pertimbangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Saya nak bagi soalan terakhir kepada Wakil Jertih untuk sesi pagi ini.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Soalan satu ke dua?

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Jertih soalan kedua.

Sejauh manakah pembanterasan perniagaan vape atau rokok elektronik di negeri ini selepas penguatkuasaan pengharaman perniagaan vape?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Soalan yang kedua. Silakan Wakil daripada Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Jertih. Jertih bertanyakan soalan tentang *vape* seperti yang tertera di skrin. Jawapannya ialah selepas daripada larangan penjualan produk rokok elektronik atau *vape* yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025 yang lalu, semua premis perniagaan *vape* di bawah seliaan PBT di seluruh Negeri Terengganu telahpun menghentikan penjualan produk tersebut dan hampir semua premis-premis akur dengan pengharaman perniagaan *vape* yang telahpun dikuatkuasakan oleh Pihak Kerajaan dan dalam masa yang sama pihak PBT sentiasa dengan kerjasama penguatkuasa untuk berterusan melakukan pengawasan dan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap larangan yang telahpun dikeluarkan oleh pihak Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada soalan tambahan daripada Jertih?

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Berapakah jumlah premis *vape* di seluruh Negeri Terengganu dan juga tindakan penguatkuasaan sebelum dan selepas pengharaman *vape*, jumlah?

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Ya, sila. Ada data tak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ada. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya Jertih. Sebelum daripada pengharaman secara *total* produk rokok elektronik ataupun *vape* ini, kita mempunyai sebanyak 146 premis jualan produk *vape* ini. Kalau saya boleh perincikan mengikut PBTnya, di Kuala Terengganu kita ada 40, di Majlis Perbandaran Kemaman kita ada 17 di Dungun kita ada 26, di Besut ada 36, di Hulu Terengganu ada 6, di daerah Marang ada 10 dan Setiu ada 11. Jumlah kesemuanya adalah 146 Tetapi selepas pengharaman total yang diisytiharkan oleh pihak Kerajaan yang bermula pada 1 Ogos 2025, daripada jumlah 146 hanya tinggal berbaki 7 sahaja lagi. Di Kuala Terengganu daripada 40 tinggal 3, di Kemaman daripada 17 hanya tinggal 1, di Dungun daripada 26 tinggal 1, di Besut daripada 36 juga tinggal 1, di Hulu Terengganu daripada 6 jadi 1 dan di Marang daripada 10 kosong (0), begitu juga kosong (0) di Setiu daripada 11. Sebelum daripada pengharaman, penguatkuasaan yang dilakukan sebelum pengharaman secara total, sebanyak 136 notis yang telah dikeluarkan dan 35 kompaun yang juga telah dikeluarkan kepada semua premis-premis yang telah beroperasi ini dan selepas daripada pengharaman secara total, jumlah kompaun yang dikenakan berkurangan daripada 35 kepada 11 dan notis daripada 136 hanya 6 notis sahaja yang dikeluarkan. Jadi Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jertih, terbukti pengharaman total yang dilakukan oleh pihak Kerajaan ini sangat membantu untuk menyekat penularan produk rokok elektronik ataupun *vape* ini daripada dijual secara berleluasa dan secara bebas di dalam Negeri Terengganu ini. *Insyah Allah* mudah-mudahan dengan usaha yang telah dilakukan ini akan dapat mensifarkan terus penggunaan *vape* di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TIMBALAN YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Wakil Kerajaan, Wakaf Mempelam dan semua Wakil yang terlibat menjawab soalan-soalan daripada Wakil-Wakil Dewan Undangan Negeri kita. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan sama ada di negeri dan persekutuan, para pemerhati dan tuan-tuan puan-puan sekalian, saya tangguhkan dahulu persidangan kita pada pagi ini untuk masa lebih kurang setengah jam dan kita akan sambung semula pada pukul 10.50 pagi, sekian.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.23 PAGI

PUKUL 10.56 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pertamanya, kita bersyukur pada Allah dan kita akan teruskan dan sambung penggulungan daripada Wakil Kerajaan. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Yang dihormati Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli MMKN dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pemerhati dan juga hadirin-hadirat yang dihormati sekalian. Pertamanya, *alhamdulillah* merafakkan rasa syukur kepada Allah *Ta'ala* dapat sekali lagi kita bersama-sama dalam membahas Ucapan Belanjawan Bajet bagi 2026. Saya mengambil kesempatan ini جَزَاكُمُ اللَّهُ tahniah dan terima Kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah berjaya membetangkan Rang Enakmen Pembekalan 2026 yang telah memperuntukkan hampir 2 billion untuk perbelanjaan mengurus bagi Negeri Terengganu Darul Iman dan *insya-Allah* kita mengharapkan supaya pulangnya akan kembali kepada rakyat demi

kesejahteraan dan mencapai tema “Maju Berkat dan Sejahtera”. Apapun ia berlegar kepada apa yang diperingatkan oleh Rasulullah ﷺ tentang tanggungjawab dan amanah anak Adam *لَا تَزُولُ قَدَمَا أَعَدُّ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ أَرْبَعٍ* tidak akan lepas setiap kaki anak Adam apabila masuk ke alam barzakh nanti dia akan disoal tentang empat perkara. Antaranya *من أين اكتسبه* dan *وفيم أنفق* dari mana dia dapat, ke mana dia dibelanjakan dan itulah konsep asas dalam perbelanjaan dalam Bajet mana sumber pendapatan dan kemudian ke mana kita belanjakan. *Insyah-Allah* hasrat Kerajaan adalah untuk memulangkan kembali kepada pemegang taruh khususnya rakyat Terengganu yang telah memberi kepercayaan dan amanah kepada kita memimpin dan *insyah-Allah* akan dikembalikan semula kepada rakyat sebagai amanah, tanggungjawab kita yang diberikan amanah kepimpinan. Bertemakan “Memacu Potensi dan Melonjak Prestasi”. Ada beberapa perkara yang cuba saya kongsi bersama antara tujuh pemacu dalam menggerakkan potensi yang sedia ada di Negeri Terengganu Darul Iman, antaranya adalah pemacu yang keempat berkait dengan potensi GLC. Walau sebanyak mana dia meraih pendapatan keuntungan berjuta, ratus juta, bahkan bilion sekalipun tapi yang lebih penting adalah sejauh mana kita berjaya memulangkan kembali untuk manfaat kepada rakyat. Saya ambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Terengganu Inc. yang pada tahun ini dengan pendapatan yang agak baik telah menyumbang CSR sebanyak 5.73 juta yang kembali kepada masyarakat sumbangan-sumbangan yang menggerakkan komuniti yang boleh bersama-sama berkongsi hasil daripada kecemerlangan anak syarikat ataupun GLC dan juga TI Group yang berjaya mengeluarkan, membantu CSR sebanyak 5.73 juta untuk tahun 2025, juga mengembalikan dalam bentuk pembayaran zakat sebanyak 8.6 juta secara langsung menyumbang dan berbakti membantu asnaf dalam meringankan sara hidup mereka serta khususnya dalam bidang-bidang pendidikan termasuk juga sumbangan kepada Kerajaan Negeri dan juga Yayasan Islam Terengganu sebanyak 5.1 juta melebihi pada tahun-tahun sebelum balik. Termasuklah program Yayasan Terengganu dan TI *Young Talent* yang telah menyumbang daripada RM500 ribu untuk tahun ini sebanyak RM1 juta. Terima kasih kepada GLC yang turut memberi biasiswa kepada anak Terengganu yang cemerlang, khususnya dalam bidang pendidikan.

Katok Gong Tiup Nafiri
Kalau banyak untung, harap-harap tambah lagi.

Insya-Allah. Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang pemacu yang keenam iaitu berkait dengan TVET. Hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Majlis TVET Negeri diharapkan dapat memacu agar melahirkan potensi-potensi pelapis khususnya anak-anak Terengganu dalam bidang TVET. Setengah-setengah negara luar contohnya Jepun, ketika berusia 15 tahun mereka telah memilih bidang-bidang masing-masing dan TVET merupakan pilihan pertama mereka. Kat kita ini *mu dok rok mu gi* TVET lah kemahiran tapi dekat dia merupakan pilihan pertama selepas usia 15 tahun. Dalam masa sama, kita sebenarnya telah mengambil peranan berusaha untuk mengembangkan kemahiran TVET seperti ini. Sebelum pada ini kita dengan kerjasama Yayasan Terengganu telah mewujudkan pondok TVET mengikut daerah-daerah dan *insya-Allah*, kita akan memperkasakan kembali untuk program kemahiran di pondok-pondok yang sedia ada. Pihak JAKIM juga telah mengembangkan tahfiz TVET dan kita Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan *insya-Allah*, kita akan mengembangkan ataupun menggabung jalin institusi-institusi yang sudah sedia ada maahad-maahad tahfiz, institusi-institusi tahfiz dan juga institusi-institusi TVET dalam bagi Kerajaan Negeri Terengganu sendiri. Oleh kerana itu kita mengharapkan kerjasama daripada YB-YB, jabatan-jabatan khususnya rakyat Terengganu supaya mewartakan institusi-institusi yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri telah menghabiskan peruntukan pembelanjaan yang tinggi bagi mengurus institusi-institusi ini memberi pinjaman-pinjaman kepada pelajar agar pelajar-pelajar khususnya rakyat Negeri Terengganu diberi keutamaan untuk memasuki pusat-pusat TVET Negeri Terengganu seperti TESDEC khususnya ataupun TTITC di Hulu Terengganu. Telemung, kawasan Telemung *dok?* Ruane-Tati ataupun TATI Skill Kolej Kemahiran Yayasan Terengganu mahupun Institusi Pengajaran Tinggi UCTATI supaya pelajar-pelajar Negeri Terengganu khususnya memberi keutamaan kepada institusi-institusi dalam negeri kita, secara langsung menjimatkan kos dan juga dapat meraih banyak manfaat yang telah dikeluarkan peruntukan-peruntukan, pinjaman-pinjaman pembelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu supaya dapat diguna dan dimanfaatkan yang terbaik.

Saya ambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada UCTATI dan TATI Skill. Projek pertama kita apabila kita lancarkan iaitu *Fast-Track* SPM Yayasan Terengganu bersama dengan TATI Skill. Baru-baru ini sempena graduasi *convocation* UCTATI pelajar pertama, pelajar sulung kita iaitu Ahmad

Bahauddin Kamal Bahari. Dulu dia mengaji di Pondok lewat, sikitlah umur 21, baru ambil SPM di *Fast-Track*. Kemudian *join* masuk UCTATI. *Alhamdulillah*, dia sudah bergelar sebagai seorang jurutera dan bekerja dengan saya *Oil and Gas*. Dari pondok menjadi jurutera. Itulah sebenarnya hasrat kita supaya kita dapat meraih lagi, banyak lagi potensi-potensi rakyat Negeri Terengganu untuk diberi ruang dan peluang lebih luas dalam kemahiran dan juga dalam kerjaya, karier masing-masing.

Yang ketiganya saya sentuh tentang pemacu yang ketujuh. Dalam mengoptimalkan penggunaan digital dan juga pentadbiran dan tidak ketinggalan khususnya dalam pendidikan. Satu *retreat* di Bangi Ketua-ketua Jabatan dan sebagainya yang kita adakan, telah mengambil keputusan untuk mengguna pakai digital ini di peringkat awal pendidikan dan pihak Kerajaan Negeri telah mengambil perjalanan. Antaranya kita membekalkan mewujudkan makmal komputer bermula dengan di SMIDI beberapa tahun yang lepas dan bermula tahun depan awal Januari kita akan memulakan digital ini bermula tahun satu menggunakan iPad dan juga program *Apple*. *Insya-Allah* pada 2026 semua pelajar tahun satu di SMIDI, semua pelajar akan menggunakan iPad dan *insya-Allah* akan diperkasakan daripada tahun ke tahun.

Sebelum pada ini kita sedia maklum semua pelajar-pelajar IMTIAZ di bawah Yayasan Terengganu IMTIAZ telah menggunakan aplikasi ini dan *insya-Allah* kita mengharapkan supaya sekolah-sekolah milik Kerajaan Negeri tidak ketinggalan dan itu merupakan langkah pertama dan *insya-Allah* kita berusaha untuk masa-masa yang akan datang untuk kita perturunkan lagi bermula di peringkat sekolah rendah milik Kerajaan Negeri, di SRIDI dan sebagainya. Hasratnya daripada semua pendapatan sumber dan sebagainya kita gembelangkan yang akan memulangkan kepada rakyat khususnya sebagai pemegang taruh kepada Kerajaan Negeri yang sedia ada.

Saya mengambil kesempatan ini, ucap *جَزَاكُمُ اللَّهُ*, terima kasih, tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri yang telah memulakan bermula tahun ini sumbangan *one off* kepada pelajar-pelajar yang bakal mengambil peperiksaan awam SPM, STPM dan STAM. Lebih 20,000 pelajar dapat menafaat dengan peruntukan RM2 juta. Walaupun RM100 seorang tapi sebagai rangsangan untuk mereka ini lebih berdaya saing, berusaha, beri semangat untuk cemerlang dalam SPM. Mengekalkan kecemerlangan di dalam peperiksaan awam yang telah kita pegang sebelum daripada ini. Yang kedua kita ucap terima kasih hasrat

Kerajaan untuk mempertingkatkan perkapital khususnya sekolah-sekolah agama rakyat. Kita ada lebih kurang 148 institusi rakyat yang bernaung di bawah payung Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT). Sebahagiannya kita telah memberi perkapital dan kerana isu audit sebagainya kita tukar nama dengan bantuan *one-off* bermula tahun ini untuk akan-akan datang tapi konsep yang sama sahaja dan ia dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menambahkan lagi peruntukan tersebut.

Kita ucapkan *حَزَاكُمُ اللَّهُ*, dan terima kasih dan juga nampaknya ada subsidi air. Memang kita tak nafilah, antara bebanan pengurusan sekolah-sekolah agama rakyat ini, kos elektrik dan air. Jika pihak Kerajaan boleh memberi subsidi itu suatu perkara yang amat-amat dialu-alukan dan *insya-Allah* hasrat Kerajaan supaya kita seiring dalam dunia pendidikan ini, sama ada milik Kerajaan Negeri, milik-milik sekolah agama rakyat, institusi-institusi yang kita dapat seiring sekata, jalan bersama untuk membangunkan rakyat Negeri Terengganu ini sendiri *insya-Allah*.

Juga kita juga *insya-Allah* akan mengambil kira untuk menambahkan peruntukan-peruntukan pinjaman pelajar bagi pinjaman TVET khususnya sebab bilangan-bilangan yang terlalu kecil dan terhad agar kita beri banyak lagi peluang-peluang dan kita pelbagaikan peluang-peluang dalam bidang-bidang, kemahiran-kemahiran yang tertentu khususnya institusi-institusi milik Kerajaan Negeri. Setakat ini untuk program *Fast-Track* SPM, TATI Skills kita mengambil 100 orang pelajar. Kita berusaha untuk mempertingkatkan lagi kerana permintaan yang tinggi. Kita berusaha *insya-Allah* harap kita dapat menambah peruntukan sehingga 200 orang pelajar setiap tahun bagi peluang kepada pelajar-pelajar tahfiz, pelajar-pelajar pondok dan sebagainya untuk mengambil SPM dan mula meneroka bidang yang lebih luas. Saya dimaklumkan pada tahun ini ada seorang Hafizah 30 juzu' yang sudah berjaya menamatkan di *Fast-Track* SPM dan sedang menunggu untuk graduasi di UCTATI juga. Ini merupakan produk-produk yang kita rasa dapat menambah nilai kepada pengajian-pengajian yang mereka miliki setakat ini. Yang seterusnya kita juga berusaha untuk mempertingkatkan biasiswa SPC kita, Skim Pelajar Cemerlang sejak 2019 kita memperuntukkan RM5 juta tapi dengan bilangan pelajar yang cerdik ramai, golongan-golongan B40, yang mohon juga ramai, kadang-kadang agak terhad. Lebih kurang 200 orang sahaja setahun kita boleh keluarkan dengan peruntukkan RM5 juta setahun. Kita sekarang berusaha untuk mempertingkatkan kepada RM6 ataupun RM7 juta. *Insya-Allah* doa-doakanlah

untuk tahun-tahun mendatang kita boleh mempertingkatkan Yayasan Terengganu dengan biasiswa SPC ini daripada RM5 juta setahun yang kita sekarang kepada RM6 juta ataupun RM7 juta untuk tahun-tahun yang akan datang.

Saya ingin menyebut sedikit apa yang disentuh oleh dari kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN yang menyentuh tentang isu-isu pendidikan. Saya ucap *جزاكم الله*, terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tentang pendidikan anak-anak Negeri Terengganu kita ini. Yang pertama, saya ingin sentuh tentang ADUN Ladang, yang menyentuh tentang isu UPKK, yang mengatakan Negeri Terengganu antara yang terendah daripada keputusan UPKK. Hasil daripada maklumat kita sebenarnya tiada *ranking* yang dikeluarkan oleh JAKIM. Mungkin YB ada *line wane* dengan JAKIM *nun*, dapat maklumat tapi tiada pendedahan awam, umum juga melibatkan *ranking* ini. Yang pastinya, pencapaian yang dimaklumkan berdasarkan GPS iaitu *Grade Purata Score* setiap negeri, kebangsaan dan juga sekolah-sekolah.

Jadi pencapaian UPKK Terengganu pada 2024 adalah 100% lulus. Tiada seorang pelajar yang dapat keputusan semua D pada semua subjek. Untuk GPS Kebangsaan, UPKK Kebangsaan 1.85 dan untuk GPS UPKK Negeri Terengganu pada tahun 2024, 2.01 dan untuk sekolah-sekolah milik kerajaan negeri tanggungjawab kerajaan negeri, sekolah-sekolah negeri khususnya SRIDI, 1.24. Saya ambil kesempatan ini ucap tahniah kepada JPINT dan juga SRIDI-SRIDI Negeri Terengganu dengan GPS 1.24 mengatasi GPS Peringkat Kebangsaan dan juga Peringkat Negeri Terengganu. Tahniah. Yang kedua, ADUN Air Putih, saya rasa *acap* kali nak sekolah baru ni DUN Air Putih ni, jadi macam Telemong *gok* 3-4 kali nak minta geran, bahagian Telemong.

Untuk makluman Yang Berhormat Air Putih, kita memang bercadang untuk mewujudkan SMIDI baru dan juga SRIDI di DUN Air Putih dan juga bagi Daerah Kemaman. Cadangan tapak sudah diluluskan iaitu Batu 2 ½, Jalan Air Putih Kemaman dengan keluasan 9.43 ekar.

Insya-Allah kita tunggu kelulusan Bajet untuk pembangunan dan akan memulakan persekolahan ini. Sekarang ni memang permintaan tinggi untuk SMIDI mahupun SRIDI. Kadang-kadang nak masuk darjah satu tu, minta syafaat juga EXCO YB apa. Darjah satu apalah nasib lah tapi memang kadang-kadang bila markah rendah sangat *dok* sapa 80%, takut *nyakyer* pelajar sebab

SRIDI ni dia akan memulakan pengajian Tahun Satu dengan Al-Quran, Bahasa Arab dan sebagainya, *takut dok dang nok ambak, sian gok ke dia*. Kita paksa-paksa dia masuk, jadi kita tengoklah *hok mane-mane* tu, sebab kita *limit* sangat pengambilan, jadi terpaksa pilih-pilih. *Temuduga doh, nak masuk darjah satu, temuduga doh, kekgi nok masuk tadika temuduga gok, berat dok tahulah...* tapi memang pilihan sebab pelajar kita balik pukul 4.00 *bereh lake doh, ngaji bereh, mayang bereh, Al-Quran bereh*. Jadi mak ayah tinggal situ balik kerja pukul 4.00 *katrang ambik, bereh lake doh*, itulah memang hasrat kitalah tapi setakat ni hasrat kita, satu DUN satu SRIDI, satu Parlimen, satu SMIDI dan juga Kolej Terengganu kita, jadi masih lagi dalam proses pembinaan dan sebagainya.

ADUN Rantau Abang menyentuh tentang isu gejala sosial. Krisis nilai dan akhlak dan menyarankan supaya kembali kepada Pendidikan Islam dan memang itu selari dengan hasrat Kerajaan Negeri dan juga tindakan-tindakan yang kita telah ambil perjalanan. Saya pernah ingatlah yang MB sebut dengan Gen-Z kita ni, generasi baru ni manjalah, apalah.. Zaman-zaman kita dulu *baham nampor, baham rotan*, cikgu ni normal je... Zaman sekarang rotan sikit, jumpa di mahkamah. *Tu nyaknyer orang*. Dalam Islam pun *مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سِنِينَ* suruh anakmu sembahyang umur tujuh tahun. *وَاصْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ* pukul dia umur 10 tahun. Ada seorang cikgu pukul anak murid kerana sembahyang, kena pecat *dok stabuk...* ni di Negeri Terengganu ni, kena pecat *doh* macam mana. Zaman saya dulu mak hantar sekolah *ye kate, "cikgu ambiklah wat anak murid ni tolok buta dengan patoh je"*, *ye kabo*. Cikgu kata ingat tu *mok mu kate mende*, buta dengan patoh je, *hok* lain ikut panda lah tapi *tak dok pun sapa buta patoh*. Jadi cikgu mengajar dengan roh, dengan jiwa, dengan hati dan perasaan. Dia buat macam anak dia sendiri.

Zaman sekarang sekolah suruh *anak nyapuh je*, macam kita, kan, seminggu *nyapuh* kelas, seminggu papan hitam, seminggu bersih tandas. Cikgu suruh *nyapuh*, mari *mok ayah ni kabo, "Cikgu, bakpe suruh anak saya nyapuh, bersih nih? Saya ator untuk skolah, blajo bukan mari nyapuh."* *Doh*, macam mana *starang? Warning* cikgu apa sebagainya. Ada setempat tu, *baham* buku lima cikgu, *tunggu kat pagor, hok mana cikgu? Hok mana? Cikgu pun, ye dok kenal*. Akhir cikgu *kata guana, "ikut panda mu ah nok jadi gajah rima pun. Gaji aku jalan."* Jadi dia hanya mengajar fizikal ni sahaja, perasaan, jiwa tak ada. Ini menimbulkan krisis akhlak, nilai dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Dato' Yang di-Pertua, mohon mencelah....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat Jertih, sila Yang Berhormat...

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Paka, kita setuju bahawa kita menghadapi kegagalan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Semangat sikit Yang Berhormat Jertih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): kegagalan sistem pendidikan negara kita untuk melahirkan insan yang seimbang, jasmani, emosi, rohani dan *intellectual* dengan bertambahnya kes-kes jenayah gejala sosial di sekolah-sekolah di seluruh negara. *So*, apakah solusi yang Portfolio Yang Berhormat Paka ingin tawarkan kepada masyarakat? والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Antara faktor penyumbang besar masyarakat kita ni, generasi baru ni, dia nak *derah*, dia *nok* cepat, dia nak segera. Zaman kita dulu, *mok nok masok* tengah hari, pukul 10 *start doh*. Cari kayu api tu apa, lambat. Sekarang ni dia *nok* cepat. Mee Maggi, cepat dimasak, sedap dimakan. *Dia nok derah lake*. Tu timbul *handset ni, handset nok derah okmo, nok derah, nok derah...* Orang dulu berkasih ni, sekolah-sekolah dulu berkasih. Dia bercinta, sekolah rendah bercinta *doh*, dia diam, lepas universiti baru kahwin. Ni baru *joh* dua, bawa pisau *doh, mu nok ke aku dok? Takdok? Sembelih mu... oh berat*. Dia nak segera faham, nak macam mana sekarang? *Haa, dok sabor, dok tahan. Dia nok derah belake, serba-serba nok derah. Handset gitu gok, nok derah bayor, nak derah apa. Haa, dulu g bank dulu ambil pitih, lening dok, sreh transfer...* Derma pun gantung QR *tekok, hadohhh, bise..* Nak derma, *kabo tak dok pitih ni, wak tubik QR, bapok buh tekok*. Zaman moden, *nok* kata macam mana? Jadi penyelesaian dia, sebagaimana dia cadangkan Yang Berhormat Rantau Abang lah. Islam telah memberi penawaran-penawaran dia dan konsep Islam Pendidikan ni, sepanjang hayat *long life learning*, مِنَ الْمَهْدِ إِلَى اللَّحْدِ daripada buai, sampailah atas. Oleh itu, kita ucap terima kasih kepada semua Institusi, I-MITS, DUAT, jabatan-jabatan, masjid dan sebagainya. Semua perlu mainkan peranan. Jangan kata tugas pendidikan ni, cikgu sahaja, ustaz sahaja ataupun warga

pendidik sahaja, *dok* semua tanggungjawab, memainkan peranan. كُوْ أَنْفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ جَاةٌ نَارًا Jaga diri kamu, jaga keluarga kamu, daripada api neraka, sebab itu tema kita, Maju Berkat Sejahtera. Sejahtera ni definisi dalam Islam sahaja. Maksudnya, فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ Dunia baik, akhirat baik, selamat daripada api neraka. ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ Inilah sebesar-besar kejayaan dan inilah kita, matlamat masuk pendidikan, pendidikan dan sejahtera PITAS menuju ke arah 2030 ni, ke arah pendidikan sejahtera, *insya-Allah*.

Cuma semua main perananlah, kita tinggal ni kadang-kadang macam *sebut dadoh banyak doh. Nok start basuh, bende berlubang tu doh..* ناكسدول زاراين *Nok* tutup lubang itu. Di samping yang sama, *hok* baki-baki itu supaya dapat disesuaikan dengan cara yang baik lah. Satu lagi, YB Ladang ada sebut kelmarinlah. Sebab benda bila disebut dalam Dewan ni, bukan untuk semua lah, apatah lagi persoalan-persoalan timbul kalau tidak diberi penjelasan, kita bawa balik lagi ada benda *sakkok* dalam kepala. Apabila isu pelajar sekolah rendah 12 tahun ke bawah, dalam isu pelanconganlah khususnya. Yang Berhormat tak berapa selesalah apa kata umur 12 ini kadang-kadang besar-besar *dah, hok* jenis *body* kasar-kasar *tu*, boleh jadi bini orang *dah tu*, duduk depan *ngok ngek-ngok ngek* lagi tak apa selesalah. *Se* lagi kadang-kadang media *ni*, wartawan jangan ambil gambar dekat sangat. Bila nampak dekat, nampak tua, nampak besar. Ambil jauh sikit, nampak kecil sikit. Memang kita pastikan 12 tahun ke bawah. Ini payah juga. Apapun, untuk makluman Yang Berhormat, Enakmen Kesalahan Jenayah kita 2001, Seksyen 63, kanak-kanak yang belum baligh dikecualikan tindakan undang-undang. Dan ta'rif mukallaf yang kita tetapkan adalah mencapai umur 18 tahun. Ta'rif mukallaf, siling dia. Dulu kita bincang, sebab dulu ada kempen kata, *ni* hudud PAS itu. Bukan hudud islam, *bakpe* penjenayah yang umur 18 tahun baru kena. Jadi mana ada. Imam Syafie akil baligh. Memanglah akil baligh. Semua ulama' mazhab, empat mazhab ini, dari segi minima mukallaf ini 9 tahun Hijriyah. Mazhab Syafie ke, Hanafi ke Hambali, Maliki ke. Dan secara fizikalnya, orang puan keluar mani, orang puan keluar haid, orang lelaki keluar mani. Kalau dia umur 40 tahun, *jebeng, dok* keluar mani lagi, dia tetap, sebab umur maksimum dia, ikut Imam Syafie, 15. Ikut mazhab Maliki, 17 tahun. Ikut mazhab Hanafi, orang lelaki 18, orang puan, 17 tahun. Jadi masa dibincang *tu*, kita *nak* letak *guana* had umur ini. Kalaulah kita letak umur 15, mari orang mazhab Hanafi. Dia kata, saya *tak* kena, sebab mazhab saya umur 18. Jadi kita ambil keputusan siling. Pihak Kerajaan boleh memilih antara pandangan-pandangan dan mazhab-mazhab untuk berdasarkan lokasi, lokaliti, masalah setempat untuk meletakkan had

umur 18. Jadi umur 18. Bukan masalah *ni* hudud PAS apa *dok*, memang begitulah pandangan-pandangan ulama' sebagainya. Jadi dari segi minima...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat? Panjang lagi *ke*?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sikit lagi. Minima dia 9 tahun. Jadi bila 9 tahun, sampai umur 18? Jadi masa kita buat garis panduan syariah ini kan, kita letak umur 12. Kalau kira ada lagi kata umur 15, 18, tapi kita ambil 12. Uruf kita kira di negeri kita, Terengganu ini, sekolah rendah. Kita rasa masih lagi bersesuaian dan ikut peraturan tersebut. Hok kita tak selesa tengok tu hal lainlah. Kita tak boleh makan dhab, kita jangan kata dia biawak haram pulak. Jadi ikut apa orang panggil peraturan-peraturan yang diizinkan.

Satu lagi, ADUN Batu Rakit, menyentuh tentang peruntukan per kapita. Saya dah bincang dengan PKN, dia lulus dah, *insya-Allah* dua minggu lagi *kot*. Ataupun memang sebelum pada itu, sebelum akhir tahun kita bayar peruntukan per kapita ini. Sebab ada *dah* sekolah-sekolah agama rakyat ini ngadulah akhir bulan, akhir tahun ni *mepeh dah*. *Insya-Allah* kita akan lepaskan peruntukan per kapita. Tapi masih lagi mengikut bantuan lamalah. Hok MB umum ini bermula tahun depan, *insya-Allah* penambahan.

Yang kedua, masalah pengiktirafan UPSRI. Ini banyak melibatkan teknikal dan sebagainya. Sebab banyak sekolah-sekolah kita, ada yang SABK, bawah KPM, dia melibatkan peraturan-peraturan mereka sendiri dalam memilih kemasukan pelajar-pelajar di sekolah mereka, dan UPSRI kita ini juga pelajar-pelajar sekolah rendah dia, *limit* dia 5 tahun, ada yang 6 tahun, jadi kesediaan mereka boleh mengambil UPSRI dan sebagainya, perlu juga diambil kira. Dan pihak Kerajaan Negeri juga di bawah JPINT mewujudkan peperiksaan bawah SRIDI, dia panggil SIDI, Sijil Ibtida'e Darul Iman.

Dia juga mengikut syarat-syarat yang kita rasa *insya-Allah*, boleh digunapakai dan dimanfaatkan. Berkait isu anak Terengganu di Mesir. Sebagai sebuah Kerajaan, jadi semua anak kita belaka, *kan* dulu *kan* anak Cina anak kita, anak India anak kita, anak Kadazan, anak kita. Ini sama juga. Jadi bukan anak Terengganu di Mesir sahaja anak kita. Ada ibu bapa yang belajar di Australia, belajar di UK, belajar di Jordan, mereka pun ada anak-anak juga. Jadi setakat

ini kita *tak* menyediakan polisi di bawah Yayasan Terengganulah. Walaupun dia mengambil pengajian-pengajian Islam dan sebagainya. Tetapi sebelum-sebelum pada ini, Yayasan Pendidikan MAIDAM, MAIDAM mengambil cakna. Berkait dengan zakat dan sebagainya. Sebab sebelum pada ini kita dapati, mereka dapat zakat daripada MAIDAMlah. Jadi dia boleh bincang-bincang dengan pihak MAIDAM, *insya-Allah* agar memberi kembali sumbangan, bantuan pelajar-pelajar ataupun anak-anak mereka yang mendapat pendidikan, pengajian di Mesir khususnya.

Dan berkait beberapa isu satu lagi, tentang ADUN Besut, ponteng sekolah. Memanglah, kita tak dapat nafilah. Tapi secara keseluruhannya, pelajar-pelajar Terengganu ini masih lagi terkawal. Dengan beberapa isu-isu, isu akhlak, isu jenayah sebagainya. Pelajar-pelajar negeri Terengganu kita ini masih lagi terkawal, dan khususnya pelajar-pelajar Matrikulasi yang akan ke luar negara. Dia masih sebut pelajar-pelajar Terengganu ini masih lagi mengisi pusat-pusat Islam mereka, tapi ada juga yang shock la. Sebab nak *gi* luar negara dah *start* dengan apa orang panggil, *culture shock* dia. Tapi apa pun *insya-Allah*.

Dan termasuk juga isu TVET. Eh, TVET *pulak*, vape. Memang itu permintaan guru-guru kita *pun* cukup bimbang isu vape di sekolah-sekolah. Jadi kita ucap tahniah, terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah membuat keputusan mengharamkan di Negeri Terengganu kita dan untuk makluman, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan telah mengharamkan, hukum haram penggunaan vape pada Disember 2015. Rokok pun ada. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan telah membuat keputusan dalam mesyuarat Muzakarah kali yang ke-37 iaitu pada 23 Mac 1995, telah memutuskan bahawa penggunaan rokok itu haram. Jadi masalah penguatkuasaan, inisiatif, masing-masinglah pulak. Atas pelanconganlah pula, *insya-Allah*. Jadi sekadar itu saja. Terima kasih. جَزَاكُمُ اللَّهُ. Paka mahu menyokong.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Paka. Hampir 40 minit Yang Berhormat Paka telah buat penggulungan tentang kecemerlangan pendidikan dan peluang-peluang pendidikan yang dikemukakan oleh Pihak Kerajaan. Seterusnya saya,

kita mengakhiri penggulungan pada pagi ini tentang Enakmen yang telah diluluskan bacaan kali kedua oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya persilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menyampaikan penggulungannya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat, para ketua-ketua jabatan, kakitangan-kakitangan jabatan, para pemerhati dan hadirin sekalian. Alhamdulillah kita dapat menyelesaikan perbincangan dan juga penggulungan pada hari ini *insya-Allah* dan saya ingin merakamkan jutaan perasaan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Bandar selaku ketua *backbenchers* bersama dengan pasukan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, berbincang mengemukakan soalan-soalan yang dijawab oleh Pihak Kerajaan secara bertulis dan secara lisan dan juga mengemukakan persoalan-persoalan baru yang telah dibangkitkan sepanjang perbincangan. Yang saya kira hampir keseluruhannya telah dijawab oleh anggota Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam sesi penggulungan masing-masing yang bermula daripada semalam dan berakhir pada hari ini.

Mana-mana yang berupa cadangan, kritikan pandangan-pandangan itu akan kita tekuni, akan kita teliti satu-persatu diantaranya berdasarkan kepada *hansard* yang kita ada dan perkara yang dapat kita laksanakan *insya-Allah* kita akan mengambil langkah bagaimana untuk melaksanakan mengikut keutamaan Pihak Kerajaan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berbagai perkara telah dibangkitkan berkait dengan persoalan ekonomi, persoalan sosial, pendidikan, infrastruktur, pelaburan daripada luar tentang REE dan sebagainya dan saya kira telah dijawab dengan begitu baik oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Saya hanya ingin mengambil masa yang ringkas saja hari ini berbanding dengan penggulungan saya yang sebelum daripada ini, iaitu berkait perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar, Ladang, Bukit Besi, Rantau Abang, Hulu Besut, Bukit Tunggal, Permaisuri, Pengkalan Berangan, Manir, Seberang Takir, Telemong dan Batu Rakit yang

membangkitkan secara konsisten berkenaan dengan semangat *federalisme* dan royalti Petroleum.

Untuk rekod, walaupun sebahagiannya telah dijawab dalam Soalan Bertulis, untuk rekod pada tahun 2024, Kerajaan Negeri hanya menerima RM733.05 juta daripada keseluruhan Royalti Petroleum yang berjumlah RM1.55 bilion dan penerimaan ini Kerajaan Negeri hanya menguruskan 53% daripada hasil Royalti Petroleum selebihnya, telah tidak dihantar *direct* kepada Kerajaan Negeri dimana Kerajaan Negeri telah hilang otonomi ke atas penggunaan, lebih kurang separuh hanya diberi *direct* kepada Kerajaan Negeri separuh lagi dibuat membayar secara terus kepada pihak-pihak yang berkenaan. Manakala bagi tahun 2025, iaitu sehingga 2 November 2025, Kerajaan Negeri dicatatkan baru menerima Royalti Petroleum berjumlah RM1.08 bilion atau 66.44% daripada anggaran keseluruhan 2025 berjumlah RM1.63 bilion. Daripada RM1.08 bilion ringgit itu, hanya RM583.35 juta disalurkan terus ke akaun Kerajaan Negeri. Sekali lagi, Kerajaan Negeri hilang otonomi untuk menguruskan 47% daripada hasil Royalti Petroleum sendiri, dan perkara ini berlaku selain daripada berlaku pada tahun 1999 hingga 2004, selepas daripada itu, masa kita mengambil alih Kerajaan pada tahun 2018, ianya tidak berlaku, kita mendapat sepenuhnya Royalti Petroleum ini untuk diuruskan oleh Kerajaan Negeri secara *total* sehinggalah berlaku pilihan raya pada tahun November 2022. Disitulah bermulanya satu episod baru dalam sejarah pemberian Royalti di Negeri Terengganu yang saya kira, merupakan suatu episod hitam yang tidak patut berlaku lagi pada zaman moden ini di mana kepentingan politik melebihi daripada kepentingan melaksanakan tanggungjawab yang sepatutnya. Secara kumulatif ya, daripada Royalti Petroleum Negeri Terengganu bagi tempoh 2023 hingga 2025, Kerajaan Negeri sebenarnya hanya dibenarkan mengurus 50% saja. Malah penyaluran ini pula tidak mengikut masa yang sepatutnya, tapi mengikut perjanjian iaitu dua kali setahun. Keadaan yang berlaku ini menyebabkan Kerajaan Negeri sukar untuk membuat perancangan dan pelaksana pembangunan negeri, apatah lagi perkara yang berkait dengan rakyat Negeri Terengganu.

Sebab itulah kita sentiasa berjuang supaya keadaan itu dikembalikan kepada asal sebagaimana amalan sebelum November 2023. Bila kita sebut acap kali tentang Royalti Petroleum, maka ada pihak pula mengatakan bahawa tidak ada kerja lain sebut hal Royalti. Memanglah tidak ada kerja lain, sebab itu adalah hak kita, kita konsisten daripada dulu, tak pernah sedikit pun kita merasakan

bahawa ini bukan hak Negeri Terengganu yang telah ditandatangani hasil daripada pembentukan Petronas dan perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Petronas dahulu. Tak pernah terdetik sedikit pun ini bukan hak kita. Kerana itu, di mana silapnya sebuah Kerajaan menuntut kembali apa yang sepatutnya diterima. Sudah pasti suasana sebegini amat tidak baik untuk pembangunan dan perjalanan sesebuah negeri. Dan sewajarnya konsep *federalisme* yang menjadi identiti pada pembentukan Malaysia ini, dihukum dengan penuh profesional dan matang. Saya selalu sebut di pelbagai forum, di pelbagai tempat. Sekiranya negeri-negeri seluruh negara, bukan Negeri Terengganu saja, ingin mencapai, mengurangkan *disparity* di kalangan negeri ataupun kesenjangan di kalangan negeri-negeri dan negeri-negeri ini juga menyumbang kepada GDP untuk negara kita, KDNK untuk negara kita.

Negeri-negeri haruslah diberikan pertimbangan yang lebih luas dalam melaksanakan apa juga program dan projek di negeri-negeri. Kita bukan lagi hidup pada zaman pembentukan negara Malaysia pada tahun 1957 dahulu, dan kalau kita ingin bergerak pantas, maka sudah tentunya konsep yang saya selalu sebut untuk dikaji kemungkinan *cooperatif federalism* atau *fiscal equalization* yang pernah saya sebut, saya bahaskan sebelum ini, perlulah dipertimbangkan untuk dilaksanakan di peringkat Persekutuan, dan saya yakin bahawa sekiranya berlaku perubahan di peringkat nasional, ini adalah antara komitmen kita untuk melakukan perubahan yang sebetul-betulnya, sebenar-benarnya untuk membawa Malaysia ke persada yang lebih baik. Walaupun kita berdepan dengan pelbagai perkara, usikan situ, usikan sini, cubit situ, cubit sini, tetapi kita masih lagi dapat melonjakkan prestasi Kerajaan Negeri dengan pelbagai pencapaian dan pengiktirafan yang lebih baik daripada tahun-tahun sebelum ini. Antaranya yang saya sebut secara ringkas, bagi tempoh RMK-12 dari tahun 2021 hingga 2024, purata hasil janaan negeri meningkat sebanyak 11.9% kepada RM264.88 juta setahun berbanding RM236.77 juta setahun bagi tempoh RMK-11. Manakala ekonomi pula berkembang secara perata 4.1% setahun berbanding 1.9% setahun bagi tempoh RMK-11. Memanglah di luar sana bertebaran pelbagai pos terus perkara-perkara yang tidak benar, dia buat poster dan difitnahkan Kerajaan Negeri dengan pelbagai fitnah.

Yang kedua ialah nilai pelaburan komilitif bagi tempoh RMK-12 sehingga Jun tahun ini meningkat sebanyak 48.2% kepada RM14.3 billion berbanding RM96 bilion bagi tempoh RMK-11.

Yang ketiga, pendapatan Kumpulan Terengganu INC, meningkat daripada RM900 juta pada tahun 2018 kepada RM1.75 bilion bagi tahun 2024. Kalau ini tak dikira sebagai peningkatan yang ketara saya rasa orang yang menuduh itu perlu belajar matematik balik lah. Perlu belajar mengira semula. Benda yang paling *basic* dan paling simple RM900 berbanding dengan RM1.75 bilion, tentulah jauh beza, dan yang keempat, di samping itu juga skor indeks bahagian rakyat Malaysia yang tertinggi iaitu 86.4 pada tahun 2024 menjadikan Negeri Terengganu sebagai negeri tahap yang sangat bahagia. Jadi ini antara perkara yang kita memang tak puas hati. Memang kita rasa ini bukan *the peak of our performance*, bukan kemuncak pencapaian negeri kita banyak lagi perkara yang boleh kita buat tapi kita ingin mengambil sikap sentiasa tambah baik. Kita penuh dengan kelemahan, kita akui dalam melaksanakan tanggungjawab ini ada kelemahan-kelemahan dan kita bergerak daripada kelemahan untuk membaiki kelemahan, kita bukan manusia yang sempurna.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam kita menggerakkan negeri kita ini, tentunya tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh para penjawat awam di Negeri Terengganu sama ada kakitangan tetap, kakitangan kontrak, kakitangan *ad-hoc* adalah merupakan tulang belakang bagi pentadbiran Kerajaan dalam memperolehi segala pencapaian yang saya sebutkan tadi. Ada juga di luar, bila saya bentang Bajet, dia duduk bising. Dia kata Bajet *takdok* sebut pun tentang adalah, dia kata *takdok* sebut pun tentang bonus, *takdok* jumlah, *takdok* sebut. Kalau tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat baca kembali Pembentangan Bajet saya pada kali ini. Kali ini adalah kali pertama dari tujuh Pembentangan Bajet yang pernah saya buat sebelum ini bermula daripada 2018 dah tujuh kali, inilah kali pertama yang dalam Pembentangan Bajet itu tidak ada angka. Sebelum ini semua ada angka-angka *belake* sebelum ini ada Bajet, ada berkenaan bonus *belake* kali kedua tak ada mengenai bonus kerana kali pertama iaitu pada tahun sebelum ini berlaku Pilihanraya Kecil Parlimen Kemaman. Saya tidak mahu menggunakan kedudukan saya sebagai Menteri Besar untuk membuat pengisytiharan bonus dalam keadaan saya berdepan dalam Pilihanraya Kecil Kemaman kerana kita bercakap tentang satu budaya baru yang perlu berlaku dalam negara kita ini, itu satu.

Pada tahun ini juga saya tak sebut tentang angka-angka sebab pada saya, saya ingin membudayakan bahawa Pembentangan Bajet adalah bukan sesuatu dengan izin dalam bahasa inggeris disebut *grand standing*. Siapa yang nak

google, nak tengok apa maknanya, tengoklah. *Grand standing*, Pembentangan Bajet bukanlah suatu *grand standing* dengan izin, bukanlah suatu upacara untuk menunjukkan kebolehan kita bercakap dalam pelbagai bahasa, kita mengutarakan falsafah-falsafah yang gagal difahami oleh orang ramai. Kita ingin bercakap sesuatu perkara yang *direct* dan jelas kepada rakyat. Berbalik kepada apa yang saya nak sebut tadi di peringkat sebelum pada ini iaitu berkenaan dengan bonus kepada kakitangan awam penjawat awam di Negeri Terengganu pelbagai kategori tadi tak ada dalam pembentangan asal dan saya dah beritahu kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri bahawa saya tak akan sebut dalam Pembentangan Bajet, saya akan sebut semasa penggulungan. Jadi ada orang tak sabar dan saya percaya yang tak sabar itu bukan kakitangan awam di Negeri Terengganu pun. Mereka mungkin tak ada kena mengena pun dengan kakitangan awam di Negeri Terengganu.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan bonus kepada penjawat awam Negeri Terengganu dengan jumlah RM500.00, *insya-Allah*.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum melabuhkan tirai bicara saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini, semua pihak terlibat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai termasuklah bentara, mereka yang menyediakan kelengkapan-kelengkapan, menyediakan makanan, saya rasa semuanya berperanan dan dikira sebagai satu amal soleh di sisi Allah. Saya rasa itu sajalah apa yang saya nak sampaikan moga-moga kita mendapat keberkatan di sisi Allah *Subhanahu Wa Taala*, sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Kita telah pun selesai membahaskan Enakmen Pembekalan 2026. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2026 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA PADA KALI YANG KEDUA

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2026 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Saya mohon mencadang supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca pada kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2026 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:

- 1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN PERBEKALAN 2026.**
- (2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUAT KUASA PADA 1 JANUARI 2026.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2026**.

Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah* kita telah pun selesai meluluskan Bajet 2026 dan akan meneruskan dengan Tertib Pekerjaan seterusnya. Sebelum itu, kita berdoa agar Allah *Ta'ala* memberikan kekuatan kepada semua pihak bagi melaksanakan Bajet yang telah diluluskan.

Seterusnya, pembentangan Enakmen Kedua, sila Setiausaha.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris, Wakil Kijal mengemukakan Rang Undang-Undang Yang Kedua.

**ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU
(BAB YANG PERTAMA) (PINDAAN) 2025**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
سلام سجهترا
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama suatu Suatu Enakmen bagi meminda Undang-Undang bagi Diri Kerajaan Terengganu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' di-Pertua, saya menyokong cadangan tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca pada kali pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG
BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU DIBACA
BAGI KALI YANG PERTAMA**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi Meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini ("Enakmen yang dicadangkan") bertujuan untuk meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) bagi menggantikan Fasal 49A dengan memasukkan peruntukan berhubung dengan penubuhan Mahkamah Utama Syariah.

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan penetapan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan peruntukan berhubung dengan penubuhan Mahkamah Utama Syariah sebagai peringkat tertinggi Mahkamah Syariah dalam Negeri Terengganu, dan selainnya adalah untuk menambahbaik peruntukan sedia ada.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan Negeri Terengganu dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbincangan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap?

Oleh kerana tiada perbincangan, kita teruskan pembentangan Enakmen Bagi Meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG
BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU DIBACA
BAGI KALI YANG KEDUA**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATUK HAJI RAZALI BIN IDRIS (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca pada kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG
BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH
KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:**

- 1 (1) UNDANG-UNDANG INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA) (PINDAAN) 2025**
- (2) ENAKMEN INI MULA BERKUAT KUASA PADA TARIKH YANG DITETAPKAN OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MELALUI PEMBERITAHUAN DALAM WARTA.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan menjadi **Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 2025**.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Haji Muhammad Khalil bin Abdul Hadi, Wakil Batu Buruk mengemukakan Rang Undang-Undang Yang Ketiga.

ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH (TERENGGANU) 2025

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penubuhan, bidang kuasa dan pentadbiran Mahkamah Syariah, pelantikan Hakim dan Pendaftar dan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah dalam Negeri Terengganu Darul Iman, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen Undang-Undang ini dibaca pada kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENUBUHAN, BIDANG KUASA DAN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH, PELANTIKAN HAKIM DAN PENDAFTAR DAN MENGENAI SEMUA PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Bacaan Kali Kedua

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penubuhan bidang kuasa dan pentadbiran Mahkamah Syariah. Pelantikan Hakim dan Pendaftar dan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah dalam Negeri Terengganu Darul Iman, dibaca pada kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Ini dalam ("enakmen yang dicadangkan") bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penubuhan bidang kuasa dan pentadbiran mahkamah syariah, pelantikan Hakim dan pendaftar dan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan mahkamah syariah dalam Negeri Terengganu Darul Iman. Enakmen yang dicadangkan ini akan membatalkan Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Ringkasan Enakmen ini adalah seperti berikut.

Bahagian I – melibatkan *fasal* 1 sehingga 3 mengandungi tajuk ringkas pemakaian dan permulaan kuatkuasa serta tafsiran dan kecualian prerogatif.

Bahagian II– melibatkan *fasal* 4 dan 5 mengandungi penubuhan dan meterai Mahkamah Syariah.

Bahagian III– melibatkan *fasal* 6 hingga 10 mengandungi Jawatankuasa Mahkamah Syariah.

Bahagian IV– melibatkan *fasal* 11 hingga 19 mengandungi perkara-perkara berkait dengan pelantikan Mahkamah Syariah.

Bahagian V– melibatkan *fasal* 20 berkaitan bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah.

Bahagian VI– melibatkan *fasal* 21 hingga 24 mengandungi perkara-perkara berkait dengan Mahkamah Tinggi Syariah.

Bahagian VII– melibatkan *fasal* 25 hingga 31 mengandungi perkara-perkara berkait dengan Mahkamah Rayuan Syariah.

Bahagian VIII– melibatkan *fasal* 32 hingga 37 mengandungi perkara-perkara berkait dengan Mahkamah Utama Syariah.

Bahagian IX– melibatkan *fasal* 38 hingga 54 mengandungi perkara-perkara AM.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan Negeri Terengganu dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada Ahli Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Rakan-Rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat (BBC), Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan. Seterusnya para pemerhati dan Sidang Dewan yang dirahmati Allah sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kerana beri peluang kepada saya untuk menyampaikan perbahasan bagi menyokong *Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah Terengganu 2025* yang telah dibawa dan dibentangkan oleh pihak Kerajaan Negeri pada Sidang DUN kali ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah membawa Rang Undang-Undang ini untuk dibentang dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Dalam rangka usaha Kerajaan Negeri memperkasakan lagi pelaksanaan Syariah di Negeri Terengganu Darul Iman yang tercinta.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah Terengganu 2025 ini dibentang dengan beberapa pindaan sebagaimana yang tercatat dalam buku Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada kita semua bagi menggantikan Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2021 sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO sebentar tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, setelah membaca dan meneliti Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah Terengganu 2025 ini, saya dapati antara perkara besar dan utama yang dimasukkan dalam Rang Undang-Undang ini ialah berkaitan penubuhan Mahkamah Utama Syariah bagi Negeri Terengganu di samping Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, dan Mahkamah Rendah Syariah yang sedia ada. Ini sebagaimana yang tercatat

pada bahagian 2 Mahkamah Syariah Fasal 4 Muka Surat 8. Manakala bahagian-bahagian lain dalam Rang Undang-Undang tersebut adalah perkara-perkara yang bersifat teknikal dan berkaitan bidang kuasa mahkamah yang perlu dimasukkan ekoran daripada penubuhan Mahkamah Utama Syariah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mengikut peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986 di bawah Seksyen 29, Mahkamah Syariah dalam negeri ini diwujudkan dalam 3 peringkat iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Mahkamah Syariah pula, Mahkamah Syariah mula diasingkan struktur organisasinya daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu pada tahun 1988. Nama gelaran Jawatan Pegawai telah turut ditukar dari nama Kadi atau Kadi Besar kepada Hakim atau Ketua Hakim Syarie dan mahkamah ini mula beroperasi di Tingkat 1 Wisma Negeri. Seterusnya mulai 1 Julai 1994, menyewa di tingkat bawah Wisma Sri Amar. Seterusnya, dalam usaha menambah baik sistem Kehakiman Syariah. Suatu Enakmen iaitu Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001 telah digubal menggantikan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986. Penubuhan Mahkamah Syariah dinyatakan di Bawah seksyen 4 yang merangkumi 3 peringkat Mahkamah, sebagaimana yang telah disebutkan tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan sistem kehakiman sivil yang terdapat 4 peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Majistret atau Mahkamah Seksyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Maka dapat dilihat berlaku ketidakseimbangan di antara kedua-dua sistem kehakiman. Begitu juga berlaku ketidakseimbangan dalam peluang rayuan bagi kes-kes di Mahkamah Syariah. Tidak sebagaimana peluang rayuan yang ada dalam sistem kehakiman sivil yang mempunyai keseimbangan, 2 kali peluang rayuan bagi kes yang bermula di Mahkamah Tinggi dan 3 kali peluang rayuan bagi kes yang bermula di Mahkamah Majistret. Manakala, bagi kes Mahkamah Syariah peluang rayuan untuk kes yang bermula di Mahkamah Tinggi Syariah adalah hanya sekali sahaja iaitu rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah. Manakala, bagi kes yang bermula di Mahkamah Rendah Syariah mempunyai 2 kali peluang perbicaraan rayuan iaitu boleh merayu ke Mahkamah Tinggi Syariah dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan Syariah.

Oleh yang demikian, saya melihat Rang Undang-Undang atau Rang Enakmen ini serta penubuhan Mahkamah Utama Syariah memberi impak yang sangat positif kepada rakyat Negeri Terengganu. Rang Enakmen ini juga memperkasakan struktur dan kecekapan sistem perundangan syariah, menambah baik dalam peringkat rayuan bagi memastikan keadilan yang lebih menyeluruh serta memartabatkan sistem kehakiman syariah ke tahap yang setara dengan sistem kehakiman sivil.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagai penutup saya ingin mengingatkan kembali kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa pada 27 November 2023, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu ketika membentangkan Rang Enakmen Perbekalan 2024 sebagaimana yang tercatat pada muka surat 28 perenggan yang ke-60. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telah menyatakan sokongan terhadap pengukuhan Institusi Kehakiman Syariah di Negeri Terengganu yang tercinta ini. Dalam buku Belanjawan 2024 tersebut iaitu pada fokus 3 menyejahterakan kehidupan rakyat. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa *serious* untuk memperkasakan pelaksanaan Syariah di negeri kita. Oleh itu, Mahkamah Utama Syariah akan diwujudkan sebagai Mahkamah Tertinggi Syariah di negeri kita ini. *Alhamdulillah* kita bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana pada hari ini kita akan dapat realisasikan apa yang telah diucap dan dipertegaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar apabila mendapat sokongan sebulat suara dari semua Ahli Yang Berhormat waktu pengundian nanti *insya-Allah*. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itu sahaja secara ringkas apa yang sampaikan dalam ucapan perbahasan ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas peluang dan kesempatan yang diberi *سُبُّرُوا عَلَىٰ بَرَكَةِ اللَّهِ*. Wakil Buluh Gading mohon menyokong.

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Buluh Gading. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain? Ada? *Takdok*. Terima kasih. Seterusnya, sekarang saya menjemput pihak Kerajaan untuk buat penggulungan.

YANG BERTHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar rakan-rakan MMKN dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mulakan ucapan penggulangan ini dengan membaca ayat suci Al-Quranul Karim.

وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ

“dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil.”

Surah Al-Ma'idah ayat 42.

Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Terengganu) 2025 ini dibentang adalah untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Ahli Sidang DUN berkenaan Suatu Enakmen berhubung dengan Pindaan Peruntukan bagi perkara yang berhubung dengan Penubuhan Bidang Kuasa dan Pentadbiran Mahkamah Syariah, Pelantikan Hakim dan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah di Negeri Terengganu dan seterusnya menggantikan Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001. Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah digubal hampir 24 tahun yang lepas dan sepanjang tempoh tersebut, peruntukan yang ada di dalamnya belum pernah dibuat apa-apa pindaan sehinggalah sekarang. Oleh kerana berlaku perubahan pada tingkat Mahkamah Syariah iaitu tambahan satu tingkat tertinggi Mahkamah Syariah (Mahkamah Utama Syariah). Cadangan pindaan secara major dicadangkan bagi membuat penyusunan semula bahagian dalam Enakmen ini dan menambah peruntukan yang lain, yang amat perlu untuk memperkasakan Mahkamah Syariah agar selari dengan perkembangan perundangan, teknologi serta faktor persekitaran semasa. Usaha pindaan dan tambah baik dalam Enakmen Mahkamah Syariah 2001 ini juga telah bermula sejak tahun 2021 selepas perkenan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu sekali lagi bertitah berhubung penubuhan Mahkamah ini, di dalam titah ucapan Majlis Istiadat Penghadapan, Istiadat Pengurniaan Gelaran dan Darjah Bintang-bintang Darjah Kebesaran Negeri (Hari Kalung), sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-63 Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Terengganu tahun 2025 pada 27 April 2025 seperti mana berikut bagi memastikan peluang keadilan yang setara serta memperkasakan bidang kuasa dan fungsi kehakiman Syariah yang merupakan bidang kuasa eksklusif negeri. Struktur Sistem Kehakiman Mahkamah Syariah Terengganu akan ditambah baik daripada 3 peringkat sedia ada. Sistem ini akan diperluaskan kepada 4

peringkat kehakiman dengan penubuhan sebuah Mahkamah Tertinggi yang dinamakan sebagai Mahkamah Utama Syariah. Pindaan ini melibatkan rombakan pada bahagian dalam Enakmen 2001 dari 4 bahagian kepada 9 bahagian serta pertambahan kepada beberapa peruntukan Seksyen yang baru dari 27 Seksyen sedia ada kepada 54 Seksyen. Setiap peringkat mahkamah juga diasingkan kepada bahagian yang berbeza. Keseluruhan cadangan pindaan melibatkan pindaan hampir 80% kepada kandungan Enakmen yang sedia ada.

Antara penambahbaikan Enakmen adalah seperti:

- Penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa Kehakiman Syariah.
- Penambahan jumlah amaun tuntutan Bidang Kuasa Mal yang boleh didengar dan diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah iaitu dari tidak melebihi RM100 ribu kepada tidak melebihi RM300 ribu.
- Memasukkan peruntukan baharu berhubung bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah berkenaan dengan penjagaan dan jagaan ahli keluarga dan penjagaan harta bagi ahli keluarga yang tidak berupaya untuk menguruskan diri sendiri dan hal ehwalnya.
- Perkara melibatkan pengangkatan.
- Meluaskan bidang kuasa untuk memberi kebenaran dan mendengar permohonan bagi murojaah ke atas keputusan, tindakan atau peninggalan oleh mana-mana orang atau badan mana-mana orang atau badan yang menjalankan fungsi di bawah undang-undang yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa.
- Prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh dan perkhidmatan elektronik.

Mana-mana keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah sebelum permulaan tarikh kuat kuasa Enakmen ini, hendaklah apabila permulaan kuat kuasa Enakmen ini tidak lagi boleh dirayu, disemak atau dirujuk di Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah atau Mahkamah Utama Syariah. Mana-mana yang berkenaan seolah-olah Enakmen ini tidak diperbuat. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat kawasan Batu Buruk.

Kita telah selesai mendengar perbincangan dan Penggulungan bagi Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penubuhan, bidang kuasa dan pentadbiran Mahkamah Syariah, pelantikan hakim dan pendaftar dan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah dalam Negeri Terengganu Darul Iman.

Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENUBUHAN BIDANG KUASA DAN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH, PELANTIKAN HAKIM DAN PENDAFTAR DAN MENGENAI SEMUA PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

Dalam Jawatankuasa

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BAGI PERKARA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENUBUHAN BIDANG KUASA DAN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH, PELANTIKAN HAKIM DAN PENDAFTAR DAN MENGENAI SEMUA PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU BAHAGIAN KE

**SATU BAHAGIAN DAN TELAH DIPERSETUJUI
DENGAN SEBULAT SUARA**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Yang Berhormat Dato' yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakman ini dibaca pada kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT DR. RIDUAN BIN MOHAMAD NOR (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca pada kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN
BAGI PERKARA YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PENUBUHAN BIDANG KUASA DAN
PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH,
PELANTIKAN HAKIM DAN PENDAFTAR DAN
MENGENAI SEMUA PERKARA YANG BERKAITAN
DENGAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM NEGERI
TERENGGANU DARUL IMAN**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH
KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:**

**1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN
ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH
(TERENGGANU) 2025.**

(2) ENAKMEN INI MULA BERKUAT KUASA PADA TARIKH YANG DITETAPKAN OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MELALUI PEMBERITAHUAN DALAM WARTA, DAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN BOLEH MENETAPKAN TARIKH YANG BERLAINAN BAGI PERMULAAN KUAT KUASA PERUNTUKAN YANG BERLAINAN ENAKMEN INI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2025**.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Satiful Bahri bin Mamat, Wakil Paka untuk mengemukakan Usul yang pertama.

Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2026

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

"Bahawa menurut Seksyen Kecil (3) kepada Seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat ketetapan bersetuju meluluskan Peruntukan Pembelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri bagi Tahun 2026" sebagaimana ditentukan dalam jadual:-

JADUAL				
BIL	MAKSUD	JABATAN	LANGSUNG NEGERI (RM)	JUMLAH (RM)
1	P02	MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN	418,259,000.00	418,259,000.00
2	P10	JABATAN KERJA RAYA	2,160,000.00	2,160,000.00
3	P11	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	200,000.00	200,000.00
4	P12	PEJABAT DAERAH BESUT	500,000.00	500,000.00
5	P13	PEJABAT DAERAH DUNGUN	500,000.00	500,000.00
6	P14	PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU	500,000.00	500,000.00
7	P15	PEJABAT DAERAH KEMAMAN	500,000.00	500,000.00
8	P16	PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU	921,000.00	921,000.00
9	P17	PEJABAT DAERAH MARANG	500,000.00	500,000.00
10	P18	PEJABAT DAERAH SETIU	500,000.00	500,000.00
11	P19	PEJABAT TANAH DAN GALIAN	10,000,000.00	10,000,000.00
12	P32	PELBAGAI PEMBANGUNAN	8,960,000.00	8,960,000.00
13	P35	PEJABAT DAERAH KUALA NERUS	500,000.00	500,000.00

JUMLAH KECIL PERBELANJAAN PEMBANGUNAN:			444,000,000.00	444,000,000.00
14	P33	JABATAN BEKALAN AIR	6,000,000.00	6,000,000.00
JUMLAH PEMBANGUNAN BEKALAN AIR:			6,000,000.00	6,000,000.00
JUMLAH BESAR PERBELANJAAN PEMBANGUNAN:			450,000,000.00	450,000,000.00

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk Kertas Dewan Bilangan 18/2025. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk Perbahasan. Ada mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Telemong? *Takdok?*

YANG BERTHORMAT MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL (Wakil Telemung): Acap Telemong *deh*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Oleh kerana tiada Perbahasan bagi Usul Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2026, sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat, Dato' Haji Hanafiah bin Mat, Wakil Cukai, untuk mengemukakan Usul yang kedua.

RANCANGAN-RANCANGAN KEMAJUAN AIR NEGERI BAGI TAHUN 2026

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa menurut Seksyen Kecil (2) kepada Seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan daripada Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-Rancangan Kemajuan Air Negeri Bagi Tahun 2026 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini”:

JADUAL			
Tajuk/Perkara	Perbelanjaan Negeri (RM)	Pinjaman Pusat (RM)	Jumlah (RM)
Pembangunan Perbekalan Air	6,000,000.00	-	6,000,000.00
JUMLAH	6,000,000.00	-	6,000,000.00

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Butiran lanjut, bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Kertas Dewan Bilangan 19/2025. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya mohon menyokong Usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk Perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? *Backbencher* ada?

Oleh kerana tiada Perbahasan bagi Usul Peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2026, sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Azman bin Ibrahim, Wakil Jabi untuk mengemukakan Usul yang ketiga.

PENETAPAN MENGENAI PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 3) 2022 [AKTA A1663] (“Undang-Undang Lompat Parti”) UNTUK DITERIMA PAKAI SERTA DIKUATKUASAKAN DI NEGERI TERENGGANU.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan bersetuju meluluskan penetapan mengenai pemakaian dan penguatkuasaan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 (Akta A 663) Undang-Undang Lompat Parti untuk diterima pakai serta dikuatkuasakan di peringkat Negeri Terengganu.”

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kuala Berang mohon menyokong Usul ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk Perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Kuala Berang? Kuala Berang? Ada? Tiada?

Oleh kerana tiada Perbahasan bagi Usul Penguatkuasaan [Akta A1663] Undang-Undang Lompat Parti, sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Ariffin bin Deraman, Wakil Alur Limbat untuk mengemukakan Usul yang keempat.

PELAKSANAAN KAJIAN SEMULA ATAU PINDAAN PERSEMPADANAN KAWASAN DAN PERTAMBAHAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya mohon mencadangkan

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan bersetuju meluluskan Pelaksanaan Kajian Semula atau Pindaan Persempadanan Kawasan dan Pertambahan Sembilan Kerusi Dewan Undangan Negeri,"

YANG BERHORMAT DR. TENGKU MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN TENGKU MD FAUZI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk Perbahasan. Oleh kerana tiada Perbahasan bagi Usul Pelaksanaan Kajian Semula atau Pindaan Persempadanan

Kawasan dan Pertambahan Sembilan Kerusi Dalam Dewan Undangan Negeri, sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara

USUL INI DITERIMA

TANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah tangguhan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Persidangan Dewan Yang Mulia pada hari ini, suka saya mewakili Dewan ini meraikan dan mengucapkan selamat datang kepada para pengunjung dan pemerhati daripada Pejabat ADUN DUN Bakar Arang, Sungai Petani Kedah, daripada Kedah dan juga saya ucap terima kasih dengan kehadiran pemerhati tetap daripada awal sehingga hari akhir, Dewan Muslimat PAS Terengganu, SEPAKAT, ADUN Telemong, Pejabat DUN Telemong, Pejabat DUN Jabi dan daripada jabatan-jabatan lain. Terima kasih kepada semua pemerhati.

Izinkan saya mengambil kesempatan juga untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas kerjasama, komitmen serta kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat sepanjang empat hari kita bersidang pada kali ini. Moga segala keputusan dan perbincangan yang telah dibuat dapat diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dasar yang memberi manfaat kepada rakyat dan negeri kita sekalian, *insya-Allah*.

Di atas meja Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, PASTI telah menghadihkan coklat kaya dengan kebaikan, Sawanah PASTI, ke Ketua jabatan dia bagi ke *dok doktau*. Saya harap boleh bagi hadiah juga kepada Ketua-ketua jabatan yang lain dan saya harap juga mana-mana daripada Yang Berhormat Pertanian

ataupun Usahawan, lain kali bagilah produk-produk untuk diperkenalkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kita dan Ketua-ketua jabatan kita.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Pertanian ada melon manis tu Dato' Yang di-Pertua. Pertanian ada melon manis.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Ada.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Takdok* atas meja kita ni. Nampaknya Speaker, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua *dok* bagi ni. (ketawa) *Takpe*, terima kasih kepada semua dan semua harap boleh bagi. Bukan kepada Yang Berhormat je, kepada Ketua-ketua jabatan kita yang juga anak buah dia, ahli-ahli kaki tangan dia ramai. Bukan sahaja iklan dan pemberian semata-mata tu, tapi boleh diiklankan dan boleh untuk hubungi pihak yang menaja *insya-Allah*. Semoga segala keputusan mendapat manfaat kepada kita semua dan rakyat Negeri Terengganu dan diberkati oleh Allah.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua jabatan, para pemerhati atas kerjasama dan kesungguhan yang telah dizahirkan, ucap terima kasih. Saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan Yang Mulia ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Sebagai penutup, marilah sama-sama kita membaca Surah Al-Asr dan Tasbih Kaffarah. Mudah-mudahan segala urusan yang telah kita laksanakan sepanjang persidangan ini diberkati dan dirahmati dan dikurniakan ganjaran oleh Allah *Subhanahu Wa Taala. Seeru 'ala barakatillah*.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.38 TENGAH HARI

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 10 – 13 NOVEMBER 2025**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI AHMAD SHAH BIN MUHAMED
ADUN BANDAR

SOALAN 1 : Bolehkah pihak Kerajaan Negeri nyatakan projek-projek yang diluluskan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu dengan nilainya sekali bagi tahun 2023, 2024 dan 2025?

JAWAPAN : **PEMBERIAN PERUNTUKAN KERAJAAN PUSAT DI BAWAH PROGRAM/PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KE 12 (RMK12) UNTUK NEGERI TERENGGANU**

TAHUN	RMK12 (RP)	BILANGAN PROJEK		JUMLAH PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
		BARU	SAMBUNGAN		
2023	3	102	288	390	Sambungan= RM10,247,163,606.00 Baru= RM1,702,011,705.00 Jumlah= RM11,949,175,311.00
2024	4	99	286	385	Sambungan = RM105,084,200.00 Baru= RM1,492,753,600.00 Jumlah = 1,597,837,800.00
2025	5	92	328	420	Sambungan =

					RM122,381,000.00 Baru= RM1,604,721,500.00 Jumlah= RM1,727,102,500.00
--	--	--	--	--	---

SOALAN 2 : Bolehkan pihak Kerajaan Negeri nyatakan berapakah pendapatan dan perbelanjaan yang sebenar Kerajaan Terengganu bagi tahun 2023 dan 2024?

JAWAPAN : Pendapatan sebenar Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun **2023 dan 2024** masing-masing berjumlah **RM1,210,285,938.01** dan **RM1,933,070,082.40**.

12

Manakala perbelanjaan sebenar Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERBELANJAAN		JUMLAH
	MENGURUS * (RM)	PEMBANGUNAN * (RM)	
2023	1,177,968,623.65	317,616,959.39	1,495,585,583.04
2024	1,290,884,866.03	436,894,933.47	1,727,779,799.50

* Perbelanjaan Mengurus tidak melibatkan caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan

SOALAN 3 : Bolehkah pihak Kerajaan Negeri maklumkan berapakah jumlah gaji kakitangan Kerajaan Terengganu yang perlu dibayar setiap tahun dari tahun 2020 sehingga 2024?

JAWAPAN : Jumlah gaji kakitangan Kerajaan Terengganu yang perlu dibayar setiap tahun dari tahun 2020 sehingga 2024 adalah berjumlah RM1,740,565,561.49.

Jumlah gaji kakitangan Kerajaan Terengganu dari tahun 2020 hingga 2024 adalah seperti berikut:

TAHUN	EMOLUMEN		JUMLAH (RM)
	EMOLUMEN TETAP (RM)	EMOLUMEN KONTRAK/ADHOC/SEMENTARA (RM)	
2020	259,523,124.22	TIADA MAKLUMAT *	259,523,124.22
2021	267,726,562.31	90,538,206.50	358,264,768.81
2022	274,239,671.24	90,947,684.81	365,187,356.05
2023	281,937,600.93	91,239,316.59	373,176,917.52
2024	289,465,378.32	94,948,016.57	384,413,394.89
JUMLAH	1,372,892,337.02	367,673,224.47	1,740,565,561.49

TAHUN	EMOLUMEN			JUMLAH (RM)
	EMOLUMEN TETAP (RM)	EMOLUMEN KONTRAK/ADHOC/SEMENTARA (RM)	EMOLUMEN PBT/BBN * (RM)	
2020	259,523,124.22	TIADA MAKLUMAT	278,216,347.73	537,739,471.95
2021	267,726,562.31	90,538,206.50	245,977,659.04	604,242,427.86
2022	274,239,671.24	90,947,684.81	248,615,898.95	613,803,255.00
2023	281,937,600.93	91,239,316.59	230,927,828.53	604,104,746.05
2024	289,465,378.32	94,948,016.57	273,729,683.66	658,143,078.55
JUMLAH	1,372,892,337.02	367,673,224.47	1,277,467,417.91	3,018,032,979.40

* PBT – Pihak Berkuasa Tempatan

* BBN – Badan Berkanun Negeri

SOALAN 4 : Apakah kaedah atau tindakan yang digunapakai oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap kakitangannya yang melanggar etika kerja dan terlibat dengan jenayah?

JAWAPAN : Kaedah atau tindakan yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri sekiranya terdapat pelanggaran etika kerja dan penglibatan dalam kes jenayah oleh penjawat awam negeri Terengganu ialah melaksanakan prosedur tatatertib dan mengenakan hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan. Pelaksanaan prosedur tatatertib dan penganan hukuman ini adalah berdasarkan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu 1993 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu) (Kelakuan dan Tatatertib) 1995.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT DR. HAJI RIDUAN BIN MOHAMAD NOR
ADUN JERTIH

SOALAN 1 : Apakah persiapan dan unjuran Kerajaan Negeri dalam menghadapi SUKMA 2026?

JAWAPAN : Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu telah memulakan persiapan SUKMA 2026 sejak 1 Oktober 2024 lagi. Antara program atau Tindakan yang telah diambil adalah sebagaimana berikut:

- i. Bengkel Penyediaan Pelan Strategik SUKMA 2026

Kesemua 28 pelan strategik setiap pasukan berjaya disiapkan dan didokumenkan untuk dilaksana dan disemak status pelaksanaannya dari masa ke semasa melalui panduan mekanisma pemantauan yang disediakan.

Pada kali ini, penekanan yang lebih serius dalam melaksanakan strategi yang digariskan dengan menyediakan 13 jenis borang untuk memudahkan

pemantauan status pelaksanaan pelan strategik ini.

ii. Bengkel Penyediaan Pelan Periodisasi Latihan SUKMA 2026

Bagi memastikan pelan yang disediakan lebih tepat, semua peserta diminta menyediakan pelan langkah demi langkah, mengikut tunjuk ajar penceramah jemputan. Melalui Pelan ini diharap atlet akan berada pada prestasi yang tertinggi semasa SUKMA nanti.

iii. Program Pengenalpastian Bakat (TID), 'Talent Scouting' dan Kejohanan Pemilihan.

Program ini dilaksanakan bagi menampung atlet SUKMA 2024 yang telah melepasi umur 21 tahun pada SUKMA 2026 dan mengekalkan komposisi atlet yang dilatih sentiasa terdapat dalam tiga tahap.

Program latihan dan pemilihan atlet sudah berjalan termasuk menyediakan "backups" atlet sandaran agar ada kestabilan dan persediaan berterusan.

iv. Ujian Kecergasan

Dilakukan secara berkala setiap 3 bulan termasuk ujian awal atau pra program bagi menilai status kecergasan atlet sebelum memulakan latihan secara intensif.

Keputusan tahap kecergasan atlet akan sentiasa dipantau oleh Majlis Sukan Negeri melalui Bahagian Teknologi sukan dan juga pihak PRESMA.

v. Program *Talent Outreach*

Selain daripada pusat latihan negeri yang kebanyakannya berpusat di sekitar MSNT, ada juga pusat latihan yang dibuka di daerah-daerah. Atlet SUKMA akan dilatih secara spesifik dan saintifik di daerah berkenaan dengan jurulatih yang dilantik oleh MSNT.

vi. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK)

Mesyuarat ini yang turut dianggotai oleh wakil persatuan sukan, JPNT dan PRESMA merupakan mesyuarat khas bagi menilai prestasi semasa setiap atlet serta merangka program-program ke arah memantapkan setiap pasukan mengikut fasa menuju ke SUKMA 2026.

Mesyuarat dilaksanakan satu kali dalam setiap fasa persediaan pasukan.

vii. Mesyuarat Jawatankuasa Operasi (JKO)

Mesyuarat ini bertujuan membincangkan aspek latihan yang dijalankan oleh setiap pasukan secara khusus, melibatkan penyertaan Pengurus Pasukan dan jurulatih.

Mesyuarat perbincangan yang dikendalikan secara bulanan oleh pasukan bagi kelancaran program latihan serta binaan yang telah dilaksanakan atau yang akan di buat ke hadapan.

viii. Penyertaan dan penganjuran Kejohanan

Seperti persiapan SUKMA-SUKMA yang lepas, bagi memantapkan atlet serta mengukur prestasi mereka, setiap pasukan akan memilih kejohanan yang sesuai untuk disertai, di samping menganjurkan kejohanan-kejohanan bertaraf kebangsaan bagi tujuan yang sama.

Mini pertandingan dan perlawanan persahabatan juga sentiasa diadakan bagi mematangkan setiap atlet dan pasukan sepanjang persiapan.

ix. Aktiviti kerohanian

Banyak aktiviti kerohanian telah dilaksanakan seperti solat hajat mingguan, solat hajat perdana dan motivasi kerohanian setiap pasukan.

x. Logo, slogan dan motivasi

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri telah melancarkan logo dan slogan rasmi Kontinjen SUKMA 2026 "TERENGGANU NELANG" yang melambangkan semangat Pantai timur yang hebat, garang, setia, cekap dan pandai.

Majlis "Selangkah Mencipta Gemilang – Misi Emas Bermula" telah diadakan sebagai titik mula bagi memotivasi dan pertemuan bersama pihak Kerajaan Negeri dan Kontinjen SUKMA Negeri Terengganu 2026.

xi. Pemantauan dan Pengurusan Prestasi

Panel Penilai Prestasi Atlet SUKMA (PRESMA) telah diwujudkan selepas SUKMA 2024 untuk memantau Latihan, prestasi atlet dan merancang strategi-strategi terbaik dan khusus sepanjang persiapan.

UNJURAN

i. Misi Emas Kedudukan Terbaik

Dengan Tema "Selangkah Mencipta Gemilang – Misi Emas Bermula" Kontinjen Negeri Terengganu menasarkann pencapaian pingat emas yang terbaik dan kedudukan keseluruhan yang bertambah baik berbanding SUKMA sebelumnya.

Diharapkan terdapat peningkatan prestasi atlet khususnya dalam acara-acara yang menjadi kekuatan Negeri Terengganu dalam setiap edisi penyertaan dalam SUKMA sebelum-sebelum ini.

ii. Peningkatan Pendedahan Antarabangsa

Latihan di luar negara dijadikan sebahagian daripada strategi agar atlet dan pasukan mendapat pengalaman lebih baik dan tidak mudah dijangka oleh pihak lawan.

Pengambilan "backup" atlet juga bermaksud persediaan jangka Panjang supaya kontinjen tidak terlalu bergantung kepada sekelompok kecil atlet sahaja.

iii. Motivasi dan sokongan berterusan

Insentif yang lebih baik dijanjikan untuk menambah motivasi atlet agar memberi prestasi maksimum.

Pelancaran slogan, logo dan pelbagai program motivasi serta pengiktirafan atlet sedia ada adalah sebahagian daripada usaha memastikan atlet berada dalam semangat yang tinggi.

SOALAN 2 : Apakah bentuk sumbangan Kerajaan Negeri kepada wira

Terengganu yang terlibat dalam Global Sumud Flotilla?

JAWAPAN : Memandangkan mereka yang menyertai dalam Global Sumud Flotilla ini adalah secara sukarela dan dari golongan mempengaruhi, selebriti, maka bukanlah termasuk dalam golongan yang layak menerima sumbangan, namun Pihak Kerajaan Negeri Terengganu melalui Urus setia Wanita Terengganu (USWa) dengan penganjuran Sambutan Hari Sayyidatina Aisyah pada 12 Oktober 2025 yang lalu telah menganugerahkan Anugerah Tokoh Khas Khidmat Bakti kepada Nur Heliza Helmi yang merupakan Penyanyi, Pendakwah, Pengacara TV, Penceramah Motivasi, Model, Pelakon dan Aktivistik Kemanusiaan, dan juga kepada adiknya Nur Hazwani Afiqah Helmi, Penyanyi, Penulis lagu, Pengacara TV, Model, Pelakon dan Aktivistik Kemanusiaan, Nur Farahin Romli (Farah Lee) yang merupakan Personaliti Media Sosial, Usahawan Dan Aktivistik Kemanusiaan turut diberikan Anugerah Tokoh Khas Khidmat Bakti pada hari tersebut.

Meskipun begitu, kepada golongan lelaki pula, Ustaz Muhammad bin Abdullah dan juga Mohd Asmawi bin Mukhtar yang turut terlibat dalam Global Sumud Flotilla, mereka ini diraikan dengan dijemput ke majlis-majlis bagi sesi perkongsian dan menceritakan pengalaman mereka, seperti pada acara Terengganu Berselawat pada 14 Oktober 2025 lepas.

SOALAN 3 : Apakah status perkembangan dan pembinaan loji hidrogen di negeri ini terutama di daerah Besut?

JAWAPAN : Pihak Menteri Besar, Terengganu (**'MBI'**) masih dalam proses menilai kajian kebolehlaksanaan (Feasibility Study) yang dijalankan oleh rakan berpotensi berhubung pembangunan Loji Hidrogen Hijau dan Ammonia Hijau berasaskan konsep

Hydropower-to-Green Hydrogen /Ammonia sebagai satu inisiatif pembangunan dan pelaburan teknologi hijau baharu di Negeri Terengganu.

Projek perintis (pilot project) ini dicadangkan dilaksanakan di Wilayah Tengah Terengganu (Hulu Terengganu), melibatkan Sungai Kelemin dan Sungai Berang, serta akan diperluas ke Wilayah Selatan (Dungun) dan seterusnya ke Wilayah Utara (Besut) yang dijangka melibatkan tambahan 13 sungai lain.

Namun demikian, kebolehlaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada jaminan pihak pemaju berkaitan pembelian tenaga (offtaker) dan pembiayaan projek (funding) yang kini masih dalam tindakan serta perhatian dan penilaian lanjut oleh pihak-pihak yang berminat.

SOALAN 4 : Apakah perkembangan semasa rancangan bagi membangunkan Hub Petroleum di Pulau Kerengga, Marang?

JAWAPAN : Kawasan Perindustrian Pulau Kerengga, Marang berkeluasan keseluruhan 1,258.26 ekar (509.02 hektar) dengan topografi tanah dalam keadaan yang raw – berlembah, berbukit dan paya dan mempunyai rentahan tanah di sebahagian tanah kawasan tersebut.

Kawasan ini telah dikenalpasti sebagai kawasan berpotensi bagi cadangan pembangunan Hub Petroleum bagi Negeri Terengganu serta pembangunan hiliran berkaitan.

PMINT selaku agensi yang diberi peranan bagi mempromosikan kawasan tersebut sejak tahun 2020 telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pelabur yang boleh dikategorikan sebagai pelabur yang serius dan juga pelabur-pelabur yang hanya datang ingin mendapatkan maklumat

semata-mata. Kebanyakan pelabur yang mengemukakan permohonan adalah bagi Cadangan Pembangunan *Hub Petroleum, Refinery, Storage Complex (Tank Farm), Jetty, Power Plan* dan kerja-kerja berkaitan.

Pada 27 November 2023 – satu syarikat telah diberikan pengesyoran oleh Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Industri Negeri Terengganu (MJPINT) bagi pajakan tanah selama 60 tahun untuk cadangan pembangunan Hab Petroleum dan pembangunan berkaitan di atas tanah berkeluasan 900 ekar dengan anggaran harga pajakan tanah industri berjumlah RM145.6 juta untuk pajakan 60 tahun atau RM40.00 semeter persegi. Walau bagaimanapun, syarikat terbabit telah gagal menjelaskan bayaran ikhtisas 1% daripada jumlah harga pajakan tersebut dalam tempoh masa yang telah ditetapkan sehingga 15 Februari 2024 dan menyebabkan cadangan pajakan kepada pihak terbabit adalah terbatal semua sekali.

Sehingga kini, pihak PMINT masih menerima permohonan-permohonan daripada pihak pelabur yang kebanyakan berminat bagi membangunkan hub petroleum di kawasan terbabit dan dari '*due diligence*' yang dilaksanakan oleh PMINT mendapati beberapa perkara yang menjadi isu di pihak pelabur:-

i. **Sumber Dana Modal yang disahkan Kerajaan Malaysia/Bank Negara Malaysia –**

Pelabur gagal mengemukakan maklumat konkrit berkaitan sumber dana yang dimaklumkan dari pihak yang memberi dana.

ii. **Sumber Bahan Mentah –**

Pelabur gagal mengemukakan dengan spesifik sumber

bahan mentah yang diperolehi bagi pemprosesan.

SOALAN 5 : Sejauh manakah usaha pemuliharaan benteng Sungai Besut?

JAWAPAN : Pemuliharaan benteng Sungai Besut

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Terengganu telah mengenal pasti kejadian runtuh dan hakisan tebing di kawasan Sungai Besut.

Hasil siasatan mendapati kawasan ini terjejas sepanjang lebih kurang 500 meter, dengan tahap hakisan sederhana hingga serius di beberapa bahagian tebing sungai. Kejadian ini berpunca daripada arus sungai yang deras semasa musim hujan lebat, serta perubahan aliran air dan kelemahan struktur semula jadi tebing sungai akibat hakisan berterusan.

Sebagai langkah awal, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan beberapa tindakan segera seperti berikut:

1. Pemantauan Berkala:

JPS Daerah Besut melaksanakan pemantauan secara berkala bagi memastikan keadaan tebing sungai kekal stabil sehingga kerja-kerja pembaikan kekal dapat dilaksanakan.

2. Kerjasama Antara Agensi:

JPS turut menjalinkan kerjasama rapat dengan Pejabat Tanah Daerah Besut dalam usaha pemantauan dan pengawasan kawasan yang terlibat.

3. Tindakan Sementara dan Baik Pulih Kecil:

Bagi mengurangkan risiko hakisan, kerja-kerja baik pulih kecil di beberapa jajaran benteng sedia ada turut

dilaksanakan secara berperingkat oleh JPS Negeri Terengganu. Langkah ini bertujuan memastikan struktur benteng kekal stabil dan berfungsi dengan baik sementara menunggu pelaksanaan projek utama dimulakan sepenuhnya.

4. Peruntukan Kerja Pembaikan daripada Kerajaan Persekutuan di sekitar Sungai Besut bagi tahun 2023-2025:

TAHUN	KOS PROJEK (RM)
2023	1,500,000.00
2024	920,000.00
2025	1,700,000.00

Butiran Projek Dalam Fasa Pelaksanaan

Nama Projek	Projek Pemuliharaan Sungai di Lembangan Sungai Besut, Bandar Jertih, Besut, Terengganu
Kos Keseluruhan	RM29,218,200.00
Skop Utama	Kerja-kerja pemuliharaan dan pengukuhan tebing sungai di lokasi kritikal yang terdedah kepada hakisan

Lokasi Terlibat	1. Tebing kiri Sungai Besut berhampiran Masjid Pakistan (± 100 m) 2. Tebing kanan Sungai Besut berhampiran kawasan kubur (± 200 m) 3. Tebing kiri dan kanan Sungai Jertih (± 300 m) termasuk tebing kiri berhampiran Pasar Jertih (± 150 m)
Objektif Projek	Mengurangkan risiko hakisan dan memastikan kestabilan tebing sungai di kawasan tumpuan penduduk dan perniagaan

Status	Dalam pelaksanaan / Siap (boleh dikemas kini mengikut status semasa)
--------	--

MESYUARAT KETIGA

PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)

PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

BILANGAN 4.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH

YANG BERTITAH Dr. HAJI MAMAD BIN PUTEH

ADUN KUALA BERANG

SOALAN 1 : Berapakah jumlah keluasan tanah dan rezab PTP di seluruh Terengganu mengikut daerah dan berapakah jumlah kawasan tanah yang tidak dimajukan?

JAWAPAN : Keluasan tanah dan rezab PTP di seluruh Terengganu mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Tanah Milik PTP		Tanah Milik PTP Tidak Dimajukan		Tanah Rizab PTP		Tanah Rizab PTP Tidak Dimajukan	
		Bilangan Tanah Milik	Keluasan Hektar	Bilangan Tanah Milik	Keluasan Hektar	Bilangan Tanah Rizab	Keluasan (Hektar)	Bilangan Tanah Rizab	Keluasan Hektar
1	Besut	192	1356.6834	23	112.8517	46	91.6188	1	0.5100
2	Dungun	174	1139.8066	22	59.4076	28	66.3381	13	9.1011
3	Hulu Terengganu	180	957.9406	29	73.1787	31	465.2747	4	7.3896
4	Kemaman	240	520.8988	28	30.8793	69	85.2851	18	15.788

5	Kuala Terengganu	234	417.6783	26	92.0600	41	80.7424	3	2.7262
6	Marang	126	1340.05	24	883.7102	20	111.952	2	3.6164
7	Setiu	136	378.3672	18	42.9086	18	25.02	2	3.7267
8	Kuala Nerus	105	769.1255	6	24.9498	18	31.2463	1	0.63
JUMLAH		1387	6880.5504	176	1319.9459	271	957.4774	44	43.488

SOALAN 2 : Berapakah jumlah projek diperingkat daerah yang telah dikenal pasti berlaku pertindihan diantara Kerajaan Negeri, PBT dan JPP dan apakah mekanisme yang diambil untuk menyelesaikan perkara ini?

JAWAPAN : **Tiada pertindihan projek yang dikenal pasti.**
Antara langkah utama yang dilaksanakan bagi mengelakkan berlaku pertindihan termasuklah:

1. Pelarasan awal antara agensi pelaksana sebelum sesuatu permohonan peruntukan dikemukakan, bagi memastikan keselarasan dari segi fungsi, skop dan lokasi projek, serta mengelakkan pertindihan pelaksanaan di peringkat lapangan.
2. Pemakluman dan semakan bersama agensi teknikal seperti JKR, JPS dan Pejabat Daerah sebelum projek dilaksanakan, bagi memastikan keseragaman pelaksanaan serta mengelakkan pengulangan projek di kawasan yang sama.
3. Pelaksanaan tadbir urus berasaskan prinsip "One Location, One Agency", iaitu dengan menekankan bahawa setiap lokasi atau kemudahan awam utama diselia oleh satu agensi peneraju, manakala agensi lain

berperanan secara sokongan dan pelengkap mengikut bidang kepakaran masing-masing. Sebagai contoh, pengurusan dan penyelenggaraan jalan di bawah peruntukan MARRIS dilaksanakan berpandukan pangkalan data penyelenggaraan yang jelas, bagi membezakan tanggungjawab antara agensi seperti JKR, JPS, PBT dan Pejabat Daerah. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kejelasan tanggungjawab, tetapi juga membantu meminimumkan risiko pertindihan dan memastikan peruntukan disalurkan secara lebih efisien.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah royalti petroleum yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri bermula Januari hingga Jun 2025?

JAWAPAN : Sehingga 15 Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah menerima Wang Ehsan/DKKP berjumlah RM1,033,823,231.45.

SOALAN : Berapakah jumlah sumbangan KDNK Kerajaan Negeri dalam sektor pelancongan bagi tahun 2024?

JAWAPAN : Sektor perkhidmatan menyumbang kira-kira 52 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Terengganu bagi tahun 2024. Sub-sektor pelancongan, penginapan, makanan dan minuman adalah tergolong di bawah sektor perkhidmatan ini.

KDNK MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI PADA HARGA MALA R 2015, 2020 -2024
GDP by Kind of Economic Activity at Constant Prices 2015, 2019-2023

JENIS AKTIVITI EKONOMI / Type of Economic Activity	2020		2021		2022		2023		2024	
	RM JUTA RM Million	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)	RM JUTA RM Million	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)	RM JUTA RM Million	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)	RM JUTA RM Million	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)	RM JUTA RM Million	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)
PERTANIAN Agriculture	2,903	8.5	2,752	7.8	2,858	7.1	2,830	7.4	2,941	7.4
PERLOMBONGAN & KUARI Mining & Quarrying	178	0.5	178	0.5	197	0.5	208	0.5	238	0.6
PEMBUATAN/PERKILANGAN Manufacturing	11,882	34.9	12,984	38.8	14,061	37.8	14,084	38.8	14,828	38.6
PEMBINAAN Construction	1,080	3.2	1,108	3.1	1,147	3.1	1,168	3.1	1,370	3.4
PERKHIDMATAN Services	17,943	52.8	18,201	51.7	19,320	51.7	19,917	52.1	20,710	51.9
TAMBAH: DUTI IMPORT Plus: Import Duties	31	0.1	16	0.0	8	0.0	15	0.0	38	0.1
KDNK pada Harga Pembeli GDP at Purchaser's Prices	33,994	100	35,236	100	37,392	100	38,219	100	39,922	100

Sumber:
Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI PADA HARGA MALA R 2015, 2020 -2024
GDP by Kind of Economic Activity at Constant Prices 2015, 2020-2024

JENIS AKTIVITI EKONOMI Type of Economic Activity	2020		2021		2022		2023		2024	
	RM JUTA RM Million	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)	RM JUTA RM Million	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)	5839	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)	RM JUTA RM Million	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)	RM JUTA RM Million	PERATUS SUMBANGAN KEPADA KDNK (%) Percent Contribution To GDP (%)
PERKHIDMATAN Services										
- UTILITI, PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN, MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI - Utilities, Transportation and Storage, Information & Communication	5,786	17.0	5,742	16.3	5,836	15.6	5,977	15.6	6,253	15.7
- PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MAKANAN & MINUMAN DAN PENGINAPAN - Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation	4,072	12.0	4,048	11.5	4,689	12.5	4,860	12.7	5,032	12.6
- KEWANGAN & INSURAN, HARTANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN - Finance & Insurance, Real Estate and Business Services	1,449	4.3	1,516	4.3	1,622	4.3	1,634	4.3	1,696	4.2
- PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN - Other Services	1,466	4.3	1,466	4.1	1,524	4.1	1,568	4.1	1,613	4.0
- PERKHIDMATAN KERAJAAN - Government Services	5,200	15.3	5,439	15.4	5,650	15.1	5,877	15.4	6,114	15.3

Sumber:
Jabatan Perangkaan Malaysia

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM
ADUN BULUH GADING

SOALAN 1 : Apakah status dan keadaan terkini Kompleks Tuanku Nur Zahirah yang terletak di Kampung Tanjung Bunut?

JAWAPAN : Status terkini Kompleks Tuanku Nur Zahirah yang terletak di Kampung Tanjung Bunut, Kompleks Tuanku Nur Zahirah adalah sebagai pusat latihan tenunan serta pusat pembangunan produk berasaskan songket sejak tahun 2016 yang dioperasikan oleh Yayasan Tuanku Nur Zahirah dengan menempatkan seramai 24 orang kakitangan dan penenun.

SOALAN 2 : Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah binatang ternakan yang berkeliaran?

JAWAPAN : Antara Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah binatang ternakan yang berkeliaran adalah seperti berikut:

1. Tangkapan secara berkala haiwan berkeliaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan
2. Operasi bersepadu antara agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pihak Berkuasa Tempatan dan Polis Diraja Malaysia.

3. Menjalankan kerja-kerja penandaan haiwan.
4. Membuat hebahan melalui khutbah jumaat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.
5. Hebahan melalui pelbagai saluran berkenaan larangan membiarkan haiwan berkeliaran.

SOALAN 3 : Apakah itu Terengganu Petroleum. Apakah proses pelaksanaannya dan status terkini kejayaan perancangan tersebut?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil langkah proaktif dengan merancang penubuhan entiti petroleum milik negeri sendiri melalui inisiatif yang dikenali sebagai Terengganu Petroleum Council (TPC). Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada strategi jangka panjang untuk mengurangkan kebergantungan kepada royalti minyak dan gas daripada Kerajaan Persekutuan, serta memperkukuh kedudukan Terengganu sebagai pemain utama dalam industri tenaga negara.

Terengganu Petroleum merupakan inisiatif yang diterajui oleh Terengganu Inc melalui anak Syarikat miliknya, TI Petroleum Sdn Bhd. (Ti Petroleum) yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TI Petroleum berperanan sebagai entiti utama negeri dalam menerajui penglibatan Terengganu dalam sektor hulu (upstream) serta bertindak sebagai Syarikat teras negeri dalam menguruskan hal-hal berkaitan industri minyak dan gas bagi pihak Kerajaan Negeri Terengganu.

Objektif Penubuhan TPC dirangka sebagai platform perancangan dan pelaksanaan bagi mewujudkan entiti petroleum negeri yang berdaya saing, dikenali sebagai Terengganu Petroleum. Objektif utama penubuhan ini adalah untuk:

- Menyertai secara langsung dalam aktiviti penerokaan dan pengeluaran (E&P) minyak dan gas.
- Menjana hasil negeri secara terus melalui pemilikan aset dan operasi petroleum.
- Membangunkan rantaian nilai industri tenaga yang lengkap di bawah pengurusan syarikat milik negeri.

Pelaksanaan inisiatif ini melibatkan beberapa fasa utama iaitu pengenalan Lapangan Minyak Dua lapangan minyak telah dikenal pasti untuk diterokai bersama rakan strategik dari Oman. Lokasi dan potensi pengeluaran sedang dinilai secara teknikal dan komersial.

Rundingan dengan Petronas Kerajaan negeri melalui Terengganu Inc sedang menjalankan rundingan dengan Petronas bagi mendapatkan kelulusan dan kerjasama dalam pengambilalihan atau penyertaan operasi di lapangan yang dikenal pasti.

Kerjasama Strategik Terengganu Inc telah memeterai kerjasama dengan syarikat dari Oman untuk membangunkan lapangan minyak tersebut. Dalam masa yang sama, anak syarikat milik penuh kerajaan negeri seperti EPIC Berhad telah memperoleh kontrak bernilai RM1.8 bilion sehingga Disember 2024 dalam sektor minyak dan gas.

Usaha sedang dijalankan untuk memperkukuh keupayaan teknikal dan sumber manusia tempatan agar dapat menyokong operasi hulu, pertengahan dan hiliran industri petroleum.

Status Terkini dan Kejayaan Awal

TI Petroleum bermula pada Ogos 2025, sedang dalam proses

penilaian dan pembidaan bagi memperoleh pegangan eekuiti dalam salah satu aset di luar persisir (*Brownfield offshore asset*) yang kini beroperasi di bawah pengurusan Petronas.

Memandangkan proses pembidaan masih berlangsung, maklumat terperinci mengenai aset tersebut tidak dapat diumumkan kan buat masa ini. Keputusan akhir dijangka akan diperoleh pada suku pertama tahun 2026 (Q1 2026).

Sekiranya usaha ini Berjaya, ia akan menjadi detik bersejarah bagi Negeri Terengganu, menandakan penglibatan pertama negeri dalam aktiviti pengeluaran minyak dan gas selepas lebih 51 tahun.

GLC negeri seperti Terengganu Inc dan EPIC Berhad semakin aktif dalam sektor tenaga, dengan penglibatan langsung dalam projek kejuruteraan, logistik dan perkhidmatan sokongan minyak dan gas.

Penubuhan Terengganu Petroleum melalui TPC dijangka akan memberi pulangan ekonomi yang lebih mampan dan berdaulat kepada negeri. Disamping bakal mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat tempatan.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT Ir. HAJI SAIFUL AZMI BIN SUHAILI
ADUN KEMASIK

SOALAN 1 : Berapakah bilangan pelajar sekolah rendah di Terengganu yang tercicir tidak menyambung pendidikan di peringkat menengah?

JAWAPAN : Bilangan murid sekolah rendah yang tidak menyambung pendidikan di peringkat menengah bagi Negeri Terengganu adalah sebanyak 46 orang. Bilangan keciciran pelajar yang paling tinggi adalah Daerah Kemaman iaitu seramai 15 orang pelajar. Antara sebab utama keciciran adalah kerana tidak berminat untuk menyambung pendidikan ke sekolah menengah dan faktor kos sara hidup yang meningkat setiap tahun.

SOALAN 2 : Berapakah bilangan pelajar sekolah menengah yang tidak menyambung pelajaran ke mana-mana pusat pengajian selepas SPM?

JAWAPAN : Berdasarkan data daripada Sistem Maklumat Pelajar Lulusan SPM(i-Trace) Yayasan Terengganu menunjukkan seramai 12,657 orang **Anak Terengganu (No. I/C= '11')** adalah lepasan SPM Tahun 2024.

Melalui padanan dengan penerima Bantuan Persediaan ke

IPT Yayasan Terengganu, Bantuan Awal Yayasan Pendidikan MAIDAM dan pelatih Jabatan Pembangunan Kemahiran, **sehingga 19 September 2025** sejumlah **5,643 orang** masih belum mendaftar ke mana-mana institusi pengajian tinggi atau pusat-pusat latihan.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat yang disalurkan terus kepada Akaun Perbendaharaan Negeri bagi tahun 2024 dan 2025?

JAWAPAN : Jumlah peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat yang disalurkan terus kepada Akaun Perbendaharaan Negeri bagi tahun 2024 adalah berjumlah RM733,046,000.00 manalaka bagi tahun 2025 sehingga 15 Oktober 2025 adalah berjumlah RM583,348,500.00.

BIL	PERKARA	TAHUN 2024 (RM)	TAHUN 2025 SEHINGGA 15 OKTOBER 2025 (RM)
1.	Bayaran Emolumen Kakitangan Awam	687,000,000.00	576,000,000.00
2.	Bayaran BKK Aidilfitri Kakitangan Awam	7,320,000.00	7,348,500.00
3.	Bayaran Insentif Kajian Awal Skim Persaraan Perkhidmatan Awam	26,326,000.00	
4.	Pertambahan Bayaran Emolumen Bulan Disember 2024 berikutan pertukaran Sistem Saraan Malaysia (SSM) ke Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)	5,000,000.00	
5.	Bantuan Khas Kewangan 2025 (BKK) Februari 2025	7,400,000.00	
	JUMLAH	33,046,000.00	583,348,500.00

SOALAN 4 : Apakah yang perlu dilakukan oleh DUN untuk membangunkan kawasan PMKS baharu dikawasan mereka bagi meningkatkan keupayaan dan pengeluaran usahawan-usahawan baharu?

JAWAPAN : Antara usaha yang perlu dilakukan oleh DUN untuk membangunkan kawasan PMKS baharu di kawasan mereka adalah seperti berikut:

1. **Penubuhan Zon PMKS Berfokus (*Cluster-Based Development*)**

Membangunkan Zon PMKS Berfokus di setiap DUN berdasarkan keunikan ekonomi tempatan. Contohnya Zon PMKS Makanan Laut di Setiu, Zon PMKS Kraftangan di Hulu Terengganu, atau Zon PMKS Tenunan di Kuala Terengganu. Pendekatan berkelompok ini membolehkan perkongsian kemudahan, tenaga kerja, logistik serta memudahkan pemasaran bersama.

2. **Pewujudan Pusat Inkubasi & Pemecut Usahawan DUN (*Local Incubator Hub*)**

Menubuhkan Pusat Inkubasi Usahawan di DUN dengan menyediakan kemudahan asas seperti ruang pejabat, bimbingan mentor, latihan keusahawanan dan khidmat nasihat kewangan. YPU boleh berperanan sebagai penyelarasan utama dan juga penglibatan agensi pelaksana yang lain seperti MARA, SME Corp, TEKUN dan lain-lain.

3. **Program Pembangunan Usahawan Belia dan Wanita Berasaskan Komuniti**

Melaksanakan program berstruktur yang melibatkan golongan belia, wanita dan graduan menganggur dengan modul latihan bersifat praktikal iaitu seperti *hands-on entrepreneurship*. Program ini akan memfokuskan kepada produk asas tempatan seperti

makanan, kraftangan, pertanian dan servis digital.

4. **Pembangunan Infrastruktur PMKS Modular**
Menyediakan tapak dan premis perniagaan modular (contohnya bengkel kecil, kiosk, kontena niaga dan mini kilang) di kawasan strategik DUN dengan kadar sewa yang berpatutan dan kemudahan asas yang lengkap seperti air dan elektrik.
5. **Penubuhan Dana Sokongan & Mikro Kredit PMKS DUN**
Menubuhkan Tabung Mikro PMKS DUN melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri, YPU, TEKUN dan Institusi Kewangan Islam bagi memberikan pinjaman mudah, geran permulaan dan bantuan peralatan kepada usahawan baharu.
6. **Digitalisasi dan E-Dagang PMKS Tempatan**
Melaksanakan inisiatif Digital PMKS yang menyediakan latihan dan platform e-dagang bagi membantu usahawan di DUN untuk menembusi pasaran dalam talian seperti Shopee, TikTok Shop, Halal Mall, dan lain-lain. YPU boleh menjadi gateway platform negeri untuk memasarkan produk usahawan Terengganu di peringkat nasional dan antarabangsa.
7. **Penganjuran Karnival dan Showcase Usahawan DUN Secara Berkala**
Mengadakan Karnival Usahawan DUN dua kali setahun bagi mempamerkan produk PMKS tempatan dan dalam masa yang sama dapat menghubungkan usahawan di DUN dengan pemborong, pelabur dan agensi yang berkaitan. Tambahan pula, penganjuran karnival seperti ini bukan sahaja menjadi platform jualan tetapi juga membina rangkaian perniagaan dan menarik minat generasi muda terhadap keusahawanan.

MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MOHD NOOR
ADUN LADANG

SOALAN 1 : Dalam menghadapi peruntukan kewangan yang agak terhad pada masa sekarang, apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan Rumah Mampu Milik (RMM) dapat disediakan mengikut permintaan dan keperluan semasa?

JAWAPAN : Dalam menghadapi kekangan peruntukan kewangan pada masa kini, Kerajaan Negeri Terengganu tetap komited untuk memastikan pembinaan **Rumah Mampu Milik (RMM)** terus dilaksanakan bagi memenuhi permintaan dan keperluan rakyat. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah:

- i. **Melaksanakan penambahbaikan dasar pembangunan RMM secara penswastaan**, bagi merencanakan lagi penglibatan dan kerjasama dengan pihak pemaju swasta dalam penyediaan rumah mampu milik di seluruh negeri.
- ii. **Menjalin kerjasama strategik dengan Kerajaan Persekutuan**, khususnya melalui Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi mendapatkan sokongan kewangan,

teknikal dan program bersama dalam sektor perumahan.

- iii. **Bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** dan agensi pelaksana lain, bagi memperluas pelaksanaan projek perumahan rakyat serta meningkatkan bilangan unit RMM yang dapat ditawarkan kepada golongan sasar.

SOALAN 2 : Apakah punca jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu dan Tanah Pegangan Melayu di negeri ini berkurang kepada 403.5 ribu hektar pada tahun 2024 berbanding 480.7 ribu hektar pada tahun 2019?

JAWAPAN : Pengurangan data Tanah Rizab Melayu dan Tanah Pegangan Melayu daripada 480.7 ribu hektar pada tahun 2019 kepada 403.5 ribu hektar pada tahun 2024 adalah disebabkan oleh sebagaimana berikut:

- i. Pengambilan Balik Tanah.
Jumlah keluasan pengambilan tanah 3,233.6409 H.
- ii. Hakisan Tanah dibawah sekysen 49 KTN
(Jumlah keluasan terlibat 229.1484 Hektar)
- iii. Aktiviti pembersihan dan permurnian data bagi tujuan conversion sistem
Pendaftaran Tanah Berkomputer kepada Sistem e-Tanah.
(Kesilapan Pengiraan Unit Luas Hektar kepada Meter Persegi).
(Luas Asal = 74,937 Hektar, Luas Baru = 74,937 Meter Persegi).

SOALAN 3 : Sejauh manakah prestasi usahawan yang menerima geran dan pembiayaan daripada YPU dipantau dan apakah gambaran keseluruhan prestasi usahawan yang dilahirkan atau dibantu oleh YPU?

JAWAPAN : Bagi memastikan setiap usahawan yang menerima Geran atau Pembiayaan daripada YPU benar-benar mencapai matlamat pembangunan ekonomi yang disasarkan, YPU turut melaksanakan sistem pemantauan berstruktur dan berterusan melalui beberapa kaedah utama:

1. Lawatan Tapak Premis Perniagaan
 - Pegawai YPU sentiasa menjalankan lawatan pemantauan di premis perniagaan untuk menilai keberkesanan penggunaan dana serta mengenalpasti cabaran sebenar di lapangan. Melalui lawatan ini, pegawai juga memberi khidmat nasihat dan bimbingan untuk memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti.
2. Sesi Bimbingan dan Kaunseling Usahawan
 - Usahawan yang menunjukkan prestasi kurang memuaskan akan dibimbing semula melalui program latihan, mentoring dan coaching agar dapat meningkatkan kecekapan pengurusan serta daya saing perniagaan.

Secara keseluruhannya, pemantauan yang dilaksanakan oleh YPU bukan sahaja memastikan akauntabiliti penggunaan dana kerajaan, tetapi juga membantu memastikan usahawan yang dilahirkan benar-benar berdaya tahan dan berdaya saing.

Secara keseluruhan, prestasi usahawan yang dibantu oleh

YPU menunjukkan hasil yang positif, sejajar dengan matlamat kerajaan negeri untuk memperkukuh ekosistem keusahawanan dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu dimana sehingga kini hasil kutipan bayaran balik daripada usahawan yang memperolehi pembiayaan daripada YPU adalah sebanyak 80%.

Manakala bagi geran kepada usahawan belia di bawah program Usahawan Belia Sejahtera (U-BES) Prestasi terkini menunjukkan bahawa sebanyak 97% peserta U-BES masih menjalankan perniagaan dan purata peningkatan jualan melebihi 15%.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG
ADUN PENGKALAN BERANGAN

SOALAN 1 : Mohon nyatakan jumlah peruntukan Belanjawan 2025 yang telah dibelanjakan dan sektor manakah yang paling banyak menerima peruntukan serta menunjukkan impak positif kepada rakyat?

JAWAPAN : Peruntukan yang telah dibelanjakan di bawah bajet pembangunan tahun 2025 sehingga 30 September 2025 adalah berjumlah RM175,795,912.11 (39.07%). Sektor yang paling banyak menerima peruntukan adalah sektor sosial di bawah Pembangunan Bandar & Luar Bandar sebanyak RM292,409,790.00. Ini termasuk Projek Perumahan TerengganuKu Sejahtera (PPTS), projek infrastruktur dan kemudahan awam di seluruh negeri, projek bekalan air, pembaikan dan naiktaraf masjid, penyelenggaraan longkang dalam kawasan PBT dan pengambilan balik tanah.

Manakala peruntukan yang telah dibelanjakan di bawah bajet mengurus vot B02 Pejabat SUK sehingga 30 September 2025 adalah berjumlah RM222,694,759.34 (53.02%). Sektor yang paling banyak menerima peruntukan adalah di bawah Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Terengganu berjumlah RM97,577,010.00. Perbelanjaan terbesar daripada jumlah tersebut adalah untuk Bantuan

Pengurusan Kebersihan dan Keindahan Bandar melibatkan pembayaran kontrak-kontrak pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berjumlah RM80,000,000.00 bertujuan menjamin kebersihan negeri dan kesihatan kepada rakyat negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan Belanjawan 2025 mencapai matlamat sebagaimana dibentangkan?

JAWAPAN : Bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan belanjawan tahun 2025, Kerajaan Negeri sentiasa menekankan kepentingan pematuhan terhadap segala peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri Terengganu dan Perbendaharaan Malaysia. Penekanan ini menjadi asas kepada tadbir urus fiskal yang efisien dalam memastikan setiap perbelanjaan dilaksanakan secara telus, berhemah dan memberi nilai terbaik kepada rakyat. Langkah ini turut mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh kebertanggungjawaban (*accountability*) serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan negeri secara keseluruhan.

SOALAN 3 : Mohon nyatakan apakah tindakan dan bantuan Kerajaan Negeri dalam menangani cabaran kenaikan kos sara hidup rakyat bagi mamastikan tahap kehidupan rakyat negeri tidak terbeban dengan kenaikan tersebut?

JAWAPAN : Antara tindakan dan bantuan kerajaan negeri Bersama pihak KPDN Negeri Terengganu dalam menangani cabaran kenaikan kos sara hidup rakyat bagi mamastikan tahap kehidupan rakyat negeri tidak terbeban dengan kenaikan tersebut adalah seperti berikut:

Program Jualan Rahmah Madani dilaksanakan oleh usahawan tempatan dan pihak KPDN Negeri Terengganu, sebanyak 836 Program Jualan Rahmah Madani telah dilaksanakan di seluruh Terengganu melibatkan 8 kawasan Parlimen dan 32 DUN. Program ini berjaya menstabilkan harga barangan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan tawaran harga 10% hingga 30% lebih rendah daripada pasaran, hasil subsidi kerajaan dan potongan tambahan daripada peniaga. Kerjasama erat Kerajaan Negeri turut menyokong pelaksanaan program di lokasi seperti masjid, pasar awam terpilih dan pasar patuh. Kerjasama ini telah memberi manfaat kepada rakyat dalam usaha menangani tekanan kos sara hidup.

Program Pengedaran Barang Keperluan Berkala di 8 kawasan Parlimen dan 32 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negeri Terengganu, pengedaran secara berkala ini mengambil kira bukan sahaja musim perayaan namun ia juga dilakukan pada musim banjir bagi membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat yang terkesan.

Program Food Bank di Masjid-Masjid di Negeri Terengganu. Melalui Kerjasama masjid-masjid yang terlibat, barang-barang keperluan yang disumbangkan oleh orang ramai secara tidak langsung membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat yang terkesan dengan peningkatan harga barangan keperluan serta golongan asnaf yang terkesan.

Program Advokasi Kepenggunaan Bersama-sama pihak KPDN Negeri Terengganu. Program ini bertujuan memberi ilmu dan kesedaran kepenggunaan agar semua lapisan masyarakat dapat bersama-sama memainkan

peranan dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat. Sepanjang tempoh 1 Januari hingga 26 Oktober 2025, sebanyak 39 program Advokasi Kepenggunaan telah berjaya dilaksanakan di seluruh negeri Terengganu.

Melakukan Pemeriksaan dan Penguatkuasaan Bersama-sama pihak KPDN Negeri Terengganu.

Sepanjang tempoh 1 Januari hingga 23 Oktober 2025, KPDN Bersama-sama Kerajaan Negeri telah menjalankan 50,195 pemeriksaan premis di kawasan bandar dan luar bandar. Sebanyak 618 kes tindakan diambil di bawah pelbagai akta dengan nilai rampasan berjumlah RM2.8 juta. Kutipan kompaun direkodkan sebanyak RM293,725.00, manakala denda mahkamah berjumlah RM162,700.00. Selain itu, terdapat 7 kes tangkapan bagi tahun 2025.

Menyediakan pembiayaan tanpa faedah kepada usahawan-usahawan Terengganu melalui tabung TUGAS.

Melalui bantuan Tabung ini, usahawan dan peniaga dapat mengurangkan beban kewangan kerana tidak dikenakan faedah pembiayaan. Langkah ini juga membantu mereka menampung kenaikan kos barangan tanpa perlu menaikkan harga jualan, sekali gus memastikan rakyat Negeri Terengganu tidak terbeban.

SOALAN 4 : Apakah langkah susulan yang dirancang Kerajaan Negeri bagi memperkukuh dan menambah baik pelaksanaan Belanjawan 2025 dalam tempoh baki tahun ini supaya perancangan dapat dicapai sepenuhnya?

JAWAPAN : Bagi memperkukuh dan menambah baik pelaksanaan belanjawan tahun 2025 dalam tempoh baki yang ada pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah mempertingkatkan mekanisme pemantauan pelaksanaan perbelanjaan negeri

dengan mengadakan Mesyuarat Khas Pemantauan Peruntukan Belanjawan Negeri secara bulanan bertujuan untuk menyelaras, menilai dan menambah baik keberkesanan pelaksanaan program serta projek pembangunan agar peruntukan yang diluluskan digunakan secara optimum, menepati matlamat pembangunan dan memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat Terengganu. Kelulusan perbelanjaan untuk projek dan program diberi berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan. Walaubagaimanapun, sekiranya ada keperluan mendesak pelaksanaan tersebut akan dipertimbangkan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri tertakluk kepada keadaan kewangan semasa.

SOALAN 5 : Apakah program yang dirancang untuk membangunkan potensi belia di kawasan luar bandar atau pendalaman agar tidak ketinggalan dari arus pembangunan negeri?

JAWAPAN : Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Dasar Belia Malaysia (DBM), Konsep II DBM yang diberikan penekanan adalah holistik dan berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Melalui konsep ini, 8 kumpulan sasaran belia telah dikenalpasti dan belia minoriti/golongan terpinggir turut menjadi keutamaan kementerian ini. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu (JBSNT) sentiasa memberikan keutamaan dan perhatian kepada belia luar bandar dalam mencungkil bakat dan potensi mereka sebagai aset negara.

Di antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Pelaksanaan program melibatkan semua daerah termasuk daerah luar bandar dalam memastikan tiada belia yang tercicir. Pejabat Belia dan Sukan Daerah

(PBSD), Majlis Belia Daerah (MBD) dan rakan taruh bergiat aktif dalam mencari bakat dan potensi belia akar umbi untuk mendapat manfaat daripada penganjuran program-program yang dirancang.

Di antara program pembangunan belia adalah melibatkan semua daerah melalui pelaksanaannya adalah Sambutan Hari Belia Negara, Majlis Perundingan Belia Negara, Kem Belia dan Literasi Kewangan. Di peringkat negeri, pelbagai inisiatif dilaksanakan dalam memberikan peluang dan ruang kepada golongan belia luar bandar dalam mendapatkan manfaat daripada program yang dilaksanakan seperti Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) di mana pencalonan belia turut disebarluaskan kepada pemegang taruh termasuk Pejabat DUN dan Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera (i-mits). Pelaksanaan program Kembara Jumpa Orang Muda (K-JOM) juga turut melibatkan semua golongan termasuk belia orang asli melalui JAKOA. Terkini, melalui program *Youth-Hub* (Y-Hub) turut memberikan penekanan kepada belia luar bandar di mana menjadikan Kompleks Belia dan Sukan Negeri Terengganu sebagai tempat berkumpul golongan belia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti masa senggang mengikut minat dan kecenderungan mereka. Menyedari kekangan sekumpulan belia yang sukar keluar dari kampung berikutan ketiadaan kenderaan, jabatan ini komited untuk menyediakan pengangkutan kepada belia-belia yang berminat dalam memastikan tiada golongan yang tercicir. Di peringkat kebangsaan pula, program Social Entrepreneurship for Rural Youth (SERY) diperkenalkan kepada golongan luar bandar di mana program ini berbentuk latihan berstruktur yang menggabungkan bimbingan dan pementoran untuk

melahirkan belia usahawan sosial yang mampu mencipta impak positif dari segi ekonomi dan sosial di komuniti masing-masing, terutamanya di kawasan luar bandar.

2. Melalui pembangunan sukan, program Sukan Komuniti Luar Bandar giat dilaksanakan dimana objektifnya adalah untuk (i) meluaskan akses kemudahan sukan kepada rakyat di kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan tumpuan, (ii) menyerlahkan potensi belia luar bandar dalam kepimpinan dan bakat sukan; dan (iii) menggalakkan amalan bersukan dan meningkatkan kesihatan komuniti setempat. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan sekitar perlaksanaanya di daerah Dungun, Besut dan Kemaman. Melalui pelaksanaan program ini diharapkan dapat membentuk masyarakat luar bandar yang aktif, sihat dan berdaya saing. Selain memupuk semangat kesukanan, program ini juga berperanan memperkukuh nilai perpaduan, kerjasama dan toleransi dalam kalangan komuniti belia luar bandar serta tidak ketinggalan dari arus pembangunan negeri.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT
ADUN SEBERANG TAKIR

SOALAN 1 : Berapa projek di bawah Kerajaan Negeri yang sedang berjalan, berapa yang mengikut jadual dan berapa yang lewat daripada jadual?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Apa tindakan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Terengganu kesan daripada kemasukan pelancong yang semakin bertambah?

JAWAPAN : Bagi mengatasi masalah kesesakan. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) kini sedang menjalankan **Kajian Pelan Induk Lalu Lintas Dan Pengangkutan Di Pusat Bandaraya Kuala Terengganu** yang bertujuan menambah baik sistem pengurusan kawalan trafik di pusat bandar Kuala Terengganu dan merangkumi:-

- i. Cadangan penyusunan semula aliran trafik pusat bandar;
- ii. Cadangan penyediaan kemudahan parkir bertingkat,

- iii. Cadangan pelarasan semula lampu isyarat di persimpangan utama; dan
- iv. Cadangan pelaksanaan Sistem Pengurusan Trafik Pintar (Smart Traffic Management) bagi memantau dan mengawal aliran trafik secara masa nyata

SOALAN 2 : Stesen utama ECRL telah ditetapkan dan dalam pembinaan, ia agak jauh daripada pusat bandar, apa pelan Kerajaan Negeri bagi memaju dan memenuhi keperluan di sekitarnya?

JAWAPAN : Bagi memaju dan memenuhi keperluan di sekitar stesen-stesen ECRL di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri telah membuat:

1. **Perancangan Pembangunan Berasaskan Pengangkutan atau *Transit Oriented Development (TOD)* berfasa:**

- a. Pembangunan TOD fasa pertama menumpukan kepada penyediaan infra mensasarkan infrastruktur asas, akses pengangkutan, dan pembangunan asas komersial/perumahan dan memaksimumkan penggunaan tanah-tanah kerajaan terelebih dahulu.
- b. Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat telah menyediakan pelan perancangan / Pelan Induk bagi pembangunan kawasan sekitar stesen-stesen ECRL.
- c. Antara komponen ialah logistik (bagi stesen kargo), Komersial dan kediaman
- d. Kerajaan juga turut meneliti dasar serta insentif/inisiatif oleh kerajaan untuk mendorong penglibatan swasta/pelaburan.

2. **Penyelarasan peringkat negeri, persekutuan,**

MRL

- a. Kerajaan Negeri melalui pihak Unit Perancang Ekonomi sentiasa mengadakan perbincangan/penyelarasan dengan kerajaan persekutuan (melalui agensi-agensi persekutuan seperti (*Malaysia Investment Development Authoriti* (MIDA) , ECERDC dll) dan MRL bagi memaksimumkan manfaat TOD, termasuk perancangan pembangunan.
- b. Kerajaan Negeri juga dalam proses untuk menandatangani MoU usahasama pemudahcara pembangunan TOD bersama MRL dalam merencanakan lagi pembangunan.

3. Kaedah pelaksanaan Pembangunan

- a. Pembangunan dipacu oleh kerajaan melalui dana kerajaan untuk penyediaan infra asas sebagai galakan kemasukan pelabur.
- b. Pembangunan dipacu melalui dana persendirian oleh pihak swasta/pelabur merangkumi komponen industri, kediaman, logistik serta komersial.
- c. Melalui kerjasama awam swasta serta perancangan secara bersama dengan pelbagai berkepentingan (MRL, GLC Negeri dan Badan Berkanun Kerajaan).

Kerajaan Negeri akan menandatangani MoU bersama pihak MRL dalam masa terdekat sebagai usaha membangunkan kawasan sekitar stesen ECRL (Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) kali ke-32 Tahun 2025 pada 10 September 2025 telah bersetuju dengan cadangan MoU ini).

Sesi libat urus / *Pitching Session* berkaitan *Economics Accelerator Projects* (EAP) bersama pemaju / pelabur serta institusi kewangan anjuran Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) telah diadakan pada 3 September 2025.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YB MOHD FADHLI RAHMI BIN ZULKIFLI
ADUN RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Bagaimana keindahan semulajadi di Terengganu dengan pantai, tasik, pulau ini digunakan sebaik mungkin untuk merencanakan ekonomi Terengganu dan menjanakan pulangan lumayan kepada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri, melalui Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu serta agensi berkaitan seperti Lembaga Muzium Negeri, Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pelbagai pihak telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memaksimumkan potensi sumber semula jadi seperti pantai, tasik dan pulau dimanfaatkan sepenuhnya melalui pembangunan sektor pelancongan yang berteraskan ekopelancongan dan pelancongan lestari

Antara langkah yang diambil ialah:

1. Pembangunan produk pelancongan berasaskan alam semula jadi seperti resort eko, pusat rekreasi, aktiviti selam skuba, dan pelayaran di kawasan seperti Pulau Redang, Pulau Perhentian, Tasik Kenyir dan Pantai Penarik.

2. Peningkatan prasarana dan kemudahan awam pelancongan termasuk jeti, laluan akses, pusat maklumat pelancongan dan kemudahan kebersihan bagi meningkatkan keselesaan pengunjung.
3. Promosi dan penjenamaan semula destinasi pelancongan melalui kempen seperti Beautiful Terengganu serta kolaborasi dengan **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)** dan agensi seperti Tourism Malaysia bagi menarik pelancong domestik dan antarabangsa.
4. Pembangunan komuniti setempat (community-based tourism) di kawasan seperti homestay dan inap desa yang memberi peluang ekonomi langsung kepada penduduk tempatan melalui keusahawanan, perkhidmatan penginapan, makanan tradisional dan kraftangan.

SOALAN 2 : Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk merangka atau naik taraf Bandar Baru di lokasi strategik ECRL?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri telah merangka tindakan untuk naik taraf atau merangka Bandar Baru atau zon pertumbuhan baharu di sekitar stesen ECRL melalui TOD yang merangkumi pembangunan infrastruktur sokongan, zon industri/logistik, kediaman dan komersial. Antara usaha yang telah dirangka:

1. **Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)**
 - a. Kerajaan negeri Terengganu menetapkan bahawa enam stesen ECRL di negeri ini — termasuk stesen di Dungun — akan dilaksanakan pembangunan TOD, iaitu pembangunan penggunaan bercampur (residen, komersial, institusi) yang dihubungkan dengan stesen keretapi.

- b. Kerajaan negeri juga merangka pelan pembangunan strategik di radius 15 km daripada setiap stesen ECRL dalam negeri tersebut, meliputi infrastruktur asas dan kemudahan awam.
- c. Pendekatan radius 15 km sekitar stesen sebagai "pusat pertumbuhan baharu" memerlukan kemudahan asas seperti jalan raya, utiliti, pengangkutan tempatan.
- d. Penyusunan guna tanah persekitar stesen untuk memastikan kedudukan stesen bersesuaian dengan pusat pertumbuhan baharu.
- e. ECRL dan TOD yang dirancang boleh menjadi hub perindustrian ringan / logistik, komersial atau kediaman bercampur yang menawarkan peluang pelaburan hartanah, perniagaan sokongan dan pekerjaan baru kepada lokaliti.

2. **Zon Pembangunan Industri & Peluang Logistik**

- a. Mewujudkan pelan induk guna tanah, zon industri/logistik, dan infrastruktur menyokong stesen untuk membuka peluang kepada pihak pelabur swasta atau IKS untuk menyertai pembangunan.
- b. *Economic Accelerator Projects* (EAP) atau Projek Pemacu Ekonomi sebagai salah satu peluang kepada kegiatan ekonomi yang berkaitan ECRL. Tumpuan EAP ini memfokuskan kepada taman industri, Pembangunan berasaskan transit dan Pembangunan berasaskan kargo / hub logistik.

SOALAN 3 : Berapakah pelaburan baharu yang telah dibawa masuk ke kawasan Dungun yang melibatkan kesan limpahan ekonomi ke DUN Rantau Abang, Apakah sektor utama yang diberikan tumpuan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN : Setakat Oktober 2025, daerah Dungun telah mencatatkan kemajuan dari segi pelaburan dan pembangunan industri, selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri Terengganu untuk memperkukuh ekonomi wilayah dan memperluas peluang pekerjaan serta keusahawanan. Pelaburan baharu yang dibawa masuk ke daerah ini telah memberi kesan limpahan ekonomi yang ketara kepada kawasan sekitar, khususnya DUN Rantau Abang.

Kerajaan Negeri Terengganu memberi tumpuan kepada beberapa sektor utama dalam pelaburan baharu, antaranya ialah sektor pembuatan, pelancongan, minyak dan gas, serta Teknologi Hijau. Sektor pembuatan menyumbang lebih 77% daripada jumlah pelaburan negeri, manakala pelancongan dan minyak & gas masing-masing menyumbang 13% dan 10%. Tumpuan ini sejajar dengan potensi daerah Dungun sebagai hab industri dan pelancongan yang strategik.

Daerah **Dungun mempunyai beberapa kawasan industri** yang aktif, antaranya:

1. Kawasan Industri Batu 7, Dungun – Merupakan kawasan paling aktif dan strategik, terletak berhampiran dengan stesen penumpang dan kargo Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Kawasan ini menjadi tarikan utama kepada pelabur baharu dan dijangka menjadi pemangkin utama kepada pembangunan daerah secara keseluruhan.
2. Kawasan Industri Pulau Serai – Menempatkan syarikat-syarikat dalam sektor pembuatan,

pembinaan dan perkhidmatan teknikal.

3. Kawasan Industri Paka – Terlibat dalam industri minyak dan gas serta perkhidmatan marin dan kejuruteraan.
4. Ketengah Jaya – Berpotensi untuk pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) serta teknologi maklumat.

Setakat Oktober 2025, terdapat lebih daripada 30 syarikat pembuatan berdaftar di daerah Dungun, merangkumi pelbagai sektor seperti pembinaan, teknologi, perkhidmatan marin dan kosmetik. Kehadiran syarikat-syarikat ini membuktikan daya tarikan Dungun sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing dan berpotensi tinggi.

Kawasan Industri Batu 7 Dungun khususnya telah menunjukkan peranan penting sebagai pemangkin pembangunan. Pembinaan stesen ECRL yang merangkumi kemudahan penumpang dan kargo telah meningkatkan keterhubungan logistik dan membuka peluang baharu dalam sektor perdagangan, pengangkutan dan perumahan. Kesan limpahan ekonomi daripada pembangunan ini dijangka akan terus dirasai oleh penduduk Dun Rantau Abang dan kawasan sekitarnya.

Selain itu pihak PMINT pada ketika ini telah mendapat perakuan bagi konsesi melombong pasir silika di Bukit Senyamok, Mukim Kuala Abang, Dungun bagi kawasan perusahaan silika iaitu berjumlah empat (4) petak dan dua (2) petak menerusi syarikat anak (Permint Granite Sdn. Bhd.)

Ketika ini, perusahaan dilaksanakan bagi dua (2) petak iaitu

setiap satu petak PMINT dan Permint Granite Sdn. Bhd. dan baki berada dalam tindakan pengurusan dokumen kepada jabatan teknikal untuk kelulusan.

Limpahan kepada perusahaan ini akan memberi peluang pekerjaan kepada sebahagian penduduk setempat secara organik/tidak langsung apabila beroperasi kelak dengan jangka masa pengoperasian lombong antara 7 – 9 tahun.

SOALAN 4 : Berapakah jumlah kelulusan tanah yang telah mendapat jadual 5A tetapi gagal menjelaskan bayaran premium tanah mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAFIZI BIN ISMAIL
ADUN BATU RAKIT

SOALAN 1 : Apakah kerajaan Negeri bersedia untuk mengangkat sukan cupcross sebagai sukan yang perlu dipertandingkan dalam SUTERA?

JAWAPAN : Untuk makluman Yang Berhormat, Temasya SUTERA merupakan pertandingan sukan-sukan berstatus berprestasi tinggi 'High Performance Sports' dan pendekatan penganjuran diambil daripada contoh Sukan Malaysia (SUKMA) dan Temasya SUTERA adalah merupakan Mini SUKMA bagi Negeri Terengganu.

Buat masa sekarang tiada perancangan untuk memasukkan Sukan Permotoran di dalam Temasya SUTERA memandangkan sukan yang bertanding di dalam Temasya SUTERA merupakan sukan-sukan yang dipertandingkan pada Temasya Sukan Malaysia (SUKMA).

Walaupun sukan pemotoran tidak termasuk di dalam perancangan Temasya SUTERA tetapi kita yakin sukan pemotoran ini mampu berkembang lebih maju di bawah program Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan juga Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Berapa banyakkah peruntukan Kerajaan Negeri yang telah dikeluarkan untuk pembangunan pelancongan Bukit Maras dan apakah perancangan seterusnya untuk memastikan Bukit Maras kekal sebagai pusat peranginan dan pelancongan?

JAWAPAN : Peruntukan yang diterima daripada Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) di bawah Kerja-Kerja Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai Dan Naik Taraf (PPUN) Di Bawah Peruntukan Program Khusus: Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan Dan Warisan kepada Pejabat Daerah Kuala Nerus bagi projek Pembangunan di Bukit Maras, Batu Rakit adalah sepertimana di bawah:-

BIL	TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	2023	148,719.00
2.	2024	192,600.00
3.	2025	243,560.00
JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA:		584,879.00

Hala tuju pembangunan Bukit Maras pada masa akan datang adalah untuk menjadikannya sebagai destinasi pelancongan berkonsepkan sukan dan rekreasi yang menawarkan pelbagai aktiviti menarik seperti paragliding, mendaki (hiking) dan aktiviti riadah lain.

Selain itu, Bukit Maras juga berpotensi untuk menjadi lokasi penganjuran program dan kejohanan bertaraf antarabangsa, sekali gus meningkatkan daya tarikan pelancongan serta memberi impak positif kepada ekonomi setempat.

Bagi memastikan Bukit Maras terus kekal sebagai pusat peranginan dan destinasi pelancongan di daerah Kuala

Nerus, **Pejabat Daerah Kuala Nerus dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO)** tempatan merancang untuk menganjurkan pelbagai aktiviti berbentuk **sukan, rekreasi dan pelancongan komuniti** yang dapat menarik minat pelancong serta meningkatkan penglibatan masyarakat setempat.

Antara **cadangan program yang dirancang untuk tahun 2026** adalah seperti berikut:

1. **Padang Maras Fun Run (PMFR) 2026**
2. **Eksplorasi Alam Bukit Maras 2026**
3. **Terengganu Hiking Day @ Bukit Maras 2026**
4. **Bukit Maras Hiking Merdeka 2026**
5. **Bukit Maras Trail Run Challenge 2026**

Untuk makluman, dua program utama iaitu **Bukit Maras Hiking Merdeka 2025** dan **Bukit Maras Trail Run Challenge 2025** telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama NGO setempat serta mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat.

SOALAN 3 : Apakah status Application Ganu Shop yang telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri tempohari?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan Dewan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Setelah dirasmikan Application Cari Jodoh, berapa ramaikah yang sudah berjaya mendapat jodoh melalui aplikasi ini?

JAWAPAN : Portal Jodoh Darul Iman telah dilancarkan pada 6 Ogos 2025 dan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri

Mokhtar, Menteri Besar Terengganu bertempat di Damai Lounge, Tingkat U2, Wisma Darul Iman.

Portal ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) bagi membantu rakyat negeri ini, khususnya golongan bujang, duda, janda dan balu mencari jodoh secara patuh syariah dan terkawal.

Statistik Terkini (Setakat 16 September 2025)

Pendaftaran	
Jumlah pendaftar keseluruhan	2,048 Orang
Berjaya daftar penuh	1,550 Orang
Dalam penilaian semula	498 Orang

Kategori Umur Peserta	
Bawah 25 tahun	359 Orang
26–35 tahun	907 Orang
36–50 tahun	268 Orang
51 tahun ke atas	16 Orang

Status	Calon
Bujang	1,364 orang
Duda	103 orang
Janda	80 orang
Balu	13 orang

Jantina	Calon
Lelaki	869 orang
Perempuan	681 orang

Status Berminat /Perjumpaan kali pertama	
Berjaya	19 Pasang
Tiada Keserasian	34 Pasang
Dalam proses	17 Pasang
Jumlah	70 Pasang

** sesi pertemuan ini melibatkan pertemuan secara fizikal dan juga atas talian.

- i. **Berjaya** – pasangan ini masih berada dalam taaruf
- ii. **Tiada Keserasian** - Calon hendak memilih calon yang lain.
- iii. **Dalam Proses** - saling berminat dan masih dalam perbincangan tarikh untuk perjumpaan.

RUMUSAN

Portal ini menunjukkan sambutan yang amat menggalakkan iaitu hampir empat kali ganda daripada sasaran awal (sasaran awal 500). Ini membuktikan bahawa inisiatif Kerajaan Negeri melalui YPKT mendapat perhatian positif daripada masyarakat.

Secara keseluruhan, pelaksanaan Portal Jodoh Darul Iman berjalan dengan baik dan mendapat sambutan yang sangat positif. Portal ini bukan sekadar platform mencari jodoh, tetapi juga satu usaha memperkukuh institusi kekeluargaan dan menangani isu lewat berkahwin dalam kalangan rakyat Terengganu.

SOALAN 5 : Berapa ramai sudah Kerajaan Negeri membantu golongan usahawan kampung dengan peruntukan yang disediakan?

JAWAPAN : Istilah "usahawan kampung" tidak digunakan; sebaliknya, usahawan di kawasan desa dirujuk sebagai "usahawan luar bandar" atau "usahawan mikro luar bandar". Bagi tempoh Januari – November 2025, golongan usahawan yang telah dibantu dengan peruntukan yang disediakan ialah seramai 3660 usahawan dalam pelbagai kemudahan sebagaimana berikut:

- a) Penyertaan kursus/latihan : 2,643 usahawan keusahawanan
- b) Pembiayaan Tanpa Faedah di : 77 usahawan bawah TUGAS
- c) Geran : 10 usahawan
- d) Pembangunan Produk & : 700 usahawan Perniagaan
- e) Penyertaan Acara : 230 usahawan Keusahawanan

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT AZMI BIN MAAROF
ADUN LANGKAP

SOALAN 1 : Apakah perancangan Kerajaan Negeri berkenaan kawasan industri Sungai Bari di kawasan DUN Langkap yang banyak lot-lot kosong tidak dibangunkan?

JAWAPAN : Selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali Ke-22/2020 yang telah diadakan pada 29 Julai 2020, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyerahkan semula tanggungjawab pembangunan serta pengurusan kawasan industri di Negeri Terengganu kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT).

Langkah ini diambil bagi memastikan pengurusan kawasan industri dapat dijalankan secara lebih terancang, bersepadu dan berpaksikan kepada keperluan pembangunan ekonomi negeri.

Susulan keputusan tersebut, PMINT telah mengambil langkah proaktif dengan memfokuskan semula promosi pelaburan bagi Kawasan Industri Sungai Bari, yang mempunyai anggaran keluasan tanah industri berstatus sedia pajak seluas 134.71 ekar. Kawasan ini dikenal pasti

berpotensi tinggi untuk menampung pertumbuhan sektor industri kecil dan sederhana (IKS) yang menjadi antara pemacu utama ekonomi negeri.

Dalam usaha menarik minat pelabur, PMINT telah melaksanakan beberapa siri promosi, sesi libat urus dan penyediaan maklumat tapak kepada pelabur berpotensi, termasuk dari dalam dan luar negeri. Hasilnya, beberapa syarikat telah mengemukakan permohonan awal bagi cadangan pajakan tanah industri di kawasan tersebut untuk pelbagai aktiviti pembangunan, antaranya pembuatan, penyelenggaraan automotif, serta perkhidmatan sokongan kejuruteraan.

Walaupun bagaimanapun, setelah melalui proses penilaian teknikal dan pertimbangan komersial, beberapa pelabur telah memutuskan untuk tidak meneruskan hasrat mereka untuk memajukan tanah di kawasan tersebut. Keputusan itu dibuat atas faktor-faktor dalaman masing-masing, termasuk pertimbangan kos pembangunan, strategi lokasi, pasaran semasa serta kesesuaian infrastruktur sedia ada di tapak berkenaan.

Antara pelabur yang pernah menyatakan minat dan mengemukakan permohonan ialah KOWAMAS Development Sdn. Bhd., yang mencadangkan untuk memajukan tanah industri seluas 4 ekar bagi tujuan pembangunan Pusat Kenderaan Berkomputer (Computerised Vehicle Inspection Centre). Walaupun cadangan awal tersebut diterima baik, pihak syarikat kemudiannya menolak tawaran pajakan tanah yang diberikan setelah menilai semula keupayaan pelaksanaan dan faktor pasaran pada ketika itu.

PMINT bagaimanapun terus berusaha untuk mempromosikan Kawasan Industri Sungai Bari kepada pelabur baharu,

terutamanya dalam sektor pembuatan ringan, perkhidmatan sokongan industri, serta teknologi hijau berskala kecil dan sederhana. Beberapa perbincangan dan penilaian tapak sedang dilaksanakan bersama pelabur berpotensi, termasuk syarikat tempatan dan antarabangsa yang berminat untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai tapak operasi strategik di Pantai Timur.

Kerajaan Negeri melalui PMINT juga sedang menambah baik prasarana asas dan kemudahan sokongan di kawasan industri berkenaan, termasuk sistem jalan masuk, bekalan air dan elektrik, serta akses komunikasi digital bagi meningkatkan daya tarikan kawasan tersebut kepada pelabur masa hadapan.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, diharapkan Kawasan Industri Sungai Bari akan dapat berfungsi semula sebagai hab industri aktif yang mampu menjana peluang pekerjaan baharu, menyokong pertumbuhan ekonomi setempat serta memperkukuh ekosistem pelaburan negeri secara keseluruhan.

PMINT meneruskan promosi pajakan tanah industri di kawasan tersebut kepada pihak berminat dengan menawarkan harga pajakan yang sangat berpatutan dengan keadaan dan lokasi tanah dengan anggaran harga asas pajakan RM44.00 semeter persegi bagi pajakan bertempoh 30 tahun iaitu pada kadar harga asas pajakan yang lebih rendah berbanding dengan tanah industri di kawasan berdekatan seperti Kawasan Industri Saujana, Setiu (RM50.00 semeter persegi) atau di Batu Rakit, Kuala Nerus (RM75.00 semeter persegi). PMINT juga berhasrat menawarkan kadar bayaran baki harga pajakan secara berjadual yang lebih fleksibel antara 2 – 5 tahun bagi pengusaha/pelabur tanpa mengira keluasan pajakan yang

diperlukan pelabur bagi menarik minat pemain industri kecil masuk melabur di kawasan terbabit.

Sehubungan itu, PMINT dalam proses mendapatkan data berkaitan pekebun kecil dan berkaitan di kawasan sekitar dengan fokus bagi pemain industri hiliran berkaitan pembungkusan dan sebagainya ke kawasan terbabit bagi tujuan promosi tanah industri berkaitan bagi pajakan.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.12

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI MOHD HAFIZ BIN ADAM
ADUN AIR PUTIH

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah penerima bantuan kebajikan di Negeri Terengganu pada tahun 2025, jenis bantuan yang diberikan serta tambahan peruntukan untuk tahun 2026?

JAWAPAN : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu (JKMNT) merupakan agensi pelaksana utama yang menyalurkan pelbagai skim bantuan kebajikan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta bantuan tambahan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Terengganu bagi membantu golongan yang memerlukan termasuk warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak, dan keluarga berpendapatan rendah.

1. **Jumlah Penerima Bantuan Kebajikan Tahun 2025**

Sehingga September 2025, terdapat sebanyak 25,569 orang penerima bantuan di bawah skim bantuan persekutuan, melibatkan peruntukan sebanyak RM105,053,212.00. Manakala bagi skim bantuan negeri, terdapat seramai 15,879 orang penerima dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM28,497,000.00.

2. **Jenis Bantuan yang Diberikan**

Antara skim bantuan kebajikan yang disalurkan oleh JKM di Negeri Terengganu adalah seperti berikut:

2.1 **Bantuan Persekutuan (Federal)**

Skim bantuan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara. Antara jenis bantuan yang disediakan ialah:

- 2.1.1 **Bantuan Kanak-Kanak (BKK)**
Membantu Keluarga/ penjaga yang memberi jagaan kepada anak/ kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun.
Kadar: RM200–RM1,000 bergantung bilangan kanak kanak.

- 2.1.2 **Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB)**
Untuk OKU yang tidak berupaya bekerja.
Kadar: RM300 sebulan.

- 2.1.3 **Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)**
Insentif ini diberikan untuk menggalakkan OKU terus bekerja, serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.
Kadar: RM450 sebulan.

- 2.1.4 **Meringankan bebanan keluarga/ penjaga/ pesakit.**
Menggalakkan keluarga/ penjaga untuk terus menjaga ahli keluarga yang OKU terlantar/ sakit terlantar/ sakit kronik tidak terlantar.
Kadar: RM500 sebulan.

2.1.5 Bantuan Warga Emas (BWE)
Bantuan ini diberikan kepada warga emas untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti.
Kadar: RM600 sebulan.

2.1.6 Bantuan Anak Pelihara (BAP)
Membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik, yatim / yatim piatu, tidak mempunyai saudara-mara supaya dapat terus tinggal dalam masyarakat bersama-sama dengan keluarga.
Kadar: RM250.00 sebulan seorang kanak-kanak. Maksimum RM500.00 sebulan bagi yang memelihara dua orang kanak-kanak atau lebih.

2.1.7 Bantuan Alat Tiruan/ Alat Sokongan (BAT)
Membantu masyarakat yang kurang berkemampuan dan berkeperluan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan seperti yang disyorkan oleh Pegawai Perubatan/ Pakar Perubatan (kerajaan/ swasta) atau Pegawai JKM mengikut jenis ketidakupayaan.
Kadar: Mengikut harga sebenar yang telah ditetapkan.

2.1.8 Kadar: Mengikut harga sebenar yang telah ditetapkan.

Pemberian bantuan segera yang diberi serta merta secara sekaligus (One-off) kepada kumpulan sasaran yang layak dan terdesak;
Kadar: Maksimum RM300 sekaligus atau (Bagi

bayaran bulan pertama bantuan bulanan/ refund adalah mengikut kadar bantuan bulanan yang diluluskan).

2.2 **Bantuan Negeri (State)**

Bantuan Negeri bergantung kepada bajet, dasar dan program Kerajaan Negeri. Ia diurus oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dengan kerjasama Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Contoh bantuan Negeri:

2.2.1 Bantuan Am Negeri

Membantu menampung perbelanjaan harian klien / keluarga.

Membantu golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan kerana kemiskinan, kecacatan, masalah keluarga, usia tua dan sebagainya.

Kadar: Minimum sebanyak RM200 sebulan seorang dan maksimum sebanyak RM450 sekeluarga.

2.2.2 Elaun Latihan Bekerja (ELB)

Membantu belia/ beliawanis terutama anak-anak penerima bantuan yang tercicir daripada persekolahan, menganggur atau terdedah kepada masalah sosial untuk mendapatkan latihan kemahiran atau latihan sambil bekerja.

Kadar: RM600 sebulan seorang

2.2.3 Bantuan Membaiki Rumah (BMR)

Menyediakan tempat kediaman Klien Jabatan yang lebih selesa.

Perkhidmatan JKM yang peka dan prihatin

terhadap keperluan dan permasalahan klien.
Kadar: Maksimum RM8000.00 sekaligus

2.2.4 Bantuan Bencana Alam

i. Bantuan Serta Merta

Pemberian bantuan segera yang diberi serta merta kepada mangsa bencana dan membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa yang terlibat dengan bencana.

Kadar: Berupa barang-barang makanan / keperluan diberikan kepada semua mangsa bencana yang terpaksa berpindah ke Pusat Pemindahan atau lain-lain tempat yang ditetapkan.

ii. Bantuan Pemulihan

Membantu meringankan bebanan mangsa yang terlibat dengan bencana.

a. **Bantuan Sekolah**

Peralatan Sekolah (RM100 seorang)

Pakaian Sekolah (RM200 seorang)

b. **Pakaian Harian/ Biasa (RM200 seorang)**

c. **Bantuan Keluarga (RM100 seorang)**

d. **Bantuan Keluarga (RM100 seorang)**

Selain bantuan kewangan, JKM juga melaksanakan program intervensi sosial, kaunseling keluarga, dan pemerikasaan ekonomi komuniti bagi membantu penerima keluar daripada kebergantungan terhadap bantuan bulanan.

3. **Cadangan Tambahan Peruntukan Tahun 2026**

Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mencadangkan peningkatan peruntukan bantuan kebajikan selaras dengan peningkatan kos sara hidup dan pertambahan bilangan penerima bantuan di seluruh negeri. Antara fokus utama bagi tahun 2026 ialah:

Memperluas capaian bantuan kepada isi rumah miskin tegar dan rentan ekonomi; dan

Meningkatkan pelaksanaan Program Pemerksaan Ekonomi melalui Geran Pelancaran bagi membantu penerima membina keupayaan menjana pendapatan sendiri.

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan bantuan kebajikan terus disalurkan secara menyeluruh, inklusif dan berkesan, agar tiada golongan yang tercicir daripada mendapat perlindungan sosial sewajarnya.

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA (YKN)

Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) merupakan sebuah tabung kebajikan yang ditadbirkan oleh Lembaga Pemegang Amanah dan di bawah bidang kuasa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. YKN diperbadankan pada 5hb Disember 1981 berdasarkan surat kelulusan Y.A.B Perdana Menteri di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan telah dilancarkan oleh D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong VII pada 6hb April 1982. Pentadbiran YKN dikawalselia oleh Suratikatan Amanah bertarikh 18 Jun 1981.

Sumber pendapatan utama YKN adalah bergantung kepada sumbangan daripada individu, syarikat korporat dan kerajaan, pendapatan dari simpanan institusi kewangan dan unit amanah atau melalui pelaksanaan program kutipan dana yang dianjurkan oleh YKN atau secara kerjasama. YKN juga menjalinkan perkongsian bijak dengan pelbagai sektor kerajaan, korporat dan NGO dalam usaha membantu kerajaan membangunkan anggota masyarakat yang kurang bernasib baik.

Berikut merupakan program dan aktiviti kebajikan YKN yang disediakan di Zon Timur

1. **YKN Dialisis Kuala Terengganu, Terengganu**

YKN Dialisis merupakan pusat rawatan dialisis bercirikan "home-based" serta mesra pesakit dan menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia dilengkapi dengan kemudahan perkhidmatan seperti pakar nefrologi, klinik doktor dan beberapa kemudahan lain. YKN Dialisis menyediakan kemudahan rawatan kepada pesakit dialisis yang miskin dan tidak berkemampuan manakala kos rawatan diusahakan secara perkongsian strategik dan bersama operator pusat melalui sumbangan orang ramai, sektor korporat dan kerajaan. YKN Dialisis Kuala Terengganu menerima sumbangan bagi menampung tajaan rawatan dan suntikan daripada jabatan/agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), PERKESO, MAIDAM dan YKN dan tajaan mesin dialisis daripada syarikat korporat seperti SME Bank, MAIDAM dan Central Sugar Refinery Sdn Bhd.

Sehingga Oktober 2025, Pusat Dialisis Kuala

Terengganu mempunyai 14 orang pesakit berpenaja.

1.	JPA	-	3 ORANG
2.	JPNT	-	1 ORANG
3.	JPNP	-	1 ORANG
4.	PDRM	-	1 ORANG
5.	FAMA	-	1 ORANG
6.	MBKT	-	1 ORANG
7.	SUK TRG	-	1 ORANG
8.	MAIDAM / YKN	-	2 ORANG
9.	PERKESO / YKN	-	3 ORANG

2. **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)**

PSSS menawarkan perkhidmatan psikososial yang holistik kepada masyarakat melalui sesi bimbingan dan kaunseling serta transit sementara berbentuk immediate relief kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Pengoperasian PSSS dilaksanakan secara tetap di premis dan secara bergerak (mobile) bagi memastikan perkhidmatan psikososial kepada masyarakat dioptimumkan sepenuhnya.

Seramai 1000 orang telah menerima manfaat dari PSSS yang melibatkan 8 parlimen terdiri daripada mereka yang datang mendapatkan konsultasi sahaja dan menjawab soalan DASS.

3. **Lain-lain Bantuan dan Sokongan Rujukan**

YKNM Zon Timur turut menerima kes-kes bantuan terpinggir serta kes-kes rujukan daripada jabatan/agensi yang berkaitan. Bantuan Segera Prihatin akan diberikan kepada golongan sasar yang memerlukan sebelum mereka dirujuk kepada pihak agensi pemberi bantuan utama seperti JKM dan

MAIDAM.

Pihak YKNM juga turut memberi sumbangan PeKA kepada mangsa/waris kemalangan bas pelajar UPSI di Grik, Perak.

BANTUAN DARI SUDUT KEBAJIKAN JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI TERENGGANU (JAKOA)

BIL	LOKASI	BANTUAN KEBAJIKAN
1	Kampung Sungai Pergam *Kemaman Kampung Sungai Berua *Hulu Terengganu Kampung Sungai Sayap *Hulu Besut	*Bantuan Kebajikan dari segi Pendidikan Bantuan pakai seragam lengkap sekolah untuk tahun 1 dan tingkatan 1 2. Bantuan wang saku kepada pelajar sekolah menengah sebanyak RM 4.00 sehari berdasarkan jumlah murid itu hadir ke sekolah pada bulan itu. SMK Felda Neram (7 pelajar), SMK Jenagor (24 pelajar), SMK Bukit Payung (1 Pelajar), SMK Sri Berang (2 pelajar), SMK Permai (1 pelajar), SMK Durian Mas (3 pelajar), K9 SK Berua (24 pelajar), K9 SK Pergam (12 pelajar). 3. Penyediaan pengangkutan pelajar ke sekolah 3 lokasi SMK Jenagor, SMK Felda Neram, SMK Bukit Payong *Bantuan Kebajikan dari segi Kesihatan 1. Penyediaan pengangkutan pergi balik ke hospital. 2. Bantuan keperluan pesakit seperti pampers, susu, barang keperluan peribadi dan lain-lain. * kelahiran baru * 1 orang pesakit leukimia (memerlukan susu Pediasure dan pampers).

		<p>3. Bakul makanan banjir *1 di Sungai Pergam *3 di Sungai Berua *7 di Sungai Sayap</p>
--	--	---

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu tidak menyediakan bantuan secara khusus namun begitu Kerajaan negeri melalui YPKT sentiasa cakna kepada rakyat Negeri Terengganu melalui program-program yang dilaksanakan sebagaimana berikut:

1. Melalui Bahagian Sosio Ekonomi, YPKT telah mengadakan program Pembiayaan Modal Perniagaan tanpa cagaran dan faedah bagi golongan wanita, belia/beliawanis dan ibu Tunggal dari keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah atau perkapita dibawah RM600.00 memulakan perniagaan. Pada tahun 2025 seramai 272 orang peserta telah menyertainya dengan jumlah pengeluaran pinjaman RM 3.36 juta. Program ini bertujuan menggalakkan penyertaan golongan wanita, belia dan ibu tunggal dalam bidang perniagaan seta dapat menjana pendapatan keluarga.

Program ini telah mendapat sambutan yang baik daripada golongan sasaran. Ianya mampu memberi nilai tambah kepada mereka dalam aspek kemahiran sekaligus mampu meningkatkan kualiti hidup yang lebih cemerlang dan meningkatkan ekonomi keluarga.

SOALAN 2 : Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada belia DUN Air Putih termasuk jumlah peruntukan bagi latihan kemahiran TVET dan keusahawanan belia dalam Bajet 2026?

JAWAPAN : Antara perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada belia termasuk belia Dun Air Putih ialah melalui program khusus yang laksanakan oleh YPU iaitu Program Usahawan Belia Sejahtera atau lebih dikenali sebagai U-BES. Bajet yang diperuntukkan bagi tahun 2026 ialah sebanyak RM 500 ribu yang mampu melahirkan dan membangunkan usahawan belia seramai 40 orang.

Peserta U-BES akan mampu menjadi majikan dan secara langsung menyediakan peluang pekerjaan baru kepada hampir 20 orang masyarakat setempat.

Manakala sebanyak RM 100 ribu pula diperuntukkan bagi pelaksanaan kursus & latihan keusahawan bagi tahun 2026. Pelaksanaan kursus & latihan keusahawan ini adalah terbuka kepada semua golongan termasuk golongan belia.

SOALAN 3 : Setelah 8 tahun memerintah Terengganu, sejauh manakah PITAS (Pelan Induk Terengganu Sejahtera) memberi impak kepada kesejahteraan rakyat?

JAWAPAN : Secara ringkasnya, setelah kira-kira **8 tahun** pelaksanaan, PITAS2030 telah memberikan **impak yang signifikan dan positif** kepada kesejahteraan rakyat Terengganu, selaras dengan visi utamanya untuk menjadikan Terengganu "**Maju, Berkat dan Sejahtera**". Impak ini dapat dilihat melalui dua (2) teras utama yang saling melengkapi: **Pembangunan Insan dan Pembangunan Ekonomi**.

1 Impak daripada Pembangunan Insan

Dalam pembangunan insan, PITAS2030 memfokuskan bidang pendidikan, kebajikan, pemerkasaan syariah dan dakwah. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, antaranya:

1. Penubuhan institusi-institusi pendidikan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri meliputi 12 buah SRIDI, 4 buah SMIDI dan Pusat Tafaqqh Fiddin Tok Syeikh Duyong di samping institusi pendidikan yang telah sedia ada
2. Peningkatan bantuan dan skim kebajikan seperti Program Kad Sejahtera, Program Wad Kelas 3 Percuma dan bantuan-bantuan kepada golongan sasaran seperti ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.
3. Pemerkasaan penghayatan dan pelaksanaan syariah melalui penambahbaikan prasarana mahkamah-mahkamah syariah, penambahbaikan enakmen-enakmen dan pelaksanaan Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Negeri Terengganu.
4. Penerusan aktiviti dakwah melalui pembinaan pelapis pendakwah, program-program dakwah di lapangan, masjid, komuniti serta karnival-karnival anjuran agensi Kerajaan Negeri. Ini termasuklah usaha pemulihan penagih dadah secara holistik yang dilakukan di Darul Barakah.

Hasil daripada inisiatif-inisiatif pembangunan insan, Terengganu telah dinobatkan sebagai Negeri Paling Bahagia di Malaysia berdasarkan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2024. Bagi Terengganu, skor tertinggi dicatatkan dalam komponen yang menjadi cerminan gaya

hidup dan nilai masyarakat kita iaitu komponen keagamaan & kerohanian, komponen keluarga, komponen pendidikan dan komponen persekitaran kerja.

2. Impak Terhadap Pembangunan Ekonomi:

PITAS2030 telah memacu ekonomi negeri dengan memberi tumpuan kepada pengurangan kadar pengangguran dan penjana pendapatan baharu:

1. Pengurusan Peluang Pekerjaan melalui penubuhan Pusat Cari Kerja yang berfungsi sebagai tempat pemadanan kerjaya, pengumpulan pangkalan data dan penyusunan latihan mengikut keperluan industri.
2. Penumpuan kepada inisiatif-inisiatif strategik bidang pertanian seperti yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu.
3. Merangsang aktiviti-aktiviti pelancongan melalui program skala besar, pembangunan *Community Based Tourism (CBT)* dan penyediaan infrastruktur awam di tempat-tempat tumpuan pelancong.
4. Pembangunan dan bantuan kepada usahawan dalam pelbagai bentuk antaranya pemberian geran, pemberian pinjaman, latihan serta bimbingan.
5. Penerokaan kepada industri-industri baru yang dapat menjana pendapatan negeri seperti *Rare Earth Elements (REE)* dan teknologi hijau.

Hasil daripada inisiatif-inisiatif pembangunan ekonomi, kita boleh melihat hasil yang signifikan khususnya dalam isu peluang pekerjaan dan pengangguran. Kadar pengangguran di Terengganu dicatat serendah 3.5% pada suku keempat tahun 2024 berbanding 4.8% pada tahun 2018. Dalam tempoh masa yang sama juga, lebih 21,977 peluang pekerjaan telah disediakan dan diuruskan untuk dinikmati oleh anak-anak Terengganu.

SOALAN 4 : Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memajukan semula tapak-tapak Pusat Latihan Khidmat Negara yang telah tidak beroperasi?

JAWAPAN : Terdapat enam (6) buah Pusat Latihan Khidmat Negara di Terengganu iaitu;

1. Kem PLKN Cenderawasih, Pengkalan Berangan, Marang, Terengganu
2. Kem PLKN Padang Kacong, Mukim Alor Limbat, Marang, Terengganu
3. Kem PLKN Merang Suria Holiday Camp Merang, Setiu, Terengganu
4. Kem PLKN Agro Resort, Setiu, Terengganu
5. Kem PLKN Cheneh Cemerlang, Bandar Cheneh Baru, Kemaman, Terengganu
6. Kem PLKN Saujana Jabi Impian, Mukim Jabi, Besut, Terengganu

Bagi Kem PLKN Cenderawasih di Pengkalan Berangan, Marang, Kerajaan Negeri telah mengambil alih Kem PLKN tersebut daripada Syarikat Sri Miah Sdn Bhd melalui Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) sebagai pemilik tanah untuk dijadikan Pusat

Pemulihan Dadah Holistik, Darul Barakah dan diletakkan pengurusan di bawah Yayasan Islam Terengganu. Manakala, lima (5) buah lagi Kem PLKN adalah berstatus tanah milik syarikat dan persendirian. Kem PLKN Padang Kacong digunakan sebagai Penjara Satelit manakala Kem PLKN Merang Suria Holiday Camp Merang dan Kem PLKN Agro Resort dijadikan resort oleh pemilik/ syarikat berkenaan.

SOALAN 5 : Adakah langkah-langkah yang komprehensif telah diimplemen dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi menjadikan Negeri Terengganu kekal sifar rasuah?

JAWAPAN : Antara langkah-langkah komprehensif yang telah diimplemen adalah dengan mengadakan kerjasama antara Pentadbiran Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Terengganu dalam penganjuran program-program berkaitan anti rasuah. Program-program ini melibatkan pegawai dan kakitangan daripada semua jabatan dan agensi di bawah seliaan Pentadbiran Negeri Terengganu.

Selain itu, Pentadbiran Negeri juga telah mewajibkan penubuhan Unit Integriti (UI) di semua jabatan dan agensi dalam Negeri Terengganu. Penubuhan UI ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh jabatan dan agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi dengan pelaksanaan enam (6) fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesanan, Pematuhan, Pengurusan Aduan dan Tatatertib. Tujuan penubuhan UI adalah untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-diri moral dan etika yang kukuh. Inisiatif ini dilihat dapat membendung salahlaku

jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi (i.e. rasuah atau salah guna kuasa) di kalangan penjawat awam.

Tambahan pula, Pentadbiran Negeri juga telah mengarahkan semua jabatan dan agensi dalam negeri Terengganu untuk melaksanakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing. Pelaksanaan OACP membolehkan jabatan dan agensi mengenal pasti ruang dan peluang berlakunya rasuah atau salah guna kuasa di kalangan warga kerja organisasi masing-masing. Malah, Pentadbiran Negeri turut menggalakkan pelaksanaan Pakatan Integrity (*Integrity Pact*), Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan *Corruption Risk Management* (CRM) di peringkat jabatan dan agensi masing-masing sebagai salah satu langkah untuk mengekang berlakunya rasuah.

Inisiatif lain yang turut dilaksanakan ialah dengan sentiasa memberi peringatan kepada Ketua-ketua Jabatan dan kakitangan melalui ucapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan semasa penganjuran majlis perhimpunan atau majlis rasmi dan juga semasa mesyuarat-mesyuarat peringkat negeri.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.13.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI MOHD ZAWAWI BIN ISMAIL
ADUN TELEMUNG

SOALAN 1 : Apakah benar kenyataan daripada pimpinan Kerajaan Pusat bahawa negeri-negeri di bawah pimpinan Kerajaan Perikatan Nasional mempunyai kadar penglibatan rakyat dalam masalah sosial begitu tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain?

JAWAPAN : Dakwaan masalah sosial begitu tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain tidak benar. Ini kerana:

- a) Penekanan negeri-negeri di bawah kerajaan perikatan nasional sentiasa memberi penekanan kepada nilai agama dan akhlak. Ini membantu membentuk sahsiah yang baik dikalangan rakyat. Di Terengganu Program Indahnya Hidup Bersyariat telah menunjukkan perubahan yang ketara dari segi rakyat semakin patuh dan beramal dengan syariat Islam.
- b) Penguatkuasaan yang undang-undang yang tegas. Negeri di bawah perikatan nasional dikenali dengan penguatkuasaan yang lebih ketat khususnya berkaitan hiburan dan premis. Di Terengganu khusus ada garis panduan hiburan dan premis perniagaan diarah tutup

pada waktu solat jumaat antara 12.30-2.30 ptg. Ketegasan ini dapat mengawal persekitaran sosial dan menutup ruang untuk masalah sosial berkembang.

- c) Penglibatan komuniti dalam kegiatan kemasyarakatan. Program pengimarahannya di masjid surau dan program keagamaan digerakkan oleh komuniti bersama sokongan program kerajaan menjadi benteng untuk membendung masalah sosial daripada berkembang.
- d) Aktiviti keagamaan lebih banyak dilaksanakan di negeri perikatan nasional. Sekolah agama SMIDI, SRIDI, pondok, madrasah, tahfiz dan lain-lain pendidikan agama lebih menyerlah dan banyak. Pembentukan sahsiah pelajar mampu untuk membina disiplin dan lebih bertanggungjawab.
- e) Kerajaan perikatan nasional memberi tumpuan kepada pelaksanaan syariah dalam pentadbiran kerajaan dan ianya bermula dari pimpinan. Ini selaras dengan kata-kata "Annas `ala dini mulukihim..." iaitu rakyat mengikut kerajaan yang memimpin. Pentadbiran kerajaan yang telus, adil dan berlandaskan syariah menjadi dorongan kepada rakyat untuk berubah dan patuh kepada syariat Allah.

YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU (YPKT)

Bagi membendung masalah – masalah sosial dikalangan remaja dan belia pihak YPKT juga telah mengambil inisiatif mengadakan program-program pencegahan awal dalam usaha memberi kesedaran kepada golongan ini tentang bahaya isu-isu gejala sosial dan meningkatkan potensi remaja dan belia/beliawanis rakyat negeri Terengganu.

Antara program-program yang diadakan ialah:

1. Program Fityah Terengganu (FATEH) "Taklif"

Program ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dimana Kumpulan sasar ialah pelajar tingkatan3 bersama ibubapa. Ojektif program bertujuan menanam kesedaran kepada anak-anak yang memikul tanggungjawab sepenuhnya dari segi dosa pahala, halal haram selepas mencapai umur baligh.

2. Program Generasi Islah Falah Terengganu (GIFT) Ingatlah Sayang.

Program ini diadakan dengan kerjasama Kaunselor Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Kumpulan sasar ialah kepada pelajar Tingkatan 1 disemua 152 buah sekolah menengah di Negeri Terengganu. Objektif program bertujuan memberi kesedaran dan langkah pencegahan dalam membendung isu dan kesan gejala sosial seperti buli, dadah dan alkohol, vape, merokok, pergaulan bebas, ponteng sekolah dan lain-lain.

3. Program Generasi Islah Falah Terengganu (GIFT) Super Syabab.

Program ini diadakan khusus kepada golongan belia/beliawanis dinegeri Terengganu. Objektif program ialah bagi membangun potensi diri sebagai khalifah dari aspek mental, emosi, fizikal dan sosial secara bersepadu.

Program-program yang diadakan ini telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada peserta dan memenuhi kumpulan sasar yang dikehendaki. Ianya sekaligus mampu memberi nilai tambah kepada mereka dalam aspek pengukuhan keluarga dan jati diri

anak-anak dan meningkatkan kualiti hidup berkeluarga yang lebih cemerlang

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak mempunyai data yang khusus berkaitan dengan penglibatan rakyat dalam masalah sosial. Walau bagaimanapun JKM mengendalikan kes akhlak kanak-kanak yang di bawah usia 18 tahun. Kes akhlak ini boleh dikategorikan sebagai mempunyai masalah sosial.

Berdasarkan statistik JKM, bilangan kanak-kanak yang didapati bersalah (melakukan jenayah) di Terengganu bagi tahun 2023 adalah seramai 161 orang. Seterusnya bilangan ini menurun kepada 144 orang pada tahun 2024 dan setakat pertengahan tahun ini, data menunjukkan berlaku peningkatan iaitu seramai 112 orang (sehingga bulan Jun 2025).

SOALAN 2 : Didapati banyak klinik kesihatan dan klinik desa di Daerah Hulu Terengganu sangat uzur, perlu penyelenggaraan dan dinaik taraf. Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri mengatasi perkara ini untuk kesejahteraan rakyat?

JAWAPAN : Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM3.28 juta bagi tempoh 3 tahun (2023-2025) dengan menjalankan kerja-kerja pembaikan, menaiktaraf dan penyelenggaraan mengikut keperluan dan keutamaan semasa di 4 buah klinik kesihatan dan 5 buah klinik desa di Daerah Hulu Terengganu.

SOALAN 3 : Apakah status kelulusan peruntukan untuk pembinaan masjid Kampung Kubang Palas, Kuala Telemong Hulu Terengganu?

JAWAPAN : Status semasa bagi kelulusan peruntukan projek pembinaan Masjid Kampung Kubang Palas, Kuala Telemong, Hulu Terengganu adalah belum diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) selaku Jabatan Agama Islam bagi Negeri Terengganu telah pun mengangkat permohonan kepada Pejabat YAB Perdana Menteri melalui surat rujukan JHEAT.01-011/37/4/29 – (12) bertarikh 26 Mei 2025 bagi mendapatkan peruntukan pembinaan Masjid Kubang Palas (Ganti Baharu) dengan anggaran kos sebanyak RM6 juta. Sehingga kini, pihak JHEAT belum menerima apa-apa maklum balas berkaitan permohonan ini.

Untuk makluman, selaras ketetapan di bawah Garis Panduan Permohonan Peruntukan Kerajaan Persekutuan Bagi Projek Bina Baharu, Naik Taraf Serta Baik Pulih Masjid dan Surau di Seluruh Negara Bil. 1/2024, jumlah amaun kelulusan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada dasar perkongsian peruntukan yang turut melibatkan komitmen Kerajaan Negeri dan Ahli Kariah.

SOALAN 4 : Sila nyatakan bilakah tarikh cadangan pembinaan 103 unit rumah mampu milik melibatkan anggaran kos RM22 juta di atas sebahagian tanah Lot 3400, Mukim Hulu Telemong di Kampung Kuala Jeneris seperti yang dinyatakan oleh EXCO

Wakaf Mempelam di dalam Sidang DUN Terengganu pada bulan April yang lalu?

JAWAPAN : Projek Pembinaan Rumah Mampu Milik melibatkan sebahagian tanah Lot 3400 telah diangkat ke KKDW melalui Program Pemajuan Kawasan dan masih diperingkat kajian pihak Kementerian. Cadangan Tarikh lawatan tapak dari pihak KKDW Putrajaya adalah pada 6 November 2025 dan cadangan projek seperti berikut:

Permohonan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan peruntukan kewangan berjumlah RM29 juta bagi membiayai pelaksanaan Projek Pemajuan Kawasan (PPK) di atas sebahagian Tanah Kerajaan Mukim Hulu Telemong, Kampung Teris, Hulu Terengganu, Negeri Terengganu. Projek ini dicadangkan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dengan jangka masa pelaksanaan selama tiga (3) tahun.

Pentadbiran Daerah Hulu Terengganu, melalui keputusan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) Hulu Terengganu dengan kerjasama dan sokongan Y.B. Ahli Parlimen serta Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), telah bersetuju supaya pelaksanaan Projek Pemajuan Kawasan (PPK) di Kampung Teris, Mukim Hulu Telemong ini diteruskan. Projek ini bertujuan untuk menyediakan infrastruktur asas dan kemudahan sokongan bagi pembangunan sesebuah kawasan perumahan yang terancang dan berdaya huni.

Bertujuan memohon kelulusan peruntukan kewangan sebanyak RM 29 juta untuk membiayai pelaksanaan Projek Pemajuan Kawasan (PPK) di Atas Sebahagian Tanah Kerajaan Mukim Hulu Telemong Di Kampung Teris, Hulu Terengganu, Negeri Terengganu dalam tempoh Rancangan

Malaysia ke-13 dengan tempoh jangka masa pelaksanaan projek selama 3 tahun.

Pentadbiran Daerah melalui keputusan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) Hulu Terengganu dengan kerjasama dan sokongan Y.B. Ahli Parlimen dan Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) telah bersetuju agar cadangan PPK dilaksanakan di Kampung Teris, Mukim Hulu Temong, Daerah Hulu Terengganu, Negeri Terengganu bagi tujuan menyediakan infrastruktur dan keperluan asas bagi sesebuah kawasan perumahan.

Skop dan komponen projek yang dimohon di bawah Program PPK ini meliputi komponen-komponen seperti berikut:

- i. Penyediaan tapak bagi kawasan perumahan seluas 5.5 Hektar melibatkan
- ii. kerja pembersihan kawasan dan kerja-kerja tanah.
- iii. Pembinaan kemudahan infrastruktur meliputi pembinaan jalan, pembinaan
- iv. Saliran longkang dan perparitan dalam kawasan perumahan.
- v. Pembinaan kemudahan infrastruktur bagi tujuan penyambungan bekalan air
- vi. dan bekalan elektrik ke dalam kawasan perumahan.
- vii. Pembinaan kemudahan infrastruktur yang berkaitan kawasan perumahan
- viii. seperti *Sewerage Treatment Plant (STP)*, kolam tadahan dan sebagainya

SOALAN 5 : Pembangunan pelancongan Air Terjun Hutan Lipur Sekayu dan Pulau Poh Pengkalan Gawi di Hulu Terengganu yang sangat popular seketika dulu didapati masih lagi agak perlahan. Bilakah perkara ini akan dapat dinoktahkan dan

kembali menjadi pusat tumpuan kepada para pelancong?

- JAWAPAN : 1. Kerajaan Negeri Terus komited dalam meningkatkan imej kawasan pelancongan di Hulu Terengganu khasnya di Pulau Poh. Antaranya, Menerusi **Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (Terengganu Inc)** sebagai pemilik Pulau Poh di Tasik Kenyir mengambil maklum mengenai perkembangan semasa pembangunan di kawasan tersebut. Buat masa ini, pihak Terengganu Inc menerusi TI Properties Sdn. Bhd sedang dalam peringkat penyusunan semula pelan pembangunan Pulau Poh secara menyeluruh bagi memastikan pembangunan yang dirancang dapat memberi impak ekonomi yang mampan, seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.
2. Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah mengambil tindakan proaktif dengan menyediakan Pelan Induk Pembangunan TER Sekayu, Terengganu 2020 – 2029 yang telah diterbitkan pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kepada Pelan Induk tersebut agak perlahan disebabkan oleh faktor peruntukan.
- i. Untuk makluman, kerja-kerja menaiktaraf kemudahan yang terdapat di TER Sekayu telah giat dijalankan secara berfasa bermula pada tahun 2024 mengikut peruntukan yang diterima seperti berikut:

Tahun	Sumber Peruntukan	Nilai Peruntukan (RM)	Kerja-Kerja
2024	PPUN	250,000	Menaiktaraf dan Kemudahan Pelancongan di Taman Eko Rimba Sekayu

	MOTAC		<ul style="list-style-type: none"> - Membaiki tandas rosak - Laluan pejalan kaki & <i>handrail</i>
2025	EFT	330,000	Penyelenggaraan Infrastruktur Taman Eko Rimba Sekayu <ul style="list-style-type: none"> - Membaiki jambatan gantung - Parking motor - Membaiki bangunan sedia ada

- ii. Bagi memastikan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan TER Sekayu, Terengganu 2020 - 2029 dilaksanakan mengikut perancangan, sokongan daripada Kerajaan Negeri amat diperlukan terutamanya dari aspek kewangan. Pembangunan pelancongan di TER Sekayu dijangka dapat diperkasakan semula dari semasa ke semasa. Antara langkah yang akan dilaksanakan pada masa hadapan adalah menaiktaraf kemudahan asas seperti tapak perkhemahan, pembinaan tapak caravan, baikpulih chalet dan tempat rehat, pembinaan taman kanak-kanak dan pengindahan landskap serta mempromosikan TER Sekayu secara aktif melalui media sosial dan dengan kerjasama pelbagai agensi antaranya Tourism Terengganu keutamaannya bagi meraikan Tahun Melawat Terengganu 2027.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.14.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTITAH HONORARI LSR. HAJI ZAHARUDDIN BIN ZAHID
ADUN BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Mohon senaraikan jumlah penerima Projek Perumahan Terengganu Sejahtera (PPTS) bagi seluruh Negeri Terengganu dari tahun 2018 sehingga 2025 mengikut setiap daerah?

JAWAPAN : Jumlah penerima PPTS adalah sebagaimana berikut:

Bil	Daerah	Bina Baharu							Baik Pulih						
		Tahun							Tahun						
		2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
1	Kuala Terengganu	13	7	2	23	30	-	15	592	559	513	471	380	-	374
2	Kemaman	2	11	9	9	10	-	11	333	219	228	155	170	-	177
3	Dungun	4	24	2	25	23	-	11	415	270	254	261	170	-	231
4	Besut	5	19	18	19	13	-	15	329	338	251	283	264	-	138

5	Hulu Terengganu	10	8	4	15	11	-	9	201	181	217	140	138	-	117	
6	Marang	16	10	11	32	23	-	10	190	134	146	75	106	-	129	
7	Setiu	2	2	2	4	0	-	1	287	109	94	79	95	-	103	
8	Kuala Nerus	8	11	13	9	12	-	5	292	259	233	224	178	-	191	
Jumlah		60	92	61	136	122	0	77	2639	2069	1936	1688	1501	0	1460	
Jumlah Keseluruhan		548							11293							

Catatan: Data tahun 2025 sehingga bulan September

SOALAN 2 : Berikutan permintaan yang tinggi di dalam sektor penerbangan, apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan belia Terengganu mendapat peluang di dalam sektor ini?

JAWAPAN : Untuk makluman Yang Berhormat, Sektor penerbangan telah mengalami perkembangan pesat selepas pandemik Covid19, dimana terdapat keperluan tenaga kerja yang mendesak dalam dalam bidang Penerbangan (Aviation) sekarang ini di seluruh dunia. Ini berikutan banyak syarikat penerbangan di seluruh dunia yang memperbaharui dan mengembangkan armada pesawat mereka.

Kerajaan Negeri melalui THRDC telah mengadakan bekerjasama dengan beberapa syarikat penerbangan negara bagi membuka peluang pekerjaan dan kerjaya dalam bidang penerbangan dan aero angkasa kepada rakyat Terengganu. Kerjasama formal telah dilakukan melalui Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Malaysia Airlines Berhad Engineering Services (MAB Engineering), KLIA Training & Research Centre (KTRC) dan Konsortium Penerbangan yang terdiri daripada beberapa syarikat penerbangan iaitu Meatech Group, Cosmo Aviation, TransAsia Services, ATC

Resources. Memorandum persefahaman ini telah ditandatangani pada majlis pelancaran Pusat Cari Kerja Terengganu pada 5 Oktober 2025.

Berikutan kerjasama ini, beberapa inisiatif sedang dalam perancangan kerajaan untuk mengenalpasti keperluan tenaga kerja dan peluang latihan kemahiran dalam sektor ini. Program penempatan pekerjaan dan latihan akan dilaksanakan secara bersasar melibatkan pelbagai jawatan seperti juruteknik dan jurutera penerbangan, *ground handling*, pembantu juruteknik dan pekerjaan lain di lapangan terbang.

SOALAN 3 : Mohon senaraikan jumlah yang telah dibayar oleh Syarikat Air Terengganu (SATU) bagi penggunaan elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB), bermula dari tahun 2018 sehingga 2025?

JAWAPAN : Perbelanjaan pengoperasian bagi penggunaan elektrik yang dibayar kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) bermula tahun 2018 sehingga 2025 adalah sebagaimana berikut:

TAHUN	JUMLAH (RM)
2018	42,212,541.00
2019	46,675,876.00
2020	44,874,318.00
2021	45,474,870.00
2022	52,783,372.00
2023	62,011,198.00
2024	55,836,319.00
2025 (Unjuran)	55,227,796.00

SOALAN 4 : Sejauh manakah perkembangan projek baik pulih dan naik

taraf Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Chendering?

- JAWAPAN : 1. Projek dengan kelulusan dasar berjumlah RM192juta ini dilaksanakan secara berpakej oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sebagai agensi pelaksana, selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 182 yang memperuntukkan pelaksanaan projek oleh agensi teknikal Kerajaan Persekutuan.
2. Berikut merupakan status semasa komponen-komponen kerja di bawah bidang kuasa JKR:-

Pakej	Pakej 1	Pakej 2
Skop Kerja	Roboh Dan Bina Baru	Naik Taraf, Roboh Dan Bina Baru
Fasiliti Terlibat (Roboh)	<ul style="list-style-type: none"> i. Dewan Pukat ii. Garaj iii. Bengkel 	<ul style="list-style-type: none"> i. Dewan Pukat ii. Garaj iii. Bengkel

<p>Fasiliti Terlibat (Bina Baharu / Naik Taraf)</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Dewan Serbaguna (400 orang) ii. Dewan Pukat (25 petak) iii. Tandas Awam iv. Tempat Letak Motorsikal Berbumbung (66 petak) 	<ul style="list-style-type: none"> i. Naiktaraf Kilang Air Batu ii. Naiktaraf Dewan Lelong iii. Naiktaraf Dewan Lelong 2 iv. Naiktaraf Lot Peniaga v. Naiktaraf Bilik Sejuk 1 (4 unit x 20 tan) vi. Naiktaraf Bilik Sejuk 2 (6 unit x 10 tan) vii. Naiktaraf Longkang dan <i>Moonson Drain</i> viii. Bina Baru Bilik Sejuk (6 x 10 tan)
---	---	---

<p>Status Semasa</p>	<p>Dalam proses mendapatkan kelulusan rekabentuk konsep oleh LKIM dan dijangka iklan pada suku pertama tahun 2026. Pembinaan dijangka bermula pada suku ketiga 2026.</p>	<p>Dalam proses memuktamadkan skop dan kos kerana terdapat keperluan <i>measured drawing</i> bagi skop naik taraf bangunan. Pihak JKR telah membuat lantikan kerja-kerja penyediaan lukisan terukur bagi skop tersebut. Kerja pengukuran telah bermula pada Julai 2025 dan selesai pada November 2025. Bagi kesemua kerja-kerja di bawah skop ini dijangka akan diiklan tawaran pada suku ketiga 2026, pengeluaran Surat Setuju Terima pada suku keempat 2026 dan pembinaan dijangka bermula pada suku pertama 2027.</p>
-----------------------------	--	--

3. Berikut merupakan status semasa komponen-komponen kerja di bawah bidang kuasa JPS:-

3.1 Skop Projek Naiktaraf Dan Membina Benteng Pemecah Ombak Dan Pengorekkan (Maintenance Dredging) termasuk:-

- i. Meroboh Jeti Sedia Ada dan Membina Jeti Baharu
- ii. Pembaikan *Quaywall*
- iii. Naiktaraf dan Membina Tambahan Benteng Pemecah Ombak
- iv. Kerja Pengorekan



Rajah 1: Skop Projek di bawah JPS

3.2 Bahagian Pengurusan Zon Pantai (BPZP), JPS

adalah merupakan pelaksana bagi projek ini. BPZP telah selesai melaksanakan kerja-kerja ukur dan survei, dan ketika ini dalam proses melantik perunding bagi melaksanakan kajian hidraulik dan alam sekitar. Kajian hidraulik dan alam sekitar dijangka akan siap pada Disember 2025. Makmal Kejuruteraan Nilai (VE) dijangka akan dilaksanakan pada bulan Jun 2026 setelah selesai laporan kajian diperolehi. SST keseluruhan kerja yang akan dilaksanakan oleh JPS dijangka pada bulan November 2027

SOALAN 5 : Mohon senaraikan bentuk pembiayaan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi membantu sektor keusahawanan khususnya usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan sejauh manakah keberkesanan pembiayaan tersebut dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi usahawan-usahawan terbabit?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) telah melancarkan Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) bagi membantu sektor keusahawanan khususnya usahawan mikro, kecil dan sederhana atau ringkasnya PMKS bermula pada tahun 2019. Di bawah Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS), YPU telah menawarkan:-

- 1) Skim pembiayaan No-RIBA di bawah Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) kepada usahawan IKS dan usahawan atas talian dengan had maksima dan syarat kelulusan pembiayaan tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

Antara skim pembiayaan yang boleh dipohon adalah sebagaimana berikut:-

a) Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan Terengganu (SP3T)

Terbuka kepada semua golongan.

Had Pembiayaan: RM7,000.00 - RM50,000.00

b) Tabung Siti Khadijah (TSK)

Khusus kepada usahawan wanita.

Had Pembiayaan: RM7,000.00 – RM50,000.00

c) Skim Pembiayaan Atas Talian Terengganu (SPINT)

Khusus untuk perniagaan atas talian.

Had Pembiayaan: RM5,000.00 – RM 10,000.00

d) Skim Pembiayaan Perantau

Khusus kepada usahawan yang berniaga di Luar Negeri Terengganu (Perantau).

Had Pembiayaan: RM7,000.00 – RM 50,000.00

e) Skim Pembiayaan 'Mobile Truck' (SPMT)

Khusus untuk belian trak sahaja.

Had Pembiayaan: < RM 100,000.00

f) Program Peningkatan Kapasiti Perniagaan Terengganu (T'CAP)

Khusus kepada usahawan berprestasi Tinggi

Had Maksima - < RM200,000.00

2) Geran Perniagaan di bawah Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) dengan had maksima sehingga RM5,000.00 tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan dimana 80% adalah tanggungan YPU manakala 20% dibawah tanggungan usahawan. Geran perniagaan yang boleh dipohon adalah sebagaimana berikut:-

a) Dana Usahawan & Industri Mikro Terengganu (DUIT)

Khusus kepada Ahli Persatuan Penjaja Dan

Peniaga Kecil Negeri Terengganu Geran maksima RM5,000.00 atau 80% (YPU) mana yang lebih rendah.

b) Dana Prihatin Terengganu – OKU (D-Hati)

Khusus kepada usahawan OKU sahaja.

Geran maksima RM5,000.00 atau 80% (YPU) mana yang lebih rendah.

Bermula tahun 2019 sehingga Oktober 2025, jumlah penerima bantuan Pembiayaan dan Geran melalui Tabung Usahawan Terengganu Sejahtera (TUGAS) ialah sebanyak RM30,687,295.46 yang melibatkan seramai 5165 usahawan dan peniaga kecil.

Keberkesanan pelbagai bentuk pembiayaan ini secara tidak langsung telah merancakkan pertumbuhan ekonomi usahawan-usahawan terbabit dimana dapat

a. Peningkatan Keupayaan Modal dan Pengeluaran

- Lebih daripada 50 % usahawan yang telah menerima pembiayaan menunjukkan peningkatan kapasiti pengeluaran dan keupayaan pasaran yang semakin baik di mana modal pusingan yang stabil membolehkan mereka menambah stok, membeli mesin baharu dan memperluaskan operasi.

b. Pertambahan Pendapatan dan Peluang Pekerjaan

- Program pembiayaan telah membantu ramai usahawan meningkatkan pendapatan isi rumah dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu di peringkat tempatan.
- Sektor yang paling berkembang termasuk makanan & minuman, perkhidmatan kecantikan dan tekstil.

c. Peningkatan Daya Saing dan Inovasi Produk

- Program latihan dan pembiayaan bersama telah melahirkan usahawan yang lebih berinovasi, mahir dalam pemasaran digital dan mampu menembusi pasaran luar negeri.

Secara keseluruhan, pelbagai bentuk pembiayaan dan bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan negeri, khususnya melalui YPU, dimana hasilnya, ramai usahawan mikro dan kecil kini mampu berdikari, berdaya tahan dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu, selaras dengan aspirasi kerajaan negeri untuk menjadikan Terengganu sebagai negeri usahawan yang maju, berdaya saing dan makmur.

MESYUARAT KETIGA

PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)

PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

BILANGAN 4.1.15

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH

YANG BERHORMAT HAJI AZBI BIN SALLEH

ADUN KUALA BESUT

SOALAN 1 : Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membaikpulih semua bangunan-bangunan futsal yang banyak mengalami kerosakan? Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina baru gelanggang futsal untuk kegunaan Para Belia?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap keperluan masyarakat, khususnya golongan belia yang menggunakan

kemudahan gelanggang futsal sebagai medium riadah dan aktiviti sihat. Sehubungan itu, pihak DUN boleh mengemukakan permohonan kepada Pejabat Daerah bagi kerja-kerja penyelenggaraan atau baik pulih gelanggang futsal yang telah uzur atau rosak melalui peruntukan sedia ada di bawah komponen **Projek Infrastruktur Dan Kemudahan Awam** Di Seluruh Daerah.

Selain itu juga, pihak DUN boleh mengemukakan permohonan melalui Pejabat Daerah kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu di bawah komponen Vot 15927 - Membina dan Menaiktaraf Gelanggang Futsal. Setiap permohonan yang diterima akan dinilai berdasarkan tahap kerosakan, keperluan komuniti setempat serta keutamaan semasa, tertakluk kepada kelulusan peruntukan tahunan Kerajaan Negeri. Langkah ini bertujuan memastikan perbelanjaan disalurkan secara berhemah dan memberi manfaat maksimum kepada rakyat.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) sememangnya berhasrat untuk menambah kemudahan sukan bagi manfaat para belia dan komuniti setempat. Sehubungan itu, MSNT telah mencadangkan pembinaan sebuah gelanggang futsal baharu di Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Gong Badak, dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM500,000.00 yang telah diluluskan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Status semasa projek berada di peringkat rekabentuk, dan pelaksanaan akan diteruskan setelah reka bentuk muktamad diluluskan. Kompleks Sukan Negeri Terengganu di Gong Badak, Kuala Nerus merupakan pusat tumpuan utama bagi aktiviti sukan negeri dengan pelbagai kemudahan sedia ada.

Pembinaan gelanggang futsal baharu ini dijangka

meningkatkan keupayaan kompleks tersebut sebagai hab sukan bersepadu, selain menyediakan ruang latihan dan riadah yang lebih kondusif kepada para belia serta atlet tempatan dalam usaha Kerajaan Negeri memperkasa pembangunan sukan di Terengganu.

SOALAN 2 : Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina sebuah dewan tertutup bagi setiap DUN untuk kegunaan wanita?

JAWAPAN : Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membina dewan tertutup khusus bagi wanita di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana didapati tiada keperluan mendesak untuk kemudahan tersebut.

Pada masa yang sama, kemudahan sedia ada seperti balairaya di peringkat kampung serta dewan milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh dimanfaatkan sepenuhnya untuk pelbagai aktiviti komuniti, termasuk program melibatkan golongan Wanita yang memerlukan ruang tertutup.

Kerajaan Negeri juga sentiasa menggalakkan penggunaan optimum terhadap kemudahan awam sedia ada bagi memastikan keberkesanan penggunaannya serta menjamin penjimatan kos operasi dan penyelenggaraan.

Walau bagaimanapun, sekiranya pihak DUN merasakan terdapat keperluan sebenar untuk pembinaan dewan tertutup khusus bagi wanita di kawasan masing-masing, permohonan boleh dikemukakan kepada Pejabat Daerah untuk dipertimbangkan kelulusan dengan menggunakan peruntukan sedia ada di bawah Projek Infrastruktur dan Kemudahan Awam di Seluruh Daerah.

SOALAN 3 : Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memelihara alam sekitar dan budaya setempat selaras dengan peningkatan jumlah pelancong?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu sentiasa berusaha **memelihara dan mempromosi warisan budaya negeri Terengganu** seiring dengan peningkatan bilangan pelancong melalui pendekatan bersepadu yang telah dan sedang dijalankan seperti:

- a. **Kalendar Acara Pelancongan dan Kebudayaan (COE) Negeri Terengganu** – Pihak jabatan sentiasa terlibat dalam penganjuran program-program utama kebudayaan di peringkat negeri seperti Pelita Raya Terengganu dan Karnival Pantai Terengganu yang dilihat mampu menarik pelancong dan juga pengunjung merasai pengalaman seni budaya yang dibawakan dari setiap daerah dan tempat di negeri Terengganu. Pelbagai aktiviti kebudayaan seperti permainan, makanan serta persembahan dapat dikumpulkan di satu tempat bagi mempromosikan lagi keunikan dan keindahan seni budaya di Negeri Terengganu. Terdapat lebih 25 program berasaskan budaya yang terdapat dalam Kalendar Acara Pelancongan dan Kebudayaan (COE) Negeri Terengganu bagi tahun 2025.
- b. **Program pengembangan melalui Tunas SUKTRA** – Pihak jabatan terus berusaha memperluas pengembangan seni dan budaya di Negeri Terengganu, khususnya dalam kesenian **gamelan** dan **tarian rakyat Terengganu** melalui pelaksanaan *Program Tunas Cilik SUKTRA* yang melibatkan sekolah-sekolah di seluruh negeri. Program ini bukan sahaja memberi pendedahan

awal kepada murid-murid terhadap warisan seni budaya negeri, malah turut berperanan melahirkan generasi pelapis dalam bidang seni persembahan tradisional.

Sehingga kini, sebanyak **17 buah sekolah** di seluruh Terengganu telah terlibat secara aktif di bawah program ini dengan penyertaan dianggarkan seramai **lebih 250 orang penari cilik** yang telah menerima latihan asas tarian dan gamelan daripada tenaga pengajar SUKTRA. Proses pengembangan budaya ini turut dilaksanakan dengan mematuhi sepenuhnya **Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan dan Sukan Negeri Terengganu**, khususnya bagi perkara-perkara yang melibatkan penyertaan tarian atau nyanyian oleh pelajar perempuan.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu juga berhasrat untuk menjadikan *Program Tunas Cilik SUKTRA* sebagai platform utama dalam melahirkan generasi pelapis seni budaya negeri, di samping memastikan kesinambungan serta kelestarian warisan budaya Terengganu terus terpelihara dan dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

- c. **Proses dokumentasi** – Pihak jabatan terus mengorak langkah dalam mengenalpasti lagu-lagu rakyat Terengganu yang masih berada di tangan pencipta asal atau bersama penggiat seni di Terengganu. Karya ini akan disimpan di Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu bagi rujukan akan datang. Lagu-lagu yang terpilih juga akan dikenal pasti untuk dibuat rakaman sebagai usaha memelihara warisan karya asli negeri Terengganu.

Bagi memastikan warisan lagu-lagu rakyat negeri

Terengganu terus terpelihara dan tidak pupus ditelan zaman, pihak jabatan telah melaksanakan usaha pendokumentasian lagu-lagu rakyat negeri ini secara berperingkat. Pada peringkat permulaan, sebanyak **12 lagu** telah berjaya dikumpulkan untuk tujuan tersebut, iaitu:

1. Dendang Nasihat (Tar Berdendang)
2. Tikar Seludang
3. Chak Chilik
4. Embun Soksek
5. Kolek Berkolek
6. Itik Gembo-gembo
7. Manis Berladung
8. Zapin Darul Iman
9. Guane Gamok Teganu Kite
10. Wa Timang Landak (*gubahan bersama Jantan Ahmad & Razali Embong*)
11. Anok Udang (*gubahan bersama Ramli Muda & Razali Embong*)

Usaha pendokumentasian ini dilaksanakan bagi memelihara dan mengekalkan warisan seni lagu-lagu rakyat Terengganu agar tidak hilang ditelan arus kemodenan. Sehubungan itu, pihak jabatan juga telah mengorak langkah awal dengan mengadakan perbincangan Bersama pihak RTM Angkasapuri baru-baru ini bagi tujuan rakaman semula lagu-lagu tersebut. Rakaman ini akan diterbitkan sebagai album "Lagu Rakyat Negeri Terengganu – Volume 1", sebagai permulaan kepada siri dokumentasi dan rakaman seterusnya yang akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Kerajaan Negeri yakin, dengan pelaksanaan berterusan

program-program ini serta kerjasama erat antara agensi kerajaan, badan kebudayaan, sekolah dan komuniti tempatan, permainan tradisional di Hulu Besut akan terus berkembang dan berpotensi menjadi salah satu produk pelancongan budaya yang menarik di Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETGA

PENGGAL KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU KELIMA BELAS (BAJET)

PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

BILANGAN 4.1.16.

SOLAN-SOLAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH

YANG BERHORMAT HAJI GHAZALI BIN SULAIMAN

ADUN BUKIT BESI

SOALAN 1 : Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf jalan persekutuan dan jalan kampung di Hulu Dungun, khususnya di kawasan Felde Jerangau, Kampung Jerangau dan Kampung Kuala Jengai yang sering mengalami kerosakan terutama ketika musim hujan?

JAWAPAN : Perancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf jalan

persekutuan dan jalan kampung di Hulu Dungun adalah seperti berikut:-

- i. Permohonan peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan jalan bagi Jalan Persekutuan telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) bergantung kepada keperluan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan. Pihak JKR akan mengemukakan permohonan tersebut secara berkala kepada pihak KKR berdasarkan aduan serta permohonan yang diterima daripada Jurutera Daerah JKR. Selain itu juga, pihak JKR telah memohon Anggaran Penyelenggaraan Jalan (APJ) bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan tahun 2026 kepada pihak Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) JKR Malaysia sebelum ianya dikemukakan kepada KKR.
- ii. Bagi kerja-kerja menaiktaraf jalan kampung yang sering mengalami kerosakan akibat banjir di Hulu Dungun, khususnya di kawasan Kampung Jerangau dan Kampung Kuala Jengai, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu telah memperuntukkan RM1 juta setiap tahun bagi Projek Kecil DUN seluruh daerah / Projek Infrastruktur dan Kemudahan Awam di seluruh daerah bagi tahun 2024 dan 2025.

Pihak JKR Negeri Terengganu sentiasa memohon peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan-jalan di bawah seliaan JKR sama ada melibatkan jalan persekutuan mahupun jalan negeri.

Selain itu, pihak JKR juga sedang menyemak permohonan bagi pelaksanaan projek Menaik Aras Jalan

serta Membaiki 3 Lokasi Selekoh Tajam di FT2684 Jalan Jongok Batu - Kuala Jengai, Dungun, Terengganu dan akan mengangkat permohonan projek dalam permohonan pelaksanaan projek RMK13RP2. Anggaran kos bagi pelaksanaan projek adalah RM35,000,000.00.

Bagi tahun 2025, Pejabat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Negeri Terengganu juga telah melaksanakan dua buah projek membina dan menaiktaraf jalan di Hulu Dungun. Projek yang dimaksudkan adalah seperti berikut;

- i. Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Menyiapkan Jalan Perhubungan Desa (JPD) Tahun 2025 Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Shukor, Daerah Dungun, Terengganu Darul Iman
- ii. Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Menyiapkan Jalan Perhubungan Desa (JPD) Tahun 2025 Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Rtb Kampung Padang Ping, Daerah Dungun, Terengganu Darul Iman

Pejabat KKDW Negeri Terengganu komited dalam menyediakan infrastruktur awam bagi memudahkan urusan masyarakat luar bandar namun pelaksanaan projek infrastruktur turut tertakluk kepada peruntukan Jabatan.

SOALAN 2 : Apakah usaha terkini Kerajaan Negeri dalam memperkasakan golongan belia dan beliawanis serta suri rumah muda luar bandar khususnya di kawasan Bukit Besi agar mereka tidak ketinggalan dalam arus digital dan pembangunan kemahiran masa depan?

JAWAPAN : Pemerksaan golongan belia dan beliawanis serta suri rumah muda di luar bandar dalam arus digital dan pembangunan kemahiran masa depan secara dasarnya telah digariskan oleh pihak Kerajaan melalui **Teras 3 Masyarakat Dan Bakat Digital** di dalam **Rangka Tindakan Ekonomi Digital Terengganu (RTEDT)**. Jelas sekali golongan ini tidak dipinggirkan oleh pihak Kerajaan, kerana Kerajaan Negeri dan persekutuan telah melaksanakan pelbagai usaha memperluas rangkaian telekomunikasi, capaian internet ke luar bandar malah pihak kerajaan secara aktif merancang bagi menaiktaraf perkhidmatan telekomunikasi dari semasa ke semasa.

Di dalam konteks memperluas pembangunan bakat digital pula, pihak kerajaan melalui TAJDID telah dan masih aktif melaksanakan Latihan Pembangunan Kepimpinan Digital Islamik melalui kerjasama PKM dan JPKK di seluruh negeri. TAJDID juga bekerjasama dengan agensi persekutuan seperti MDEC dalam melaksanakan program seperti 'Jelajah Saya Digital' yang antaranya memfokuskan golongan belia dan beliawanis Negeri Terengganu sebagai peserta. Di samping itu, TAJDID juga bekerjasama dengan THRDC, TD1303 dan Akademi Al-Fateh bagi tujuan melahirkan pakar teknologi dan inovasi digital dalam kalangan belia Negeri Terengganu.

Selain daripada itu, TD1303 juga aktif menawarkan program-program pembangunan, pemerksaan, pembudayaan, serta pemantapan usahawan ke arah pendigitalan seperti kursus *upskilling & reskilling tiktok content marketing* bersama komuniti terpilih di daerah-daerah, *upskilling & reskilling AI* dalam perniagaan bersama komuniti, bengkel e-invois kepada golongan usahawan kecil-kecilan dan banyak lagi.

SOALAN 3 : Apakah pelan jangka pendek dan panjang Kerajaan Negeri

dalam merangsang pertumbuhan ekonomi luar bandar terutama dalam sektor pertanian moden dan ekonomi digital?

- JAWAPAN : 1. Pelan jangka pendek dan panjang untuk sektor pertanian diketengahkan pada Industri Digital (Teras 4) dalam dokumen Rangka Tindakan Ekonomi Digital Terengganu (RTEDT) di mana ia memfokuskan kepada strategi dan inisiatif untuk memacu transformasi digital sektor ekonomi utama termasuklah pertanian seperti program Pertanian Pintar (Smart Farming) dan Pertanian Tepat (Precision Agriculture).
2. Rangka Tindakan Ekonomi Digital Terengganu (RTEDT) telah menggariskan 5 Teras Utama termasuklah Masyarakat dan Bakat Digital (Teras 3) dan Industri Digital (Teras 4). Fasa 1 bermula daripada 2025-2027 dengan memfokuskan kepada pengukuhan asas penggunaan digital, manakala Fasa 2 bermula daripada 2028-2030 dengan memfokuskan kepada menjadi peneraju transformasi digital secara inklusif. Inklusif adalah salah satu prinsip utama dalam RTEDT di mana ia bertujuan untuk memastikan tiada seorang pun rakyat Negeri Terengganu yang terpinggir kesan daripada pendigitalan termasuklah golongan luar bandar, petani, pekerja gig, pelajar, rentan dan banyak lagi.
3. Sungguhpun begitu, penerimaan teknologi digital adalah sesuatu yang baharu dan memerlukan kepada komitmen bersepadu dan berterusan daripada semua pihak. Justeru, Masyarakat dan Bakat Digital (Teras 3) memfokuskan kepada strategi dan inisiatif untuk mewujudkan masyarakat digital yang inklusif dan membina bakat digital yang kompeten seperti Program

Latihan dan Pembangunan Literasi Digital, Kemahiran Digital, AI, Kepimpinan Ekonomi Digital, Kepimpinan Digital Islamik, Usahawan Digital dan banyak lagi. Dalam hal ini, TAJDID akan memainkan peranan penting sebagai koordinator dalam pelaksanaan program-program yang dirancang.

4. Penggunaan teknologi dalam ternakan seperti Peranian beradas (AI) juga perlu diperluaskan bagi meningkatkan populasi ternakan dalam negeri. AI ini telah dilaksanakan dimana seramai 30 orang jurusantik telah menjalankan peranian beradas terhadap baka lembu terpilih seperti lembu Charolais, Limousine, Belgian Blue, dengan penghasilan anak lembu sado pada tahun 2024 ialah 2296 ekor, 2023 ialah 2005 ekor dan 2022 ialah 2112 ekor. Selain itu, ternakan baka akan didaftarkan dengan teknologi terkini melalui sistem e-Baka di mana sebanyak 75 ekor telah didaftar sehingga 2025.
5. Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) telah mentransformasi sektor agromakanan yang mapan, berdaya saing dan berteknologi tinggi serta dapat memacu pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Golongan muda diharap menyokong usaha kerajaan dengan membawa teknologi moden seperti Internet benda (IoT), teknologi pendigitalan, teknologi mekanisasi dan automasi ke dalam sektor agromakanan pada era Revolusi Industri Keempat (IR 4.0). Teknologi ini dapat melonjakkan sektor agromakanan ke suatu dimensi yang lebih kompetitif, efektif dan berdaya saing dari permulaan aktiviti pengeluaran, lepas tuai, pemborongan, peruncitan serta pengedaran agar sektor ini berkembang lebih pantas dan mampu

memberi pulangan lumayan kepada golongan sasaran.

SOALAN 4 : Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mempercepat pembinaan rumah mampu milik bagi golongan B40 dan M40 di kawasan Bukit Besi, khususnya bagi mereka yang masih belum memiliki rumah sendiri?

JAWAPAN : Bagi kawasan Bukit Besi, Kerajaan Negeri berusaha untuk menyediakan rumah mampu milik bagi golongan B40 dan M40. Walau bagaimanapun, cadangan tapak/ kawasan perumahan di peringkat daerah diperlukan.

Inisiatif Kerajaan Negeri untuk mempercepat pembinaan rumah mampu milik bagi golongan B40 dan M40 di kawasan Bukit Besi, khususnya bagi mereka yang masih belum memiliki rumah sendiri, adalah dengan meminta cadangan kawasan pembangunan daripada pihak pentadbiran di peringkat daerah.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengarahkan agar perincian cadangan tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) bagi tujuan mengusulkan peruntukan yang bersesuaian serta mengenal pasti tapak yang berpotensi untuk dibangunkan.

SOALAN 5 : Adakah Kerajaan Negeri bercadang menyediakan Tabung Khas/Skim Kewangan untuk memiliki rumah sendiri terutamanya kepada kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) & i-MiTS?

JAWAPAN : Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan Tabung Khas atau Skim Kewangan khusus kepada kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) dan i-

MITS. Ini kerana, skim perumahan Rumah Mampu Milik (RMM) yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada masa kini, telah merangkumi semua golongan rakyat Negeri Terengganu yang layak untuk memiliki rumah sendiri.

Skim ini terbuka kepada semua rakyat Terengganu, termasuk kakitangan PKM dan i-MITS, tertakluk kepada syarat serta kelayakan yang telah ditetapkan. Selain itu, penjawat awam juga layak memohon di bawah kategori tertentu, termasuklah penjawat awam berstatus tetap, sementara, kontrak, adhoc dan sambilan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS (BAJET)
PADA 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2025

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.17

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT Dr. TENGKU MUHAMAD FAKHRUDDIN BIN
TENGKU MD FAUZI
ADUN SURIA

SOALAN 1 : Apakah bentuk dan jumlah hasil yang telah diperoleh oleh Kerajaan Negeri Terengganu daripada projek-projek pelaburan yang dilaksanakan di negeri ini bagi tempoh tahun 2018 hingga kini, termasuk pecahan mengikut sektor atau agensi pelaksana?

JAWAPAN : Sejak tahun 2018, Kerajaan Negeri Terengganu melalui pelbagai agensi serta anak syarikat milik negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif pelaburan yang dirancang secara berfokus bagi memperkukuh asas ekonomi negeri serta meningkatkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI).

Tumpuan utama diberikan kepada sektor-sektor bernilai tinggi seperti **minyak dan gas, teknologi hijau, bioteknologi**, serta **sumber mineral nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE)** yang berpotensi besar menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Usaha ini dilaksanakan seiring dengan **aspirasi Peralihan Tenaga Negara (NETR)** dan selaras dengan dasar utama negeri seperti **Dasar Pelaburan dan Perindustrian Terengganu 2023–2030** serta **Pelan Induk Teknologi Hijau Terengganu (PITIH 2030)** yang menjadi panduan ke arah pembangunan ekonomi berteraskan **kelestarian dan inovasi hijau**.

Sepanjang tempoh antara **tahun 2018 hingga Jun 2025**, Kerajaan Negeri telah berjaya menarik sebanyak **70 projek pelaburan dalam sektor pembuatan** dan **54 projek dalam sektor perkhidmatan**, dengan nilai keseluruhan pelaburan yang dianggarkan melebihi **RM21.3 bilion**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM18.895 bilion** merupakan **pelaburan langsung asing (FDI)**, manakala selebihnya datang daripada **pelaburan domestik (DDI)**. Pelaburan-pelaburan ini telah membuka lebih **12,815 peluang pekerjaan baharu**, sekaligus merencanakan pembangunan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi rakyat di Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah inisiatif atau program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu ahli keluarga, khususnya isteri dan anak-anak, yang terjejas akibat penglibatan suami atau ahli keluarga dalam penyalahgunaan dadah yang menyebabkan masalah rumah tangga dan pengabaian nafkah?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa prihatin terhadap kebajikan ahli keluarga, khususnya isteri dan anak-anak yang terjejas akibat penglibatan suami atau ahli keluarga dalam penyalahgunaan dadah yang membawa kepada masalah rumah tangga dan pengabaian nafkah.

Antara inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti berikut:

1. **Bantuan Kewangan Bulanan**

JKM menyalurkan bantuan kewangan bulanan melalui pelbagai skim bantuan seperti Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Am dan Bantuan Warga Emas (BWE) kepada keluarga yang kehilangan sumber pendapatan atau diabaikan nafkah akibat penglibatan ketua keluarga dalam penyalahgunaan dadah. Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban sara hidup isi rumah serta memastikan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan anak-anak terus terjamin.

2. **Perkhidmatan Kaunseling dan Sokongan Psikologi**

JKM melalui Pegawai Kaunselor/ Pegawai Psikologi menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada isteri, anak-anak serta ahli keluarga yang terjejas. Sesi

kaunseling dan terapi ini membantu mereka mengurus tekanan emosi, konflik rumah tangga dan trauma akibat ketagihan dalam keluarga. Selain itu, program sokongan psikososial dan terapi keluarga turut dijalankan dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkukuh kesejahteraan keluarga.

3. **Program Pemerkasaan Ekonomi dan Keusahawanan**

Bagi isteri atau ibu tunggal yang menjadi ketua isi rumah disebabkan pengabaian nafkah, JKM melaksanakan program Pemerkasaan Ekonomi melalui pemberian Geran Pelancaran dan 2 Years Exit Programme (2YEP). Bantuan ini bertujuan membantu mereka memulakan aktiviti ekonomi kecil seperti menjahit, memasak, berniaga makanan, atau kraftangan bagi menjana pendapatan sendiri. Peserta juga diberi pendedahan dan latihan dalam bidang kemahiran asas, keusahawanan serta pengurusan kewangan.

4. **Intervensi Keluarga dan Perlindungan Kanak-Kanak**

Sekiranya berlaku pengabaian atau penganiayaan terhadap anak-anak akibat masalah penagihan dalam keluarga, tindakan intervensi akan diambil di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) bagi memastikan keselamatan dan kebajikan mereka terpelihara. Antara langkah yang dilaksanakan termasuk penempatan sementara kanak-kanak di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai (OYLS). Sekiranya OYLS tidak dapat dicari, kanak-kanak boleh dimasukkan ke institusi kebajikan yang bersesuaian, sementara ibu bapa melalui proses pemulihan dan kaunseling.

5. **Jaringan Kerjasama Antara Agensi**

JKM turut menjalin kerjasama strategik dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pejabat Agama Islam Daerah, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) setempat. Melalui jaringan ini, pelbagai program advokasi, kesedaran sosial, pemulihan keluarga serta kursus kekeluargaan dilaksanakan bagi memperkukuh daya tahan keluarga terhadap risiko sosial akibat penyalahgunaan dadah.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan terus memperkukuh pelaksanaan program dan intervensi bersepadu yang menumpukan kepada aspek perlindungan, pemulihan dan pemerkasaan agar keluarga yang terjejas akibat penyalahgunaan dadah dapat dibantu secara holistik dan berdaya saing untuk membina semula kehidupan yang sejahtera.

YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU (YPKT)

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu sentiasa melaksanakan program-program yang bertujuan mengukuhkan intitusi keluarga dinegeri Terengganu. Program-program pasca perkahwinan merupakan inisiatif yang diambil bagi menyelesaikan diperingkat awal dalam usaha menyelesaikan isu-isu masalah rumahtangga dan pengabaian nafkah. Antara program pasca perkahwinan yang diadakan ialah:

1. **Pasca Perkahwinan 2nd Honeymoon.**

Program ini diadakan secara bermalam selama 3h2malam khusus kepada pasangan-pasangan yang

bermasalah dalam tempoh 5 tahun usia perkahwinan. Peserta program dikenalpasti melalui kerjasama dengan Pejabat Agama. Pendekatan program secara santai namun berfokus kepada usaha untuk meningkatkan kualiti hidup berkeluarga rakyat Terengganu melalui kaedah pengukuhan hubungan kasih sayang.

2. **Program Pasca Perkahwinan Bicara Keluarga Jannah.**

Program ini merupakan program separuh hari dan kehadiran secara berpasangan dimana kumpulan sasar adalah pejawat awan dan serta pasangan bekerjaya. Objektif program ialah memberi pendedahan terkini dan tepat kepada ibubapa bekerja dalam keluarga muslim mengikut ajaran islam berkenaan cara dan kaedah menerajui institusi keluarga.

3. **Program Pasca Perkahwinan Sehati Sejiwa.**

Program ini merupakan program separuh hari dimana kumpulan sasar ialah ahli – ahli komuniti dan pasangan yang usia perkahwinan 6 tahun keatas. Objektif program memberi kesedaran dan motivasi tentang peranan ibubapa sebenar bagi mewujudkan keluarga Bahagia.

Bagi membendung masalah – masalah sosial di kalangan remaja dan belia pihak YPKT juga telah mengambil inisiatif mengadakan program-program pencegahan awal dalam usaha memberi kesedaran kepada golongan ini tentang bahaya isu -isu gejala sosial dan meningkatkan potensi remaja dan belia/beliawanis rakyat negeri Terengganu. Antara program-program yang diadakan ialah:

1. **Program Fityah Terengganu (FATEH) "Taklif"**

Program ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dimana Kumpulan sasar ialah pelajar tingkatan3 bersama ibubapa. Ojektif program

bertujuan menanam kesedaran kepada anak-anak yang memikul tanggungjawab sepenuhnya dari segi dosa pahala, halal haram selepas mencapai umur baligh.

2. **Program Generasi Islah Falah Terengganu (GIFT) Ingatlah Sayang.**

Program ini diadakan dengan kerjasama Kaunselor Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Kumpulan sasar ialah kepada pelajar Tingkatan 1 di semua 152 buah sekolah menengah di Negeri Terengganu. Objektif program bertujuan memberi kesedaran dan langkah pencegahan dalam membendung isu dan kesan gejala sosial seperti buli, dadah dan alkohol, vape, merokok, pergaulan bebas, ponteng sekolah dan lain-lain.

3. **Program Generasi Islah Falah Terengganu (GIFT) Super Syabab.**

Program ini diadakan khusus kepada golongan belia/beliawanis dinegeri Terengganu. Objektif program ialah bagi membangun potensi diri sebagai khalifah dari aspek mental, emosi, fizikal dan sosial secara bersepadu.

Program-program yang diadakan ini telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada peserta dan memenuhi kumpulan sasar yang dikehendaki. Ianya sekaligus mampu memberi nilai tambah kepada mereka dalam aspek pengukuhan keluarga dan jati diri anak-anak dan meningkatkan kualiti hidup berkeluarga yang lebih cemerlang.

SOALAN 3 : Bagaimanakah aktiviti perlombongan unsur nadir bumi (REE) di Negeri Terengganu dapat dimanfaatkan secara optimum bagi menjana hasil ekonomi maksimum kepada Kerajaan Negeri dan rakyat?

JAWAPAN : Aktiviti perlombongan Unsur Nadir Bumi (REE) di Negeri Terengganu dapat dimanfaatkan secara optimum bagi menjana hasil ekonomi maksimum kepada Kerajaan Negeri dan rakyat adalah melalui penerokaan sumber baharu NR-REE dengan memberi kelulusan baharu Lesen Mencarigali dan Lesen Memfosik kepada Mentri Besar Trengganu Incorporated (MBI) dan Permint Granite Sdn. Bhd. (PGSB). Melalui langkah awal kelulusan tersebut, penggerak projek dapat membuat kerja-kerja awalan untuk mengenalpasti potensi kandungan NR-REE di sesuatu kawasan sebelum kerja-kerja perlombongan dapat dijalankan.